

**PERJUANGAN WANITA DALAM AKTIVISME SOSIAL
DAN NASIONALISME DI TANAH MELAYU, 1929-1957**

RUHANA PADZIL

**RANCANGAN PENGAJIAN GENDER
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

2017

**PERJUANGAN WANITA DALAM AKTIVISME SOSIAL
DAN NASIONALISME DI TANAH MELAYU, 1929-1957**

RUHANA PADZIL

**Tesis Yang Dikemukakan kepada Fakulti Sastera dan Sains
Sosial, Universiti Malaya bagi Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: RUHANA PADZIL

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 080049

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Tesis: PERJUANGAN WANITA DALAM AKTIVISME SOSIAL DAN NASIONALISME DI TANAH MELAYU, 1929-1957

Bidang Penyelidikan: GENDER DAN SEJARAH POLITIK MALAYSIA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengetengahkan sejarah aktivisme wanita sebelum kemerdekaan Tanah Melayu antara tahun 1929-1957 dengan menggunakan perspektif feminis. Penyelidikan sejarah telah diterima pakai sebagai pendekatan utama dalam kajian ini. Kajian di perpustakaan dan penyelidikan arkib telah digunakan untuk kajian dan analisis sumber utama yang terdiri daripada dokumen, laporan kerajaan, laporan khas, fail kerajaan, transkrip temu bual, akhbar dan makalah dilakukan. Kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mendedahkan perjuangan politik wanita melalui aktivisme sosial dan nasionalisme di Tanah Melayu. Kajian ini juga menganalisis perjuangan aktivisme sosial sebagai reformis wanita dan peranan buruh wanita menentang eksplorasi dan diskriminasi golongan pemodal sehingga menyumbang kepada kebangkitan sentimen antipenjajah dan semangat nasionalisme. Kesedaran politik ini dapat dilihat melalui penglibatan wanita dalam politik formal di Tanah Melayu sama ada terlibat dalam politik haluan kanan dan politik haluan kiri untuk menentang penjajahan British. Dalam aktivisme sosial, perjuangan memperkenalkan pendidikan kepada masyarakat merupakan bentuk reformasi awal ke arah membentuk masyarakat moden. Kajian ini menunjukkan semangat feminism dalam kalangan wanita di Tanah Melayu telah wujud sebelum merdeka melalui aktivisme sosial dan perjuangan politik yang terutamanya melalui analisis tentang kedudukan serta status wanita, penggunaan penulisan kreatif dalam akhbar dan majalah dalam mananamkan kesedaran serta perjuangan aktivisme buruh untuk menuntut keadilan. Hasil kajian mendapati bahawa aktivis wanita menggunakan identiti mereka sebagai ibu dan menggunakan pendekatan pemikiran maternal untuk terlibat dalam aktivitisme sosial dan politik. Strategi ini membenarkan mereka untuk mengambil tanggungjawab sebagai pemimpin dan advokat untuk masyarakat. Selain itu

ia membolehkan mereka berintegrasi dan berunding dalam sistem patriarki. Malah, sesetengah wanita dari parti politik berhaluan kiri mempunyai keyakinan, keberanian dan kesanggupan untuk menjadi militan dalam memerangi imperialisme. Wanita Melayu, Cina dan India di Tanah Melayu berjuang dan menentang ketidakadilan dan eksplotasi buruh yang akhirnya menyumbang kepada sentimen antipenjajah. Kajian ini juga menemukan bahawa penglibatan wanita dalam aktivisme sosial telah membawa kepada kemunculan pemimpin wanita dalam perjuangan politik haluan kanan dan haluan kiri, yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Bagaimanapun, misi nasionalisme dan feminism di Tanah Melayu bertindih dan tidak dapat disempurnakan secara serentak. Proses kerjasama dan kompromi telah berlangsung antara aktivis politik wanita dan aktivis politik lelaki dalam mencapai agenda memerdekakan Tanah Melayu.

ABSTRACT

The central focus of this research is to highlight the history of women's activism before Malayan independence, between the years 1929-1957 using a feminist perspective. Historical research was adopted as the main approach in this study. Library and archival research was utilized for review and analysis of primary sources which range from documents, government reports, special reports, government files, interview transcripts, magazines, and newspapers. Interview method was also employed in this study. The main objective of this study was to reveal the development of feminist sentiments through social activism and nationalism in Malaya. The study also analyzed the struggle of women as labor against exploitation and discrimination which contributed to the rise of anti-colonial sentiments and nationalism. In addition, it also analyzed the participation of women in both the political right-wing and left-wing struggle against British colonial rule. An awareness that education is the key to creating a modern society, led these women activists to mobilize women to participate in social and political activism towards encouraging female education which was ideologically used to empower Malay women to discard practices that subordinated them which was also nationalist in sentiments. In addition, the study shows the emergence of feminist sentiments among women in Malaya before independence through social activism and nationalism which can be observed in the domains of journalism, creative writing in magazines and newspapers and in labor activism. The feminist sentiment can be discerned from the women's movement's call for female education and in the move to discard practices that subordinated women such as forced marriage, polygamy and etc. This study found that women activists used their identity as mothers and employed the maternal thinking approach to be involved in social and political activism. This strategy allowed for them to take on the responsibility as leaders and advocates for the community. Besides that it allowed them to negotiate with patriarchy for a more public presence in the political domain both formal and informal.

Some women from the left wing political party had the confidence, courage and willingness to become militants in the fight against imperialism. Furthermore, Malay Chinese and Indian women struggled and fought against the injustice and exploitation of labor in Malaya which gave rise to anti-colonial sentiments. The labor movement in Malaya eventually led to the rise of labor power that ultimately contributed to the nationalist struggle in Malaya. In addition, the study found that women's involvement in social activism gave rise to the emergence of female leaders in both the right and left wing politics, who struggled for the independence of Malaya. The experiences and the voices of these women are included in this study. In addition, most women political activists assume their experiences as women, mothers and their marginalization in the domestic realm as a major impetus for their involvement in activism and politics to become agents of change in their society which contributed to their nationalist and anti-colonial actions for an independent Malaya.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa syukur kepada Allah swt kerana memberikan kekuatan dan rahmat untuk menyudahkan kajian ini. Penghargaan ini juga dirakamkan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua pihak di Universiti Malaya yang telah meluluskan cuti belajar bergaji penuh kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Ucapan terimakasih juga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sokongan, dorongan secara moral dan akademik untuk saya menyiapkan kajian ini. Saya ingin mengucapkan terimakasih kepada semua pihak Fakulti Sastera dan Sains Sosial serta Rancangan Pengajian Gender kerana memberikan ruang dan kemudahan kepada saya di saat saya memerlukan sokongan dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Ucapan terimakasih dihulurkan kepada kedua-dua penyelia saya, Prof. Madya Dr. Shanthi Thambiah dan Dr. Arbaiyah Mohd. Noor kerana memberikan bimbingan serta berkongsi idea bernas dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Terimakasih di atas kritikan dan cadangan membina sehingga terhasilnya tesis ini. Komitmen dan kesabaran mereka berdua dalam saya menyiapkan hasil tulisan amat saya hargai. Rasa terimakasih yang tidak terhingga dihulurkan kepada Dato' Dr Shahril Talib yang memberikan galakan dan berkongsi pengetahuan tentang sejarah kolonial.

Saya juga menghulurkan penghargaan dan terimakasih yang tidak terhingga kepada semua informan-informan yang saya temubual dan melayan saya dengan baik sekali semasa temubual berjalan. Kajian ini tidak akan berhasil tanpa cerita dan perkongsian mereka tentang perjuangan, cita-cita dan harapan untuk generasi muda untuk menghargai erti perjuangan kemerdekaan. Pertemuan dan saat mengadakan temubual bersama mereka merupakan fasa-fasa yang penting yang amat bernilai dan menggembirakan dalam membantu menyiapkan tesis ini. Kesudian informan-informan saya seperti Allahyarhamah Dato' Fatimah Abdul Majid di Johor Bharu Allahyarhamah Nurul Kamar Yassin, Kuala Lumpur, Emak (De), Uda Anang di Marang, Ee Chen, Sarjan Chan, Hua San dan Nee Pha, Uncle Anuwat, Encik Ismail Sareh, di Betong, Yala, Thailand Uncle Aa An dan isteri, Encik Aziz Suriani di Tambun, Ipoh dan keluarga, Encik Yaacob Ibrahim dan keluarga, keluarga besar Abdullah C.D dan keluarga di Sukirin, Yala yang berkongsi cerita dan pengalaman yang penuh suka-duka yang penuh bermakna sewaktu terlibat dalam aktivisme dan perjuangan politik semasa dan setelah merdeka tidak dapat saya ungkapkan dengan kata-kata. Kata perangsang dan semangat yang dibekalkan kepada saya sepanjang temubual berjalan amat saya hargai dan hanya Allah jua yang dapat membalas jasa dan kebaikan mereka kerana membantu menjayakan kajian ini. Walaupun terdapat cerita yang tidak dapat diperpanjangkan kerana waktunya yang terhad semoga kajian ini dapat diteruskan untuk memberikan semula suara dan penglibatan wanita dalam perjuangan kemerdekaan tanah air.

Rasa penghargaan ini juga ditujukan buat semua kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, kakitangan Arkib Negara, kakitangan Arkib Negara cawangan Kelantan, Puan Lailan Macfrida Nurdin daripada Yayasan Johor yang memberikan bantuan semasa pencarian dan memperolehi data-data tertentu bagi menjayakan kajian ini.

Rasa terimakasih dikalungkan untuk semua ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan moral daripada awal sehingga berakhirnya kajian ini. Untuk semua rakan-rakan terutamanya Nisyaq, Kay, Uli, Uni Iman, maimuna, Nazli, Ichiro, Ramli, Merce yang sentiasa dan pernah memberi perangsang dan bantuan dalam menjayakan kajian ini. Akhir kata, kepada semua pelajar-pelajar saya yang menjadikan perangsang untuk menyiapkan kajian ini. Kepada semua semoga berjaya dan sentiasa dalam keredaan Allah.

Terimakasih.

18 Ogos 2016

KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN DAFTAR KATA	xiv
BAB SATU PENGENALAN	1-33
Pendahuluan	1
Penyataan Masalah	3
Kajian Terdahulu: Konteks dan Konsep	5
Objektif Kajian	26
Skop Kajian	27
Kepentingan Kajian	28
Struktur Tesis	29
BAB DUA RANGKAKERJA TEORITIKAL: FEMINISME DUNIA KETIGA, NASIONALISME DAN WANITA DALAM POLITIK	34-71
Pendahuluan	34
Teori Feminis Dunia Ketiga	38
Teori Politik Mengikut Perspektif Feminis	53
Personal Adalah Politikal	62
Pemikiran Maternal	64
Kesimpulan	70

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN**72-89**

Pendahuluan	72
Proses Pemilihan Teknik Kajian	74
Proses Pencarian Data dan Rekod Rasmi di Arkib Negara	75
Rekod-Rekod Pejabat Kolonial	75
Surat Khabar dan Majalah	78
Sejarah Lisan	79
Persediaan Sebelum Temubual	83
Temubual	85
Memoir dan Biografi Tokoh-tokoh Wanita	87
Cabarani Kerja Lapangan	88

BAB EMPAT**PERKEMBANGAN AKTIVISME WANITA DAN KESEDARAN FEMINISME 90-190**

Pendahuluan	90
Latar-belakang dan Perkembangan Awal Aktivisme Wanita	91
Aktivisme Wanita Melayu	97
Feminisme dan Emansipasi Wanita Melayu	97
Bentuk Aktivisme dan Agenda Perjuangan Wanita Melayu	113
Pendidikan dan Pembentukan Sekolah Perempuan	113
Penubuhan Pergerakan Wanita dan Cawangan Wanita	129
Jurnalisme dan Penulisan Mengenai Wanita	136
Penglibatan Wanita dalam Pekerjaan dan Politik	145
Wanita Cina dan Aktivisme	150
Aktivisme Awal dan Kesedaran Emansipasi Wanita Cina	151

Pendidikan dan Pembentukan Sekolah Perempuan Cina	154
Aktivisme Sosial Pegerakan Wanita	164
Jurnalisme dan Penulisan dalam Akhbar Cina	173
Isu Wanita Cina dalam Pekerjaan	180
Imigran Wanita India	182
Pendidikan Wanita India	183
Wanita India dan Aktivisme	185
Penulisan Mengenai Masyarakat India	186
Wanita India dan Pekerjaan	187
Kesimpulan	188
BAB LIMA AKTIVISME WANITA DALAM PERJUANGAN BURUH	191-267
Pendahuluan	191
Sejarah Kemasukan Buruh Imigran Cina dan India	192
Sumbangan Imigran Wanita dalam Ekonomi	204
Penglibatan Wanita dalam Aktivisme Buruh	221
Perkembangan Semangat Nasionalisme Wanita dan Pergerakan Buruh	239
Semangat Nasionalisme Wanita dalam Pergerakan Buruh	252
Kesimpulan	264
BAB ENAM WANITA DALAM PERGERAKAN POLITIK DAN NASIONALISME	268-319
Pendahuluan	268
Wanita dan Kesedaran Politik Semasa Perang Dunia Kedua	270
Wanita dan Pergerakan Nasionalisme Selepas Perang Dunia Kedua	279
Perjuangan Wanita dalam Politik Haluan Kiri	280

Perjuangan Wanita Melayu dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS)	280
AWAS dan Persekutuan Wanita dalam Perikatan PUTERA-AMCJA	289
Penglibatan Wanita dalam Parti Komunis Malaya (PKM)	292
Perjuangan Wanita dalam Politik Haluan Kanan	301
Kaum Ibu UMNO	
Wanita dalam <i>Malayan Chinese Association</i> (MCA) dan <i>Malayan Indian Congress</i> (MIC)	316
Kesimpulan	317
BAB TUJUH KESIMPULAN	320-330
BIBLIOGRAFI	331-370

Senarai Jadual

- Jadual 4.1 Jumlah Sekolah, Pelajar dan Guru Aliran Cina di Tanah Melayu, 1924-1938
- Jadual 4.2 Jumlah Sekolah, Pelajar dan Guru Aliran Cina di Tanah Melayu, 1946-1957
- Jadual 4.3 Akhbar-Akhbar Berbahasa Cina di Tanah Melayu
- Jadual 5.1 Perbandingan Kadar Upah antara Buruh Ladang Getah Lelaki dan Buruh Wanita India, 1915-1941
- Jadual 5.2 Kadar Perbezaan Upah antara Buruh Wanita dan Buruh Lelaki India dan Cina dalam Sektor Perladangan Getah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1925-1931
- Jadual 5.3 Kadar Perbezaan Upah Di antara Buruh Wanita dan Buruh Lelaki di Sektor Perladangan Getah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1933

SENARAI SINGKATAN

AEBUS	Anti-Enemy Backing-Up Society
AMCJA	All-Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani Se-Malaya
BMA	British Military Administration
CIAM	Central Indian Association of Malaya
DCL	Department, Commissioner of Labour
FMS	Federated Malay States
FTUs	Federations of Trade Union
GERAM	Gerakan Angkatan Muda Malaya
GFS	Girl's Friendly Society
GLU	General Labour Union
HIMWIM	Himpunan Wanita Indonesia-Malaya
IIL	Indian Independence League
JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
INA	Indian Nationalist Army
KMT	Kuomintang
MCA	Malayan Chinese Association
MDU	Malayan Democratic Union
MLA	Malay Ladies Association
MWTC	Malay Women's Training College
MWTU	Malay Women Teachers' Union
MIC	Malayan Indian Congress
MGLU	Malayan General Labour Union
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MRCA	Malayan Reconstruction Co-operative Association
MTUC	Malayan Trade Union Congress
NGLU	Nanyang General Labour Union
NLAM	National Liberation Army of Malaya
PAS	Parti Islam Se-Malaya
PERMAS	Persatuan Melayu Semenanjung
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan-Malayan Federation Trade Union
PMLP	Pan-Malayan Labour Party
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RC	Resident Commissioner
SPFE	The Society for Promoting Female Education
SSF	Selangor Secretariat Files
SSG	Selangor Secretariat, General
SS	Straits Settlements
UMNO	United Malay National Organisation
UPAM	United Planting Association of Malaya
WFTU	World Federation of Trade Union
YWCA	Young Women's Christian Association

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini menganalisis bentuk penglibatan wanita dalam aktivisme sosial dan pergerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Ia membincangkan penglibatan wanita dalam kedua-dua bentuk politik formal dan tidak formal dalam gerakan pembaharuan dan emansipasi wanita. Penglibatan wanita dalam politik formal dan tidak formal menunjukkan kesedaran mereka bermula dengan pengalaman mereka sebagai wanita di negara yang dijajah dan objektif perjuangan mereka berbeza dengan perjuangan wanita Barat.

Pada peringkat awal, aktivis wanita di Tanah Melayu hanya terlibat dalam aktivisme sosial yang menuntut kesedaran pendidikan untuk wanita, mengubah pemikiran masyarakat dengan mengkritik adat tradisi yang memundurkan wanita. Selain itu aktivisme wanita juga bermula dengan penglibatan wanita dalam pergerakan buruh yang dilancarkan oleh imigran wanita Cina bagi menentang eksloitasi pekerja, kadar upah yang rendah, isu gangguan dan pencabulan seks pekerja, ketagihan todi dan candu. Aktivis wanita di Tanah Melayu menggelar diri mereka sebagai wanita baru yang berani menuntut perubahan dalam masyarakat. Aktivisme sosial ‘wanita baru’ mula mengkritik kemunduran masyarakat yang tidak mendapat pendidikan, mengkritik pemikiran dan budaya yang mundur serta kurang semangat cintakan tanah air dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, pendedahan kepada perjuangan nasionalisme di Indonesia, Turki, Mesir, China dan India telah melahirkan semangat untuk menentang penjajahan British di Tanah Melayu. Walaupun perjuangan nasionalisme ketika itu

masih berkiblatkan kepada kepentingan negara asal namun perjuangan tersebut akhirnya bertukar kepada berjuang mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu setelah Perang Dunia Kedua berakhir.

Beberapa peristiwa seperti kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku antara tahun 1930-1935, Pendudukan Jepun, Hartal, serangan Bintang Tiga dan berlakunya siri penangkapan ke atas aktivis politik lelaki dan wanita di Tanah Melayu, telah membawa kepada solidariti dalam kalangan aktivis politik antara kaum untuk menuntut hak rakyat dan kemerdekaan daripada British. Aktivis wanita dan lelaki dalam pergerakan buruh juga tidak ketinggalan terlibat dalam politik nasional demi mempertahankan hak-hak buruh dan rakyat Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum ketika itu. Pembentukan pergerakan wanita, kesatuan buruh dan partisipasi dalam perjuangan anti penjajah telah memberikan kesedaran baru kepada wanita tentang peranan dan status mereka dalam masyarakat. Pengalaman ini telah menyebabkan peranan wanita berubah, jika selama ini wanita masih terikat dengan kongkongan adat tradisi lama namun kesedaran semakin meningkat untuk bergiat dengan aktif dalam aktivisme sosial dan politik nasionalisme. Wanita-wanita ini telah menulis untuk menyampaikan aspirasi mereka melalui penulisan artikel, syair, sajak, gurindam dan lagu-lagu patriotik. Malah, pementasan bangsawan serta drama telah digunakan sebagai propaganda nasionalis untuk memberikan semangat kepada masyarakat. Aktivis-aktivis wanita turut terlibat dalam menuntut keadilan untuk buruh, mengajar di sekolah malam, sekolah politik dan merancang strategi untuk menjayakan tuntutan buruh. Mereka juga terlibat secara langsung dalam aktiviti demonstrasi serta mogok sebagai kaedah menuntut keadilan buruh setelah jalan perundingan melalui jalan buntu atau ditolak oleh pihak majikan. Aktivis buruh ini pernah dipenjara, diseksa atau dihantar pulang ke negara asal kerana dianggap terlibat dalam aktiviti yang menjelaskan kestabilan British di Tanah Melayu. Sumbangan-sumbangan ini membuktikan kesedaran nasionalisme dan penglibatan

secara langsung dalam gerakan antipenjajah telah wujud di Tanah Melayu (Ng & Maznah Mohamed, 1989; Rohana Ariffin, 1999; Thapar, 1993).

Penglibatan wanita dalam aktivisme dan pergerakan nasionalisme ini membuktikan bahawa perjuangan mereka dalam politik bukan untuk mendapatkan kesaksamaan hak seperti yang terjadi di Barat tetapi berjuang bersama-sama demi kemajuan bangsa dan memerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan. Bibit-bibit kesedaran wanita dalam politik ketika itu juga berhubungan dengan elemen *personal self-realization* atau kesedaran emansipasi sosial ketika itu (Rowbotham, 1992; Jayawardena, 1986). Semasa penjajahan British dan pendudukan Jepun, Tanah Melayu telah melahirkan ramai aktivis wanita yang berwibawa. Aktivis wanita ini seperti aktivis lelaki turut menyumbang jasa untuk mencabar penjajah sama ada melalui politik formal dan perjuangan militan. Walaupun terdapat kekangan budaya dan tentangan daripada keluarga namun sumbangan mereka tetap terpahat dan penting dalam mencorak sejarah tanah air.

1.2 Pernyataan Masalah

Era penjajahan British dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah melahirkan ramai aktivis wanita yang berjuang untuk menyedarkan wanita tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai wanita. Aktivis wanita turut berjuang dan menyumbang jasa mereka bersama-sama aktivis dan nasionalis lelaki untuk mencabar British melalui penglibatan awal mereka dalam parti politik formal dan perjuangan militan. Sebagai contoh sumbangan mereka dalam Parti Komunis Malaya (PKM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Barisan Tani Malaya (BATAS), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan *United Malays National Organisation* (UMNO) tidak dapat dinafikan. Walaupun peranan wanita dalam politik ketika itu berdepan dengan pelbagai cabaran

terutama menerima kritikan keras daripada golongan konservatif, tetapi hak wanita tetap diperjuangkan untuk mengubah ketidaksetaraan gender dalam politik ketika itu. Kajian ini berhasrat untuk mengangkatkan semula sejarah wanita dengan mengiktiraf peranan wanita sebagai agen yang aktif dalam aktiviti sosial, ekonomi dan politik seiring dengan aktivis politik lelaki dalam usaha mencerahkan pemikiran rakyat dan membebaskan negara daripada penjajahan. Kajian ini juga merupakan inspirasi pengkaji untuk meneruskan kajian yang berkaitan dengan politik akar umbi dan juga memahami pelbagai bentuk perjuangan wanita sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957

Kebanyakan penulisan sejarah nasionalisme di Tanah Melayu berkait dengan kejayaan dan sumbangan golongan elit dan lelaki. Justeru itu kajian ini memberi suara dan peluang kepada peluang kepada pelbagai aktivis-aktivis wanita dan golongan terpinggir seperti aktivis politik wanita yang memilih haluan kiri dan buruh wanita diketengahkan dalam sejarah nasionalisme Tanah Melayu. Kajian ini dilakukan setelah menyedari bahawa kurangnya kajian mengenai sejarah politik wanita yang ditulis berdasarkan pengalaman empirikal wanita yang menggunakan lensa feminis. Kajian ini mengambil kira bahawa semua bentuk agenda dan penentangan terhadap dominasi penjajahan sama ada dalam bentuk politik formal dan tidak formal (aktivisme sosial) serta penglibatan wanita dalam politik haluan kanan atau haluan kiri telah memberi sumbangan besar kepada kemerdekaan Tanah Melayu.

Perjuangan kemerdekaan juga harus dilihat dengan menggunakan perspektif yang menyeluruh. Kebanyakan kajian sebelum ini hanya melihat pergerakan nasionalisme hanya melalui satu aspek ideologi sahaja, sama ada melihat aspek haluan kanan atau aspek haluan kiri. Sedangkan perjuangan kemerdekaan harus dilihat daripada kedua-dua ideologi kerana situasi inilah yang menyebabkan kedudukan penjajahan British di Tanah Melayu tergugat. Malah, kehadiran tekanan politik daripada

parti politik bersifat sederhana dan parti politik radikal ini telah berjaya memberi tekanan kepada pihak British untuk memilih sama ada untuk bekerjasama dengan salah satu parti politik sebelum memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Kajian Terdahulu

1.3.1 Wanita Dalam Sejarah

Mahani Musa (2005) dalam tesis Phd beliau telah membincangkan secara terperinci mengenai peranan dan aktiviti wanita Kedah dalam aspek sosial dan ekonomi. Beliau mengetengahkan wanita di Kedah telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan sosio-ekonomi negeri tersebut. Penglibatan wanita-wanita di Kedah dalam bidang ekonomi amat penting malah telah menguasai beberapa sektor seperti sektor harta tanah dan sektor pertanian Aktivis wanita Kedah terutamanya guru-guru wanita telah berusaha keras untuk memajukan wanita, termasuk menggalakkan mereka berkecimpung dalam aktiviti ekonomi. Wazir Jahan Karim (1992) pula membincangkan peranan dan hak wanita Melayu serta bagaimana kehidupan wanita Melayu masih dalam acuan adat dan budaya mereka. Manakala Andaya (2007), menganalisis sejarah wanita di Asia Tenggara yang secara budaya telah mempraktikkan kesetaraan gender dalam masyarakat Melayu. Sejarah wanita di Asia Tenggara telah menarik perhatian beberapa sarjana Barat dan penulisan feminis yang menekankan bahawa sejarah nasional telah lama meminggirkan wanita kerana mengetengahkan kepada isu seperti diplomasi antara negeri, kepimpinan politik dan perperangan. Jelas sekali bahawa isu-isu berkaitan dengan domain ini diungguli dan didominasi oleh lelaki yang memegang kuasa. Justeru itu, dalam penulisan sejarah nasional Asia Tenggara pencapaian, sumbangsih dan pengalaman wanita terus dipinggirkan kerana fokus penulisan tertumpu kepada pemimpin politik walaupun telah ada pemimpin wanita yang telah memberi

sumbangannya penting kepada isu wanita dan kesedaran nasionalisme. Manakala Lee (1989) membincangkan dengan peranan buruh imigran wanita di Tanah Melayu dalam mengembangkan ekonomi Tanah Melayu. Beliau telah mengetengahkan kepentingan peranan wanita dalam memajukan sektor ekonomi di Tanah Melayu terutamanya dalam sektor perladangan dan perlombongan. Ng & Maznah Mohamad (1989) dalam tulisan mereka *Pergerakan Wanita di Malaysia: Emansipasi atau Pembebasan* menyokong kenyataan Jayawardena (1986) dan mengupas konteks feminism di negara Dunia Ketiga yang berbeza daripada konteks feminism Barat. Namun begitu, mereka tidak menafikan pengaruh kesedaran feminis Barat dalam memberi kesedaran feminism kepada wanita-wanita di negara Dunia Ketiga walaupun konteks mereka adalah berbeza. Mereka mengutarakan perbezaan antara konsep pergerakan emansipasi awal di Malaysia dan gagasan pembebasan wanita di Barat. Pergerakan wanita Dunia Ketiga tidak terdorong ke arah mencabar ketidaksetaraan gender. Pergerakan wanita di negara-negara ini biasanya berkembang sebagai perjuangan demokratik, gerakan nasionalis dan sosialis yang lebih besar. Mobilisasi serta organisasi wanita sering disatukan dalam gerakan-gerakan antipenjajah untuk mengukuhkan pergerakan nasionalisme. Wanita telah memainkan peranan penting apabila berpartisipasi dan keluar beramai-ramai untuk menunjukkan sokongan kepada gerakan kemerdekaan tanpa memperlihatkan rasa gentar untuk berdepan dengan pihak berkuasa penjajah. Walau bagaimanapun, organisasi wanita ini kerap berbalik kepada *status quo*, di mana mereka kembali mempertahankan peranan wanita sebagai isteri, ibu dan penyokong lelaki, dan menuju ke arah sistem yang diwarisi dan mengekalkan institusi dan ideologi patriarkal setelah mencapai kemerdekaan.

Ng & Maznah Mohamad juga mendefinisikan semula emansipasi wanita dan pembebasan wanita. Emansipasi di negara Dunia Ketiga diukur berpandukan kepada petanda sosial, politik, guaman dan ekonomi yang menggambarkan penglibatan

berkembang dalam bidang seperti guna tenaga, kerajaan dan pendidikan. Emansipasi wanita di Tanah Melayu tidak mencabar struktur sosial yang wujud tetapi agenda muktamad adalah mencapai kesetaraan dalam sistem yang tidak setara. Manakala definisi pembebasan wanita merujuk kepada suatu perjuangan yang menuntut hak-hak asasi wanita. Pembebasan wanita hanya boleh berlaku melalui perubahan dalam struktur-struktur ekonomi dan sosial, iaitu dengan pencapaian hubungan sosial yang saksama dalam pembentukan masyarakat yang adil dan saksama. Perjuangan pembebasan nasional tidak semestinya menghapuskan patriarki, iaitu keadaan dalam mana ketidaksamaan sosial masih lagi wujud, objektif pembebasan wanita secara kategorinya menekankan supaya perjuangan ke arah kesaksamaan sosial dan gender diletakkan dalam agenda transformasi sosial dan perjuangan sosial.

Manifestasi ketidakadilan terhadap wanita menyebabkan kemunculan gerakan emansipasi yang mendedahkan peminggiran wanita dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Peminggiran ini mengetengahkan isu perendahan status wanita seperti isu pelacuran, kahwin paksa, keganasan rumah tangga dan isu-isu lain yang berpunca daripada sistem sosial, ekonomi dan politik yang dikuasai lelaki. Maznah Mohamad (1989) menyatakan pergerakan wanita memperjuangkan isu nasional, politik, sosial dan ekonomi hasil daripada penjajahan pecah dan perintah pentadbiran British ketika itu.

Manakala Maznah Mohamad (1994) dalam artikel beliau yang bertajuk *Poststructuralism, Power and Third World Feminism* memberi tumpuan kepada gerakan emansipasi wanita, beliau juga mengupas persoalan bagaimana perspektif pascamoden dan pascastrukturalis membantu penyelidik memahami kedudukan feminism Dunia Ketiga termasuk di Tanah Melayu dalam konteks yang berbeza daripada feminism Barat. Beliau memperincikan perbezaan sejarah feminism di negara Dunia Ketiga dengan perkembangan feminism Barat. Perjuangan feminis di Negara Dunia Ketiga masih diperingkat memodenkan masyarakat, manakala feminism

Barat tidak terikat dengan peranan sebagai agen modenisme kerana feminism Barat terhasil daripada perkembangan langsung modenisme yang berasaskan rasionalisme. Perbezaan juga jelas melalui agenda kedua-dua golongan ini yang menunjukkan objektif pergerakan yang berbeza, di mana feminis negara Dunia Ketiga perlu menentang bentuk penguasaan secara langsung yang merupakan bentuk dominasi tradisi lama manakala feminis barat perlu membongkar dan menumpaskan elemen dominasi baru.

Rohana Ariffin (1999) dalam artikel bertajuk, *Feminism in Malaysia: A Historical and Present Perspective of Women's Struggles in Malaysia* menerangkan tentang perbezaan asas perjuangan reformis wanita di Tanah Melayu yang pernah dijajah dengan pergerakan wanita di Barat. Perjuangan wanita di Tanah Melayu menentang pelbagai bentuk ketidakadilan sosial dan ekonomi yang diperkenalkan oleh British. Beliau menegaskan bentuk perjuangan wanita Tanah Melayu cenderung kepada perjuangan pembaharuan sosial, berbeza dengan wanita Barat yang membuat tuntutan dibenarkan mengundi melalui perjuangan yang menghadapi banyak tantangan dan pengorbanan. Manakala perjuangan wanita di Tanah Melayu secara langsung terlibat dengan nasionalisme menentang penjajahan British (Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013:153-175; Ting, 2013; Eustance & John, 2013). Ketika itu tuntutan kesaksamaan hak terselindung di sebalik agenda untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air. Contohnya perjuangan kesatuan buruh cenderung ke arah menentang penindasan dan meningkatkan kualiti kehidupan pekerja dan ini memberi implikasi secara tidak langsung dalam perjuangan menentang ketidakadilan dan penjajahan. Hal yang sama pernah berlaku di negara jajahan British seperti Burma. Menurut Mahajani (1960:71-94), gerakan nasionalis di Burma menentang cadangan British memisahkan Burma daripada India. Gerakan nasional Liga Anti-Pemisah telah mendapat sokongan golongan Pongyi yang mempunyai pengaruh ke atas para petani. Cadangan ini ditentang British kerana dipercayai merupakan muslihat British untuk melambatkan proses kemerdekaan Burma.

Aktivis wanita mula memainkan peranan penting dalam politik formal perjuangan nasionalisme yang menuntut kemerdekaan (Rohana Ariffin, 1999; Roff, 1994). Pembentukan sayap-sayap wanita dalam parti politik utama dalam tahun 1940-an telah digunakan oleh aktivis politik untuk menyuarakan tuntutan meningkatkan kedudukan wanita dalam masyarakat. Fokus tuntutan aktivis wanita peringkat awal ialah meningkatkan pendidikan formal untuk kanak-kanak perempuan, menghalang perkahwinan paksa, mengkritik ketidakadilan dalam poligami dan undang-undang syariah yang bias terhadap wanita (O'Brien, 1981). Aktivisme dan pergerakan wanita di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua jelas tertumpu kepada aktiviti menjaga aspek kebijakan dan meningkatkan kesedaran pendidikan formal untuk wanita serta kesedaran politik nasional.

Dalam proses menuntut kemerdekaan aktivis wanita juga menuntut agar perwakilan wanita terlibat secara langsung dalam parti politik terutama di peringkat majlis tempatan, negeri dan Parlimen (Manderson, 1980). Manderson (1980), menganalisis penglibatan wanita Melayu dalam politik sebelum merdeka dan selepas merdeka. Beliau membincangkan perkembangan pergerakan Kaum Ibu daripada sebuah pergerakan wanita yang bebas kemudiannya terpaksa menghadkan peranan mereka setelah bergabung dengan UMNO. Corak perjuangan sayap wanita berubah perlahan-lahan setelah kemerdekaan Tanah Melayu tercapai dan sayap wanita dilihat hanya berperanan sebagai penyokong parti dan tidak lagi lantang untuk menjayakan agenda wanita.

Selain daripada itu Mahani Musa (2013) dalam artikel beliau, *Women in Malayan Communist Party*, menganalisis tentang sumbangan perjuangan politik radikal di Tanah Melayu, iaitu AWAS dan PKM. Peranan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) sering tersorok dalam sejarah perjuangan kemerdekaan kerana teks sejarah hanya mengetengahkan perjuangan golongan elit dan berkuasa. Secara tidak disedari

sumbangannya daripada aktivis wanita dilupakan dan terpinggir daripada teks perjuangan nasionalisme di Malaysia. Mahani menjelaskan penulisan sejarah Malaysia lebih cenderung ke arah hegemoni nasionalis kanan dan masih mendapat tempat dalam penulisan sejarah sehingga kini. Kecenderungan terhadap corak penulisan sedemikian bukan disebabkan oleh kekurangan data tetapi disebabkan sumber dan data tersebut diteliti melalui lensa yang sempit. Aktivis wanita ini telah dilabelkan sebagai radikal, dianggap sebagai pencetus masalah dan bukan wanita yang bersemangat nasionalis berbanding dengan aktivis politik daripada pergerakan Kaum Ibu UMNO yang lebih diberikan penghargaan.

Syed Muhd Khairudin Aljunied (2013) dalam analisis beliau, *Against Multiple Hegemonies: Radical Malay Women in Colonial Malaya*, mengetengahkan penglibatan wanita Melayu dalam politik radikal selepas Perang Dunia Kedua. Pergerakan AWAS telah berdepan dengan beberapa hegemoni dalam perjuangan mereka yang diringkaskan sebagai berikut. Pertama, aktivis wanita AWAS berdepan adat dan budaya masyarakat Melayu serta sistem kelas dan feudalism di mana wanita tidak dianggap penting dalam politik. Kedua, AWAS berdepan dengan politik maskulin yang didominasi oleh lelaki. Aktivis wanita boleh dikenakan tindakan disiplin sekiranya membangkitkan isu-isu yang tidak digemari oleh pemimpin lelaki daripada parti yang dianggotai. Manakala AWAS telah diawasi dan berdepan dengan tindakan keras daripada kerajaan British yang cuba menyekat kebangkitan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat yang inginkan kemerdekaan.

Sementara itu Makmor Tumin (2006) dalam buku beliau *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*, menganalisis tentang pengartikulasian kepentingan politik di Malaysia di mana beliau mengetengahkan peranan pertubuhan bukan kerajaan dalam memperjuangkan isu penindasan, amalan diskriminasi dan pengabaian hak wanita di Malaysia. Beliau turut menerangkan sejarah awal tentang pergerakan wanita semasa

pentadbiran British dan Jepun. Beberapa pergerakan awal yang disentuh ialah persatuan wanita seperti *Young Women's Christian Association (YWCA)*, *Malay Women Teacher's Union (MWTU)*, *Malay Ladies Association of Singapore*, *Khalsa Diwan Selangor* dan sayap wanita Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Pertubuhan dan persatuan-persatuan ini aktif dengan kerja kebajikan serta kemasyarakatan dengan melibatkan beberapa guru wanita yang berminat dengan aktiviti sosial dan prihatin dengan masalah remaja. YWCA menjalankan aktiviti yang signifikan seperti menubuhkan pusat asuhan bagi anak-anak buruh wanita dalam tahun 1938 (*Report 100 Years of Young Women's Christian Association of Malaya (YWCA), 1955*).

Perjuangan politik aktivis wanita juga telah dijejaki oleh Agnes Khoo (2004) dalam buku beliau, *Life as The River Flows: Women in the Malayan Anti-Colonial Struggle*. Beliau telah menyelami sejarah kehidupan dan pengalaman wanita bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) untuk mencungkil semula sejarah yang hampir dilupakan. Beliau telah merakam pengalaman dan kepayahan yang dialami oleh wanita-wanita tersebut semasa terlibat dalam perjuangan anti-kolonial dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Kebanyakan aktivis wanita ini hanya berbekalkan kepercayaan dan kecekalan telah nekad meninggalkan sifat tradisional mereka dengan meninggalkan keluarga mereka untuk menjayakan agenda parti ketika itu.

Selain itu beberapa kajian mengenai pergerakan wanita dan penglibatan wanita dalam politik nasional Tanah Melayu telah diterbitkan antaranya seperti Manderson (1980); Dancz, (1987); Asiah Abu Samah (1960); Lee (1989); Rohana Ariffin (1999); Syed Muhd Khairudin Aljunied (2013); Ting (2013). Kajian-kajian ini membincangkan bentuk-bentuk nasionalisme dan peranan wanita di Tanah Melayu walaupun perjuangan ini tidak pernah dilabelkan sebagai feminis.

Terdapat kajian yang mengetengahkan persoalan mengapa sejarah wanita yang pernah terjajah perlu diangkat setelah terpinggir daripada teks sejarah. Lerner (1986)

dalam buku beliau, *The Creation of Patriarchy* menegaskan sejarah wanita penting diketengahkan untuk menimbulkan kepekaan dan kefahaman feminism kepada wanita itu sendiri. Apabila wanita menyedari serta memahami perkaitan kehidupan wanita dengan sejarah, maka kesedaran feminism tidak dapat dielakkan. Sejarah membolehkan wanita memahami kehidupan di bawah kuasa patriarki dan pembentukan perbezaan peranan antara lelaki dan perempuan lebih penting daripada perbezaan biologi. Sejarah wanita amat penting dalam memainkan tugas mengetengahkan semula sejarah yang dipinggirkan dengan meletakkan semula wanita sebagai agen yang aktif dan refleksif kepada perjuangan keseimbangan di antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Justeru itu, sejarah dapat memperbetulkan *selective forgetting* dengan menggunakan perspektif menyeluruh untuk memahami kepelbagai dan kerumitan perjuangan termasuk mendedahkan isu seksisme, kelasisme, dan rasisme yang masih berselirat dalam kehidupan manusia sehingga kini.

Justeru itu, sarjana feminis seperti Elshtain (1981) melalui tulisan beliau *Public Man, Private Woman: Women in Social and Politic Thought* menjelaskan ketidakadilan dari segi pembentukan ilmu pengetahuan perlu diperbetulkan dengan memberi peluang kepada individu untuk menceritakan pengalaman mereka dan menjelaskan realiti dari perspektif mereka. Melalui kajian sejarah lisan pengkaji dapat memberi suara kepada kumpulan yang selama ini dipinggirkan. Elshtain (1981:xii) menjelaskan:

One who bears witness, voices the discontents of society's silenced, ignored, abused or invisible members. The witness proffers reasons for the suffering in order that the silenced may find a voice, cry out for justice, demand to be seen.

Justeru itu, kajian sejarah wanita perlu diketengahkan untuk meletakkan semula wanita dalam sejarah dan mengimbangkan semula peranan wanita dalam politik, termasuk dalam penulisan akademik. Rose (2010) menjelaskan wanita dan lelaki

mempunyai sejarah tersendiri dalam politik. Sejarah wanita kurang dikenalpasti kerana beranggapan peranan dan kehidupan wanita tidak berubah, malah merupakan faktor statik dalam pembangunan sosial. Kajian feminis menunjukkan sejarah perjuangan wanita melalui pengalaman mereka yang berbeza berbanding lelaki adalah kerana persepsi sosial dan cabaran yang dialami mereka dalam menjayakan agenda pergerakan mereka adalah berbeza daripada yang dialami lelaki. Golongan sejarawan feminis melihat ciri-ciri perjuangan wanita dan mendedahkan bagaimana wanita mengalami kehidupan disebabkan ketidakadilan sosial secara sistematis akibat perbezaan peranan gender. Justeru itu, Oakley (1981:335) menjustifikasi mengapa wanita harus diberi keutamaan dalam kajian feminis kerana kehadiran mereka dalam politik sering ‘disembunyikan’ atau ‘dibayangi’ oleh kecenderungan terhadap peranan dan kecemerlangan lelaki dalam sejarah.

Kajian sejarah wanita dapat dikategorikan dalam pendekatan *history from below*¹ yang mengetengahkan isu gender, kelas dan ketidakseimbangan sosial masyarakat (Bhattacharya, 1983). Ia satu usaha mencungkil pengalaman sejarah wanita yang tidak direkodkan dan meletakkan wanita dalam sejarah. Ng (1994), menegaskan konsep feminism berkembang secara beransur-ansur dan tidak hanya tertakluk kepada isu hak-hak wanita dan pendidikan sahaja tetapi mula menekankan analisis gender serta analisis subordinasi wanita. Feminisme dilihat sebagai pergerakan sosial yang berjuang untuk hak-hak wanita melalui perjuangan politik atas asas politik, sosial dan ekonomi. Pergerakan feminism bersifat majmuk dan boleh dikategorikan kepada beberapa kerangka teori asas yang dapat menjelaskan perbezaan perspektif feminis dalam memahami sejarah feminism. Pendekatan feminis telah membahagikan teori feminis kepada beberapa aliran seperti aliran feminism liberal, feminism sosialis dan feminism radikal berdasarkan tiga aliran pendekatan feminism Barat (Beasley, 1999).

¹ Pendekatan yang melihat sejarah daripada kacamata rakyat biasa, rakyat bawah dan golongan tertindas.

1.3.2 Feminisme

Jayawardena (1986) menegaskan kemunculan pergerakan feminis di Negara Dunia Ketiga atau di Asia berlaku selari dengan kebangkitan politik, kesedaran nasionalisme dan ketidakadilan yang dilakukan terhadap penduduk-penduduk di negara yang dijajah. Beliau menjelaskan istilah feminism sering disalahfahami sebagai kumpulan pembenci lelaki dan merupakan pengaruh tidak sihat daripada Barat dan banyak pihak terlepas pandang dan tidak peka dengan kebangkitan aktivisme feminis berlaku selari dengan kebangkitan nasionalisme di negara mereka. Malah sehingga hari ini anggapan bahawa feminism merupakan pengaruh dan ideologi Barat yang asing serta menggugat norma serta nilai-nilai tradisional masih berterusan. Jayawardena (1986:3) menegaskan konsep feminism bukan milik Barat kerana seawal abad ke-18 dan abad ke-19 telah ada aktivis-aktivis yang menuntut hak-hak wanita dalam pendidikan dan politik. Malah di kebanyakan negara-negara yang dijajah, perjuangan utama aktivis wanita ialah membebaskan wanita daripada budaya yang membelenggu, menyedarkan masyarakat bahawa manusia adalah makhluk yang mempunyai persamaan dari segi hak dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Malah mereka mempunyai tanggungjawab besar untuk melahirkan generasi baru yang berpendidikan di samping berjuang membebaskan negara daripada penjajahan (Harper, 2001: 71). Manakala Mohanty, Russo & Torres (1991) menentang pengertian feminism Barat sebagai kayu pengukur kepada pergerakan wanita kerana di negara Dunia Ketiga terutamanya negara yang pernah dijajah telah muncul pergerakan wanita yang menuntut perubahan, malah terlibat dalam pergerakan nasional. Mohanty menjelaskan:

...unlike the history of western (white middle-class) feminisms, which has been explored in great detail over the last few decades, histories of third world women's engagement with feminism are short supply....constructing such histories often requires reading against the grain of a number of intersecting progressive discourse (e.g. white feminist, third world nationalist and socialist) ...in fact, the challenge of the third world feminisms to white, western feminist has been precisely this inescapable link between feminist and political liberation movement. In fact, black, white, and other third world women have very different histories with respect to the particular inheritance of post-fifteenth century Euro American hegemony: the inheritance of slavery, enforced migration, plantation and indentured labor, colonialism, imperial conquest, and genocide (1991: 3-4).

Pendekatan feminis liberal bermula selari dengan perkembangan budaya liberalisme dan kapitalisme, yang banyak memperjuangkan hak-hak wanita dan mengkritik praktik serta budaya yang dicipta untuk '*melindungi*' wanita tetapi akhirnya menindas wanita. Selain itu feminis liberal juga telah mendesak supaya wanita dan lelaki diberi peluang yang sama dalam politik, pendidikan dan pekerjaan (Beasley, 1999). Golongan ini berjuang untuk perubahan dalam masyarakat dengan agenda untuk mencapai kesamarataan antara lelaki dan wanita dengan kuasa individu untuk mengubah amalan-amalan yang menindas wanita tetapi mereka tidak berjuang untuk perubahan structural dalam masyarakat (Beasley, 1999; Elshtain, 1981). Perbincangan dan perundingan telah dijalankan dengan pihak pemerintah untuk menjayakan agenda mereka dalam mengubah status wanita dalam masyarakat (Elshtain, 1981:243). Golongan feminis liberal juga menyeru pemerintah agar menjaga autonomi setiap individu dan melindungi hak-hak asasi wanita.

Antara tuntutan feminis fahaman liberal ialah menjadikan hak wanita sama dengan hak yang diperolehi oleh lelaki. Tetapi pendekatan feminis liberal tidak pernah mencabar model dominasi pemerintah yang disifatkan oleh golongan feminis radikal sebagai patriarkal. Golongan feminis liberal tidak mempermasalahkan patriarki dan hanya menuntut hak-hak untuk wanita tanpa perubahan dalam struktur dominasi lelaki.

Manakala feminis sosialis menegaskan kapitalisme dan perhubungan kuasa yang tidak seimbang antara lelaki dan wanita telah menyebabkan berlakunya subordinasi wanita. Golongan feminis sosialis berpendapat ketidakhadiran wanita dalam proses pengeluaran sering dikaitkan dengan proses sosialisasi dan keibuan, malah perbezaan upah, kuasa dan kekayaan antara lelaki dan wanita telah menyebabkan ketidakadilan kepada buruh wanita (Mitchell, 1984:31). Bagi memahami konteks perhubungan kuasa dan subordinasi wanita dari aspek pemberian upah, ia harus dilihat melalui proses perhubungan ekonomi secara holistik, termasuk siapakah yang memiliki modal dan siapa yang menjual kemampuan mereka sebagai buruh. Eisenstein (1979:48-50) pula mengkaji peranan wanita dalam keluarga, iaitu tugas wanita menyediakan keperluan rumah tangga. Tugas ibu sebagai pengasuh dilihat sebagai buruh domestik dalam sektor ekonomi. Selain itu, wanita telah menjadi pengguna utama kepada proses produksi, dan secara langsung telah menjalin hubungan penting dalam ekonomi dan masyarakat. Tugas wanita sebagai pekerja dalam rumah tangga merupakan satu liabiliti kerana menghadkan peluang mereka melibatkan diri dalam pekerjaan dan mencari pendapatan di luar rumah. Kebanyakan buruh wanita dibayar upah yang rendah dan ini telah dikaitkan dengan keterikatan mereka kepada keluarga dan ruang domestik. Justeru itu buruh wanita dianggap sebagai buruh murah.

Wanita yang dipinggirkan sebagai buruh murah, tidak akan menjaskannya keistimewaan lelaki dalam masyarakat. Ketidakseimbangan jelas tergambar dalam kehidupan wanita yang terpaksa menggandakan tugas mereka, sebagai ibu di rumah dan buruh di luar untuk menanggung keluarga. Golongan feminis sosialis percaya untuk menghapuskan kuasa patriarki dan kapitalisme, manusia perlu memusnahkan struktur berasaskan hirarki kelas. Feminis sosialis turut mengaitkan peminggiran wanita dalam sistem kapitalisme berasaskan empat faktor iaitu produksi, reproduksi, seksualiti dan sosialisasi kanak-kanak. Kapasiti biologi wanita telah digunakan bagi menentukan

peranan ekonomi dan sosial mereka dalam masyarakat. ‘*Motherhood*’ dalam keluarga dibentuk oleh masyarakat sebagai satu keperluan sehingga keluarga menjadi dunia wanita. Maka wanita dipinggirkan ke ruang domestik dan reproduksi, mewujudkan ketidakseimbangan dalam arena publik antara lelaki dan wanita (Mitchell, 1984:19; Vogel, 2013; Murthy, 2014).

Golongan feminis radikal pula mengupas isu penindasan dan subordinasi wanita dalam masyarakat dan mengaitkannya dengan sistem patriarki. Dalam buku bertajuk *Sexual Politics*, Millet (1970:23) menegaskan politik berkait dengan perhubungan struktur kuasa yang ditentukan oleh satu pihak atau individu yang berkuasa mengawal satu pihak yang lain. Golongan ini mencabar persoalan fitrah lelaki dan wanita serta kedudukan mereka dalam hubungan sosial manusia. Mereka menekankan bahawa lelaki dan wanita sebagai insan yang memiliki *self-consciousness*. Namun begitu, peranan dan identiti mereka telah ditentukan masyarakat yang lebih memihak kepada lelaki atau oleh sistem patriarki. Persoalan patriarki telah dikritik oleh golongan feminis radikal dan menganggap sistem patriarki telah diterima sebagai adat sejagat. Golongan ini menolak ideologi patriarki dan penindasan wanita, malah wanita diseru agar memisahkan diri mereka daripada lelaki sebagai strategi untuk menolak patriarki yang telah mewujudkan ketidakseimbangan kuasa di antara lelaki dan wanita (Roberts, 2013; Gunew, 2013; Tong, 2013).

Beberapa ciri-ciri patriarki (Elshtain, 1981:214, Lerner, 1986) dalam masyarakat telah dibongkarkan oleh golongan feminis radikal. Antara ciri-ciri tersebut ialah, kuasa mutlak dimiliki oleh lelaki/ayah di mana mereka mempunyai kuasa ke atas keluarga dan wanita manakala anak-anak harus patuh kepada lelaki atas nama keluarga. Wanita boleh dipaksa untuk berkahwin, dinafikan menerima pendidikan dan dipinggirkan dalam dunia domestik oleh kuasa patriarki ini. Golongan feminis radikal ini juga melihat

patriarki telah berakar umbi dalam masyarakat, malah wanita juga turut menjadi tunjang utama untuk mempraktikkan amalan patriarki dalam institusi formal atau tidak formal.

Patriarchal ideologies have the effect of disguising the actuality of male power. Men defined themselves as powerful because of their ability to master nature to be dominant. Women, because of their biological role in reproduction, are defined as being closer to nature than men, thus justifying their domination by men. Male ideology confirms and reinforces men's dominant status by devaluing women's work and reproductive functions while at the same time presenting male work as of cultural importance and as necessary (Elstain, 1981:214).

Feminis radikal juga bermula daripada pegangan bahawa wanita ditindas oleh lelaki dan penindasnya adalah golongan primeri. Kebebasan wanita dari aspek membuat keputusan dalam ruang publik telah dihadkan oleh kuasa lelaki yang telah mendominasi arena politik, budaya dan sumber sosial. Mereka menegaskan isu seksualiti dan isu reproduksi sebagai faktor utama peminggiran wanita daripada arena politik. Sarjana feminis tidak hanya mengutarakan pendekatan personal adalah politik tetapi mengkritik politik budaya yang campurtangan dalam ruang personal wanita menyebabkan wanita sering terpinggir dalam pergerakan politik. Justeru itu, pergerakan wanita radikal ini menegaskan konsep personal adalah politikal untuk wanita kerana perjuangan menentang subordinasi dan ketidakadilan terhadap wanita (Echols, 1989; Evan, 1980; Hartsock, 1983; Hirschmann, 1996; Mouffe, 1992). Dalam politik arus perdana, peranan wanita masih kabur dan tidak relevan dalam arena politik formal, kerana golongan primeri melihat wanita melalui peranan mereka sebagai ibu dan isteri. Wanita dilihat masih terpinggir daripada politik formal kerana peranan mereka di ruang domestik dan organisasi politik yang didominasi oleh lelaki. Situasi ini telah menyekat wanita terlibat dalam arena politik publik dan sehingga kini golongan lelaki masih mendominasi arena tersebut. Penglibatan wanita dalam dunia politik dilihat hanya

sebagai penyokong parti dan mereka tidak dapat mengetengahkan agenda wanita sepenuhnya dalam arena politik (Walby, 1988).

Kebanyakan analisis golongan feminis radikal, feminis liberal dan feminis sosial telah menunjukkan kekaburuan sempadan publik dan *private* serta meletakkan isu personal sebagai politikal (Elshtain, 1981: 201). Shulamith Firestone dalam *The Dialectic of Sex* (1974) dan Kate Millet, *Sexual Politics* (1970) mewakili golongan feminis radikal yang mengkritik patriarki. Firestone menganalisis bagaimana patriarki telah berakar umbi dalam masyarakat dan subordinasi wanita bukan sahaja wujud dalam undang-undang atau pekerjaan tetapi dalam perhubungan personal. Beliau menegaskan “*the sexual imbalance of power is biologically based*” (1974:9). Dalam kelas jantina, wanita dikategorikan sebagai ‘*reproducers*’ dan ini merupakan konstruk politik, iaitu wanita ditindas kerana sifat reproduktif biologikalnya. Tugas melahirkan anak dan menjaga keluarga digunakan untuk meminggirkan wanita dari dunia publik. Manakala Millet (1970:23) merujuk kepada politik sebagai ‘*power structured relationship, arrangement whereby one group of persons is controlled by another*’. Beliau merumuskan bahawa perhubungan antara gender berasaskan perhubungan kuasa yang mewujudkan dominasi patriarki sehingga ia diterima sebagai kesejagatan dalam masyarakat. Millet juga membangkitkan persoalan perhubungan antara lelaki dan wanita sebagai politikal di mana beliau memahami politik sebagai perhubungan-perhubungan yang distrukturkan oleh kuasa. Beliau mencadangkan suatu falsafah politik yang lebih relevan yang tidak dipertimbangkan oleh politik institusional yang formal. Teori politik beliau melihat hubungan kuasa berdasarkan asas yang kurang formal dalam perhubungan personal di antara ahli-ahli dalam kumpulan-kumpulan yang koheren seperti ras, kasta, kelas dan seks. Adalah wajar untuk mengatakan bahawa kumpulan-kumpulan ini tidak mempunyai perwakilan dalam struktur politik rasmi dan dengan itu penindasan mereka begitu menyeluruh dan berterusan.

Budaya patriarki dan perhubungan kuasa ini saling berkait apabila wanita yang diangkat dalam institusi politik terdiri daripada keluarga yang mempunyai pengaruh. Millet (1970) juga menegaskan dunia masih terbelenggu dalam perspektif lelaki di mana perjuangan kaum wanita dalam ruang publik masih beroperasi dalam sistem dan struktur yang ditetapkan lelaki. Pendekatan yang digunakan beliau jelas menyatakan bahawa perbezaan biologikal antara lelaki dan wanita bukan punca utama kelemahan dan penindasan wanita, tetapi juga berpunca daripada wanita sendiri sebagai pendokong utama patriarki.

1.3.3 Wanita dan Politik

Manakala Bachrach dan Baratz (1977:3) menolak konsep kuasa berpolitik hanya untuk golongan elit. Mereka membahagikan kumpulan politik kepada dua bentuk pengaruh politik yang dikenali sebagai kumpulan elitis dan kumpulan pluralis. Golongan elitis merupakan pihak pemerintah yang berkuasa dalam membuat polisi kerajaan. Golongan pluralis memegang kuasa dengan mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan rakyat atau isu masyarakat. Mereka dikenali sebagai golongan pendesak, gabungan kumpulan berkepentingan untuk mendedahkan kelemahan kumpulan elitis (1977: 5).

Bachrach dan Baratz mengiktiraf wujudnya *second face of power* dan pihak elitis dilihat menghalang isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan pluralis. Pendekatan yang digunakan oleh Bachrach dan Baratz ini boleh digunakan dalam memahami perkaitan wanita dengan politik di mana pihak yang dominan, iaitu lelaki secara sedar atau tidak cuba menghalang kumpulan ini daripada memiliki kuasa. Hujahan ini juga boleh dikonseptualisasikan sebagai wanita bukan tidak berminat dalam politik seperti yang dianggap oleh golongan *behaviourist* tetapi ia berkaitan dengan kemampuan lelaki untuk menyekat wanita daripada mengetengahkan isu-isu mereka dengan memasuki

dunia politik formal.

Mann (1987) pula mengengahkan kesedaran wanita tentang posisi dan peranan yang terhad dalam arena publik, menyebabkan wanita mencipta ruang melibatkan diri dalam politik mikro yang dikenali sebagai politik tidak formal. Politik tidak formal lebih cenderung kepada pergerakan sosial yang mengadakan perundingan dengan pemerintah untuk mencapai agenda politik yang telah ditetapkan. Kebanyakan daripada wanita memilih untuk bergiat dalam organisasi sosial yang tidak formal ini kerana mereka berpendapat agenda mereka lebih berhasil dengan penggunaan pendekatan ini berbanding dengan penglibatan dalam politik formal.

Penglibatan wanita dalam politik terkandas kerana tidak terlepas daripada label dan konstruk sosial wanita dalam masyarakat. Imej stereotaip tentang wanita seperti wanita lemah, emosional dan tidak boleh memimpin telah menjadi cabaran besar untuk wanita memasuki dunia politik. Peminggiran wanita dalam kehidupan publik terjadi, kerana secara ideologi budaya wanita diasingkan daripada mengetuai perwakilan politik dan upacara keagamaan. Secara tidak langsung ia merujuk kepada wanita dilihat tidak penting terutama dalam memainkan peranan dan perlaksanaan tugas di arena publik. Isu ini dibincangkan oleh Sapiro (1984: 6) yang menjelaskan wanita menggunakan strategi untuk terlibat atau berintegrasi dengan politik formal untuk menjayakan agenda mereka. Sapiro (1984: 5) menerangkan kedudukan wanita dengan menggunakan konsep marginaliti atau peminggiran wanita dalam proses stratifikasi gender.

Peminggiran wanita bermaksud terbentuk dua dunia yang berbeza antara wanita dan lelaki disebabkan sistem budaya yang bercanggah, di mana lelaki dianggap penting dan berkuasa berbanding wanita. Justeru itu, analisis mendalam tentang pembahagian arena publik dan domestik merupakan isu yang kritikal untuk memahami sejarah perhubungan dan pembentukan peranan lelaki dan wanita dalam dunia politik, kerana ia

berkait rapat dengan proses sosialisasi budaya yang telah lama diperaktikkan dan diterima sebagai realiti kehidupan manusia. Bagi memahami proses dan pergelutan integrasi wanita ke dalam politik formal, ia bukan proses yang mudah kerana ia memerlukan perubahan budaya.

Namun begitu, biarpun mendapat tentangan dan kritikan penglibatan dan peranan wanita dalam politik, terdapat aktivis-aktivis wanita yang berani meneruskan cabaran untuk bergiat dalam politik formal. Golongan aktivis wanita ini tidak menampilkan diri mereka sebagai ahli politik wanita tetapi menonjolkan diri sebagai pejuang politik semata-mata. Aktivis politik ini juga tidak berpegang kepada perspektif bahawa wanita menghadapi halangan untuk bergiat dalam politik terutamanya dalam arena politik formal.

Teori perbezaan gender pula mengetengahkan bagaimana perhubungan antara lelaki dan wanita dikonstruk bagi membezakan identiti dan peranan mereka dalam kehidupan masyarakat. Melalui proses sosialisasi dan ideologi, wanita telah dipinggirkan daripada dunia ilmu pengetahuan dan disekat bergiat secara bebas dalam kehidupan termasuk bidang politik. Politik masih dianggap bukan dunia wanita dan peranan mereka hanya dilihat sebagai penyokong parti, suami atau ahli keluarga yang terlibat dalam politik formal. Mitchell (1984:18-21) menjelaskan proses sosialisasi telah melalui masa yang panjang, malah ia dikonstruk dan diperkuatkan melalui penerapan kepercayaan dan polisi pentadbiran pemerintah. Bagi mengaitkan persoalan kuasa dan politik dengan wanita, teori politik feminis telah bertegas bahawa konsep politik dan kuasa perlu diperbahaskan secara mendalam dan politik tidak boleh dilihat sebagai *formal state apparatus* sahaja. Pendekatan feminis melihat konsep dan definisi politik sebagai politik tidak formal sememangnya telah tertanam dalam kehidupan seseorang individu (Mann, 1997:235).

1.3.4 Aktivisme Sosial Wanita di Tanah Melayu

Inspirasi menjalankan kajian feminism dan sejarah penglibatan wanita dalam politik di Tanah Melayu terhasil daripada pembacaan buku *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An unsung (R)evolution* (Ng, Maznah Mohamad & tan, 2006). Buku ini memberikan sedikit latar belakang tentang sejarah perjuangan wanita dalam politik sebelum Malaysia merdeka. Ia juga membincangkan cabaran dan kesulitan yang dihadapi oleh pergerakan wanita di Malaysia dalam memperjuangkan perubahan sosial dan hak-hak wanita hingga kini. Kajian ini pula memberi perhatian kepada kepelbagaian dalam perjuangan pergerakan wanita di Malaysia bermula dengan perjuangan mendapatkan kesaksamaan hak antara lelaki dan wanita dalam masyarakat patriarki sehingga kebangkitan pakatan antara pergerakan wanita dengan elemen-elemen nasionalis yang lain bagi mencapai agenda utama, iaitu mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Perbincangan juga menganalisis permulaan penggunaan konsep feminism dalam perjuangan pergerakan wanita di peringkat awal di Asia dan di Barat. Feminisme di Tanah Melayu juga diinspirasikan melalui pergerakan reformasi yang dimulai di Timur Tengah dan Indonesia yang menuntut hak pendidikan untuk wanita. Sebagai contoh, Kesatuan Guru Wanita Melayu telah memulakan kempen menggalakkan pendidikan formal untuk wanita Melayu di awal tahun 1920-an.

Aktivisme sosial dan politik wanita di Tanah Melayu telah dibincangkan oleh beberapa sarjana sejarah di Malaysia. Perbincangan mengenai aktivisme dalam kalangan wanita merujuk kepada aktiviti sukarela, penulisan jurnal dan seruan kepada pergerakan untuk memajukan dan meningkatkan status wanita, nusa dan bangsa. Pergerakan wanita perlu berjuang bersama dengan pergerakan lelaki berdasarkan isu, agama dan bercita-cita meningkatkan kaum wanita, yang ketika itu jauh ketinggalan berbanding dengan pencapaian kaum lelaki. Dalam *Bulan Melayu* (1930, 85-87),

aktivisme bertujuan menjadikan kaum ibu berilmu, bersedia membantu, memelihara dan membangunkan tenaga untuk menyokong pergerakan lelaki agar berada dalam landasan yang betul. Tugas ini memerlukan kerjasama dengan pergerakan lelaki untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dan faedah pendidikan, menerapkan semangat kebangsaan serta cintakan tanahair. Masyarakat harus menolak adat yang memundurkan masyarakat dan mengasingkan wanita daripada pergaulan dan kegiatan sosial seperti melarang wanita daripada mendapat pendidikan di sekolah (Bulan Melayu, 1931: 108).

Hasnah Husiin (1999), pula mengetengahkan peranan dan aktivisme guru-guru wanita di Tanah Melayu dalam memainkan peranan sebagai agen perubahan kepada masyarakat Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan. Guru-guru wanita telah membangkitkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pendidikan. Manakala Chelliah (1947), membincangkan polisi dan perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu dan Singapura. Ishak Saat (2011) dalam tulisan beliau membincangkan wanita di Tanah Melayu telah bergiat secara aktif dalam politik. Dalam tulisannya, beliau menyentuh tentang penglibatan wanita dalam gerakan politik haluan kiri seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang merupakan sayap wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Selepas Perang Dunia Kedua, PKMM telah menyeru kaum wanita di Tanah Melayu untuk berpartisipasi dalam politik nasionalisme. Gerakan ini telah menggunakan akhbar dan majalah untuk menyedarkan kaum wanita agar keluar dan berganding bahu dengan pejuang nasionalisme PKMM untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan. Manakala Mohamad Muzammil (2011) pula mengetegahkan penglibatan dan peranan seorang guru wanita Melayu dari Kedah yang aktif dalam menyedarkan wanita tentang pentingnya mereka berpolitik. Guru wanita tersebut, Balkis Haji Abdullah juga merupakan aktivis masyarakat telah bekerja keras untuk menjelaskan dan melatih wanita-wanita di Kedah agar keluar dan

bergerak dengan politik nasional demi mempertahankan maruah agama, nusa dan bangsa. Cikgu Balkis juga menyedari kesukaran untuk wanita-wanita keluar dan aktif berpolitik walaupun mempunyai kesedaran politik. Faktor gender telah menjadi halangan kepada wanita-wanita Melayu bergiat dalam politik kerana tanggungjawab kepada rumah tangga, suami dan anak-anak. Walaupun wanita-wanita ini mempunyai kerjaya namun masyarakat setempat tetap meletakkan prioriti wanita adalah terhadap rumah tangga, tambahan pula wanita dianggap ‘kurang manis’ sekiranya terlalu lantang dan aktif di luar rumah. Tambahan pula, aktiviti politik dan gerakan nasionalisme kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki dan mereka merasakan kehadiran dan tenaga lelaki sahaja sudah mencukupi untuk mengharungi kancang politik dan berdepan dengan penjajah. Cikgu Balkis telah mendapat suntikan semangat daripada aktivis politik seperti Khatijah Sidek yang telah turun menjelaskan kepada masyarakat akar umbi tentang perihal pentingnya wanita terlibat dalam politik. Beliau telah memainkan peranan penting dalam membantu kempen politik sebagai persediaan Pilihanraya Persekutuan pada tahun 1955. Beliau telah mendidik dan melatih wanita-wanita Melayu untuk terlibat dan keluar mengundi bagi memberi sokongan kepada kemenangan parti UMNO dalam pilihanraya tersebut.

Manakala Lee (1989) Tai (2000), Dancz (1987), Rohana Ariffin (1997) mengetengahkan peranan buruh wanita dalam aktivisme sosial dan politik di Tanah Melayu. Penglibatan wanita dalam pergerakan buruh Tanah Melayu ialah bertujuan untuk berjuang bersama-sama dengan imigran buruh lelaki bagi mengetengahkan isu diskriminasi dan penindasan pekerja, persekitaran kerja yang tidak selamat, isu ketagihan todi dalam kalangan buruh lelaki dan isu kemudahan perubatan di mana pusat kesihatan yang jauh terutama untuk merawat buruh dan wanita bersalin. Selain itu, isu gangguan seksual dan isu penindasan terhadap pekerja wanita turut diketengahkan dalam protes buruh di Tanah Melayu (Ramasamy, 1992; Jeyathurai, 2012; Ng, Maznah

Mohamad, tan, 2006). Penglibatan buruh-buruh wanita dalam kesatuan sekerja dan protes terhadap majikan, akhirnya menyumbang kepada kesedaran politik nasionalisme.

1.4 Objektif Kajian

Wanita telah memainkan peranan penting dalam politik di Tanah Melayu sama ada dalam bentuk politik formal dan politik tidak formal. Kajian ini mendedahkan sumbangan wanita dalam sejarah politik tanah air tanpa mengira ideologi dan bagaimana penglibatan wanita dalam aktivisme sosial serta perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu menandakan kesedaran feminism telah terpahat dalam hati pejuang-pejuang wanita ketika itu. Aktivisme dan pergerakan nasionalisme telah menyokong agenda perubahan wanita dan masyarakat ke arah modernisme serta perubahan sosial. Kesedaran bahawa perlunya wanita menerima pendidikan serta isu subordinasi yang masih membelenggu masyarakat telah menyedarkan reformis dan nasionalis ketika itu untuk menggerakkan wanita dan menggalakkan wanita terlibat dalam politik. Reformis lelaki telah menyeru agar wanita belajar dan bekerjasama dengan mereka untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya pendidikan dan Tanah Melayu sangat memerlukan wanita dan ibu yang bijak untuk melahirkan generasi yang bijak untuk mentadbir negara.

Secara keseluruhannya terdapat tiga objektif utama kajian yang diketengahkan dalam kajian ini. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i) Mengenal pasti perkembangan feminism dan aktivisme sosial wanita di Tanah Melayu
- ii) Menganalisis perjuangan buruh wanita menentang eksloitasi dan diskriminasi buruh yang menyumbang kepada kebangkitan semangat antipenajah dan nasionalisme.

- iii) Menganalisis perjuangan wanita dalam pergerakan politik haluan kanan dan kiri dalam perjuangan nasionalisme.

1.5 Skop Kajian

Tempoh kajian bermula dari tahun 1929 sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kajian ini dimulakan pada tahun 1929 kerana pada tahun ini penglibatan wanita terutamanya wanita Melayu dalam arena publik secara rasmi dengan penubuhan Persatuan Guru-Guru Wanita Melayu Persekutuan bermula. Penubuhan persatuan ini telah menyatukan guru-guru wanita di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan menjalinkan perhubungan melalui aktiviti persatuan serta penulisan. Kebanyakan daripada karya penulisan telah memperkatakan kepentingan pendidikan dan peranan wanita sebagai ibu dan isteri serta menjadi tonggak utama untuk membawa kemajuan dan perubahan pemikiran kepada bangsa Melayu moden.

Persatuan wanita ini muncul sebagai kesatuan paling aktif sehingga berjaya melancarkan penerbitan majalah *Bulan Melayu* pada tahun 1930. Kebanyakan tulisan dalam majalah ini menggalakkan wanita Melayu yang berpendidikan untuk berkarya dan memberikan sumbangsan idea bagi mendidik masyarakat untuk menerima pendidikan dan terlibat secara langsung dalam proses meningkatkan martabat bangsa Melayu. Majalah ini turut memuatkan penulisan bersifat reformasi dan nasionalis feminis dari Eropah, Timur Tengah dan Asia Tenggara. Beberapa karya penulis tempatan seperti Ibu Zain, Sharifah Zalekha, Zaaba dan Harun Aminurrasyid turut menyumbangkan karya mereka dalam majalah ini. Penubuhan persatuan juga mendapat inspirasi daripada Pergerakan Kaum Ibu Indonesia yang aktif untuk meningkatkan kesedaran wanita Indonesia dalam bidang pendidikan dan politik semasa (*Bulan Melayu*, 1930:1-7).

Tempoh kajian ini berakhir pada tahun 1957 apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Ini menandakan perjuangan semua rakyat Tanah Melayu tanpa mengira ideologi untuk mendapatkan kemerdekaan telah berhasil. Kemerdekaan ini melambangkan pihak penjajah British telah mengiktiraf kebolehan warga Tanah Melayu yang terdiri dari pelbagai kaum untuk membentuk dan mentadbir kerajaan sendiri.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia mengambil kira perjuangan dan sumbangan semua pihak terutama wanita dalam pergerakan politik formal dan tidak formal serta pergerakan politik fahaman kiri dan kanan dalam suatu perjuangan yang menyeluruh menentang penjajahan dalam sejarah kemerdekaan Tanah Melayu. Ia juga menunjukkan sumbangan penting wanita dalam perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu di mana aktivis politik lelaki dan wanita, sama ada daripada golongan elitis maupun pluralis telah berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan negara. Pengalaman aktivis-aktivis wanita dalam politik nasionalis tanah air yang selama ini masih ‘terpendam’ dalam memori mereka merupakan sumber primari yang perlu didokumentasikan. Kajian ini juga bertujuan ini merekodkan suara aktivis-aktivis wanita dalam menyuarakan aspirasi politik dan pemikiran mereka di kala terpaksa memilih untuk berjuang dalam aliran politik sederhana atau radikal yang masih asing untuk wanita ketika itu. Golongan ini merupakan *resource person* yang penting untuk mendedahkan realiti kehidupan semasa zaman penjajahan.

Kepentingan kajian ini adalah dalam membuktikan kewujudan semangat nasionalisme dalam kalangan wanita semasa Tanah Melayu berada di bawah penjajahan British dan pendudukan Jepun. Kemunculan aktivis wanita ini membuktikan feminism bukan idea Barat dan memperlihatkan kesedaran wanita setelah menyedari bangsa dan negara mereka telah dieksplorasi sedangkan mereka mampu mentadbir negara mereka

sendiri. Kajian ini juga mengambilkira perjuangan wanita daripada semua lapisan masyarakat dalam pergerakan politik secara formal dan aktivisme sosial.

Tambahan pula kajian sejarah wanita ini juga diharapkan dapat memupuk inspirasi wanita setelah melalui pengalaman ketidakadilan untuk menolak pandangan stereotaip mengenai ketidakmampuan wanita untuk terlibat dalam politik atau di arena publik. Seterusnya ia diharapkan dapat memupuk semangat pengkaji lain untuk menjalankan kajian yang berkaitrapat dengan politik akar umbi dan memahami rakyat tanpa mengira lelaki atau wanita di Tanah Melayu dalam menentang ketidakadilan sosial, kemiskinan serta kejahilan semasa Tanah Melayu berada di bawah penjajahan British.

1.7 Struktur Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bab-bab utama. Bab satu merupakan bab pengenalan yang mengandungi beberapa bahagian seperti Penyataan Masalah, Objektif Kajian, Signifikan Kajian dan Struktur Tesis. Bab dua mengutarakan rangkakerja konseptual dan teoritikal kajian iaitu menyentuh tentang perkembangan feminism, persoalan isu sosialisasi, subordinasi dan eksplorasi wanita dalam masyarakat serta bidang pekerjaan. Perbincangan ini juga menekankan perbezaan dalam peranan gender serta konstruk budaya yang diterima secara universal telah memberi kesan kepada peranan dan identiti wanita dalam pelbagai aspek termasuk peranan mereka dalam politik. Bab ini menunjukkan bagaimana pendekatan feminis Dunia Ketiga untuk menganalisis perkembangan feminis di negara yang pernah dijajah dan melihat perkembangan feminism daripada kacamata tempatan.

Teori dan konsep yang dibincangkan ini berkait rapat dengan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian. Konsep politik daripada perspektif feminis

digunakan kerana analisis feminis melihat kecenderungan dan kesedaran wanita untuk berpolitik selalunya bermula melalui pengalaman kehidupan, sosialisasi dan pandangan keluarga tentang penglibatan mereka dalam politik. Feminisme Dunia Ketiga merupakan rangka kerja teoritikal yang digunakan kerana perspektif ini melihat pengalaman daripada perspektif tempatan dan kebangkitan semangat feminis nasionalisme yang wujud selari dengan perjuangan menentang penjajahan.

Bab ketiga membincangkan metodologi yang digunakan bagi menjalankan kajian ini. Kajian ini bergantung kepada rekod-rekod arkib yang diperolehi dari cawangan Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Kelantan, Arkib Johor dan Perpustakaan Universiti Malaya. Rekod dan dokumen yang diperolehi ini penting bagi memahami proses menjelak bukti awal penglibatan wanita dalam pergerakan politik formal dan politik tidak formal. Rekod serta dokumen semasa penjajahan British yang diterbitkan melalui laporan khas, sejarah pentadbiran, laporan khas tahunan setiap jabatan yang terlibat dengan kajian serta banci penduduk telah dianalisis untuk mendedahkan politik akar umbi dalam kebangkitan semangat nasionalisme. Rekod dan dokumen ini berguna bagi mencungkil maklumat-maklumat serta data-data empirikal yang dianalisis bagi mendedahkan perjuangan yang melibatkan lelaki dan wanita Tanah Melayu ketika era penjajahan.

Selain daripada bahan-bahan arkib, kajian ini menggunakan sejarah lisan untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai pengalaman beberapa wanita yang terlibat dalam pergerakan nasionalisme dan penglibatan mereka dalam politik formal. Penyelidik turut menemubual suami wanita tersebut yang memberi sokongan padu kepada isteri mereka yang terlibat dalam pergerakan politik sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Melalui sejarah lisan pengkaji mendokumentasikan sumbangan serta pengalaman aktivis wanita dan lelaki yang terlibat di dalam perjuangan menentang penjajah British dan Jepun. Ia bertujuan untuk merekodkan memori, pengalaman dan

perjuangan mereka yang selama ini terpinggir dalam penulisan sejarah tempatan.

Bab keempat melihat perkembangan politik tidak formal di Tanah Melayu. Ia menganalisis perkembangan aktivisme wanita di Tanah Melayu dan bentuk aktivisme yang diperjuangkan oleh mereka. Bab ini menjawab beberapa persoalan kajian seperti, apakah kesedaran feminism telah wujud di kalangan wanita sebelum merdeka? Persoalan kedua, apakah bentuk-bentuk aktivisme yang digunakan oleh wanita-wanita ini dalam menjayakan agenda perjuangan mereka. Ketiga, membincangkan strategi yang digunakan untuk menyedarkan masyarakat dan usaha mereka menyedarkan masyarakat yang masih berpaksikan sistem patriarki. Kesedaran emansipasi wanita ini merupakan pengaruh pembaharuan dari Timur Tengah dan Indonesia yang menggalakkan penglibatan wanita dalam aktiviti kemasyarakatan dan politik.

Manakala bab kelima mengkaji bentuk aktivisme dan mobilisasi buruh wanita pekerja ladang, industri dan pekerja lombong sebagai penggerak menentang ketidakadilan golongan kapitalis yang disokong kuat oleh pentadbir British ketika itu. Ia menganalisis aktivisme buruh imigran wanita Cina dan India dalam menentang eksloitasi dan diskriminasi terhadap golongan buruh di Tanah Melayu. Kajian ini juga melihat bagaimana perjuangan wanita ini berakhir dengan penglibatan dalam politik nasional dan perjuangan menentang penjajah. Sumbangan buruh wanita dalam ekonomi dan pergerakan buruh di Tanah Melayu jarang diutarakan kerana penglibatan mereka tersorok dan dianggap tidak penting kerana faktor budaya dan jumlah ahli kesatuan yang didominasi oleh lelaki. Justeru itu, kajian turut mengetengahkan penglibatan buruh wanita menentang ketidakadilan pihak majikan yang disokong oleh British yang telah membawa kepada penyatuan mereka dalam perjuangan nasionalisme menentang penjajah. Proses ini penting untuk melihat bagaimana aktivis wanita merentas arus kebudayaan tradisional yang sentiasa meletakkan mereka di ruang domestik.

Bab keenam menyentuh perjuangan individu wanita dan bagaimana kesedaran nasionalisme muncul dalam jiwa mereka. Kesedaran wanita-wanita ini dalam politik telah membawa mereka terlibat secara langsung dalam politik formal. Wanita-wanita ini telah mendedahkan penglibatan mereka dalam politik sama ada terlibat dalam pergerakan parti politik berhaluan kanan atau parti politik berhaluan kiri yang telah berjuang menentang penjajah. Pembentukan pergerakan wanita, kesatuan buruh dan penglibatan dalam perjuangan antipenjajah telah memberikan kesedaran wanita tentang peranan dan status mereka dalam masyarakat. Pengalaman ini telah menyebabkan wanita berusaha berubah daripada kongkongan adat tradisi malah telah bergiat secara aktif dalam gerakan nasionalisme. Sumbangan penting wanita-wanita di Tanah Melayu dalam perjuangan nasionalisme ialah dengan melibatkan diri secara langsung dalam pelbagai aktiviti nasionalis seperti memperjuangkan hak pendidikan untuk wanita.

Seterusnya bab ketujuh merupakan bab penutup kajian yang menyimpulkan kemunculan nasionalisme di Tanah Melayu dan aktiviti wanita dalam politik formal dan tidak formal sebelum kemerdekaan merupakan satu bentuk politik transformatif yang wujud bagi menuntut keadilan sosial, menentang kapitalisme dan imperialism, hak sebagai warganegara, menentang kemiskinan dan buta huruf dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Ia juga membincangkan hasil temuan tesis ini iaitu, teori-teori Wanita Dunia Ketiga, konsep politik mengikut perspektif feminis, personal adalah politikal dan pemikiran maternal telah berjaya untuk menghuraikan penglibatan wanita dalam politik formal dan politik tidak formal di Tanah Melayu.

Kajian ini diharapkan dapat memberi suara kepada kumpulan aktivis wanita di Tanah Melayu tanpa mengira bangsa dan ideologi mereka ketika era penjajahan British dan pendudukan Jepun. Ia juga merekod dan mendokumentasikan sumbangan serta peranan wanita-wanita ini sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Secara langsung ia bertujuan mengiktiraf sumbangan aktivis-aktivis wanita ini dalam membina

kesedaran dan berjuang untuk mencapai kemerdekaan serta diambilkira dalam sejarah tanah air.

University Of Malaya

BAB DUA

RANGKA KERJA TEORITIKAL: FEMINISME DUNIA KETIGA, NASIONALISME DAN WANITA DALAM POLITIK

2.1 Pendahuluan

Bagi menganalisis penemuan empirikal tesis ini, teori feminis Dunia Ketiga, teori politik feminis, personal adalah politik dan *maternal thinking* akan digunakan.¹ Teori ini digunakan untuk memahami asas perkembangan dan perjuangan wanita dalam aktivisme sosial (politik tidak formal) dan politik formal sebelum Malaysia merdeka. Teori-teori ini boleh diaplikasikan untuk memahami bahawa kesedaran feminism telah berlaku di negara yang dijajah seperti Malaysia apabila munculnya pergerakan wanita yang berjuang untuk emansipasi sosial yang turut disokong oleh tokoh-tokoh reformis lelaki.² Kesedaran feminism di Tanah Melayu bermula dengan gerakan pembaharuan dan pemodenan masyarakat melalui kesedaran pendidikan, protes ke atas eksplotasi dan diskriminasi buruh yang akhirnya membawa kepada pergerakan nasionalisme. Aktivis-aktivis wanita ini melabelkan mereka sebagai ‘wanita baru’, iaitu pergerakan atau individu wanita yang menyokong emansipasi wanita dengan memberi pendidikan dan menyokong pemodenan masyarakat. Aspirasi untuk membebaskan wanita daripada pemikiran kolot, menerima pemodenan dan menyemai kesedaran untuk kemajuan bangsa, tetapi tetap dalam ruang lingkup yang diterima agama dan masyarakat (Bulan Melayu, 1942:26).

Perjuangan pergerakan wanita ini diklasifikasikan sebagai aktivisme sosial di mana agenda utama ialah membawa perubahan positif kepada masyarakat selain

¹ Teori yang berhubungan dengan pemikiran kewanitaan. Ia mengaitkan perasaan dan naluri keibuan menjadikan wanita berfikir, intelektual dan menggunakan pendekatan politik aman demi kepentingan anak-anak atau generasi yang dilahirkan oleh mereka.

² Dikenali sebagai ‘lelaki baru’. Digunakan dalam penerbitan majalah seperti Bulan Melayu.

daripada berjuang berjuang menuntut keadilan sosial. Aktivisme sosial mengikut perspektif feminis merujuk kepada pengertian sesuatu pergerakan atau tindakan yang mempunyai agenda untuk membawa perubahan sosial dalam masyarakat. Secara am, ianya bertujuan untuk memberi impak secara langsung seperti meningkatkan taraf hidup masyarakat ke arah yang lebih positif. Justeru itu, mengikut penulisan feminis, penglibatan wanita dalam politik tidak formal (aktivisme sosial) dianggap sebagai peringkat politik mikro dan penglibatan dalam politik formal sebagai politik makro (Lister, 2003). Penglibatan wanita aktivisme sosial melibatkan perjuangan serta agenda wanita dalam membawa perubahan positif kepada masyarakat. Malah penulisan feminis mendefinisikan aktivisme sosial wanita yang merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan kempen mengenai tuntutan keadilan sosial dan ekonomi, kritik mengenai sistem patriarki walaupun aktiviti ini menerima tantangan hebat daripada komuniti dan masyarakat (Naples, 1988, 110). Manakala Wieringa (1995:7) menjelaskan aktivisme sosial wanita sebagai spektrum individu atau berkumpulan, sesebuah organisasi, secara sedar atau tidak sedar telah mengetengahkan isu subordinasi gender. Penglibatan wanita dalam organisasi atau pergerakan sosial yang berfungsi sebagai agen perubahan berkait dengan keadaan dan posisi wanita dalam pelbagai aktiviti pembaharuan. Bentuk aktivisme sosial ini dikenalpasti sebagai organisasi wanita, kumpulan reformasi, konferen dan kempen (Antrobus, P., 2004:109). Kegiatan aktivisme amat penting dan memberi impak besar kepada komuniti secara keseluruhan dan individu yang terlibat. Aktivisme penting kepada wanita kerana melalui penglibatan dalam pergerakan sebegini mampu meningkatkan keyakinan atau kepercayaan terhadap perjuangan mereka dan diri mereka sendiri terutama sekali kepada wanita yang pernah tertindas dan dipinggirkan. Penglibatan wanita dalam aktivisme sosial merupakan satu sumbangan wanita sebagai warga aktif yang mampu untuk berpolitik dan memainkan peranan penting dalam masyarakat (Lister, 2003).

Manakala konsep nasionalisme pula memberi pelbagai maksud, antaranya pengertian yang dikaitkan dengan patriotisme sehingga muncul gerakan menuntut kemerdekaan daripada penjajah (Synder & Osipov, 1968:75). Mengikut Eriksen (1993:99), nasionalisme merupakan sentimen atau pergerakan yang bangkit daripada kemarahan disebabkan layanan tidak adil terhadap kaum atau bangsa tertentu. Herr (2003:135), dalam analisis beliau menjelaskan bahawa pergerakan nasionalisme secara tidak langsung telah menyokong gerakan wanita baru atau feminism. Beliau mengupas bahawa kesedaran nasionalisme telah membantu ‘mencipta’ feminism, malah pada satu ketika pejuang nasionalis lelaki telah bergabung tenaga dengan feminis nasionalis bagi mencapai matlamat mereka mendapatkan kemerdekaan dan membentuk kerajaan sendiri. Herr (2003), bagaimanapun mengkritik pihak nasionalis lelaki kerana meletakkan agenda feminis sebagai prioriti kedua, malah selepas merdeka agenda feminis telah dipinggirkan dan tidak menjadi agenda penting seperti yang diperjuangkan sebelumnya.

Pejuang nasionalis termasuk lelaki dan wanita telah berjaya menggugat kekuatan pihak penjajah dan penguasaan imperialis di negara mereka. Dalam usaha memahami perhubungan yang dinamik antara feminism dan nasionalisme, beberapa sarjana feminis Dunia Ketiga telah menegaskan bahawa semangat nasionalisme sebagai pencetus kepada perjuangan feminism peringkat awal. Kebanyakan kajian sebelum ini meminggirkan peranan wanita dalam topik nasionalisme, malah gagal mengabaikan kesedaran nasionalisme sebenarnya yang telah membantu meningkatkan kesedaran feminism dalam kalangan wanita (Jayawardena, 1986; West, 1997; Yuval-Davis, 1997; Hee-kang 2009). Persatuan-persatuan wanita semasa era penjajahan bertanggungjawab menanamkan semangat patriotik untuk menyatukan bangsa dan berjuang membangkitkan kesedaran ke peringkat akar umbi. Mereka menekankan pendidikan, konsep negara bangsa, identiti nasional dan sistem demokrasi (Hobsbawm,

2012; Bannerji, 2011). Perkembangan kesedaran nasionalisme di negara Dunia Ketiga menunjukkan kematangan masyarakat akar umbi dan golongan pekerja dalam politik kebangsaan. Pejuang nasionalis juga bekerjasama dengan pergerakan wanita meneruskan matlamat perjuangan dengan menekankan modenisasi kepada masyarakat. Kedua-dua pergerakan nasionalis dan pergerakan yang menyokong emansipasi wanita secara serentak berjuang bersama-sama bagi membebaskan negara dari cengkaman penjajah untuk memodenkan pemikiran bangsa mereka.

Pergerakan wanita di Tanah Melayu memulakan kempen untuk memperbaiki taraf hidup wanita dan status wanita agar kehadiran mereka diterima dan dihormati seperti lelaki. Mereka mendedahkan isu kemunduran wanita, penderaan wanita, isu poligami tanpa izin atau diperlakukan secara tidak adil oleh suami disebabkan masalah wanita buta huruf dan terlalu bergantung hidup kepada suami. Pergerakan wanita menjadikan sekolah sebagai sandaran utama untuk memperkasakan wanita dan meningkat status wanita ketika itu. Perjuangan pergerakan wanita ini menunjukkan perbezaan ketara antara perjuangan feminis di Barat dan di negara yang pernah dijajah di mana pergerakan wanita di Barat lebih mementingkan pembebasan individu, perjuangan menuntut kepentingan identiti dan status wanita. Beberapa sarjana feminis Dunia Ketiga seperti (Jayawardena, 1986; McClintock, 1991; Ng & Maznah, 1994; Rowbotham (1992); Spivak, (1987) memberi penjelasan mengenai kemunculan feminism di negara-negara yang pernah dijajah. Ia berkait rapat dengan penentangan terhadap budaya imperialism dan pentadbiran penjajah. Malah, pergerakan wanita di Dunia Ketiga boleh diterima sebagai feminism walaupun selama ini tidak dilabelkan gerakan feminis.

Bagi menganalisis penemuan kajian ini beberapa teori dan idea digunakan untuk menjelaskan konsep politik daripada perspektif feminis (Stacey & Price, 1981; Abbot & Wallace, 1990; Ruddick, 1989; Sapiro, 1984; Shanley & Pateman, 1991; Hartsock,

1998; Elshtain, 1981). Sarjana feminis telah menstruktur semula konsep dan maksud politik yang sebelum ini terhad kepada institusi formal. Penstrukturan semula konsep politik ini mengambil kira impak politik yang berbeza ke atas wanita termasuk perhubungan pengalaman peribadi yang dilihat sebagai politikal. Secara realitinya wanita telah sedia terlibat dalam politik namun, peranan mereka sering dipinggirkan dan diasingkan oleh dominasi organisasi politik yang dipimpin oleh lelaki. Aktiviti wanita dalam politik sering tersorok daripada rekod sejarah, begitu juga penglibatan mereka dalam politik (Kim, & Chungmoo, 2012; Ikeya, 2011). Malah, pembahagian arena *private* dan arena publik yang didokong oleh idealogi patriarki untuk meminggirkan wanita dari dunia politik. Selain itu, teori-teori yang dibincangkan dalam bab ini meliputi teori feminis Dunia Ketiga, teori politik dari perspektif feminis dan pemikiran maternal.

2.2 Teori Feminis Dunia Ketiga

Teori feminism Dunia Ketiga menegaskan bahawa nasionalisme dan sosialisme telah menjadi asas kesedaran feminism dan semangat pergerakan wanita yang cenderung ke arah emansipasi dan perjuangan politik dalam abad ke-20 (Jayawardena, 1986). Teori-teori feminis Dunia Ketiga mengetengahkan wanita sebagai agen perubahan bangsa dan bukan sebagai mangsa seperti yang diketengahkan oleh feminis Barat. Diskusi dan perdebatan teori-teori ini amat membantu dalam membentuk kerangka teori kajian yang sesuai untuk kajian ini. Pemakaian teori feminis Dunia Ketiga dalam kajian ini diambil daripada Jayawardena (1986) yang mengetengahkan kesedaran feminism di negara-negara yang pernah dijajah berkait rapat dengan penentangan terhadap budaya imperialism dan pentadbiran kolonial serta usaha memodenkan masyarakat. Feminisme Dunia Ketiga ini asli dan unik kerana pendapat bahawa kesedaran ini muncul daripada hubungan kuasa ekonomi yang tidak seimbang sehingga rakyat menuntut kepada perubahan sosial yang akhirnya meningkatkan

kesedaran nasionalisme dalam kalangan negara-negara yang dijajah (Jayawardena, 1986: 254-255). Beliau mengiktiraf sumbangan wanita dan mendedahkan bagaimana feminism dan nasionalisme saling membentuk dan mengukuhkan perjuangan menentang penjajahan terutamanya selepas Perang Dunia Kedua.

Perdebatan mengenai hak-hak wanita dalam pendidikan telah disuarakan oleh pergerakan wanita yang menuntut emansipasi sosial di awal abad ke-20. Jayawardena menegaskan pejuang nasionalis Dunia Ketiga melaksanakan reformasi dalam tiga aspek penting untuk menentang imperialis, iaitu dengan memodenkan masyarakat, mematahkan struktur teras kapitalis, pemerintahan dinasti dan penguasa agama ortodoks. Walaupun konsep feminism bermula di Barat, ia berkembang seiring dengan ilmu rasionalisme yang meletakkan pembebasan dan persoalan wanita sebagai agenda utama. Namun dalam situasi tersebut, kebanyakan sarjana feminis Barat terlupa bahawa tidak semua wanita daripada setiap golongan masyarakat mengalami pengalaman yang sama. Sarjana feminis ketika itu gagal mengambilkira aspek-aspek seperti perbezaan kelas, ras, etnik, kemampuan dan budaya dalam analisis mereka. Malah mereka seperti terlupa terdapat dunia lain yang masih bergelut dengan penjajahan dan tidak meletakkan isu hak kesaksamaan dengan lelaki sebagai prioriti kerana rakyat yang terjajah dan di bawah penindasan pihak penjajah. Justeru itu, sarjana feminis di Dunia Ketiga telah banyak membincangkan tentang kesesuaian untuk mengaplikasikan pendekatan feminis Barat untuk memahami perjuangan wanita di Dunia Ketiga (Mohanty, 1984, 1991).

Spivak (1988) dalam *Can the Subaltern Speak*, mengutarakan isu wanita biasa yang sentiasa tertindas dari segala aspek. Malah, pengalaman dan suara wanita daripada bukan kelas elit atau dikenali sebagai *subaltern*, tidak didengar dan tidak diambil kira dalam penulisan sejarah. Beliau turut mengkritik sarjana Barat kerana gagal mengetengahkan pengalaman penduduk tempatan di negara yang dijajah oleh Barat di

mana isu penindasan oleh pihak penjajah di negara Dunia Ketiga didiamkan. Beliau mengkritik andaian bahawa feminism secara umumnya mewakili semua wanita dan pengalaman wanita adalah sama. Kritikan beliau akhirnya telah menghasilkan suatu sumbangan pemikiran penting dalam feminism pascakolonial di mana beliau telah menunjukkan pemunggiran subjek-subjek *subaltern* yang tidak dibenarkan bersuara. Spivak juga turut memberi sumbangan definisi baru dalam pemikiran politik feminis dengan menekankan kepentingan menghormati wanita yang terdiri daripada kepelbagaiannya bangsa, kelas, agama dan budaya terutama golongan *subaltern* yang tidak diketengahkan suara mereka dalam sejarah. Malah suara mereka direpresentasikan oleh para sarjana Barat dalam tulisan mereka tanpa membawa suara wanita-wanita yang terlibat.

Pemikiran Spivak turut dikongsi oleh Mohanty (1988) yang mengkritik kecenderungan sarjana feminis Barat yang dilihat menjadi alat penjajahan dengan mengeksplorasi sumber dan kepelbagaiannya sejarah kehidupan wanita di Dunia Ketiga mengikut perspektif mereka. Beliau mengkritik sarjana feminis Barat yang membuat andaian berdasarkan konsep kesejagatan yang mengutarakan pengalaman wanita sebagai sama. Beliau menekankan kepentingan menghormati kepelbagaiannya dan membentuk satu teori feminis yang kukuh berdasarkan perbezaan ini untuk wanita di Negara Dunia Ketiga. Dalam tulisan beliau, *Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourses* (1984) Mohanty menyatakan perhubungan wanita sebagai suatu komposit budaya dan ideologi yang dikonstruksikan melalui pelbagai wacana representasi. Wanita adalah suatu subjek hakiki, material dari sejarah kolektif dan menjadi salah satu hasrat utama yang ingin diketengahkan oleh sarjana feminis. Dalam artikel ini Mohanty juga mengkritik projek politikal feminism Barat dan konstruksi diskursif kategori Wanita Dunia Ketiga sebagai suatu entiti yang homogenos. Mohanty (1988) menyatakan bahawa feminism Barat telah cenderung menenggelamkan perbezaan yang wujud

dalam kalangan wanita-wanita di Dunia Ketiga di mana pengalaman penindasan adalah pelbagai dan bergantung kepada aspek geografi, sejarah dan budaya. Tulisan beliau ini menonjolkan kesukaran yang dihadapi oleh feminis dari Dunia Ketiga iaitu jarang didengari dalam pergerakan feminis yang lebih luas, dan ia membawa kepada "pentakrifan semula hubungan kuasa" antara feminis Dunia Pertama dan feminis Dunia Ketiga. Teori ini kemudiannya diperkembangkan, malah pendekatan feminis Dunia Ketiga, telah diaplikasikan dalam kajian sejarah wanita yang pernah terlibat dalam perjuangan perubahan sosial dalam masyarakat untuk membebaskan diri daripada eksploitasi, penindasan dan penjajahan kuasa besar.

Menurut Mohanty, perkembangan feminis Dunia Ketiga agak terkebelakang berbanding dengan kemunculan feminism di Barat. Konsep feminism yang diterokai di Barat selari dengan perkembangan ilmu rasionalisme dan pemodenan masyarakat yang membawa kepada persoalan serta isu wanita menjadi agenda utama. Manakala jika dibandingkan dengan perkembangan feminism di Dunia Ketiga pada peringkat awal ia jauh berbeza dengan kemunculan feminism di Barat. Isu wanita di Dunia Ketiga tidak hanya fokus kepada persoalan wanita, pemodenan bangsa dan peluang pendidikan tetapi perjuangan mereka berkait rapat tentang penentangan terhadap penjajahan. Dalam menganalisis perkembangan feminism Dunia Ketiga ia melibatkan analisis yang berkait dengan isu etnik, isu imperialism, isu seksisme dan penjajahan (Mohanty, Russo & Touress, 1991).

Mohanty (1991) menegaskan istilah Dunia Ketiga digunakan oleh sarjana Barat untuk merujuk kepada dunia pascakolonial atau negara membangun. Namun, istilah ini juga merujuk kepada negara-negara Asia, Afrika, Amerika Latin yang pernah dijajah atau dijajah semula secara ekonomi dan struktur politik. Mohanty, Russo & Toress (1991) membangkitkan persoalan kelas, bangsa, seksualiti, kolonialisme dan imperialisme yang menjadi asas perjuangan rakyat seluruh dunia. Beliau menjelaskan

kepelbagaiannya dalam fahaman feminism di Negara-negara Dunia Ketiga dan konsep ini sukar untuk digeneralisasikan, kerana ia berhubung-kait dengan sejarah dan perjuangan wanita Dunia Ketiga menentang penjajahan, imperialism, seksisme dan rasisme. Mohanty mengkritik konsep kesejagatan atau *universality* yang dipelopori oleh sarjana feminis barat yang mengandaikan pengalaman wanita Barat (berkulit putih/dari kelas pertengahan) mewakili pengalaman dan suara wanita Asia.

Mohanty menggunakan konsep '*imagined community*' yang diperkenalkan oleh Anderson (1983) dalam menjelaskan wujudnya kerjasama atau perkaitan politik di antara pelbagai aktivis wanita yang mempunyai kelainan dalam perjuangan yang tentu sekali tidak berlandaskan persamaan dari aspek budaya, warna kulit, kelas atau gender tetapi berasaskan potensi untuk perikatan serta kerjasama merintasi sempadan-sempadan yang beza membezakan. Mohanty mengaplikasikan konsep *imagined communities of women* yang menggambarkan wanita, terdiri daripada pelbagai latar belakang geografi, kebudayaan dan sosial yang mampu membentuk perikatan untuk menentang bentuk dominasi yang meluas dan sistematik.

Justeru itu sangat penting untuk mengelakkan *ethnocentrism* supaya kepelbagaiannya dalam pemahaman mengenai feminism dapat diketengahkan. *Ethnocentrism* merupakan satu kritikan terhadap feminis barat yang merasakan bahawa pendekatan dan pemikiran mereka lebih progresif berbanding dengan wanita Dunia Ketiga yang masih dianggap belum melalui proses liberalisasi (Mohanty, 1988). Beliau mengkritik penulisan sarjana Barat yang menganalisis wanita Dunia Ketiga dalam kategori sosial yang mundur, tidak berdaya saing, lemah, terikat dengan tradisi yang menindas, serta fanatik agama. Tindakan ini menyebabkan pemunggiran feminis Dunia Ketiga dari segi wacana intelektual, bukan sahaja dalam perspektif arus perdana tetapi juga dalam perspektif feminis Barat. Beliau turut mengkritik kecenderungan sesetengah pemikir feminis Barat seolah-olah terlibat dalam penjajahan mental dan menafikan

kepelbagaiannya sejarah serta latar belakang wanita Dunia Ketiga (Mohanty, 1988:66).

Konsep kesejagatan ini telah dicabar oleh sarjana feminis Dunia Ketiga kerana pengabaian aspek-aspek penjajahan, gender, ras dan kelas dalam analisis mereka. Pengalaman aktivis wanita di negara yang pernah dijajah jauh berbeza dengan pengalaman feminis Barat kerana mereka terpaksa melalui proses penjajahan berganda (Gupta, 2001:71; Aihwa., 1988:108-118; Narayan, 2004:213-224). Penjajahan berganda bermaksud pejuang atau aktivis wanita bukan sahaja berdepan dengan pihak penjajah yang menyokong elemen *androcentric* untuk memastikan masyarakat tanah jajahan patuh dan berguna kepada polisi imperialis, malah terpaksa berdepan dengan tohmahan kerana mencabar norma serta tradisi masyarakat mereka sendiri dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat tentang pendidikan dan reformasi sosial. Pandangan ini turut dikongsi oleh McClintock (1991:120) yang menegaskan feminism akan menjadi sebahagian ideologi imperialis Barat sekiranya mereka hanya meletakkan kepentingan dan kedudukan istimewa mereka sebagai wanita Barat. Beliau jelas mengkritik kecenderungan sarjana feminis Barat yang sering mengabaikan perbezaan kelas, ras dan etnik sebagai kategori penting dalam kajian feminis.

Maznah Mohamad (1994), membahaskan pendekatan pascastrukturalis dan pascamoden digunakan untuk memahami kedudukan feminis Dunia Ketiga. Beliau menerangkan bahawa terdapat tiga bentuk feminism dunia Ketiga, iaitu pergerakan politik yang berasaskan pembebasan awam. Aktivisme atau tindakan sosial yang diperjuangkan oleh feminis Dunia Ketiga yang berpandukan agenda moden dan modernisasi masyarakat serta tindakan yang dilaksanakan melalui perancangan atau pilihan yang berbeza daripada feminis Barat. Perjuangan mereka berasaskan penentangan terhadap elemen-elemen pramoden, seperti fahaman sempit, gaya hidup konservatif dan ‘*chauvinisme*’ gender dan ras. Perjuangan-perjuangan ini jauh berbeza

dari pada feminism di Barat yang tidak aktif terlibat sebagai agen modenisasi sehingga mereka gagal menjamin hak wanita yang dijajah.

Feminis Dunia Ketiga turut mengetengahkan analisis yang berbeza dengan pendekatan feminis Barat, mengenai politik regresif seperti isu imperialis, isu etnik, penjajahan dan isu seksis. Pendekatan teori Feminis Dunia Ketiga digunakan dalam analisis kajian ini kerana teori ini boleh diaplikasikan untuk mengkaji perjuangan-perjuangan wanita di Tanah Melayu sebelum merdeka. Sarjana feminis Dunia Ketiga telah mengetengahkan persoalan mengenai kemunculan feminism di negara-negara yang dijajah, mengkaji emansipasi wanita dan strategi wanita dalam politik serta aktiviti perjuangan nasionalis dalam menentang penjajahan.

Ng, Maznah Mohamed dan tan (2006:17) menjelaskan perjuangan pergerakan awal feminism di Malaysia telah melalui proses yang kompleks dan terbahagi kepada beberapa fahaman feminism kerana terikat dengan faktor budaya, karektor politik dan ekonomi yang berbeza. Pergerakan feminism di Malaysia selalunya tidak mencapai kesepakatan dalam menyumbang satu suara wanita semenjak era penjajahan kerana sistem pemikiran masih terikat mengikut perbezaan ideologi, perbezaan ras, budaya dan kelas. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama perjuangan nasionalis yang menentang penjajahan dan dominasi asing telah mencetuskan perdebatan tentang peranan wanita di tempat kerja, hak wanita mendapatkan pendidikan dan partisipasi wanita dalam politik (Dancz, 1987; Ng, Maznah Mohamad & tan, 2006). Justeru itu, wanita dari pada pelbagai komuniti telah menyuarakan semangat nasionalisme dalam maksud dan dalam konteks tersendiri bergantung kepada latar belakang sejarah dan budaya masing-masing. Ini membolehkan kajian ini menggunakan teori Feminis Dunia Ketiga yang menyokong pendekatan perbezaan dengan potensi untuk perikatan merintasi perbezaan ini, maka ini merupakan kerangka teori yang sesuai bagi tujuan

menganalisis dapatan kajian ini. Perbezaan dalam perjuangan politik nasionalisme di Tanah Melayu terbahagi kepada dua, iaitu perjuangan nasionalisme yang menggunakan pendekatan haluan kanan dan golongan haluan kiri. Perjuangan mereka ini berlaku selari di mana perjuangan-perjuangan tersebut saling bertindih secara tidak sedar ke arah penentangan terhadap kuasa kolonial walaupun pihak penjajah hanya berinteraksi dengan pergerakan nasionalis haluan kanan tetapi tekanan yang diberi oleh golongan nasionalis haluan kiri kepada kuasa kolonial tidak dapat dinafikan menjadi penggerak dalam perundingan pihak penjajah dengan golongan nasionalis haluan kanan. Walaupun wujud perbezaan antara mereka tetapi fokus perjuangan untuk menamatkan penjajahan adalah sama manakala taktik dan pendekatan perjuangan adalah berbeza.

Feminisme Dunia Ketiga merujuk kepada perjuangan wanita menentang penindasan (Ng, Maznah Mohamad, tan, 2006:2; Jayawardena, 1986) atau tindakan transformasi sosial yang bermatlamat untuk menamatkan penindasan penjajah terhadap wanita di samping menuntut kesaksamaan politik, ekonomi dan sosial. Namun begitu, terdapat kritikan daripada sarjana pascakolonial yang menegaskan pergerakan feminism dunia ketiga gagal kerana dilangkaui projek nasionalis. Kritikan ini dibantah oleh Hee-Kang, (2009:108) kerana sumbangan feminis nasionalis perlu diiktiraf oleh sejarah kerana terdapat perkaitan yang rapat antara kesedaran feminis dan nasionalis semasa era penjajahan. Beliau menegaskan ketegangan yang berlaku di antara golongan nasionalis dan feminis negara Dunia Ketiga tidak seharusnya dipandang negatif kerana terdapat perkaitan rapat antara matlamat feminism dan pejuangan nasionalisme, malah ia tidak bertentangan dengan agenda utama kedua-dua pergerakan. Beliau menyedari walaupun wanita telah dipinggirkan selepas perjuangan nasionalisme mencapai matlamatnya namun melalui nasionalisme, aktivis wanita telah sedar tentang kepentingan agenda emansipasi wanita ketika itu. Semangat nasionalisme juga wujud dalam pergerakan feminis dan agenda ini boleh membantu memperkuatkan

mereka atau melemahkan mereka. Ia juga membantu feminis mengutamakan identiti dan menyelami pengalaman negara dan bangsa mereka semasa penjajahan.

Sementara itu, Jayawardena (1986:2) menegaskan feminism, bukan sekadar pergerakan yang menuntut kesaksamaan dan emansipasi yang menuntut hak dan reformasi undang-undang untuk menghentikan diskriminasi dan ketidakadilan terhadap wanita. Malah, feminism perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar termasuk, pergerakan yang menuntut kesaksamaan untuk semua anggota masyarakat, malah paling signifikan ialah perjuangan menuntut perubahan sistem yang menindas dan mengawal pemikiran rakyat. Beliau mengetengahkan teori bagi memecahkan kebuntuan konsep antara feminis dan nasionalis. Tafsiran feminis Barat yang hanya meletakkan perjuangan pembebasan sebagai agenda utama wanita tidak semestinya bermaksud wanita di Asia tidak pernah berjuang untuk mendapatkan pembebasan, pemodenan dan transformasi. Jayawardena menegaskan pergerakan pembebasan dan transformasi sosial di negara Dunia Ketiga menjadi kukuh dengan penglibatan wanita daripada setiap lapisan masyarakat. Malah dengan bersatunya pergerakan wanita dalam pergerakan nasionalisme, negara yang pernah dijajah dapat membebaskan diri daripada eksplorasi dan penindasan penjajah. Jayawardena juga menegaskan konsep feminism bukan berasal atau milik Barat kerana wanita di Dunia Ketiga telah melalui pengalaman tersebut tanpa meletakkan sebarang label ke atas perjuangan mereka.

Penulisan beliau bertanggungjawab mengubah pandangan dan tuduhan yang menganggap feminism merupakan warisan kapitalis yang menyusup dalam pemikiran wanita Dunia Ketiga serta cuba memesongkan wanita daripada budaya, agama dan mengabaikan tanggungjawab mereka kepada keluarga. Beliau menegaskan feminism bukan hanya pergerakan yang menyokong emansipasi tetapi memberikan kesedaran tentang eksplorasi dan penindasan gender yang masih wujud sehingga ke hari ini.

Feminisme bukan ideologi yang dipaksa oleh Barat ke atas wanita Dunia Ketiga tetapi ia merupakan suatu kesedaran dalam masyarakat terutama dalam kalangan wanita tentang budaya yang telah memberi impak negatif kepada wanita melalui penjajahan dan imperialisme.

Pergerakan wanita di peringkat awal telah berperanan sebagai agen perubahan sosial di mana mereka berdepan dengan penjajahan dan pendudukan asing yang membangkitkan semangat untuk membawa perubahan. Jayawardena (1986) mengenalpasti beberapa pendekatan yang diaplikasikan oleh pergerakan wanita di negara Dunia Ketiga, iaitu memperjuangkan reformasi dari dalam yang bertujuan memodenkan masyarakat untuk menolak imperialisme, meletakkan identiti nasional sebagai asas perpaduan dalam kalangan rakyat untuk menentang penjajahan dan merombak struktur kapitalis. Kesedaran nasionalisme semakin berkembang dan menyaksikan golongan elit dan kelas pekerja mula menentang struktur kapitalis yang diperkenalkan oleh penjajah. Golongan nasionalis yang terdiri daripada kelas elit menggunakan identiti budaya untuk menanamkan semangat patriotik dan membangkitkan semangat perpaduan di kalangan rakyat. Pada waktu ini golongan reformis telah mempromosikan pembaharuan dalam pendidikan, hak berkerajaan sendiri, hak saksama lelaki dan wanita.

Teori feminis Dunia Ketiga mendedahkan perkembangan penting kemunculan pergerakan-pergerakan wanita ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada aktivis nasionalis lelaki. Semasa zaman penjajahan, pergerakan wanita ini berjuang untuk hak-hak wanita dan menuntut pendidikan untuk kanak-kanak perempuan. Ini menunjukkan bagaimana wanita di Dunia Ketiga berjuang untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan kepada bangsa dan negara. Perjuangan ini berjaya menggalakkan wanita terlibat dalam perjuangan politik formal dan mereka bergabung

tenaga dengan nasionalis lelaki untuk memperjuangkan kemerdekaan negara. Gabungan kerjasama antara pejuang nasionalis dan feminis di negara Dunia Ketiga penting untuk menentang penjajah berdasarkan isu keperluan asasi dan kehidupan ekonomi yang terjejas selepas dijajah. Isu nasionalisme kemudiannya menjadi agenda penting pergerakan feminis di Tanah Melayu menentang penjajah. Penentangan awal rakyat di Tanah Melayu telah membabitkan isu ketidakadilan sosial, kemiskinan, kejahilan dan isu pendidikan serta buta huruf di kalangan masyarakat. Pengalaman penentangan ini penting kerana ia boleh dikategorikan sebagai satu bentuk perjuangan politik yang menuntut perubahan dan berhubung kait dengan slogan feminis personal adalah politikal (Elshtain, 1981:204-208).

Perjuangan nasionalis feminis ini dilihat sebagai satu pengalaman penting dalam sejarah perjuangan politik wanita kerana ia menunjukkan nasionalisme bukan hanya milik mutlak kepada aktivis yang berkecimpung di dalam politik formal tetapi wujud di dalam pelbagai bentuk perjuangan atau pergerakan yang menentang ketidakadilan. Feminis nasionalis ini merujuk kepada perjuangan wanita dan penglibatan mereka dalam pergerakan kemerdekaan melalui kesedaran emansipasi. Pergerakan yang menuntut perubahan masyarakat bermula dengan pergerakan politik tidak formal dan setelah itu berkembang membentuk perjuangan nasionalis awal yang lahir dalam pelbagai bentuk perjuangan tanpa mengira ideologi kiri atau ideologi kanan.

Jayawardena (1986:15) turut menyentuh kepentingan buruh wanita semasa perkembangan kapitalis di Asia. Prakapitalis menunjukkan peningkatan buruh wanita di sektor perladangan dan industri domestik kerana buruh ini merupakan buruh paling murah dan mudah dieksplotasi. Ini dapat dilihat melalui kajian-kajian yang dijalankan oleh Chatterjee (2001); Krishnamurthy, (1989); Mohanty, (1988); Lee, (1989). Buruh wanita amat penting kepada golongan kapitalis tempatan dan kapitalis asing. Walaupun secara tradisi mobiliti wanita dihadkan namun bagi pihak kapitalis buruh wanita

merupakan buruh murah dan sangat diperlukan untuk perkembangan industri perladangan dan industri domestik. Keadaan ini memperlihatkan pertembungan antara keperluan kapital dan perjuangan emansipasi yang menuntut partisipasi wanita dalam sektor ekonomi. Kehadiran wanita sebagai buruh murah telah menyatukan mereka dengan kesatuan-kesatuan pekerja lain. Perkembangan kesatuan buruh di Asia menunjukkan penglibatan yang aktif dalam kalangan buruh sehingga ke peringkat antarabangsa. Kesatuan buruh melancarkan aktiviti mogok dan protes terhadap majikan dalam era penjajahan menuntut persekitaran kerja yang selamat dan menghentikan sistem yang mengeksplorasi buruh. Malah buruh wanita ini terus berjuang walaupun terpaksa berdepan dengan penentangan dan halangan untuk menggerakkan kesatuan buruh (Rohana Ariffin, 1997; Desousa, 2010).

Randal (1987:175) menjelaskan kesedaran wanita dan aktiviti mereka dalam nasionalisme harus dilihat secara mendalam. Beliau menerangkan perhubungan feminism dan nasionalisme di negara Dunia Ketiga mendapat sokongan rakyat melalui aktiviti-aktiviti berbentuk nasionalisme, resistansi wanita, kemunculan golongan moderat, termasuk sokongan dari kelas elit sendiri yang menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Kebangkitan semangat nasionalisme lahir dalam pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan ideologi, iaitu yang memilih berjuang bersama-sama golongan haluan kanan atau golongan haluan kiri. Randal (1987) juga merujuk kepada kenyataan Jayawardena (1986) bahawa semangat serta perjuangan pergerakan wanita diperkuatkan melalui partisipasi dan pembabitan wanita di setiap peringkat. Malah perjuangan ini turut menggambarkan bagaimana wanita mula membebaskan diri mereka dari sistem tradisional yang dilihat mengeksplorasi dan menindas wanita serta merungkai sedikit struktur patriarki yang terpahat kukuh dalam adat tradisi masyarakat. Dalam membentuk kesedaran nasional, pergerakan wanita telah

menggalakkan pendidikan serta mengaitkan semangat ini dengan ajaran agama untuk menyedarkan masyarakat.

Sarjana feminis negara Dunia Ketiga seperti Jayawardena (1986) menjelaskan peningkatan sokongan wanita kepada pergerakan nasionalisme, terutama semasa perjuangan pembebasan nasional membuktikan keberhasilan emansipasi wanita dan nasionalisme feminis. Beliau menjelaskan walaupun golongan feminis ini menunjukkan komitmen mereka dalam perjuangan nasionalisme di samping perjuangan meningkatkan status dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Malah perhubungan pergerakan wanita ini dengan parti politik membuktikan kepentingan wanita dalam perjuangan nasionalisme, di mana mereka turut mengatur strategi dan turun ke desa-desa untuk menerangkan kepada rakyat. Walaupun pergerakan wanita di Tanah Melayu ini masih terbatas perjuangan mengikut kaum dan kelas namun perbezaan ini dirungkai sedikit demi sedikit dalam parti yang bersifat majmuk mengikut pakatan mahupun ideologi sesebuah parti politik.

Ng & Maznah (1989) menegaskan feminis Barat gagal membawa persoalan mengenai wanita di negara yang pernah dijajah dalam wacana diskusi mereka. Justeru itu, mereka tidak memahami pengalaman penindasan berganda yang dialami rakyat tempatan setelah penjajah menggugat ekonomi tradisional dan mewujudkan kebergantungan dalam kalangan rakyat yang dijajah kepada ekonomi kapitalis. Sebagai contoh, ramai buruh imigran termasuk wanita dan kanak-kanak telah dibawa ke Tanah Melayu untuk bekerja di sektor perladangan, perlombongan dan industri. Kebanyakan buruh ini telah dieksplorasi termasuk wanita dan kanak-kanak yang dijadikan sumber buruh murah oleh British dan pemodal kapitalis (Arasaratnam, 1970; Stenson, 1980; Leong, 1976).

Mereka terpaksa bekerja untuk masa yang panjang iaitu, bermula enam pagi sehingga sebelas malam, cuti rehat separuh hari pada hari Ahad, upah yang rendah sedangkan mereka bekerja untuk menyara keluarga, membeli makanan, serta mendapat perlindungan. Di samping itu mereka juga bekerja dalam persekitaran yang tidak sihat seperti keadaan tempat tinggal yang tidak sempurna, keselamatan, hospital atau pusat kesihatan yang jauh dari ladang, terutama klinik bersalin (Stenson, 1980; Breman & Daniel, 1992; Nair, 1937; Manderson, 2002; Jain, 1988; Ah, 1986). Pekerja wanita tidak mempunyai kuasa dan autoriti, terpaksa melakukan kerja dengan upah kecil, pada masa yang sama mempunyai tanggungjawab yang besar untuk keluarga sebagai pemberi nafkah, menjaga anak dan memenuhi keperluan keluarga. Mereka melalui detik-detik kepayahan kerana upah yang diperolehi tidak cukup untuk menampung makanan dan tempat tinggal menyebabkan mereka terpaksa berhutang. Keadaan buruh ini digelar sebagai ‘sucked orange’ menggambarkan tenaga dan keringat mereka diperah habis-habisan (Arasaratnam, 1970:63; Stenson, 1980:21).

Walaupun perjuangan nasionalisme wanita di Tanah Melayu, tidak bertujuan menghapuskan patriarki (Rohana Ariffin, 1999), tetapi menekankan perjuangan ke arah kesaksamaan sosial dan transformasi sosial. Manifestasi ketidakadilan terhadap wanita telah membentuk gerakan emansipasi yang berpandangan peminggiran wanita dari aspek sosial, politik dan ekonomi merupakan kerugian besar kepada masyarakat dan negara. Emansipasi penting untuk membentuk keseimbangan dalam masyarakat dan mampu melahirkan wanita yang berintegriti tinggi, serta mampu menangkis perlecehan terhadap wanita dan berani berjuang bersama reformis lelaki untuk menegakkan nilai-nilai kemanusiaan, kebenaran dan keadilan.

Kemunculan pergerakan emansipasi wanita di penghujung tahun 1920-an, merupakan satu pembaharuan untuk wanita apabila mereka mula bergerak dalam arena publik dan menggalakkan peluang pendidikan formal untuk wanita (Doukakis, 2012;

Barthel, 1985; Hasnah Husiin, 2011; Mahani Musa, 2010). Walaupun di peringkat awal tuntutan pendidikan formal dilihat sebagai seiring dengan perkembangan ekonomi bagi memenuhi sektor birokrasi yang memerlukan pucuk pimpinan elit tempatan ala Barat serta keperluan tenaga buruh pribumi bagi memikul tanggungjawab di peringkat bawahan. Ia juga dilihat sebagai memenuhi kehendak reformasi sosial yang diperjuangkan oleh wanita British, di mana persekolahan untuk wanita hanya digalakkan setakat untuk melatih wanita daripada kelas atasan memainkan peranan sebagai isteri elit tempatan (Barthel, 1985).

Pendidikan formal untuk wanita turut diperjuangkan oleh reformis dan ilmuan yang dididik dari Timur Tengah yang mula mencabar tafsiran ortodoks mengenai kedudukan wanita dalam Islam (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007; Hafiz Zakariya, 2011). Golongan ini menyarankan pendidikan untuk wanita, kerana persekolahan formal untuk wanita telah berjaya membawa perubahan ke arah emansipasi sosial wanita. Kemunculan Kesatuan Wanita Melayu pada tahun 1929, membuktikan kesedaran wanita terutamanya wanita Melayu tentang kepentingan pendidikan untuk mengubah pemikiran masyarakat yang ortodoks. Pergerakan wanita yang paling berkesan dan meluas dalam sejarah tanah air berlaku menerusi pergerakan anti-penjajah dan pergerakan nasionalisme. Pada peringkat permulaannya pergerakan-pergerakan ini dikelolakan mengikut kaum namun, setelah mendapat tentangan keras daripada pihak British, pihak nasionalis daripada sayap kiri telah membuat pakatan untuk menentang penjajah British. Aktivis wanita daripada parti politik berhaluan kiri telah dibawa masuk untuk menambahkan kekuatan parti bagi mendesak kemerdekaan Tanah Melayu (Amoroso, 1998; Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013; Mahani Musa, 2010). Pergerakan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) sebagai sayap wanita PUTERA dan

*Malaya Women's Federation*³ sebagai sayap wanita AMCJA telah bekerjasama dengan kepimpinan nasionalis lelaki menyatakan bantahan dan menuntut kemerdekaan daripada British (Dancz, 1987:86; Fujio, 2003:12). Bagaimanapun *Malaya Women's Federation* dan AWAS tidak bertahan lama apabila pihak penjajah British telah mengharamkan kesemua pergerakan dan parti politik berhaluan kiri dengan pengisytiharan Darurat pada tahun 1948.

Pejuang wanita Dunia Ketiga dilihat tidak dapat menyempurnakan misi feminism dan nasionalisme sekali gus, tetapi gabungan kerjasama di antara kumpulan ini sangat strategik dan penting diselidiki. Walaupun golongan feminis masih gagal mencapai agenda mereka tetapi perjuangan bersama kumpulan nasionalis telah menyediakan tapak untuk memperkasakan wanita sehingga suara dan isu wanita mulai diberi perhatian oleh pemimpin negara. Malah, pergerakan wanita berjiwa nasional telah berjaya menyemaikan sentimen serta memperkuatkan prinsip feminis dalam mengharungi perbezaan kelas, etnik, budaya dan agama di negara-negara yang pernah dijajah.

2.3 Teori Politik Mengikut Perspektif Feminis

Golongan sarjana feminis menegaskan bahawa wanita telah lama berkecimpung dalam aktiviti politik tidak formal. Perjuangan wanita dalam sosial aktivisme, aktiviti kesatuan sekerja, penglibatan dalam kerajaan tempatan dan menjawat jawatan dalam parti politik menunjukkan penglibatan wanita dalam arena politik. Namun begitu, jumlah wanita terlalu sedikit dan suara mereka dipinggirkan oleh lelaki yang mendominasi arena tersebut. Golongan feminis amat prihatin dengan tugas dan aktiviti wanita yang dianggap bukan pemain utama, malah peranan mereka sering tersorok dan

³ Pergerakan ini merupakan sayap wanita kepada AMCJA, yang mempunyai 12 cawangan di Perak, Selangor, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor. Pergerakan ini turut membuka cawangan-cawangannya di daerah-daerah yang mempunyai pengaruh PKM. Agenda pergerakan wanita ini adalah untuk menjayakan emansipasi wanita dan mendidik wanita terlibat dalam kehidupan publik (Dancz, 1987)

tidak diketengahkan. Justeru itu, sarjana feminis menetapkan perjuangan feminism itu bersifat politikal seperti dalam bentuk perjuangan emansipasi dan pemodenan wanita serta perjuangan dalam ruangan personal (Abbot & Wallace, 1991).

Sarjana feminis menegaskan bahawa bidang politik dikonstruk dengan meminggirkan wanita. Penglibatan wanita dalam politik amat berkait rapat dengan status dan peranan gender dalam masyarakat. Peminggiran wanita ke dalam arena domestik yang sering dianggap tidak politikal telah dikritik dan diperdebatkan oleh sarjana politik feminis (Pateman & Grosz. 2013; Naples & Bojar, 2013; Squires, 2013). Mereka telah mengupas pengertian politik konvensional yang dianggap membawa pengertian yang sempit dan menstrukturkan semula teori politik yang selama ini membahagikan dan memisahkan arena domestik dan arena publik. Pengertian politik konvensional dikritik kerana cenderung mengambil pengalaman dan perspektif lelaki sahaja tentang politik dan bahawa politik hanya wujud dalam ruang publik.

Sarjana feminis melihat pemisahan antara arena publik dan domestik merupakan idea terancang patriarki untuk meminggirkan wanita daripada dunia politik. Rosaldo & Lamphere (1974) mengupaskan peranan sosial gender dalam semua masyarakat telah menjadi struktur asas pemisahan peranan wanita dan lelaki. Peranan sosial tersebut digunakan bagi memahami kedudukan wanita daripada aspek budaya, sosial, ekonomi dan politik. Identiti wanita sering dikaitkan dengan kehidupan domestik yang merujuk kepada institusi keluarga yang melibatkan aktiviti ibu dan anak. Identifikasi dan peranan utama yang telah diserapkan oleh wanita dalam aktiviti domestik adalah peranan wanita sebagai ibu. Aktiviti mereka dalam ekonomi dan politik telah dikekang dengan tanggungjawab menjaga anak dan wanita terikat dengan ekspektasi melahir dan menjaga anak serta rumah tangga mereka. Sekiranya wanita dipertanggungjawab sepenuhnya dalam arena domestik, peranan utama lelaki dikaitkan pula dengan ruang publik terutama arena politik atau militari. Lelaki secara emosi tidak digalakkan

memberikan komitmen bersama-sama wanita dalam tugas-tugas di dalam arena domestik. Lelaki diberi kebebasan dan bertanggungjawab untuk membentuk institusi yang lebih berkuasa melibatkan pembentukan masyarakat dan politik negara. Rosaldo (1974) melihat pertentangan orientasi domestik dan publik ini dicipta daripada kapasiti wanita sebagai pengasuh sehingga menjadi kerangka penting untuk membezakan peranan gender dan meletakkan wanita sebagai “*second sex*” dalam masyarakat. Wanita akhirnya dipinggirkan daripada memegang kuasa formal atau tidak formal serta autoriti dalam kedua-dua ruang ini tidak diberikan kepada mereka. Status serta kedudukan wanita sebagai warga telah dihad dan dipinggirkan dari perspektif lelaki, dan wanita dianggap tidak mampu atau layak memainkan peranan dalam arena publik yang dikuasai mereka (Ackelsberg, 2013).

Elshtain (1981) membincangkan proses peminggiran wanita daripada ruang publik telah berlaku dalam masyarakat untuk suatu jangkamasa yang lama. Pemikir politik dunia arus perdana menganggap dunia politik terlalu keras dan tidak bermoral berbanding dengan arena domestik yang dianggap masih terjaga dan tidak korup. Bagaimanapun, pandangan sebegini dikritik oleh sarjana feminis seperti Prokhovnik, (1998) kerana pandangan ini dianggap menyokong peminggiran wanita daripada dunia politik dan publik. Pemisahan arena publik dan domestik telah dilihat sebagai mengesahkan praktis yang menindas wanita dan meremehkan penglibatan wanita dalam politik (Ramazanoglu, 2012).

Perspektif ini beransur-ansur berubah kerana daripada perspektif sosial wanita dianggap tidak mempunyai kelebihan dari segi kuasa dan prestij tetapi dalam kecairan sistem, wanita telah diberi pengiktirafan untuk mempraktikkan kuasa dan mempengaruhi keputusan politik (Collier, 1974). Sarjana politik feminis telah mengambil pendekatan menstrukturkan semula konsep politik dengan mengambil kira aktiviti politik tidak formal dan formal. Pendekatan politik yang digunakan oleh sarjana

feminis ialah politik dalam ruang lingkup yang luas dan bermaksud hubungan kuasa dan bukan berkait dengan parti politik sahaja (Budgeon, 2011). Pengertian politik daripada perspektif feminis turut mengambil kira setiap peranan dalam arena politik tidak formal dan politik formal. Politik telah dilihat sebagai proses yang melibatkan aktiviti yang disifatkan prihatin terhadap kepentingan publik (Weed, 2012; Pateman, & Grosz, 2013).

Sarjana feminis politik Dunia Ketiga (Afshar, 1996) bersetuju bahawa aktiviti politik wanita tersembunyi daripada pandangan kerana kegiatan politik mereka dibayangi oleh dominasi lelaki, sama ada dalam teori politik mahupun salah faham tentang konsep femininiti, keibuan dan kekeluargaan. Afshar mengkritik sarjana feminis yang menafikan pilihan wanita Dunia Ketiga yang memilih aktivisme politikal yang menggunakan idealogi tempatan dan berada dalam linkungan agama dan wacana keibuan. Aktivis politik wanita Dunia Ketiga menggunakan peranan feminin sebagai ibu dan meletakkan prioriti untuk memberi kehidupan dan menjaga kebajikan generasi yang dilahirkan. Situasi begini menjadi faktor wanita aktif berpolitik dengan cara berbeza seperti aktif dalam politik sama ada dalam aktivisme sosial sebelum mereka berkecimpung secara langsung dalam politik formal. Bagaimanapun, mereka tetap berdepan dengan cabaran yang menidakkannya dan meminggirkan suara atau tuntutan mereka, namun perjuangan mereka diteruskan sehingga berjaya dan mereka mempunyai suara dalam politik formal. Kemampuan mereka mengubah peranan maternal yang sering dilabelkan lemah oleh sesetengah sarjana feminis menjadi sumber kekuatan dan mempunyai nilai sangat yang mampu membentuk pergerakan yang progresif dan menjadi agen kepada perubahan sosial (Naples, 1998; Ruddick, 1989; Elshtain, 1981).

Kenyataan feminis Dunia Ketiga ini selari dengan kajian beberapa feminis Barat (Abbot & Wallace, 1990; West, 2014; Barthel, 1985; Randal, 1987) yang menyatakan aktivisme sosial sebagai sebahagian aktiviti politik. Sarjana feminis menstrukturkan semula konsep dan pengertian politik mengikut perspektif feminis. Pembentukan dua

sempadan antara arena domestik dan publik untuk menjelaskan peranan wanita dalam politik perlu dijelaskan merangkumi titik pertindihan kedua-dua arena tersebut. Jika selama ini peranan tradisional wanita sebagai isteri, ibu atau suri rumah tangga dianggap lemah namun, sarjana feminis juga mulai melihatnya sebagai peranan yang berpengaruh dan berkuasa mengubah pemikiran masyarakat.

Pengalaman personal dan kesedaran sebagai seorang ibu amat mempengaruhi pembabitan wanita dalam politik, secara formal atau tidak formal. Hartsock (1998), menjelaskan transformasi kesedaran ke atas diri dan pembentukan pergerakan untuk menyuarakan idea baru tidak berlaku dengan mudah. Proses pencerahan dan perubahan diri dalam organisasi feminis bertujuan merungkai sebuah struktur yang mendominasi dan mengawal kehidupan wanita. Beliau menganalisis peranan wanita dalam ekonomi sebagai metod mengenal bagaimana kapitalisme dan patriarki menguasai pemikiran wanita. Seringkali buruh wanita diberikan gaji yang kecil dan tidak seimbang dengan kerja yang dilakukan. Majikan sering memakai label *women's place* kepada pekerja wanita. Kebanyakan wanita dianggap sebagai pekerja sementara atau tidak penting, sedangkan secara realiti mereka terpaksa menyara seluruh kehidupan keluarga.

Parry, Moyser & Day (1992) pula menjelaskan semua bentuk pengertian partisipasi dalam politik boleh dicabar dan diperdebatkan kerana sebarang bentuk keputusan untuk berpolitik atau tidak politikal boleh diterima sebagai tindakan politik. Konsep politik konvensional yang meletakkan garis pemisah antara arena personal dan arena publik telah dicabar oleh sarjana feminis politik ini. Pateman & Grosz (2013) menekankan bahawa perhubungan antara personal dan publik saling berkaitan malah ia melibatkan individu atau warga untuk membuat keputusan. Beliau menjelaskan partisipasi warganegara dalam demokrasi memperlihatkan perhubungan personal dan publik kerana matlamat utama politik demokrasi ialah meningkatkan partisipasi rakyat dalam politik. Selain daripada itu Mann (1997) menjelaskan politik feminis mengiktiraf

sebarang bentuk mikropolitik yang diperjuangkan dalam kehidupan seseorang individu. Hartsock (1985) dan Held (1994) mengkritik sarjana politik yang mendefinisikan kuasa politik sebagai kuasa untuk memaksa ketataan, patuh, mengawal dan mendominasi. Held, menegaskan politik seharusnya dikaitkan dengan penggunaan kuasa yang positif, iaitu bertindak sebagai agen sosial untuk mengekalkan atau mengubah persekitaran sosial. Politik merupakan fenomena yang biasanya ditemui atau muncul ditengah-tengah institusi formal atau tidak formal, pergerakan kemasyarakatan yang merentasi kedua-dua arena publik atau kehidupan personal. Ia dizahirkan dalam aktiviti kerjasama, rundingan dalam semua perhubungan yang melibatkan institusi dan struktur produksi dan reproduksi dalam kehidupan bermasyarakat.

Lister (2001, 2003) menyatakan politik merupakan aktiviti yang berlaku dalam arena publik, tetapi ia tidak harus mengabaikan bagaimana pembahagian kerja di arena private membentuk akses kepada kedua-dua lelaki dan wanita kepada arena publik, iaitu dalam politik, ekonomi serta hak sosial kewarganegaraan, suatu pendekatan yang berbeza dengan kenyataan yang menyatakan politik tidak bersempadan. Beliau melihat politik personal tidak bersifat persendirian kerana mempunyai implikasi kepada penglibatan dalam kedua-dua arena tersebut. Kebanyakan penglibatan wanita dalam kerja komuniti dan pergerakan sosial menjadikan mereka lebih kukuh dalam politik tidak formal daripada penglibatan dalam politik formal.

Golongan feminis turut mengkritik pendekatan sains politik arus perdana yang hanya menjurus kepada kajian politik formal atau peringkat makro politik, sedangkan politik formal masih tidak holistic kerana terdapat isu politik mikro seperti isu kekeluargaan, kebudayaan dan isu ekonomi harian yang dikategorikan sebagai politik kehidupan harian (Randall, 1987:14) tidak diberi perhatian dalam penulisan arus perdana. Kebanyakan sarjana feminis kontemporari seperti Jayawardena (1986), Rohana Ariifin (1997), Rowbotham (1973), Randall (1987), Lerner (1986) dan ramai lagi telah

menganalisis dan menilai semula teori falsafah politik dan posisi wanita dalam politik. Mereka telah memberikan konsep alternatif bagi memahami politik, iaitu dengan mengiktiraf proses dan aktiviti politik tidak formal seperti aktiviti komuniti, individu dan pergerakan akar umbi/skala kecil yang biasanya diperjuangkan oleh wanita (Hirschman & Stefano, 1996:3). Selain itu golongan feminis ini menilai semula bagaimana wanita secara sistematik diasingkan daripada arena politik formal. Bagi menguasai arena publik, lelaki telah menyerahkan tanggungjawab ruang domestik kepada wanita. Sekiranya wanita berminat memasuki ruang publik mereka perlu memikul tanggungjawab berganda, kerana mereka memikul tanggungjawab melaksanakan tugas dalam ruang domestik.

Komitmen wanita dalam politik tidak formal jelas memberi sumbangan dalam politik formal yang merangkumi arena komuniti, nasional dan antarabangsa. Peminggiran wanita dari kancang politik selama ini menjelaskan bagaimana politik dilihat daripada perspektif lelaki dan didominasi dengan konsep politik maskulin yang berbeza dengan pendekatan politik feminis. Aktivisme politik merupakan komponan utama dalam perjuangan yang melibatkan kaum ibu atau wanita dan ahli masyarakat.

Sapiro (1984) mengetengahkan halangan yang dihadapi wanita dalam politik formal kerana mereka masih berdepan dengan adat dan budaya yang tidak menggalakkan penyertaan wanita di arena publik. Penglibatan wanita dalam politik masih dinilai dalam dua asas yang berlainan iaitu, penilaian berasaskan femininiti dan berasaskan politik maskulin. Beliau menegaskan bahawa partisipasi dalam politik oleh wanita biasanya dikaitkan dengan sifat feminiti mereka sebagai isteri, ibu atau suri rumah, walaupun ia masih dianggap asing atau tidak sesuai untuk wanita dari kaca mata masyarakat. Namun begitu, ketika berdepan dengan halangan dalam penyertaan politik, terdapat aktivis wanita yang memilih untuk terjun dalam bidang politik yang selama ini dimonopoli lelaki. Aktivis wanita ini melihat diri mereka sebagai pejuang bangsa,

rasional dan sanggup berkorban untuk mencapai agenda perjuangan mereka.

Peminggiran wanita daripada dunia politik menyebabkan wanita berstrategi untuk meneruskan kelangsungan mereka dalam politik untuk mencerahkan bakti kepada tanahair. Walaupun politik sering digambarkan sebagai dunia lelaki, namun Sapiro (1984) menjelaskan terdapat dua pendekatan yang digunakan oleh wanita iaitu menggunakan pendekatan politik feminin atau pendekatan politik maskulin. Pertamanya, wanita mengambil pendekatan feminin, dengan mempergunakan ciri-ciri yang paling sesuai dengan peranan mereka sebagai ibu, isteri, suri rumah atau pengasuh, walaupun mereka telah memasuki dunia publik. Kedua, wanita turut memilih pendekatan maskulin bagi penerimaan mereka dalam politik formal oleh lelaki. Partisipasi wanita dalam politik formal membuktikan walaupun selama ini wanita dipinggirkan dan diasingkan daripada politik formal, tetapi mereka aktif untuk mengetengahkan isu wanita serta berjuang mencapai agenda mereka. Budaya integrasi wanita dalam politik menyebabkan penglibatan wanita diiktiraf dan diterima oleh masyarakat namun, mereka masih tertakluk kepada peranan gender. Sapiro (1984) menegaskan sekiranya wanita memberi komitmen yang tinggi kepada kehidupan politik, mereka sering dipersalahkan kerana mengundang kemusnahan rumah tangga, penyebar gejala buruk sosial atau sebagainya.

Mereka tidak boleh berpolitik seperti lelaki yang dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada tugas sebagai ahli politik, kedudukan wanita tetap sekundar dan dianggap tidak sesuai untuk berkecimpung sepenuhnya. Arena domestik juga dilihat sebatی dengan kehidupan wanita sehingga wanita dikatakan tidak berminat untuk aktif dalam politik. Sarjana politik feminis prihatin dengan pemunggiran terancang wanita dari dunia politik dan bagaimana politik dikawal secara terancang oleh sistem patriarki tanpa disedari turut diperaktikkan oleh wanita. Mereka mendedahkan dominasi lelaki ke atas wanita yang sering diabaikan dan diterima sebagai sesuatu yang praktikal dan

normal dalam kehidupan (Squires, 2013). Millet (1970), menjelaskan politik sebagai alat serta hubungan struktur kuasa yang dicipta untuk mengawal kehidupan antara satu sama lain.

Pendefinisian atau penstrukturkan semula konsep politik telah menuntut kefahaman tentang pergerakan wanita yang mengaitkan perhubungan personal dalam politik. Kemunculan pergerakan wanita pada peringkat awal menekankan kepentingan kesedaran di peringkat personal dan mengaitkan jalinan perhubungan antara personal dan politik (Hartsock, 1998). Malah, pergerakan wanita turut memberikan perspektif baru tentang perjuangan dalam pergerakan yang secara fitrah menggunakan kuasa, kepimpinan, organisasi dan sensitiviti tentang kepentingan proses dan interaksi dalam menjayakan perubahan masyarakat. Hartsock juga mengambil kira perubahan politik sebagai proses yang melalui atau melibatkan beberapa tahap seperti tahap personal, kumpulan dan organisasi politik serta institusi sosial. Malah, perubahan politik turut melibatkan proses mendefinisikan semula diri, membina pelbagai organisasi politik, meningkatkan kuasa ekonomi dan politik wanita serta berusaha menerapkan perubahan di setiap arena untuk merungkaikan struktur patriarki, sindrom ketuanan dan kapitalisme.

Idea meletakkan kehidupan personal wanita untuk dianalisis dalam konteks politik adalah kerana wanita perlu memahami secara kritikal pengalaman mereka sendiri, malah telah berjaya mentransformasikannya melalui aktivitisme dan politik formal. Perkaitan antara domain personal dan politik menggambarkan penindasan atau peminggiran wanita yang selama ini tidak diberi perhatian tetapi aktivis wanita sedar bahawa ia adalah asas penting untuk perubahan politik kerana perbezaan gender masih berakar-umbi dalam struktur sosial masyarakat.

2.3.1 Personal adalah Politikal

Konsep personal adalah politikal diperkenalkan oleh Hanisch (1969), merujuk kepada isu-isu wanita dan pengalaman yang dilalui wanita disebabkan oleh sistem patriarki dan penindasan secara sistematik. Slogan ini telah menarik perhatian wanita dan menggalakkan mereka menilai dan memahami semula kehidupan sosial dalam konteks personal. Kenyataan ini membuat kaitan di antara masalah personal yang dialami wanita dengan struktur kuasa dalam masyarakat. Penindasan dan ketidakadilan yang berlaku ke atas wanita adalah disebabkan oleh struktur kuasa yang wujud dalam masyarakat. Beliau menjelaskan personal adalah politikal bukan sekadar mengenai masalah personal wanita tetapi kesedaran ini membangkitkan pergerakan wanita sehingga ia menjadi inspirasi untuk mereka berpolitik. Slogan ini menunjukkan keprihatinan aktivis feminis mengenai perhubungan kuasa yang tidak seimbang antara lelaki dan wanita.

Millet (1970) pula, menjelaskan politik sebagai hubungan kuasa berstruktur, yang disusun oleh sekumpulan individu yang mengawal satu kumpulan yang lain. Konsep politik dari perspektif feminis tidak hanya meletakkan kuasa lelaki dan wanita di peringkat personal tetapi ia juga melibatkan penerapan ideologi patriarki untuk tujuan mengawal kehidupan wanita. Patriarki digunakan untuk meminggirkan peranan wanita dalam politik dan ia turut menafsirkan institusi kekeluargaan sebagai personal atau persendirian supaya ia tidak dipersoalkan atau dicabar di arena publik (Alavi, 2013; Triger, 2012; Chambers, 2012). Walaupun ada wanita terlibat dalam politik, namun mereka tidak terlepas daripada anggapan stereotaip, seperti wanita tidak pandai berpolitik, konservatif dan dipengaruhi oleh suami ketika membuat keputusan. Bryson (2003), menegaskan konsep personal adalah politikal berkisar kepada sistem patriarki yang dianggap terlalu mendominasi wanita. Sistem patriarki berakar umbi dalam semua

aspek masyarakat dan telah diserap melalui proses sosialisasi, pendidikan, kesusasteraan dan pengajaran agama. Sarjana feminis menekankan bahawa kedudukan personal wanita distrukturkan oleh undang-undang, status mereka sebagai isteri, polisi penjagaan kanak-kanak atau pembahagian kerja. Permasalahan ini hanya dapat diselesaikan melalui saluran dan tindakan politik (Pateman, 1983). Walby (1986), menjelaskan desakan sistem patriarki telah memaksa wanita membuat pilihan personal menggunakan demonstrasi atau menuntut keadilan bagi pihak mereka. Sebagai contoh, dalam abad ke-19, pekerja wanita yang dikerah bekerja lebih masa dan dibayar upah yang murah di kawasan perlombongan dan industri berjaya membuat tuntutan untuk dibayar secara adil. Akibat pengalaman pekerja wanita ditindas kerana gender mereka telah menyebabkan pekerja-pekerja buruh wanita bersatu dan berjuang menuntut hak sebagai pekerja (1986).

Hartsock (1998), menegaskan ruang berdiskusi dan berkongsi pengalaman tentang isu wanita dan status wanita menyedarkan mereka mengenai ketidakadilan yang berlaku ke atas mereka. Perbincangan tentang identiti dan status wanita dalam masyarakat telah menjadi asas mereka berpolitik dan berjuang untuk bertanggungjawab ke atas diri sendiri untuk mendapatkan hak pendidikan, hak undang-undang yang mengenepikan mereka untuk aktif dalam bidang politik. Subjek mengenai penindasan ke atas wanita telah ditukar kepada membina identiti dan hormat terhadap kekuatan pergerakan wanita. Pembinaan rasa independen dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri menjadi senjata utama untuk mengubah wanita melihat diri sendiri dan identiti diri mereka. Kesedaran ini membantu mereka meningkatkan kebijakan wanita dan menuntut kesungguhan menjaga kebijakan wanita dan generasi akan datang. Malah perbincangan kritis membantu mereka mengaitkan kefahaman tentang isu politik, isu ekonomi, isu kelas dalam kapitalisme, serta kaitan patriarki dan kolonialisme dengan kehidupan mereka. Pergerakan wanita berjaya melahirkan dan melatih pemimpin secara

tidak rasmi serta memberi kuasa, kemampuan mental dan moral kepada kaum wanita. Organisasi wanita menyedari bahawa pergerakan mereka harus mempunyai struktur bagi meneruskan objektif perjuangan.

hooks (1984) berpegang bahawa terdapat pertindihan aktiviti dalam arena publik dan personal. Kebanyakan wanita yang terlibat dalam organisasi politik atau pergerakan sosial beranggapan perjuangan mereka adalah berasaskan pengalaman mereka di arena personal. Perjuangan ini penting dan amat bermakna kepada wanita kerana mereka berjuang menentang penindasan sehingga membawa kepada penubuhan pergerakan yang menyumbang kepada mereka memasuki dunia politik yang selama ini asing bagi mereka. Kejayaan wanita diiktiraf dalam kedua-dua arena publik dan personal yang telah menyumbang kepada pembentukan identiti wanita sebagai *political beings* (hooks, 1984:40). Personal adalah politikal merupakan suara kolektif wanita yang mampu memperkenalkan perubahan kepada masyarakat mereka secara menyeluruh dengan menangani kedua-dua isu di domain publik dan peribadi atau persendirian (Oakley, 1981).

2.3.2 Pemikiran Maternal

Teori pemikiran maternal yang berhubung dengan penggunaan identiti feminin ke arah pencapaian sesuatu matlamat telah dibahaskan oleh beberapa sarjana sosiologi feminis (Dietz, 1985; Pateman, 1992; Randal, 1987; Mouffe, 2000, Mouffe, 1993). Kebanyakan perbincangan ini menjelaskan bahawa wanita mengundurkan diri daripada kehidupan publik untuk menumpukan perhatian kepada fungsi reproduktif, tugas domestik dan tanggungjawab keluarga kerana proses sosialisasi yang dialami wanita. Malah, golongan feminis maternal dilihat tidak bersungguh-sungguh untuk mencapai kesaksamaan dengan mengemukakan kerangka politik yang mencabar isu patriarki dalam masyarakat. Malah wanita dianggap masih terperangkap dalam idea bahawa

peranan sebagai isteri dan ibu lebih penting daripada peranan mereka sebagai wanita atau warganegara. Dietz (1985) mengkritik kegagalan sarjana feminis yang menggunakan kerangka politik maternal yang dilihat gagal memperkenalkan nilai dan politik demokratik (Dietz, 1985). Pateman (1992) pula menyatakan politik tidak boleh dilihat melalui kaca mata hubungan ibu dan anak tetapi perhubungan antagonis antara lelaki dan wanita. Beliau menegaskan garis sempadan ruang publik dan domestik merupakan suatu usaha pemisahan wanita daripada dunia konvensional dan individual. Dunia feminin secara zahirnya dianggap berbeza, kerana dilabel emosional dan berbeza dengan dunia maskulin yang dilabel sebagai bebas, rasional, publik dan terbuka.

Namun begitu tidak semua sarjana feminis bersetuju bahawa wanita tertindas atas kapasiti biologikal mereka yang menyebabkan mereka dipinggirkan daripada dunia publik. Terdapat beberapa contoh terutama di negara Dunia Ketiga dan negara yang pernah dijajah di mana golongan kaum ibu telah memainkan peranan penting dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Teori maternal ini mengambil pendekatan politik feminis dan politik resistansi. Dalam memperdebatkan kefahaman ini Ruddick (1989) menjelaskan terdapat perbezaan antara kapasiti biologikal seperti melahirkan anak dan menjalankan peranan sosial sebagai ibu. Menjadi ibu dianggap sebagai karier sepenuh masa, malah ibu secara fitrahnya dianggap istimewa dan melengkapkan keperluan emosi wanita. Beliau setuju bahawa identiti dan peranan ibu merupakan konstruk sosial tetapi sebagai ibu, wanita tetap mempunyai naluri dan kemampuan keibuan yang istimewa. Perbahasan tentang pengalaman seorang ibu sering melibatkan dua situasi iaitu sama ada ibu dianggap sebagai seorang yang berkuasa atau seorang yang tidak berdaya. Secara sosialisasinya ibu dianggap tidak berdaya atau lemah namun, dengan kapasitinya sebagai ibu yang melahirkan generasi akan datang mereka dilihat sebagai seseorang yang berkuasa. Wanita yang mempraktikkan kelebihan politik sebagai ibu menggunakan peranan keibuan sebagai suatu arena yang dianggap persendirian dan

personal untuk berintegrasi ke dalam arena publik. Politik yang dipraktikan oleh kaum ibu telah menghapuskan kekeruhan dalam sempadan domestik dan publik, malah memecahkan dominasi lelaki dalam politik. Wanita dibenarkan kerana peranannya sebagai pelindung kehidupan dan pemberi kasih-sayang kepada keluarga dan komuniti, di sinilah wanita menumpukan perhatian mereka demi menjaga keamanan dan mencipta keamanan (Ruddick, 1989).

Sifat keibuan meletakkan status ibu sebagai suatu yang berprestij, imej yang baik dan memainkan peranan yang berharga. Kaum ibu dilihat sebagai imej penting untuk mengawal perhubungan sebagai penjaga sumber ekonomi, malah membuat keputusan dalam keluarga. Konsep keibuan merujuk kepada seorang ibu yang melihat keperluan anak sebagai keutamaan dalam setiap aspek. Seorang ibu amat mementingkan perlindungan, asuhan dan penjagaan, dan pendidikan termasuk mereka berkecenderungan untuk bertindak dengan kasih sayang dan keprihatinan. Secara umumnya, kaum ibu merupakan golongan pendesak dan berjuang untuk melindungi kepentingan keluarga dan masyarakat secara umumnya. Perjuangan kaum ibu lebih cenderung untuk membangkitkan kesedaran, berjuang tentang hak wanita dan juga menekankan kepentingan pendidikan kepada masyarakat.

Ruddick menjelaskan teori pemikiran maternal mengetengahkan atau memahami ‘pemikiran wanita’. Tafsiran pemikiran maternal terhasil daripada pengalaman, naluri dan praktik seorang ibu semasa melahirkan, membesar dan melindungi anak-anak mereka. Konsep pemikiran maternal turut melibatkan proses intelektual, refleksi diri dan sesuatu yang praktikal. Pemikiran maternal bukan aktiviti biologikal atau secara fitrah bersifat keibuan tetapi menuntut kaum ibu untuk berfikir, berdisiplin, dan pada saat yang sama menggunakan pendekatan persaudaraan dan politik secara perundingan.

Teori pemikiran maternal Ruddick (1989) mengenalpasti dua bentuk pemikiran yang dipraktikkan oleh kaum ibu, iaitu politik feminis dan politik resistansi. Pertama, kaum ibu berjuang mencipta suasana dan persekitaran selamat yang menjamin kesejahteraan kehidupan anak-anak. Mereka melengkapkan diri dengan strategi mengelakkan ancaman dan melawan sebarang provokosi yang menyerang anak mereka. Hanigsberg & Ruddick (1999:227) menyatakan wanita memperjuangkan hak berpolitik melalui tugas peranan mereka sebagai ibu, pelindung keluarga serta penjaga komuniti. Kaum ibu, dilihat berjuang bukan kerana mereka sebagai wanita tetapi kerana identiti mereka sebagai seorang ibu yang bertindak demi kepentingan dan kebajikan komuniti dan keluarga mereka. Dalam teori ini, Ruddick menjelaskan komitmen jujur kaum ibu terserlah dalam penglibatan dalam pergerakan dan perjuangan menuntut keamanan. Ruddick menegaskan kesedaran kaum ibu ini boleh menggugat ideologi patriarki kerana pemikiran maternal menuntut pemikiran kritikal, rasional dan berwawasan. Ruddick menjelaskan pergerakan wanita yang dipimpin oleh kaum ibu telah membawa kepada transformasi sama seperti pergerakan feminis atau pergerakan politik lain yang dipimpin oleh wanita. Identiti kaum ibu yang selama ini dianggap konservatif dan tradisional telah tercabar dengan partisipasi mereka dalam aktivisme atau politik formal dengan tujuan utama meningkatkan taraf hidup komuniti dan keluarga mereka yang tertindas. Kaum ibu mempraktikkan politik terancang yang meraikan peranan wanita dan berkompromi untuk berkhidmat dengan negara.

Wanita yang terlibat dalam politik resistansi bertindak berasaskan kedudukan sosial dan patuh dengan prinsip politik yang dipegang. Partisipasi wanita ini dalam politik tidak berkaitan dengan gender mereka, tetapi mereka berpegang kepada ideologi seperti sosialis, antikapitalis, patriotik, nasionalis atau antikolonial. Aktiviti pergerakan politik wanita biasanya melibatkan wanita dan dianggotai oleh wanita, kaum lelaki terlibat apabila pergerakan wanita memerlukan bantuan fizikal dan perlindungan

dari pada kaum lelaki yang menyokong perjuangan mereka. Mereka menolak imej keibuan yang selama ini disentimentalkan kerana apabila kaum wanita atau ibu terlibat dalam protes, imej ibu digambarkan sebagai tidak ada naluri keibuan dan pentingkan diri sendiri. Tetapi imej yang sebaliknya juga wujud di mana apabila kaum wanita dan kaum ibu terlibat dalam peperangan atau aktiviti gerila boleh juga disimbolkan sebagai pengorbanan dan kasih sayang ibu untuk masa depan generasi akan datang.

Penglibatan kaum ibu atau golongan *maternalist* dalam aktivisme dan perjuangan nasionalisme (sama ada menganggotai politik haluan kanan atau haluan kiri) merupakan kunci utama kepada permulaan partisipasi wanita dalam politik formal. Partisipasi dalam politik dan aktivisme merupakan ciri-ciri utama sebagai ibu dan penjaga serta pelindung komuniti yang menonjolkan suara personal mereka dalam isu-isu yang diperjuangkan mereka. Naples (1998) menekankan seorang ibu nekad meninggalkan identiti tradisional sebagai ibu untuk memikul tanggungjawab untuk berjuang menentang diskriminasi dan penindasan dalam masyarakat. Begitupun wanita yang terlibat dalam politik atau kehidupan publik tidak mengubah jati diri sebagai wanita atau ibu, malah turut menjadikan tugas sebagai ibu sebagai inspirasi atau membangkitkan semangat berjuang dan tidak mengubah diri mereka sebagai ibu.

Pandangan ini turut dikongsi oleh wanita dari negara Dunia Ketiga yang melihat peranan ibu sebagai pelindung keluarga dan komuniti yang telah menyebabkan mereka memasuki politik publik, dengan mempolitikkan ideologi keibuan sebagai saluran menentang ketidakadilan gender dan penindasan kelas (Krauss, 1998:140-148). Peranan kaum ibu dan sifat keibuan dianggap penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme yang biasanya juga dikaitkan dengan peranan kaum ibu dalam melahirkan dan mendidik anak-anak yang berguna untuk bangsa. Peranan kaum ibu dianggap sebagai medium untuk wanita memasuki ruang publik dan bersatu untuk berjuang dan

menafikan pemunggiran wanita daripada dunia publik. Proses ini merupakan *impetus* kepada wanita untuk bergiat dalam politik pada peringkat awal.

Dalam sejarah wanita di Tanah Melayu menafikan kajian feminis Barat yang menggunakan perasaan dan identiti keibuan sebagai halangan wanita terlibat dalam perjuangan politik. Mahani Musa (2014) mengetengahkan dalam sejarah Tanah Melayu membuktikan bahawa penglibatan wanita dalam Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai contoh menunjukkan bahawa wanita di negara ini terlibat secara aktif dalam politik malah turut bergerak dalam pasukan militan untuk berjuang menamatkan kekuasaan penjajahan British. Anggota wanita PKM bergiat aktif untuk merekrut ahli baru, termasuk kanak-kanak, menjalankan kerja propaganda, melakukan kerja perisikan dan subversif. Malah anggota wanita turut berperang secara gerila bersama-sama penggempur lelaki bagi meneruskan perjuangan mereka. Sebagai wanita dan ibu, mereka telah meninggalkan keluarga, anak dan suami atau perkahwinan di belakang untuk menjadi pejuang gerila. Namun begitu, sebagai ibu mereka tidak meninggalkan tugas atau perasaan keibuan kerana mereka percaya perjuangan mereka adalah untuk masa depan generasi akan datang dan anak-anak mereka diserahkan kepada keluarga yang mereka percaya.

Syed Muhd Khairudin Aljunied (2013) dalam analisisnya mengetengahkan penglibatan wanita Melayu dalam politik radikal selepas Perang Dunia Kedua. Beliau mengetengahkan pergerakan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang bangkit menentang penjajah, tetapi terpaksa berdepan dengan beberapa hegemoni yang menyekat pergerakan tersebut mencapai objektifnya. Pertama, aktivis wanita AWAS berdepan adat dan budaya masyarakat yang terdiri daripada lapisan kelas di mana wanita tidak dianggap penting dalam politik. Kedua, AWAS berdepan dengan politik maskulin yang didominasi oleh lelaki dalam parti yang radikal. Malah, aktivis wanita boleh dikenakan

tindakan disiplin sekiranya bertindak tanpa persetujuan parti pusat. AWAS pada masa yang sama turut diawasi dan berdepan dengan tindakan daripada kerajaan kolonial yang cuba menyekat kebangkitan semangat nasionalisme rakyat untuk mendapatkan kemerdekaan.

Manderson (1980), pula menjelaskan penglibatan wanita dan aktiviti Kaum Ibu UMNO dalam politik di Tanah Melayu bermula aktiviti menyertai perhimpunan, perarakan dan demonstrasi untuk menentang cadangan penubuhan *Malayan Union*. Penubuhan kumpulan kaum ibu berlaku secara spontan, namun muncul sebagai sayap penting dalam parti UMNO. Ia bermula dengan wanita secara individu dari bandar yang berlainan bertemu, bermesyuarat dan memulakan kerja-kerja sosial untuk membantu suami mereka menganjurkan aktiviti. Pertemuan di kalangan perkumpulan wanita ini akhirnya cenderung dan tertumpu untuk meningkatkan kebijakan keluarga dan menjadi sebahagian agenda politik atas kepercayaan bahawa hanya UMNO berjuang untuk kepentingan orang Melayu. Beliau mengetengahkan kepentingan perjuangan kaum ibu Melayu dalam politik dan peranan yang dimainkan wanita dalam menjaga kepentingan tradisional dan keprihatinan tentang isu-isu wanita. Organisasi kaum ibu telah mengubahsuai dan berintegrasi dalam politik untuk meningkatkan peluang pendidikan formal, persamaan gaji, reformasi undang-undang keluarga dan meningkatkan status wanita.

2.5 Kesimpulan

Kelangsungan wanita dalam politik untuk mengubah perspektif terhadap status wanita terserah melalui partisipasi mereka dalam politik formal dan politik tidak formal. Aktivis wanita berinspirasi menggunakan aktivisme sosial sebagai penyambung dan melanjutkan aktiviti mereka ke dalam politik formal. Partisipasi mereka dalam aktivisme telah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti politik dan membantu kelangsungan

mereka dalam politik formal.

Perjuangan wanita dalam aktivisme dan nasionalisme telah memberi harapan baru kepada kehidupan wanita dan mempengaruhi bentuk penglibatan wanita dalam politik di negara yang pernah dijajah. Kesedaran feminism ini telah membantu wanita untuk menilai peranan dan status mereka dalam politik serta menegaskan kepentingan wanita untuk berkecimpung dalam politik demi bangsa dan negara. Walaupun sistem politik formal yang ada mempraktikkan amalan mesra-wanita namun golongan wanita tetap minoriti dalam arena ini. Justeru itu, kebanyakan wanita tetap memilih untuk aktif dalam politik tidak formal. Tambahan pula, perkaitan antara politik formal dan aktivisme membantu wanita membuat perubahan dalam masyarakat dan membantu antara satu sama lain. Keterbukaan penglibatan wanita daripada politik formal akibat daripada penglibatan dalam aktivisme sosial atau politik tidak formal. Aktivisme sosial ini telah membuka ruang dan pengiktirafan kepada wanita sebagai warga yang aktif ke dalam arena politik. Malah wanita amat responsif terhadap persekitaran dan mengamalkan strategi politik yang praktikal untuk mengetengahkan isu kehidupan harian dan pembahagian tugas bagi meneruskan sumbangaan untuk memajukan wanita dan masyarakat amnya.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Pengalaman mengajar subjek *Gender dan Politik Malaysia* telah mencambahkan minat yang mendalam terhadap kajian sejarah wanita di Malaysia dan kepentingannya. Pengetahuan singkat dalam bidang pengajian gender telah mencabar minda dan menguatkan keinginan untuk mendalami sejarah wanita dari lensa feminis. Bermula daripada pengalaman tersebut, saya telah melibatkan diri dalam penyelidikan sejarah untuk memahami dan menggilap pengetahuan tentang sejarah perjuangan wanita dalam politik di Tanah Melayu. Minat untuk mendalami dan menyelidiki sejarah politik wanita bangkit dari pertanyaan tentang asal usul diri sendiri dan siapa kita? Mengapa cara kita begini dan siapa yang membentuk pemikiran dan kehidupan kita? Bagaimanakah kita memahami dan mendalami tentang sejarah kita sendiri? Adakah proses sosialisasi dan peranan wanita Malaysia berbeza ketika zaman penjajahan British? Sehingga kini beberapa hasil kajian tentang penglibatan wanita dalam politik secara umumnya bersetuju bahawa terdapat banyak kisah wanita sebelum kemerdekaan yang masih belum diketengahkan. Menyedari bahawa kita masih kekurangan kajian sejarah mengenai penglibatan dan partisipasi wanita dalam politik maka kajian ini dapat menyambung usaha kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan sebelum ini.

Sebelum kajian ini dilaksanakan beberapa perancangan dilakukan untuk merangka teknik penyelidikan yang bersesuaian dengan kajian. Proses pemilihan teknik penyelidikan ini mengambil kira metodologi yang digunakan dalam kajian, iaitu melibatkan disiplin sejarah dan pendekatan feminis. Teknik ini dihuraikan secara mendalam bagi memperjelaskan bagaimana penyelidikan dan analisis dilakukan bagi melengkapkan kajian agar sistematik dan berkesan. Metodologi ini dapat memastikan

proses pengumpulan data dan penyelidikan bersesuaian dengan matlamat dan objektif kajian. Pemilihan teknik ini juga turut mengambil kira pengalaman dan penglibatan dalam kajian sejarah sama ada dalam berbentuk dokumen bertulis mahupun sejarah lisan. Pendedahan dan penglibatan menggunakan bahan-bahan dokumen bertulis daripada arkib nasional merupakan penerokaan penting untuk meneliti dokumen bertulis mengenai Tanah Melayu sebelum merdeka dan ketika berada di bawah penjajahan British. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, sumber-sumber daripada majalah dan akhbar-akhbar Melayu, akhbar berbahasa Inggeris telah digunakan. Bagaimanapun terdapat limitasi dalam membaca sumber daripada akhbar berbahasa Mandarin dan Tamil yang berkaitan dengan tesis. Pengkaji hanya menggunakan akhbar dan rekod yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh beberapa pembantu penyelidik yang membaca dan menyediakan transkrip yang telah diterjemahkan.

Sumber-sumber daripada akhbar ini penting untuk melihat pemikiran politik dan mesej yang dibawa oleh akhbar-akhbar dalam bahasa Mandarin. Melalui akhbar atau majalah golongan aktivis ketika itu menganalisis situasi di Tanah Melayu, menuntut keadilan kepada rakyat dan mendidik rakyat tentang politik. Manakala data-data yang diperolehi rekod-rekod kerajaan mengetengahkan tentang polisi, laporan khas, manuskrip dan perkembangan laporan keadaan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu dan negara-negara jajahan British.

Untuk melengkap kajian, pengkaji turut melakukan temubual dengan wanita-wanita daripada anggota PKM dan UMNO untuk merekodkan pengalaman, pemikiran dan perasaan mereka selepas memilih terlibat dalam politik formal. Penglibatan mereka dalam politik formal amat mengagumkan kerana mengambil kira kekangan dan budaya ketika itu yang tidak membenarkan wanita terlibat dalam politik. Antara pihak informan-informan yang terlibat adalah Allahyarhamah Dato' Fatimah Abdul Majid bekas aktivis politik Kaum Ibu UMNO, Allahyarhamah Nurul Kamar Yassin

merupakan anak kepada aktivis politik KMM dan PKMM, Yassin Salleh. Manakala informan-informan daripada bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) seperti, Nee Pha, Chan Ee Chen, Hua San dan Karimas Abdullah C.D.. Selain itu tembual ini juga dijalankan bersama bekas aktivis politik daripada Parti Komunis Malaya (PKM) iaitu, Ee Chen, Hua San, Nee Pha, Encik Afandi, Jianyu Hooi, Chee Ee Chen, Sarjan Chan, Encik Yaacob Ibrahim dan Puan Karimas Abdullah C.D yang berkongsi cerita dan pengalaman yang penuh suka-duka yang pernah dilalui semasa bersama atau terlibat dalam aktivisme dan perjuangan politik di Tanah Melayu.

3.2 Proses Pemilihan Teknik Kajian

Setelah meneliti beberapa teknik pengumpulan data sejarah akhirnya saya mengambil keputusan untuk menggunakan teknik pengumpulan data dari bahan-bahan arkib dan sejarah lisan. Keputusan menggunakan bahan arkib adalah dipengaruhi oleh pengalaman peribadi ketika melakukan penyelidikan sebelum ini yang mendedahkan saya kepada beberapa fail dan mikrofilem yang penting digunakan untuk kajian ini. Selain daripada itu, pengalaman ketika menggunakan bahan arkib sebelum ini, telah mendedahkan pengkaji kepada beberapa data dan testimoni yang boleh diekstrak dan digunakan dalam kajian ini. Bagaimanapun rekod-rekod rasmi ini tidak membekalkan maklumat secara terperinci dan tidak mengambilkira pandangan individu-individu yang terlibat, maka kajian ini menggunakan teknik tambahan iaitu sejarah lisan. Teknik ini digunakan untuk menerangkan realiti sebenar sebagaimana yang dialami responden menerusi naratif mengenai pengalaman individu-individu yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan kajian ini.

Sejarah lisan (Gluck & Patai, 2013) merupakan penggunaan teknik temubual yang menemubual tokoh-tokoh wanita atau ahli keluarga terdekat yang pernah terlibat dalam gerakan politik fahaman kanan dan fahaman kiri serta tokoh-tokoh wanita yang

pernah terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Selain teknik temu bual, kisah hidup perjuangan dan penglibatan wanita-wanita dalam politik juga dirujuk dengan menggunakan biografi yang pernah ditulis mengenai pengalaman wanita-wanita ini semasa mereka turut berjuang bersama golongan nasionalis lelaki untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan. Teknik ini juga merupakan salah-satu kaedah untuk mendapatkan maklumat yang seimbang iaitu menggunakan data daripada perspektif kerajaan British dan Jepun serta naratif perjuangan daripada tokoh-tokoh pluralis itu sendiri yang memang terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

3.3 Proses Pencarian Data dan Rekod Rasmi di Arkib Nasional

3.3.1 Rekod-Rekod Kolonial British

Pencarian sumber yang bersesuaian dengan kajian sangat penting kerana ia memberi panduan untuk menjelaki siri dan material yang sesuai di arkib dan perpustakaan. Umumnya rekod-rekod pentadbiran penjajahan British dibuka kepada publik setelah dokumen tersebut berusia lebih 25 tahun, namun terdapat halangan apabila terdapat dokumen yang dianggap sensitif dan berkaitan dengan keselamatan negara.

Beberapa siri daripada *Public Record Office* walaupun terdapat duplikasi, kepelbagaiannya dokumen dan data yang tersembunyi namun material tersebut amat membantu dalam membina dan membuktikan kewujudan penglibatan wanita di dalam politik sebelum merdeka. Data-data ini kebanyakannya dikutip daripada rekod pentadbiran penjajah yang diterbitkan melalui laporan khas, laporan perundangan, prosiding rasmi, banci dan laporan pentadbiran kolonial British mengikut setiap jabatan yang ditubuhkan. Bagi memudahkan proses pembacaan dan penyaringan data, pengkaji memulakan pembacaan setiap siri bermula pada tahun 1929 bersesuaian dengan tempoh kajian yang dijalankan.

Antara sumber primer utama yang digunakan ialah CO 273 (*Straits Settlements Original Correspondence, 1925-1946*) yang mengandungi laporan pendidikan dan aktiviti imigran Cina dan India dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat di peringkat awal. Keterangan yang diperolehi melalui data CO 273 agak terhad dan memerlukan siri-siri mikrofilem selanjutnya bagi membantu pengumpulan data laporan tahunan dan laporan khas untuk kajian ini. Sebahagian daripada laporan juga diperolehi melalui siri CO 275 (*Straits Settlements, original Correspondence*), CO 717 (*Correspondence Relating to the Unfederated Malay States, Federated Malay States, Federation of Malaya, 1920-1951*), CO 537 (*Malayan Security Service Political Journal*), CO 940 (*Straits Settlements, Sessional Papers*). Bagi mendapatkan maklumat mengenai buruh imigran *Annual Report of the Secretary for Chinese affairs, Malaya 1932-1939, Report on Indian immigrant in Malaya, report on strikes amongst the estate and mining workers, report on labour condition in Malaya, report on the investigation of the problem of prostitution* dan lain-lain maklumat berkenaan perkembangan ekonomi, sosial dan politik di Semenanjung Tanah Melayu telah dianalisis kandungannya.

Laporan tahunan mengenai polisi pentadbiran kolonial juga diterbitkan setiap tahun melalui laporan tahunan lengkap setiap jabatan di semua negeri-negeri Tanah Melayu di bawah penjajahan British. Laporan ini mengandungi pengenalan untuk setiap jabatan termasuk laporan pendidikan, jabatan buruh dan sebagainya. Melalui dokumen daripada siri mikrofilem ini terdapat juga laporan dan subjek yang berhubungan dengan sejarah imigran Cina, pengawalan pengaruh kongsi gelap oleh *Chinese Protectorate* dan usaha kolonial melumpuhkan pengaruh Kuomintang di Tanah Melayu. Pada masa ini *Chinese Protectorate* (1877-1941) berfungsi sebagai biro pentadbiran yang menjaga hal-ehwal komuniti Cina. Jabatan ini bertanggungjawab mengawal dan mengawasi aktiviti kongsi gelap, perlindungan wanita dan gadis, aktiviti politik kaum Cina dan

bertindak sebagai badan penapis bahan bacaan berbahasa Cina. Pada tahun 1946, fungsi jabatan ini telah berkembang dan diserahkan kepada *Chinese Secretariat* untuk menggantikan peranan unit *Chinese Protectorate*.

Kajian ini juga menggunakan dokumen daripada Siri 1022 (*Colonial Office, SEA Correspondence*) yang mengandungi maklumat agenda British di Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Melalui siri ini pengkaji mendapatkan maklumat dan isu-isu strategik mencakupi isu ekonomi, politik dan hubungan luar British dalam agensi serta institusi dari rantau Asia Pasifik. Dalam siri ini terdapat transkrip dan dokumen mengenai kebangkitan negara-negara Asia Tenggara dan kesedaran untuk mendapatkan kemerdekaan, kebangkitan pengaruh komunis, pemerdagangan wanita dan kanak-kanak di Asia Tenggara dan Persidangan Asia-Afro di Bandung telah memberi fenomena politik baru di rantau Asia Tenggara dan dianggap sebagai ancaman kepada kuasa kapitalis Barat.

Siri ini juga memaparkan peristiwa-peristiwa yang signifikan dalam sejarah tanah air seperti kebangkitan antipenjajah di Tanah Melayu, gabungan AMCJA-PUTERA, Peristiwa Hartal dan kebangkitan kesatuan buruh serta perluasan pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM). Rekod-rekod rasmi kerajaan kolonial turut memuatkan beberapa laporan tentang pendudukan Jepun dan berlakunya ketegangan kaum dan aktiviti komunis yang dianggap mengancam keselamatan penduduk Tanah Melayu ketika itu.

Secara keseluruhannya siri-siri mikrofilem yang telah disebutkan telah membantu dan menyediakan data mentah dan bahan asas yang relevan untuk kajian ini. Sumber-sumber ini penting dikaji untuk diterjemahkan dan dianalisis semula untuk memahami ilmu berhubung dengan penjajahan dan pembentukan sejarah Malaysia secara keseluruhan. Namun begitu, data yang disediakan oleh kerajaan British masih tidak lengkap untuk memahami sejarah penglibatan wanita dalam politik Tanah Melayu

dan memerlukan sokongan daripada sumber atau dokumen-dokumen yang dapat memberikan maklumat yang tidak dibekalkan dalam rekod pentadbiran British. Sebagai tambahan data, dokumen dan maklumat juga diperolehi daripada makalah, surat khabar, surat-surat dan biografi yang menyerlahkan isu di peringkat nasional atau tempatan yang tidak dimuatkan dalam rekod rasmi pejabat kolonial British. Pendedahan melalui media nasional ini telah memberikan maklumat mengenai inspirasi dan suara tuntutan rakyat Tanah Melayu ketika itu yang tidak mungkin diselitkan dalam rekod rasmi kolonial British.

Sebagai rujukan tambahan fail-fail negeri turut dibaca bagi melihat isu dan kes yang berkaitan dengan pendidikan, perkembangan politik dan isu buruh. Antara fail terlibat ialah *Selangor Secretariat (A-G, 1928)*, *fail-fail Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (1941-1957)*, *FMS Proceedings (1948-1962)* dan *Perak Secretariat (1945-1948)*.

3.3.2 Suratkhabar dan Majalah

Bagi mendapatkan maklumat seterusnya pengkaji telah menyelidik bahan daripada rekod-rekod nasional dalam bentuk majalah dan akhbar yang memaparkan suara dan perjuangan rakyat di Tanah Melayu. Beberapa siri akhbar yang diekstrak daripada mikrofilem ialah *The Malaya Tribune*, *Times of Malaya*, *Melayu Muda (1936)*, *Al-Ikhwan (1926-1931)*, *Sahabat (1939-1940)* dan *Utusan Zaman (1938-1940)* telah dibaca dan disaring. Namun begitu, terdapat bahan telah sering digunakan dan rosak maka terdapat ruangan atau seksyen tertentu yang tidak boleh dibaca. Selain itu tulisan-tulisan daripada aktivis-aktivis wanita boleh didapati melalui majalah *Bulan Melayu (1930-1938)*, *Qalam (1936)*, *Kenchana (1930-1938)*, *Majallah Guru (1945-1955)* dan *Pancharan Pena (1939-1940)*.

Penerbitan-penerbitan tersebut merupakan antara akhbar dan majalah awal yang banyak memuatkan agenda pendidikan kepada wanita-wanita dan anak-anak gadis terutamanya daripada bangsa Melayu. Selain itu, seruan nasionalis telah disalurkan melalui akhbar dan majalah ini untuk menyeru wanita-wanita Melayu bangkit dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

3.4 Sejarah Lisan

Kebanyakan pengkaji feminis (Anderson, Armitage, Jack, & Wittner, 1990; McMahan &, 2013; Yow, 2014; Ritchi, 2014; Abrams, 2014; Gallagher, Lubelska, & Ryan, 2014) telah menjalankan penyelidikan menggunakan sejarah lisan dan pengalaman individu untuk mendapatkan sumber yang relevan. Sejarah lisan merupakan teknik yang penting bagi mendapatkan dan mengumpul data melalui proses sesi temubual. Individu yang ditemubual merupakan seseorang yang mampu memberikan maklumat atau infomasi mengenai pengalaman hidup, pernah melalui saat-saat bersejarah dalam hidupnya atau pun pernah mempunyai hubungan dekat dengan personaliti yang dikaji.

Maklumat yang ditulis oleh Agnes Khoo (2004:25) telah digunakan bagi menjalankan kajian ini. Beberapa prosedur dan teknik yang telah diprofilkan oleh beliau telah diambil sebagai panduan semasa pengkaji turun ke lapangan. Pengalaman dan jejak beliau semasa mencari dan menghubungi informan-informan terutamanya daripada wanita bekas anggota PKM berbangsa Cina amat membantu. Namun begitu, pengkaji telah menghadapi limitasi kerana kebanyakan daripada bekas anggota wanita ini sukar menjelaskan dalam bahasa Melayu. Justeru itu, semasa di lapangan untuk mengadakan sesi interview seorang penterjemah yang pandai berbahasa Mandarin dan bahasa Thai amat diperlukan.

Kebanyakan daripada wanita yang ditemubual dengan gembira menceritakan kisah perjuangan dan berkongsi pengalaman tentang kehidupan mereka. Namun begitu, adakalanya mereka merasakan sejarah mereka tidak penting untuk dikongsi bersama, ada ketikanya agak susah untuk menyakinkan mereka bahawa cerita mereka penting untuk dipaparkan dalam kajian saya. Mereka juga berpendapat, mereka hanya wanita biasa sedangkan kajian sejarah patut menonjolkan pemimpin besar dan tersohor. Setelah diterangkan objektif kajian ini, adakalanya wanita yang ditemubual tidak percaya bahawa aktiviti harian dan prinsip orang biasa boleh menjadi catatan penting dalam sejarah. Biasanya mereka menganggap pengalaman semasa kecil, keluarga, pendidikan, latar belakang dan pengalaman mereka tidak penting. Bagaimanapun, selepas diselidik dan dikupas satu persatu, terdapat informasi-informasi penting yang menunjukkan realiti kehidupan dan kesusahan wanita-wanita ini ketika zaman perjuangan menentang penjajah. Malah, perhubungan yang terjalin antara pengkaji dengan informan dan orang yang ditemubual menjadi rapat dan sehingga kini pengkaji masih berhubungan dengan wanita-wanita ini (Kirsch, 2014).

Pengalaman semasa menjalankan kajian arkib dan proses menemubual merupakan proses yang paling mencabar semasa melakukan penyelidikan di lapangan. Bagi membahagikan masa untuk melakukan kerja-kerja lapangan saya telah mengambil masa penyelidikan selama lapan bulan di arkib-arkib dan lapan bulan untuk terlibat dan menjalankan temubual di beberapa negeri. Semasa mengumpul data dan material arkib yang relevan dengan kajian terdapat penemuan-penemuan kes yang tidak pernah didedahkan dalam penulisan sejarah Malaysia dan menarik untuk dibincangkan.

Pada peringkat awal semasa proses menjalankan temubual pengkaji juga menemui jalan buntu kerana pengkaji berdepan dengan beberapa masalah seperti peserta yang dalam proses ditemubual meninggal dunia, peserta tiba-tiba enggan ditemubual, peserta temubual menghadapi masalah kesihatan seperti nyanyuk dan sakit

tua. Walaupun begitu dengan bantuan yang diberikan oleh *gatekeepers* dari beberapa tempat seperti dari Kg. Baru, Betong, Kg. Sukhirin, Yala, Grik, Terengganu, Johor dan Kelantan kesukaran untuk menjalankan temubual dapat diatasi. Proses menjalankan temubual mengambil masa kerana bergantung kepada keserasian dan kesediaan pihak yang ditemubual untuk menceritakan pengalaman mereka (Yost & Chmielewki, 2013). Justeru itu, proses berkenal mesra dan memberikan kefahaman tentang tujuan kajian kepada orang yang ditemubual adalah penting bagi membina keyakinan serta memberikan kerjasama semasa temubual dijalankan (Oakley, 1981; Devault, 1990; Hesse-Biber, 2013).

Pengkaji telah menulis surat secara rasmi, kemudian diikuti dengan *e-mail* dan perhubungan melalui telefon dengan pihak informan sebelum turun untuk membuat kerja lapangan. Kerja-kerja *follow-up* penting dilakukan agar tidak berlaku pihak yang ditemubual tiba-tiba membatalkan temubual di saat-saat akhir.

Teknik ini diharapkan dapat memelihara memori, pengalaman dan perjuangan aktivis-aktivis ini dalam menentang British dalam usaha mendapatkan kemerdekaan. Kebanyakan bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditemubual berusia di antara enam puluh dua tahun sehingga lapan puluh dua tahun dan kebanyakan daripada mereka mempunyai pengalaman sebagai gerila, bekerja di bahagian komunikasi, strategis, bahagian radio, jurnalis, jururawat, ahli perubatan, pemuzik atau menjadi ahli biasa parti PKM.

Sejarah lisan merupakan antara teknik penting dalam kajian feminis mahupun sejarah untuk memberi suara kepada orang biasa terutamanya aktivis wanita yang berjasa dan mengorbankan kehidupan mereka untuk berjuang menentang British dan Jepun malah terpaksa berjuang sebagai gerila serta menghabiskan sebahagian kehidupan dalam buangan. Pada masa yang sama sejarah lisan boleh memperbetulkan prejedis dan berat sebelah terhadap pandangan sejarah yang tidak mengambil kira suara orang biasa

yang ternyata kaya dengan pengalaman dan ilmu yang diperolehi sepanjang bergerak sebagai pejuang nasionalis.

Semasa temubual berlangsung, wanita-wanita ini selalu mengungkapkan perkataan ‘*kita perempuan, apa yang boleh kita lakukan...*’ kenyataan ini menunjukkan mereka merasakan sumbangan mereka kecil walaupun pada hakikatnya mereka telah melakukan aktiviti-aktiviti yang di luar jangkaan untuk seorang wanita atau anak perempuan dalam era 1940-an. Selain itu, ia juga menjelaskan bahawa sistem patriarki juga masih mendasari pemikiran dalam perjuangan politik kiri. Walaupun mereka telah dilatih untuk berjuang dan bekerjasama secara adil dalam pasukan gerila, namun pemikiran patriarki masih tetap membendung pemikiran mereka. Sebagai anggota gerila mereka perlu berunding dan menerima keputusan serta arahan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat. Terdapat juga keputusan terpaksa dibuat apabila mereka terpaksa menyerahkan bayi atau anak yang masih kecil kepada penjaga baru terutama penduduk desa yang bersimpati dengan anggota PKM.

Setelah beberapa soalan dikemukakan, muncul penemuan-penemuan penting berkait dengan pengalaman mereka seperti persoalan tentang kesedaran nasional, pendidikan, prinsip agama, perkahwinan, ekonomi dan asal mereka yang menunjukkan perkaitan rapat dengan identiti mereka sebagai wanita.

Persoalan tentang perhubungan gender secara keseluruhannya menunjukkan bahawa mereka sedar peranan lelaki amat penting dalam budaya mereka. Apabila ditanyakan apakah perbezaan peranan lelaki dan perempuan di rumah dan di tempat kerja, mereka menjawab lelaki selalu diberi keutamaan disebabkan kudrat, kekuatan fizikal dan kelantangan mereka bersuara.

3.4.1 Persediaan sebelum Temubual

Sebelum menjalankan proses temubual, pengkaji terlebih dahulu menghubungi *gatekeeper* sebelum berada di lapangan dan selepas diberitahu oleh *gatekeeper* bahawa pihak yang akan ditemubual telah bersedia maka proses temubual dimulakan. Bagi membiasakan diri dengan suasana asing pengkaji perlu berada di lapangan dua atau tiga hari lebih awal sebelum mengadakan temubual.

Pengkaji tidak berdepan masalah ketika menemubual aktivis-aktivis wanita yang terlibat dengan politik formal dari Johor dan Terengganu kerana mereka senang ditemubual dan ingin berkongsi pengalaman hidup mereka. Kebanyakan aktivis-aktivis wanita masih berperanan dalam politik dan ada yang mengambil keputusan untuk bersara daripada politik selepas kecewa dengan perubahan yang berlaku dalam politik tanah air sekarang. Aktivis-aktivis ini masih meneruskan kerja-kerja kebajikan dan mendapat sokongan daripada kerajaan negeri untuk membantu rakyat tempatan terutamanya dalam pendidikan dan memberikan idea untuk memantapkan parti yang dianggotai mereka.

Manakala proses temubual di Betong dan Kg. Sukhirin, Thailand memerlukan masa yang lebih panjang untuk membuat persediaan. Pertamanya saya menghubungi *gatekeeper* saya iaitu, En. Ismail Sareh (Ayah Weng) dan Anuwat di Betong serta Encik Yaacob Ibrahim di Kg. Sukhirin yang membawa saya berjumpa dengan wanita yang akan ditemubual untuk menetapkan hari dan masa temubual, pengangutan yang sesuai (motor atau van kerana keadaan jalan yang berbukit-bukit dan berliku). Sebelum mewawancara bekas ahli Parti Komunis Malaya (PKM), pihak informan perlu memastikan bahawa orang yang hendak ditemubual bersedia diwawancara agar sesi temubual tidak menganggu tugas sehari-hari mereka yang kebanyakannya pekebun dan penoreh getah. Tambahan pula terdapat informan yang jarang menerima atau bertemu untuk ditemubual mengenai perjuangan mereka dalam PKM. Seringkali juga temu janji

terpaksa dibatalkan apabila mereka tidak bersedia dan merasakan cerita mereka tidak menarik untuk dikongsi bersama. Pengkaji bersama-sama pihak *gatekeeper* harus menunggu waktu yang sesuai untuk *interviewee* bersedia semula. Proses ini perlu dilakukan secara berulang sehingga orang yang ditemubual berasa selesa dan bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka.

Kali pertama menjelaki Betong saya dibawa mengelilingi bandar Betong dan diperkenalkan dengan beberapa perkampungan yang pernah didianggap sebagai kubu kuat PKM. Kebanyakan bekas ahli-ahli PKM tinggal di Kampung Chulaporn 10. Perjalanan ke Terowong Piyamit memberikan pengalaman baru¹ namun kedatangan kami disambut baik oleh bekas ahli-ahli PKM. Bekas ahli PKM ini kebanyakannya berasal dari Johor, Kedah, Pahang dan Negeri Sembilan namun, ada yang berasal dari Thailand dan membantu ahli-ahli PKM meneruskan kehidupan mereka selepas perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia. Kebanyakan mereka merupakan petani dan peniaga sepenuh masa di samping menjadi sukarelawan bagi melakukan penerangan kepada pelawat atau pelancong yang berminat untuk mengetahui sejarah perjuangan mereka. Pejabat Tanah Chulaporn dengan kerjasama kerajaan Thai telah menghadiahkan antara 10-15 ekar tanah untuk setiap rumah untuk mereka usahakan sebagai kawasan perkebunan getah, dusun buah dan ladang sayur-sayuran.

Semasa berada di Piyamit kami telah diberikan taklimat secara sukarela oleh bekas anggota PKM, Sarjan Chan mengenai sejarah perkampungan ini yang bermula sebagai kawasan persembunyian PKM sejak tahun 1942. Kawasan PKM di Betong dibahagikan kepada dua bahagian di mana Batalion pertama didominasi pengaruh dari Parti Komunis China dan pasukan Batalion kedua dipengaruhi oleh Parti Komunis Rusia. Batalion pertama di sebelah timur Betong bersempadan dengan Tanjung Emas, Weng dan Grik. Ketua Batalion Pertama ialah Chin Peng, manakala Batalion Kedua,

¹ Perasaan yang berbaur antara rasa gembira, cemas dan ‘excited’ untuk menjalankan temubual.

Betong, Serdau dan Natawi di sebelah utara Bukit Kayu Hitam ketua unitnya ialah Chan Chun Meng. Melalui maklumat yang diperolehi dari Sarjan Chan, saya cuba menjelaki Chan Chun Meng di perkampungan orang Cina di Betong. *Gatekeeper* saya memaklumkan bahawa Chan Chun Meng telah meninggal enam bulan sebelum saya sempat menemui beliau.

Encik Ismail Sareh dengan bantuan Encik Anuwat telah mencadangkan saya untuk mewawancara Hua San dan Nee Pha, sepasang suami isteri yang paling lama berkhidmat dalam PKM yang masih hidup. Menurut Encik Anuwat kebanyakan generasi pertama PKM ramai yang telah meninggal ataupun mengambil keputusan menetap bersama anak-anak mereka sama ada pulang ke Malaysia ataupun menetap di bandar-bandar di Bangkok, Yala atau Golok. Wawancara ini hanya dapat diadakan sebulan selepas saya mendapat maklumat mengenai mereka melalui Encik Ismail Sareh. Ini kerana mereka terlibat dalam aktiviti komuniti yang telah dirancang sebelumnya. Kebanyakan masa siang mereka habiskan untuk mengusahakan kebun getah dan buah-buahan. Mereka berdua terpaksa melalui bukit dan perlu mengambil masa yang lama sebelum tiba ke rumah. Dalam pada itu, pengkaji mengambil peluang untuk menjelaki ahli-ahli PKM lain yang masih hidup dengan bantuan *gatekeeper* daripada Betong.

3.4.2 Temubual

Beberapa temubual telah dijalankan bagi mengumpulkan maklumat sejarah kehidupan aktivis-aktivis wanita yang pernah terlibat dalam politik formal dan tidak formal. Pengkaji telah menemubual lima orang aktivis politik wanita dan dua aktivis politik lelaki daripada PKM dan UMNO yang pernah terlibat dalam perjuangan politik sebelum kemerdekaan. Dua wanita daripada bekas anggota PKM yang ditemubual merupakan generasi kedua PKM iaitu penglibatan mereka bermula di antara tahun 1955-1969. Kebanyakan daripada aktivis politik yang ditemubual menceritakan tujuan

utama mereka terlibat dengan perjuangan menentang penjajah British adalah disebabkan kurangnya peluang pendidikan, kemiskinan, penindasan pelajar dan pekerja, ketidakadilan kepada pergerakan kiri, ketidakseimbangan ekonomi, pengaruh orang terdekat dan minat serta semangat yang sedia tertanam di kalangan aktivis ini semasa muda.

Sebelum memulakan temubual pengkaji terlebih dahulu berkenal mesra dan menerangkan tujuan dan objektif kajian dijalankan. Selain itu pengkaji juga menjelaskan jangkaan dan harapan agar mereka dapat berkongsi pengalaman hidup dan menceritakan secara jujur cerita mereka namun, sekiranya mereka merasa pengalaman tersebut tidak perlu dikongsi maka mereka berhak untuk tidak membincangkannya. Mereka juga dibenarkan untuk menyaring bahan temubual yang dirasakan tidak perlu didedahkan terutama melibatkan sensitiviti bekas ahli PKM.

Proses temubual ini merupakan pengalaman yang sangat bermakna kepada pengkaji sendiri kerana kemesraan dan keramahan orang yang ditemubual merasakan proses kajian tidak terhenti setakat ini sahaja. Mereka turut mencadangkan beberapa peserta lain yang mungkin boleh ditemubual namun, kerana penglibatan peserta lain selepas era kemerdekaan maka pengkaji mengambil keputusan tidak menemubual mereka untuk kajian ini tetapi akan kembali semula ke lapangan kajian setelah melengkapkan kajian ini.

Semasa menjalankan temubual pendekatan yang digunakan penting bagi mengelakkan ketidakselesaan orang yang ditemubual. Justeru itu, kebanyakan soalan yang dikemukakan adalah soalan terbuka dan tidak ada soalan yang berstruktur. Bagaimanapun, untuk mengelakkan pengkaji hilang fokus semasa proses temubual berjalan pengkaji telah menyediakan soalan-soalan untuk menjadi panduan sahaja, tetapi soalan-soalan ini tidak pernah didedahkan kepada orang yang ditemubual. Selain

daripada itu, pengkaji telah menyediakan satu senarai atau *check list* bagi mengelakkan daripada terlupa atau kelam kabut semasa kerja-kerja temubual dijalankan.

Untuk melancarkan sesi temubual, soalan-soalan yang dikemukakan bergantung kepada karektor orang yang ditemubual, latar belakang, suasana semasa temubual, mengikut kesukaan dan kesesuaian orang yang ditemubual. Perbualan juga bergantung dengan keselesaan orang yang ditemubual kerana kebanyakan daripada mereka telah lanjut usia dan memerlukan masa untuk menjawab maka pengkaji hanya mencelah ketika perlu sahaja atau mencelah supaya mereka menerangkan sesuatu peristiwa dengan lebih jelas semasa temubual dilaksanakan. Terdapat juga situasi di mana orang yang ditemubual tidak dapat menahan sebak dan memerlukan masa untuk menenangkan diri. Bagi menghadapi situasi ini pengkaji membiarkan kesunyian mengambil alih dan apabila mereka merasa tenang kembali, penjelasan yang diberikan lebih bersemangat dan lebih hidup daripada sebelumnya. Secara keseluruhannya pengkaji membiarkan orang yang ditemubual bercerita secara tenang dan bersahaja untuk mendapatkan cerita yang konsisten sehingga mereka terlupa yang perbualan tersebut direkodkan.

Proses mendokumentasi pengalaman wanita-wanita nasionalis ini merupakan proses yang bermilai kepada pengkaji untuk memahami erti perjuangan kepada wanita-wanita ini yang terpaksa mengharungi penderitaan termasuk berpisah dengan anak, dipulaukan oleh keluarga dan dituduh sebagai pengkhianat bangsa. Teknik sejarah lisan yang dijalankan penting kerana ia berperanan mendedahkan pengalaman aktivis wanita yang masih ‘tersembunyi’ dalam memori wanita ini.

3.5 Memoir dan Biografi Tokoh-Tokoh Wanita

Selain daripada temubual, pengkaji turut menggunakan memoir dan rakaman kehidupan aktivis wanita yang pernah ditemubual atau gagal ditemubual kerana masalah kesihatan dan sebagainya. Memoir merupakan salah satu cara untuk menilai dan

memahami sesuatu peristiwa yang mungkin tidak dinyatakan semasa temubual. Biografi juga, membantu pengkaji mendapatkan maklumat untuk menjelaskan semula nama-nama yang disebutkan tetapi belum diwawancara kisah perjuangan dan perasaan mereka semasa terlibat dalam perjuangan kemerdekaan dan perundingan yang dijalankan bagi mengiktiraf kedudukan wanita dalam politik. Maklumat yang diperolehi melalui memoir dan biografi dapat menjelaskan setiap detik pengalaman yang mungkin terlupa semasa wawancara dijalankan.

3.6 Cabaran Kerja Lapangan

Ketika di lapangan kerja pengkaji juga menghadapi masalah terutama masalah kefahaman dan masalah bahasa. Pengalaman ketika mengadakan temubual di Betong merupakan saat yang paling mencabar kepada pengkaji kerana pengkaji tidak memahami bahasa Thai, Hokien maupun Mandarin. Pengkaji banyak bergantung kepada pihak *gatekeeper* tempatan yang memahami dan menggunakan kedua-dua bahasa tersebut. Selain daripada itu, kedalaman dan kekuatan temubual tersebut bergantung kepada jumlah masa yang dihabiskan bersama orang yang ditemubual. Kesempatan dan masa temubual yang berubah mengikut kehendak orang yang ditemubual telah menyebabkan sesetengah temubual lebih komprehensif berbanding dengan temubual yang lain.

Pengalaman pertama semasa mengadakan temubual dengan bekas anggota PKM merupakan proses yang mencabar kerana wanita-wanita yang ditemubual teragak-agak untuk menerangkan pengalaman dan bercerita tentang situasi semasa terlibat dalam aktiviti gerila. Pada peringkat pertama mereka hanya menceritakan kesusahan dan mengapa mereka menganggotai parti tersebut, tetapi agak keberatan untuk menceritakan peranan mereka dalam parti dan pengalaman semasa darurat diisyiharkan oleh British pada 1948. Jelas kelihatan semasa peringkat awal menemubual mereka enggan bercerita tentang latar belakang atau kelihatan gugup. Hal ini mungkin disebabkan mereka jarang

ditemu bual oleh kaum lain atau kehadiran beberapa anggota keluarga semasa sesi temu bual menyebabkan mereka merasa malu berkongsi pengalaman.

Kebanyakan daripada aktivis yang ditemubual telah berumur dan mengalami masalah kesihatan sehingga beberapa kali temujanji untuk temubual ditunda bergantung kepada kesesuaian masa dan kesihatan mereka. Pengkaji pernah membatalkan temubual dan menjadikan sesi tersebut sebagai ziarah apabila orang yang hendak ditemubual telah mengalami masalah mengingatkan sesetengah memori walaupun beliau merupakan tokoh aktivis penting sebelum merdeka. Beliau merupakan antara tokoh yang disegani oleh pihak lawan kerana mempunyai prinsip dan kepercayaan kukuh terhadap perjuangan beliau.

Pengkaji juga pernah berdepan dengan situasi yang menyayat hati apabila aktivis wanita yang pernah ditemu bual telah meninggal dunia dan temujanji untuk temubual sesi kedua bersama beliau tidak sempat diadakan. Namun begitu beliau sempat meninggalkan beberapa dokumen semasa hayat beliau. Beliau pernah terlibat dalam politik desa dan pernah menjadi tenaga pengajar dan sukarelawan kepada wanita-wanita desa.

Manakala pengalaman ketika menemubual aktivis politik wanita UMNO, seperti Dato'Fatimah Majid, Nurul Kamar, Cikgu Rohani berjalan lancar. Mereka juga telah bersedia untuk ditemubual, bekerjasama dan menyediakan beberapa dokumen yang berkaitan dengan perjuangan mereka. Pengalaman mereka dengan aktivis-aktivis awal turut dikongsi, malah pengalaman mereka dengan tokoh-tokoh politik yang berjuang daripada peringkat awal telah membantu kajian ini. Selain itu, beberapa rekod sejarah lisan daripada arkib negara turut membantu penyelidik memperkemaskan penulisan tesis ini. Antara rekod-rekod temubual yang dijalankan oleh pihak Arkib Negara ialah temubual bersama Khatijah Sidek.

BAB EMPAT

PERKEMBANGAN AKTIVISME WANITA DAN KESEDARAN FEMINISME

4.1 Pendahuluan

Bab ini menganalisis perkembangan aktivisme wanita di Tanah Melayu dan bentuk aktivisme sosial yang diperjuangkan oleh mereka. Kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan kajian seperti, apakah kesedaran feminism telah wujud dalam kalangan wanita sebelum merdeka? Persoalan kedua, apakah bentuk-bentuk aktivisme yang digunakan oleh wanita-wanita ini dalam menjayakan agenda perjuangan mereka. Ketiga, apakah strategi yang digunakan untuk menyedarkan masyarakat, sama ada usaha mereka diterima dalam masyarakat yang masih berpaksikan sistem patriarki? Terakhir sekali, sejauh manakah pemodenan dan pembaharuan yang dituntut berjaya menggalakkan wanita terlibat dalam aktivisme yang akhirnya membawa kepada gerakan membebaskan tanah air daripada penjajahan?

Penglibatan wanita dalam aktivisme peringkat ini terserlah melalui usaha aktivis-aktivis wanita yang menuntut emansipasi sosial melalui pendidikan secara formal dan tidak formal. Melalui karya sastera dan penulisan artikel, mereka mengkritik pemahaman agama konservatif dan kepercayaan adat dan tradisi kolot yang telah meminggirkan wanita dalam pelbagai aspek. Penubuhan persatuan dan usaha membangkitkan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan merupakan bentuk aktivisme untuk membebaskan wanita daripada kemunduran dan merupakan langkah awal memperbaiki kedudukan dan taraf sosial wanita dalam masyarakat di Tanah Melayu.

4.2 Latar belakang dan Perkembangan Awal Aktivisme Wanita

Sejarah aktivisme wanita di Malaysia ini dapat dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama, pergerakan wanita dianggotai oleh guru-guru Inggeris, isteri dan anak-anak pegawai British, wanita dari kerabat diraja dan pegawai Melayu, dan golongan ekspatriat bangsa Cina serta India. Kebanyakan wanita ini datangnya dari keluarga bangsawan serta dari keluarga yang berpendidikan yang tinggal di kawasan bandar. Mereka mendapat pendidikan Inggeris atau bagi wanita Melayu mereka pernah mendapat pendidikan di sekolah Melayu sehingga darjah lima atau enam sehingga dilantik menjadi pembantu guru selepas tamat persekolahan (Mahani Musa, 2010: 3). Di peringkat ini aktivisme hanya tertumpu kepada isu pendidikan dan kerja-kerja sosial yang sesuai dengan tugas suami mereka sebagai pegawai kerajaan. Fokus aktiviti mereka ialah isu pendidikan perempuan dan mencari dana untuk aktiviti persatuan wanita.

Kemunculan pergerakan wanita awal di Tanah Melayu dimulai oleh guru-guru sekolah misionari yang dibiayai oleh institusi mubaligh Kristian sebelum ia diambil alih oleh kerajaan kolonial British (Doran, 1996:100-111; Cheeseman, 1948: 4). Ia bermula apabila guru-guru wanita Inggeris menubuhkan persatuan yang dinamakan *the Society for Promoting Female Education (SPFE)* yang dimulakan oleh Maria Newell.¹ Usaha Newell diteruskan oleh Grant dan Sophia Cooke yang terus menggesa kerajaan British untuk memperkenalkan sekolah perempuan aliran Inggeris di Negeri-negeri Selat (Cheeseman, 1948:4). Aktiviti ini juga mendapat sokongan persatuan Komuniti Cina Selat yang turut menyumbangkan bantuan kewangan bagi menubuhkan sekolah

¹Newell merupakan guru wanita pertama yang dihantar untuk berkhidmat di Melaka oleh *Church of England*. Perkhidmatan beliau tidak lama di Melaka, tugas beliau telah diganti oleh Grant dan Cooke yang lebih berpengalaman kerana mereka pernah berkhidmat di Singapura. Pertama kali sekolah perempuan Inggeris diperkenalkan, pihak sekolah terpaksa berdepan dengan golongan yang prejudis dan konservatif daripada penduduk setempat. Cooke juga merupakan guru dan mubaligh yang mendorong penubuhan *Young Women's Christian Association (YWCA)*.

perempuan Inggeris untuk kanak-kanak perempuan di bawah pengurusan pihak misionari Kristian.

Kebanyakan murid-murid perempuan dan tenaga pengajar sekolah Inggeris terdiri daripada kaum Cina dan *Eurasia* manakala murid perempuan dari kaum Melayu dan India amat kecil. Namun begitu, objektif pendidikan anak-anak perempuan ini lebih tertumpu kepada pengajaran hal ehwal rumah tangga seperti tugas-tugas domestik, memasak dan menjahit (Cheeseman, 1948:5). Mereka tidak diajar tentang kebudayaan dan tidak perlu menghadapi peperiksaan seperti murid lelaki. Latihan ini bersesuaian dengan polisi kerajaan British untuk menyediakan wanita daripada kelas atasan sebagai isteri pegawai-pegawai Melayu yang berpendidikan Inggeris dan bukannya mendapat pendidikan teknikal serta menerima status yang sama dengan lelaki (*Annual Report, Kelantan*, 1939: 45; CO 717 143/51898, Mahani Musa, 2010:2).

Bagaimanapun selepas Perang Dunia Pertama wanita-wanita di Tanah Melayu telah menunjukkan minat untuk terlibat dalam kerja-kerja sukarela (Straton-Brown, September:1935). Golongan wanita terutama daripada masyarakat Cina dan *Eurasia* mula dibenarkan terlibat secara aktif dalam kerja-kerja komuniti, malah dibenarkan belajar di sekolah Inggeris² walaupun telah melepassi kelayakan umur ke sekolah. Malah cawangan organisasi *Girls Friendly Society* (GFS) telah dikembangkan ke Tanah Melayu pada tahun 1920 dan ramai wanita di bandar-bandar besar telah menerima manfaat organisasi ini. Pergerakan ini dibuka kepada semua kaum, bagaimanapun keanggotaan pertubuhan ini didominasi oleh wanita Inggeris, *Eurasia* dan Cina. Pergerakan ini akhirnya digantikan dengan YWCA yang mempunyai objektif yang sama

²Sekolah Inggeris di Tanah Melayu ialah sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran. Murid-murid sekolah Inggeris memulakan persekolahan diperingkat sekolah dasar sehingga ke peringkat lebih tinggi sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan sekolah *Cambridge*. Ia merupakan institusi pendidikan awal yang diuruskan oleh misionari Kristian.

dengan *GFS*. *YWCA*³ merupakan inisiatif Cooke,⁴ seorang guru dan sukarelawan misionari Kristian yang telah berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang pendidikan dan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakat (Straton-Brown, September:1935; Makmor Tumin: 2006).

Aktitivi-aktiviti utama *YWCA* adalah dalam bentuk sosial dan kerja-kerja amal untuk membantu masyarakat setempat. Keanggotaan pertubuhan di peringkat awal mendapat sambutan sederhana namun, semakin berkembang dan cawangan-cawangannya di tempatkan di seluruh negeri Melayu (*Report on Education in Malaya*, 1948). Antara sumbangan khidmat sosial *YWCA* ialah penubuhan pusat asuhan bagi anak-anak buruh wanita di Pulau Pinang pada 1938 dan di Kuala Lumpur dan Selangor pada tahun 1935. Kemudahan pusat asuhan ini telah memberikan keselesaan kepada buruh wanita yang mengantar anak-anak mereka ke pusat-pusat asuhan pada waktu mereka bekerja. Ia bertujuan membantu wanita-wanita ini memberi tumpuan kepada pekerjaan mereka (*Report on Education in Malaya*, 1948; *YWCA Report*, 1976: 27). Selain itu, kerajaan British telah membantu *YWCA* mendapatkan pegawai perubatan daripada England untuk memenuhi keperluan kesihatan untuk wanita di Tanah Melayu. Mereka turut dibantu oleh staf dan pegawai perubatan Cina yang telah diajar mengikut kaedah perubatan moden (*YWCA Report*, 1976: 27).

Organisasi *YWCA* menekankan khidmat sosial, pendidikan wanita dan kemahiran seni serta penjagaan rumah tangga. Ia turut memberikan peluang untuk wanita berdiskusi dan mengadakan forum untuk membincangkan isu-isu dan status wanita dalam masyarakat. Walaupun konsep dan istilah gender belum digunakan ketika

³*YWCA* merupakan pergerakan Kristian antarabangsa yang membantu meningkatkan kebajikan wanita dan anak-anak gadis tanpa mengira bangsa, negara dan agama. Di Tanah Melayu pergerakan *YWCA* terlibat dalam khidmat sosial dan pendidikan wanita, latihan domestik, kelas dan syarahan, kelab wanita, bimbingan untuk wanita bekerja, kemahiran rumah tangga dan pusat penjagaan kanak-kanak (*Young Women's Christian Association of Malaya (YWCA) Report, 100 Years, 1855-1955 Celebrations*, 1955; Makmor Tumin, 2006:31).

⁴Cooke merupakan guru yang berpengalaman yang pernah menguruskan dua sekolah perempuan (milik misionari Kristian) di Singapura.

itu, namun beberapa isu dan diskusi yang berlangsung telah mengetengahkan pemikiran pemodenan wanita ketika itu. Isu yang diketengahkan seperti perbincangan mengenai status dan peranan wanita dalam masyarakat telah membuktikan wujud kesedaran feminism di Tanah Melayu. Memetik kenyataan daripada seorang wakil wanita dalam mesyuarat YWCA pada tahun 1938 menunjukkan kesedaran ini telah ada, dalam mesyuarat tersebut beliau menegaskan bahawa, “*...whether a man or a woman ought to do this or that is entirely wrong, it is a question of the individual person's competency, not of their sex*” (*YWCA Report*, 1955).

Pada era tersebut, adat dan budaya kehidupan kebanyakan wanita Melayu, Cina serta India di Tanah Melayu agak terpinggir daripada kehidupan publik dan menyebabkan ramai anak perempuan tercicir daripada persekolahan. Namun jika dibandingkan antara ketiga-tiga kaum tersebut, wanita Cina yang sudah lama menetap di Negeri-Negeri Selat lebih maju dan aktif dalam aktiviti sukarela. Wanita Cina di Negeri-Negeri Selat aktif semenjak Perang Dunia Pertama tamat, mereka dilihat lebih berani dan mendapat sokongan ahli keluarga untuk melakukan kerja-kerja komuniti (Straton-Brown, September 1935:35-39). Namun begitu, penubuhan sekolah perempuan memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk melawan prejedis dan fahaman konsevatif. Guru-guru wanita telah keluar memujuk dan menggalakkan ibu bapa menghantar anak perempuan mereka ke sekolah (Cheeseman, 1948:4). Sikap prejedis orang Melayu tentang sekolah yang disediakan oleh kerajaan Inggeris berkait rapat dengan tanggapan bahawa sekolah menjadi tempat penyebaran agama Kristian, percampuran bebas lelaki dan wanita, ibu-bapa kehilangan bantuan rumah tangga daripada anak perempuan dan isu masa persekolahan yang amat asing kepada ibu bapa Melayu (*Report of Education in Malaya*, 1948: 9-10; Manderson, 1978: 106-107; Mahani Musa, 2010: 2).

Pihak Komuniti Cina Selat juga telah memberikan banyak sumbangan kepada sekolah Cina di Singapura. Kebanyakan daripada sekolah tersebut, 80% pengurusan sekolah telah diselenggara oleh pihak misionari seperti *Penang Convent*, yang menggalakkan pendidikan kepada anak yatim serta anak daripada perkahwinan campur orang kulit putih dengan wanita tempatan yang ditinggalkan kerana pelbagai sebab. Namun begitu, sekolah-sekolah ini dibentuk untuk meneruskan inspirasi kerajaan British dengan menerapkan pengaruh Inggeris dalam polisi sekolah. Malah untuk upacara khas, ucapan rasmi sekolah perlu disediakan oleh penyelia sekolah yang biasanya berbahasa Inggeris (Lim, 2012: 66).

Dalam kategori kedua, aktivisme intelekual wanita dan aktivisme buruh imigran wanita di Tanah Melayu. Perjuangan mereka dalam pergerakan wanita berasaskan kaum menuntut perubahan wanita dalam pendidikan, peningkatan status wanita dan isu kadar upah. Aktivis-aktivis wanita ini terlibat secara langsung dalam aktiviti ceramah, perdebatan agama dan politik di bandar serta di luar bandar. Selain itu, golongan intelektual mendekati kaum buruh dengan mengadakan kelas malam, penulisan majalah atau akhbar yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, Mandarin, Inggeris dan Tamil. Mereka turut menggunakan karya kreatif seperti novel, sajak, pantun, gurindam dan lagu-lagu patriotik dalam menyebarkan idea progresif bagi menyalurkan suara kesedaran kepada masyarakat bagi melahirkan harapan kepada nusa dan bangsa.

Golongan ini juga menjadi pengkritik masyarakat dan mengetengahkan isu-isu wanita dan masalah perendahan status wanita. Antara isu yang dibangkitkan oleh aktivis-aktivis ini ialah isu pendidikan, literasi wanita, pekerjaan, pelacuran, perkahwinan paksa dan perkahwinan bawah umur, poligami serta hak harta pusaka untuk wanita. Malah perbincangan juga membawa persoalan tentang kemerdekaan diri dan kepentingan mempunyai sikap insaniah (*Majallah Guru*, Julai 1931). Selain itu, mereka turut memberi pencerahan melalui penulisan dan kelas kesedaran politik.

Pendekatan ini digunakan oleh nasionalis dari negara China untuk memberi pengetahuan politik kepada rakyat. Di Perak, kelas kesedaran politik dianjurkan oleh persatuan pelajar Cina (Suriani Abdullah, 2006: 6-11) dengan mengadakan ‘Bilik Membaca’ bagi membincangkan dan memberi pendapat hasil dari pembacaan mereka. Pelajar-pelajar yang terlibat membuat laporan dan menyuarakan pendapat politik mereka. Mereka mengadakan kelas malam membantu buruh wanita yang buta huruf, membantu menyusun dan membentuk persatuan buruh. ‘Bilik Kuli’ (Fan, 2005: 175-184) yang ditubuhkan oleh golongan buruh wanita tetapi dianggotai oleh lelaki dan wanita bertujuan untuk membantu, menderma dan mencari pekerjaan untuk buruh Cina. Mereka menjaga kebajikan antara satu sama lain. Kemudian aktivitinya berkembang menjadi pergerakan anti-Jepun dan menentang eksloitasi buruh oleh golongan pemodal. Ia menggunakan slogan ‘kekuatan dan keruntuhan sesebuah negara melibatkan setiap kaum wanita’.

Terdapat sesetengah pergerakan wanita yang merupakan cawangan kepada persatuan utama yang diketuai oleh lelaki namun, sayap wanita ini mempunyai keupayaan untuk menjalankan aktiviti mereka sendiri. Malah kumpulan wanita ini mendapat sokongan yang kuat dalam menjayakan aktivisme dan terlibat dalam program kesedaran politik tempatan dan antarabangsa. Kesedaran wanita-wanita ini tentang pendidikan, pemodenan dan politik ketika itu amat dipengaruhi oleh pelbagai pergerakan wanita dari luar negara seperti Turki (Abu Hanifah Haris, 2011; Milner, 1986), Mesir (*Bulan Melayu*, 1935) Indonesia (*Bulan Melayu*, 1931; Laffan, 1996), Britain (*Bulan Melayu*, 1930; Stratton-Brown, September:1935) dan China (Fan, 2005).

Penglibatan aktivisme awal wanita daripada pelbagai kaum adalah sebagai tindak balas kepada polisi penjajahan British. Tindakbalas ini telah dibincangkan oleh Jayawardena (1986:3), iaitu feminism di negara yang pernah dijajah berkait rapat

dengan perjuangan emansipasi wanita yang muncul bersama dengan kesedaran nasionalisme. Fokus kajian melihat apakah bentuk aktivisme dan tujuan yang digunakan aktivis-aktivis yang terlibat dalam perjuangan ini. Selain itu, kajian akan menganalisis bagaimana aktivis wanita ini berjaya menempatkan perjuangan mereka dan dapat bekerjasama dengan aktivis lelaki?. Seterusnya bagaimanakah aktivis wanita dapat menyumbang kepada kesedaran nasional di Tanah Melayu melalui aktivisme mereka. Ini menunjukkan bahawa perjuangan emansipasi wanita berlaku serentak dengan perjuangan nasionalisme.

4.3 Aktivisme Wanita Melayu

4.3.1 Emansipasi Wanita Melayu

Kemunculan pergerakan yang menampilkan penglibatan wanita dalam aktivisme untuk menuntut perubahan sosial dan politik atau feminism telah wujud di Tanah Melayu. Pendekatan ‘wanita baru’⁵ dalam pendidikan, penafsiran agama dan

⁵‘wanita baru’ yang dirujuk oleh Mahani Musa (2010: 3) bermaksud wanita yang meningkat kualiti hidupnya berbanding masa lalu. Walaupun ia fenomena global namun tujuan dan ciri perubahan yang ditekankan adalah berbeza-beza. Terminologi ini menampakkan pengaruh besar apabila buku dan majalah menggunakan istilah *new women* muncul di seluruh dunia pada abad ke 19 diperkenalkan oleh Charles Fourier ahli sosialis Perancis merujuk kepada wanita yang berani melakukan perubahan atas kesedaran bahawa wanita mempunyai tanggungjawab moral dan sosial untuk memajukan masyarakat (Rowbotham, 1992:8). Istilah ‘wanita baru’ ini menurut Jayawardena (1986: 16) di negara Islam seperti Mesir, Turki, Iran dan Afghanistan lebih menekankan kepada kritik terhadap penggunaan tudung dalam kalangan wanita. ‘wanita baru’ menekankan emansipasi wanita dan pendidikan merupakan isu utama. Manakala dalam konteks Tanah Melayu, maksud ‘wanita baru’ dianalisis sebagai kecenderungan wanita yang mengkritik peminggiran atau pengasingan wanita dalam masyarakat seperti mengkritik adat kolot yang menindas wanita dan menolak pendidikan moden. Menjelaskan bahawa tuntutan emansipasi wanita Turki seperti kemerdekaan perempuan bukannya merendahkan lelaki tetapi bekerjasama dalam kehidupan dengan lelaki disamping meninggikan martabat wanita . Tuntutan ini bukan perlawanan antara Timur atau Barat tetapi merujuk kepada ajaran agama, disamping meningkatkan keupayaan dan penglibatan wanita dalam ekonomi (*Bulan Melayu*, 1942:26). Kesedaran ‘wanita baru’ di Tanah Melayu merujuk kepada jiwa zaman wanita ketika itu yang menyokong emansipasi wanita dengan menyentuh isu pendidikan wanita, peranan wanita kepada negara, membentuk wanita yang bercita-cita memerdekakan negara, menekankan identiti bangsa dan memodenkan bangsa. Wanita ini harus berganding bahu dengan ‘lelaki baru’ untuk menyemai kesedaran untuk kemajuan bangsa. ‘Wanita baru’ di Tanah Melayu menerima pemodenan dan tuntutan emansipasi wanita tetapi dalam ruang lingkup yang tidak bertentangan dengan agama dan sistem kekeluargaan, ‘wanita baru’ bagi wanita Melayu Islam menggunakan slogan ‘*agama dididik, moden dibela*’. Reformis wanita Melayu menuntut agar wanita berfikiran terbuka, menerima pendidikan dan membebaskan diri daripada belenggu adat sosial yang meminggirkan mereka daripada dunia politik, ekonomi dan sosial. Slogan ini juga menjelaskan konsep feminism merupakan fenomena global dan organik bermula sebagai tindakbalas dan menunjukkan fitrah manusia apabila berdepan dengan penindasan.

pemodenan masyarakat merupakan proses pembaharuan sosial yang penting ke atas wanita Melayu. Ketiga-tiga proses ini dianggap sebagai kuasa pembebas atau *liberating force* yang mempunyai pengaruh tersendiri ke atas pemikiran dan perlakuan wanita Melayu ketika itu (Mohamed Abu Bakar, 1989:331). Kehadiran wanita baru telah menuntut perubahan masyarakat, terutamanya dalam kalangan kaum ibu Melayu.

Gerakan emansipasi wanita dilihat sebagai elemen penting dalam perubahan sosial dan budaya di Tanah Melayu dalam tahun 1920-an. Kelompok aktivis wanita baru ini selain menggalakkan pendidikan wanita, mereka juga mahu wanita terlibat dalam sektor ekonomi dan perubahan sosial (Hasnah Husiin, 2010:137). Pembaharuan sosial ini menjelaskan bahawa wanita baru yang merdeka, mahu bebas daripada batasan-batasan fizikal dan sosial. Malah wanita berpeluang untuk menikmati hak-hak asasi seperti menikmati pendidikan, pekerjaan bergenjuran dan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan (Ng & Maznah Mohamad, 1989:220-221). Mereka menggalakkan kaum ibu mendidik anak-anak mereka menggunakan pendekatan yang betul agar pemikiran anak-anak mereka berkembang dan memiliki perspektif kehidupan yang luas. Selain itu, wanita perlu mempunyai jiwa dan pemikiran yang merdeka serta berani berfikir secara kritis. Pendekatan ini perlu untuk melatih anak-anak mereka berani bercakap, berterus-terang, ikhlas, bercita-cita tinggi dan bersemangat untuk berjasa serta berbakti kepada negara (*Majallah Guru*, Julai 1931:115).

Semangat feminism terlah melalui pergerakan wanita yang menyokong agenda pembaharuan dan pemodenan masyarakat ketika itu. Kemajuan wanita⁶ ditekankan kerana negara mendapat manfaat daripada kesepakatan di antara lelaki dan wanita. Semangat dan iltizam untuk mengubah haluan pemikiran orang Melayu dan

⁶Kemajuan wanita bermaksud membawa perubahan wanita dalam kehidupan yang lebih baik iaitu memberikan pelajaran, asuhan dan pendidikan supaya dapat dipelajari oleh anak perempuan Melayu. Kaum ibu disarankan berkongsi pengetahuan sebagai tauladan dan pedoman serta kemajuan untuk meluaskan pemikiran, pandangan, menyuburkan akal dan perasaan (*Bulan Melayu*, 1930:3; *Bulan Melayu*, 1935: 17-20).

menyelamatkan wanitanya penting kerana mereka bertanggungjawab mengasuh dan mendidik generasi depan. Malah, nasib serta masa hadapan negara dan bangsa berada dalam tangan wanita. Demi kehormatan sesebuah bangsa, hampir semua gerakan kebangsaan di dunia ketika itu berkongsi idea untuk meningkatkan kehormatan kaum wanita dengan menyokong nilai kesetaraan dan status wanita adalah sama penting seperti lelaki (*Bulan Melayu*, Jan.1930: 53-54).

Wanita Melayu aktif dalam pergerakan wanita, penulisan artikel, penulisan karya sastera termasuk penterjemahan dan karya saduran daripada majalah antarabangsa tentang isu wanita. Penulisan membincangkan kepentingan kemajuan untuk wanita dan sebab utama wanita terlalu jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Luahan perasaan, pengalaman dan kritik sosial tentang wanita ditulis dalam bentuk karya sastera seperti gurindam, syair, sajak dan pantun untuk menjelaskan sebab kemunduran wanita dan semangat wanita yang semakin malap. Terdapat beberapa unsur-unsur pemikiran liberal dan radikal melalui karya-karya yang diterbitkan dalam beberapa majalah seperti *Kenchana* dan *Bulan Melayu* berbanding dengan penulisan yang diterbitkan dalam majalah *Saudara* atau *Al-Ikhwan*. Karya sastera dalam bentuk gubahan gurindam dan syair yang disiarkan dalam majalah tempatan seperti *Bulan Melayu*, *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Al-Ikhwan*, *Majallah Guru*, *Melayu Muda*, *Kenchana*, *Tanah Melayu* dan lain-lain penerbitan telah menuntut pembaharuan, pemodenan dan pembebasan wanita Melayu.

Bagi menerangkan kepelbagaiannya pendekatan yang digunakan sama ada berbentuk pendekatan sederhana mahupun radikal dapat diterangkan melalui contoh rangkap gurindam yang bertajuk *Jerit Kesedaran* (*Bulan Melayu*, Jan. 1930:249-251) dan *Lidah Perawan* (*Bulan Melayu*, Nov. 1930: 200-202), yang jelas memperlihatkan pemikiran yang agak radikal untuk zaman tersebut. Ia menuntut agar wanita bangkit dan

merebut kembali kebebasan, kehormatan dan memperkasakan diri sendiri. Kaum ibu dan wanita perlu mendapatkan pengetahuan moden dan mempersiapkan diri untuk bersaing dengan bangsa lain yang lebih maju. Dalam proses pemodenan, wanita dan lelaki harus saling bantu membantu dan tidak meminggirkan wanita dalam arus pembangunan serta kemajuan. Wanita tidak harus dilihat sebagai tidak sama dengan lelaki tetapi sebagai insan yang harus dihormati dan diiktiraf peranan mereka yang penting dalam masyarakat. Kemunduran wanita merupakan petanda mundurnya sesebuah masyarakat dan bangsa mereka.⁷ Justeru itu, untuk memajukan wanita Harun Aminurrasyid seorang intelektual Melayu berpendapat wanita perlu dilatih untuk menguasai ilmu bahasa, mengarang, di samping mendalami ilmu agama (*Idaran Zaman*, Julai 1928:1).

Majalah-majalah ini membincangkan isu perendahan wanita (perendahan wanita dalam majalah *Bulan Melayu*) yang menjadi sekatan kepada kemajuan dan perubahan sosial wanita Melayu ketika itu. Antara masalah-masalah perendahan wanita yang bangkitkan oleh reformis wanita ini ialah perkahwinan paksa, perkahwinan bawah umur, pendidikan formal untuk anak-anak perempuan, poligami, perceraian, keganasan rumah tangga. Perendahan wanita ini berakar daripada sistem sosial, adat dan praktik agama yang tidak rasional dan masih dibelenggu oleh kepercayaan kuno, khurafat serta bidaah. Pergerakan wanita daripada golongan muda mula memperkatakan hal kemajuan walaupun mereka dikritik dan menerima halangan yang kuat daripada golongan yang menentang pembaharuan. Dalam keadaan tersebut walaupun pengaruh pemikiran Turki dan Mesir diterima dan dihormati namun pergerakan wanita Melayu perlu menjaga adat dan cara berpakaian orang Melayu (*Bulan Melayu*, 1935 :18).

⁷Syed Syeikh Al-Hadi menjelaskan bahawa tugas penting untuk menyelamatkan kaum ibu dari “lembah kejahanan dan kebodohnya” dan menyedari bahawa tiap-tiap kaum dan bangsa hanya mendapat kemajuan...dengan sebab kemajuan sekelian perempuannya (*Al-Ikhwan*, 1930, 43-48; Marina Merican, 1960, 31-78; Manderson, 1981:21). Beliau berpegang kepada prinsip asas iaitu pembaharuan dan kemajuan dapat dicapai dengan kerjasama lelaki dan wanita. Kaum ibu merupakan pembantu dan pengasuh anak-anak untuk membangunkan bangsa dan negara.

Isu perendahan wanita ini telah dibahaskan dalam majalah Al-Ikhwan, yang menyarkan siri tulisan ‘*Alam Perempuan*’ tulisan Syed Syeikh Al-Hadi sebelum ia dibukukan.⁸ Siri ini membincangkan pendidikan anak-anak perempuan, peranan wanita sebagai ibu dan isteri serta kedudukan wanita dalam masyarakat (*Al-Ikhwan*, 1927:192-197). Dalam artikel ‘*Berubah pemeliharaan anak-anak perempuan itu sangat-sangat dikehendaki*’ (*Al-Ikhwan*, 1930:43-48) beliau menegaskan pentingnya perubahan dan perkembangan pemikiran kepada wanita. Sekiranya wanita tidak berpendidikan status mereka seakan sama seperti haiwan yang hanya melahirkan anak semata-mata. Sekiranya situasi ini berterusan, ia pasti memberi kesan kepada kemajuan sesuatu bangsa yang jelas berada di tangan seorang perempuan.

Ketika ini bentuk emansipasi hanya menyeru kepada pembebasan wanita dari segi kongkongan adat kolot yang memundurkan wanita sehingga merugikan bangsa. Prinsip pergerakan ini turut disokong oleh golongan reformis agama ketika itu. Pergerakan wanita dan golongan reformis lelaki ini telah terlibat dalam gerakan menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan formal untuk memajukan masyarakat dan menolak adat tradisi yang menyebabkan kemunduran orang Melayu. Pembelaan untuk wanita mendapatkan pendidikan terserah melalui penulisan Syed Syeikh Al-Hadi yang gigih memperbaiki kedudukan wanita melalui pendidikan untuk masa depan bangsa dan negara (Hooker, 2000). Syed Syeikh Al-Hadi turut mengkritik penulisan ketika itu yang hanya mementingkan dan membahaskan pemeliharaan anak lelaki sehingga meminggirkan pendidikan dan pemeliharaan anak perempuan. Beliau menegaskan pemikiran wanita lemah kerana tidak menerima pendidikan yang sempurna. Justeru itu, ia mempengaruhi keyakinan diri kebanyakan wanita ketika itu. Menurut beliau tugas wanita bukannya semata-mata melahirkan dan

⁸Syed Syeikh Al-Hadi menerbitkan majalah *Al-Ikhwan* di Pulau Pinang digelar sebagai pejuang feminism di Tanah Melayu kerana tulisannya yang menyedarkan kaum wanita dan memperjuangkan nasib wanita agar membebaskan dari daripada adat-adat lama yang menyebabkan wanita jahil dan tertinggal daripada arus kemodenan (Hasnah Hussin, 2011:136-137).

menjaga zuriat tetapi menjadi penentu kemajuan bangsa (*Al-Ikhwan*, Mei 1927; *Al-Ikhwan*, Oktober 1930).

Menyedari bahawa wanita Melayu masih ketinggalan, aktivis-aktivis wanita ini masih menaruh harapan agar bangsa Melayu bangkit dari kegelapan dan bangun berjuang seperti pergerakan wanita di negara lain. Wanita Melayu diseru menajamkan pemikiran dan berani mengeluarkan pendapat serta bebas untuk meningkatkan semangat cintakan tanah air. Wanita digalakkan menganggotai pergerakan atau menubuhkan pergerakan mereka sendiri dengan tujuan memajukan tanah air dan cekap berpolitik. Malah, aktivis-aktivis wanita ini menjelaskan bahawa Tanah Melayu memerlukan wanita yang cekap berjuang dan memajukan tanah air seperti srikandi Raden Adjeng Kartini, Duria Shafik, Wijaya Lakshmi Pandit dan Begum Fida Hassan (*Majallah Guru*, 1958: 240-241).

Rangkap gurindam bertajuk, *Jerit Kesedaran* yang ditulis oleh Cempaka dari Pulau Pinang (*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 249-251), mengkritik amalan tradisi Melayu yang melayan wanita seperti ‘haiwan belaan’. Beliau melihat wanita lemah kerana tidak berpelajaran, malah hidup dan nasib mereka dikawal serta ditentukan oleh orang tua sebelum mereka dikanak-kanak dengan orang yang tidak dikenali. Isu perkahwinan paksa dilihat sebagai menyekat kemajuan dan kebebasan wanita sebagai manusia (*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 247). Malah, wanita telah dibisukan dan dinafikan hak kebebasan untuk memilih pasangan. Beliau melihat isu ini berkaitrapat dengan penafian untuk wanita menerima pendidikan dan tidak mengetahui hak mereka. Berikut adalah rangkap gurindam Jerit Kesedaran (*Bulan Melayu*, Jan. 1930:250):

...wahai yang lemah lembut, kebebasan diri cari dan rebut,Supaya kehormatan tidak tercabut, kita ini ibu kaum dan bangsa..., adapun sebab kemunduran perempuan, dimedan kemajuan sentiasa tertawan ialah kerana tak diberi pengetahuan, dikurung lelaki seperti haiwan, laki-laki cuma menggunakan kita, buat faedahnya semata-mata,diisinya perut

ditutupnya mata, dibuatnya seperti kuda dan unta, kita ditegah keluar menjelma...

Pergerakan awal wanita Melayu banyak melibatkan tuntutan emansipasi terutamanya dalam pendidikan wanita serta kemajuan wanita dalam masyarakat. Gerakan ini turut menerima sokongan daripada golongan intelektual agama dan pejuang reformasi lelaki. Aktivis wanita ini telah mengkritik peminggiran atau pengasingan wanita⁹ daripada aktiviti kemasyarakatan. Mereka turut mengkritik ‘budaya’ wanita itu sendiri yang mengikut secara ‘membuta tuli’ dan pemikiran kuno yang menindas wanita dan melarang mendapat pendidikan di sekolah. Pergerakan wanita juga menekankan kesederhanaan, menerima kemajuan dan budaya yang tidak terlalu kebaratan (*Bulan Melayu*, Nov.1935: 18; Doukakis, 2012). Selain itu, pergerakan ini berusaha menerapkan unsur kewatanan atau semangat nasionalisme semasa terlibat dalam kegiatan aktivisme.

Bentuk pengasingan dan peminggiran wanita daripada pendidikan moden, sikap wanita yang membelenggu diri sendiri dan adat konservatif telah menghalang kemajuan wanita di Tanah Melayu ketika itu. Aktivis-aktivis wanita ini turut tampil mengkritik sesetengah golongan lelaki yang melabelkan ‘wanita baru’ sebagai wanita moden yang hanya terikut-ikut dengan budaya berhibur yang buruk atau budaya kuning daripada Barat sehingga sanggup meninggalkan nilai murni budaya sendiri. Kesedaran wanita ini juga dikenali sebagai kebangkitan wanita baru yang dianggap bermulanya aktivisme wanita yang bermula dengan perjuangan emansipasi wanita di Tanah Melayu.

⁹Aktivis-aktivis wanita Melayu mengkritik peminggiran wanita dalam polisi British, peminggiran wanita disebabkan amalan tradisi budaya yang kolot dan menjadi penghalang kepada pendidikan dan kemajuan wanita. Pengasingan wanita daripada mengambil bahagian ‘dalam pekerjaan yang berguna’ merupakan faktor kemunduran wanita dalam hidup manusia. Permasalahan sosial seperti isu poligami, perceraian, perkahwinan paksa, dan pembahagian harta pusaka juga diberi perhatian dan dibincangkan secara terbuka. Pendidikan agama dan moden untuk wanita telah diajukan untuk mengubah perspektif wanita dan masyarakat. Hanya wanita yang boleh mengubah masyarakat kerana wanita melahirkan, mendidik dan membentuk anak-anak mereka (*Bulan Melayu*, Mac 1931: 306). Pendidikan perempuan untuk segala bangsa di Tanah Melayu amat bermakna dan kesedaran ini muncul dari ‘perasaan yang siuman’ (*Bulan Melayu*, 1935: 27).

Pergerakan wanita Melayu yang juga melabelkan persatuan mereka sebagai pergerakan kaum ibu menggunakan slogan ‘*Agama dididik Moden dibela*’ bagi menuduhkan tuduhan mereka terpengaruh dengan budaya Barat.¹⁰ Penggunaan label wanita baru dalam penulisan atau ketika ceramah politik oleh aktivis-aktivis wanita telah membuktikan kesungguhan aktivis-aktivis wanita ini untuk mengubah kedudukan wanita ketika itu. Slogan ini juga membuktikan bahawa mereka tetap mementingkan pendidikan agama di samping mengambil pendekatan sederhana untuk memerdekaan wanita daripada kejahanan yang membelenggu kehidupan mereka (*Bulan Melayu*, Julai 1938: 5).

Kesedaran ketika itu juga turut memperkatakan isu kesamarataan gender, peranan wanita dalam masyarakat, isu pendidikan dan isu perendahan wanita. Pelbagai idea dan pendapat telah dilontarkan melalui penulisan dan perbahasan yang dimuatkan dalam majalah mahupun akhbar. Seorang penulis artikel dalam majalah *Bulan Melayu*, Muhd.Yusof S.M (*Bulan Melayu*, Ogos 1930: 54) pernah mempersoalkan isu kesamaratan lelaki dan wanita ini:

...mengapakah dikurangkan martabat perempuan-perempuan itu daripada laki-laki? Mengapakah perempuan-perempuan mesti mengikut perintah laki-laki? Dan mengapakah perempuan mesti bergantung kepada laki-laki? Dan adapun setengah yang berkata jika sekiranya diberi peluang kepada sekelian perempuan menzahirkan kepandaianya tentulah kelak didapati mereka itu tiada kurang daripada laki-laki sedikit juapun. Bahkan tentulah boleh jadi sama tinggi kepandaianya sama elok fikirannya sama sempurna pekerjaannya dan sama luas pemandangannya dengan segala laki-laki...mengapakah dipaksa akan perempuan-perempuan itu menjadi hamba kepada sekelian laki-laki?. (*Bulan Melayu*, Ogos 1930: 54).

¹⁰Konsep yang digunakan oleh persatuan kaum ibu yang menyokong gerakan pembaharuan dan pemodenan wanita di Tanah Melayu. Ia menegaskan pelajaran agama tetap diterapkan dalam pendidikan tanpa meminggirkan budaya dan nilai-nilai moden untuk memajukan bangsa (*Bulan Melayu*, Julai 1938,4). Slogan ini menjadi asas perjuangan pergerakan wanita Melayu yang mengambil pendekatan gerakan pembebasan wanita di Barat dan Turki yang tidak lagi mengikut nilai dan had agama dan turut mendapat kritikan dalam penulisan wanita Melayu seperti Zainun Sulaiman (Ahmad Kadir & Jaafar Sidek Abdul Rahman,1992:3).

Selain itu, isu utama yang kerap dibincangkan ialah peranan wanita yang berkaitrapat dengan peranan mereka sebagai ibu dan isteri, yang menjadi asas penglibatan mereka dalam politik. Politik keibuan¹¹ terserlah melalui tuntutan agar kaum wanita atau kaum ibu diberikan pendidikan kerana anak yang dilahirkan dan diasuh bakal menentukan kemajuan serta keutuhan sesebuah bangsa (*Bulan Melayu*, 1935:28; *Majallah Guru*, 1949: 12). Penulis-penulis sama ada lelaki atau wanita ketika itu juga merujuk kaum wanita sebagai kaum ibu dalam tulisan masing-masing. Malah semua pergerakan atau persatuan wanita Melayu ketika itu yang melibatkan wanita dipanggil sebagai pergerakan kaum ibu.

Abu Bakar Aziz¹² seorang penulis menjelaskan dalam membicarakan tentang wanita, masyarakat tidak dapat lari daripada memperkatakan tugasnya sebagai ibu yang melahirkan anak-anak (*Bintang Malaya*, September 1941:8-10). Ibu dianggap sebagai acuan anak-anak atau acuan kaum, iaitu membicarakan kedudukan wanita bertanggungjawab sebagai seorang ibu yang mendidik dan melahirkan pemimpin dan juga boleh meruntuhkan sesebuah masyarakat. Abdul Jamil Fikri Mahmudiah, menegaskan lagi bahawa wanita adalah guru pertama yang mendidik seseorang manusia. Wanita menjadikan dunia indah, menzahirkan lelaki yang berjaya, malah dunia berhutang kepada wanita. Taraf dan nasib wanita telah diterbalikkan oleh kaum lelaki kerana mengikut hawa nafsu mereka (*Lembaga Malaya*, 1941:14).

¹¹Politik keibuan (Ruddick, 1989, 17; *Bulan Melayu*, 1931:306) merujuk kepada keutamaan peranan ibu dalam memberikan ‘perlindungan, mendidik, menjaga dan mengasuh serta melatih anak-anak supaya berakal serta berpendidikan. Partisipasi ibu dalam pendidikan anak-anak harus bermula dengan ibu itu sendiri harus berpendidikan dan bijaksana. Pendidikan wanita ditekankan kerana wanita menentukan corak dan masa depan negara kerana anak-anak dibentuk dan diasuh oleh wanita. Ruddick menjelaskan teori politik keibuan suatu aktiviti pengasuhan, pembentukan dan perkembangan anak-anak ditangan seorang ibu. Peranan ibu dalam menjaga, membawa kehidupan anak-anak, mempromosikan perkembangan anak-anak untuk berjasa dan diterima masyarakat. Ibu dilihat sebagai penentu masa depan negara kerana melahir, menjaga, mengasuh serta pembimbing kanak-kanak yang utama. Justeru itu, kepimpinan dan hala tuju sesebuah negara berada ditangan seorang ibu.

¹²Seorang penulis majalah *Bintang Malaya*. Majalah ini beroperasi beberapa bulan sahaja kerana terhenti akibat Perang Dunia Ke-2.

Malah, dalam tamadun dunia menyaksikan bahawa kemajuan dan keruntuhan sesebuah tamadun dalam genggaman tangan yang mengayun buaian. Dalam artikel bertajuk ‘Kaum Ibu’, seorang penulis (tanpa nama) menegaskan kunci kehidupan berada di tangan wanita, hidup sesebuah kerajaan memerlukan seorang perempuan (*Bulan Melayu*, 1931: 274). Justeru itu, sudah tiba masanya kedudukan kaum wanita dihormati dan dinaikkan martabatnya sama rata dengan lelaki dalam kehidupan manusia. Wanita juga diseru memperbanyakkan menulis buku-buku dalam pelbagai bahasa mengikut negeri untuk menangkis tulisan yang merendahkan martabat dalam peraturan kehidupan dan ajaran agama (*Bulan Melayu*, 1930:54; Doukakis, 2012).

Kenyataan-kenyataan ini memerlukan ibu atau wanita Melayu yang berhati nurani serta bertanggungjawab untuk membimbing anak-anak yang cerdas dan berwawasan. Impian ini hanya dapat terlaksana jika ibu bapa terutamanya kaum ibu terdiri daripada mereka yang bijaksana dan berilmu pengetahuan. Mereka percaya sekiranya kaum ibu jahil dan tidak berpendidikan maka generasi hadapan terutamanya kaum lelaki akan berdepan dengan hal yang sama kerana wanita merupakan ibu, pendidik dan memainkan pengaruh besar dalam perkembangan kaum lelaki. Wanita juga perlu disedarkan bahawa mereka bukan lagi harta milik lelaki tetapi insan yang memerlukan ilmu pengetahuan dan dihormati sebagai manusia yang berfikir. Justeru itu, perubahan yang drastik perlu dilakukan untuk menentang kejahilan dan adat yang merendahkan wanita seperti yang terkandung dalam sebahagian gurindam bertajuk *Jerit Kesedaran*¹³ dan *Kemajuan*¹⁴.

¹³*Jerit kesedaran* ditulis oleh Chempaka dari Pulau Pinang, ia berkaitan dengan isu perendahan wanita iaitu tentang perkahwinan paksa yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu ketika itu. Beliau membincangkan keburukan kahwin paksa kepada wanita.

¹⁴Penulis ini menggunakan nama samaran M.S, mengutarakan maksud kemajuan agar tidak dipesongkan untuk kemegahan dan hidup mewah, tetapi untuk memajukan dan menyatukan bangsa.

...adapun sebab kemunduran perempuan,
di medan kemajuan sentiasa tertawan
ialah kerana tak diberi pengetahuan,
dikurung laki-laki seperti haiwan

laki-laki cuma menggunakan kita,
buat faedahnya semata-mata
disinya perut ditutupnya mata,
dibuat seperti kuda dan unta
kita ditegah keluar menjelma,

kemudian kemajuan tidak diberi sama
katanya konon dilarang agama,
tinggallah kita jahil selamanya
sebenarnya laki-laki menaruh iri,
takut perempuan kalau diajari
pandai menangkap akal pencuri,
akhirnya laki-laki tak dapat lari...

wahai ibu celikkan mata,
tunjukkan riang kebolehan kita
tuntutlah hak kebebasan rata,
ilmu pengetahuan cari serta
belajar menuntut biar bersungguh,
supaya pendirian kita ini teguh...

kebebasan hilang entah kemana,
adat tuk nenek yang mana berbahaya
menyekat kebebasan kehormatan manusia,
jangan dipakai atau dipercaya
buang kesemua kedalam paya,
ingat!ingat!ingat ibu pertiwi...
carilah dulu ilmu pengetahuan,
supaya terang pedoman haluan

(*Bulan Melayu*, Jan.1930: 249-251)

...menuntut kemajuan perangai kemanusiaan
kemajuan banyak jenis perbezaan,
kemajuan yang hak
mewarnai kemuliaan,
kemajuan yang batil menuntut kebinasaan
kemajuan bukan bermegahkan kekayaan,
mengocahkan wang
berpakai kenderaan,
kemajuan yang sebenar insafkan perasaan
tolong-menolong mencari kejayaan,
kepada am curahkan kelabaan

seagama sebangsa bersatu pekerjaan,
bersatu muafakat
banyakkan perusahaan,
dengki dan tamak perangai kecelaan..

(*Bulan Melayu*, 1930: 195)

Kehancuran sesebuah bangsa juga dikaitkan dengan kegagalan kaum wanita dalam pendidikan dan tidak berilmu pengetahuan. Kandungan artikel-artikel yang disiarkan, menfokuskan kepada isu tanah air dengan mengkritik lelaki dan ahli agama yang berfikiran sempit dan konservatif. Mereka menolak pendapat yang menganggap wanita seperti musuh yang perlu dikawal sehingga menidakkannya hak mereka dalam mendapatkan pendidikan (*Bulan Melayu*, 1930: 250). Malah, menekankan isu kemiskinan dan kesempitan bangsa Melayu disebabkan oleh kejahilan sendiri sehingga menjadi mangsa penjajahan ekonomi dan politik. Dalam sebahagian maksud gurindam bertajuk *lidah perawan*¹⁵ menyeru kaum untuk meneruskan perjuangan mereka menuntut kemajua:

Wahai ibu sedarlah kamu,
memadailah kamu tersemu
Ditipu orang kehidupanmu,
dijadikan sia-sia kejadianmu
Kejadian yang penting,
sangat dilindungkan
kegunaanmu yang besar disembunyikan,
pekerjaanmu yang wajib
semua ditahankan,
patung bernyawa kamu diumpamakan
... kaum Melayu porak-peranda,
watan kemuliaan tidak berjeda
sebab itu marilah segera,
ayuhai jenisku janda dan dara
... memulihkan kaum yang cedera,
laki-laki yang baru kita bangunkan
perasaan kebajikan kita semaikan,
kesalahan lalu kita maafkan
berteriakan kaum ibu yang pemalu,
menyuruh membuang adat yang lalu
membunuh perhimpunan hulubalang panglima

¹⁵*Lidah perawan* ditulis oleh Sy.Zaleha al-Habsyiah, Pulau Pinang, merupakan antara hasil karya yang dipilih oleh ketua pengarang *Bulan Melayu* untuk diterbitkan dalam keluaran kedua mereka.

...ada laki-laki demikian kehidupan,
tiada mempunyai malu dan sopan
perempuan dijadikan musuh di hadapan,
menunjukkan pencak silat percakapan,
demikian juga tok serban besar,
pandai menjadi agama di pasar
mengeluarkan hukum berdesar-desar,
kalau dibantah menjadi gusar
sekelian ini seteru kemajuan,
jangan diendahkan ayuhai perempuan
menuntut ilmu lelaki perempuan,
agama Islam mewajibkan Tuan
menuntut ilmu lelaki dan perempuan,
agama memberi kebebasan wanita
di dalam sempadan yang sangat sempurna,
tetapi serban besar tak semena-mena
mengadangmenyekat di sini- sana,
lamalah sudah kita menyembah
serbanyakbesarbagaimanakebah,
sekarang marilah kita berubah!

(*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 200-202)

Penulis-penulis seperti Syed Syeikh Al-Hadi, Asaad Ashari, Abdul Kadir Adabi, Rokiah Nuruddin, Zaaba, Ibu Zain, Ainun Abdullah, A.H.Rasyid, Kontik Kamariah, Rahmah Ahmad Zain dan ramai penulis wanita lain telah mengetengahkan isu-isu mengenai kemajuan orang Melayu terutamanya wanita Melayu. Isu yang disuarakan ialah mengenai tugas wanita sebagai ibu serta isteri, peranan wanita dalam masyarakat, menegur pandangan agama yang sempit, isu rumah tangga, ekonomi, politik dan sosial. Wanita yang sedar tentang isu ini meneruskan kritikan dengan menggunakan sindiran secara halus dan mudah difahami iaitu menggunakan gurindam, pantun atau syair untuk meluahkan perasaan dan kritik sosial tentang peranan gender yang tidak seimbang di antara lelaki dan wanita. Malah, aktivis serta intelektual agama turut membahas dan membincangkan perendahan status¹⁶ bangsa Melayu yang dilihat telah hilang jati diri

¹⁶Perendahan status merujuk kepada tahap kedudukan dan kritikan terhadap pemikiran, kesedaran dan semangat orang Melayu ketika itu yang dianggap lemah dan tidak bekerjasama di antara satu sama lain. Kemudurran berfikir dan takut menerima kemajuan dianggap punca ‘kepapaan dan menyebabkan rendahnya darjah kebangsaan bangsa’. Menolak pembaharuan dan takut dengan kemajuan berfikir menyebabkan martabat bangsa rendah disisi bangsa asing (seperti Eropah, Cina, India, Arab, Serani dan Yahudi) sehingga menyebabkan bangsa Melayu semakin jauh ke belakang. Walaupun ketika itu tumbuh

dan tidak percaya dengan kebolehan bangsa sendiri untuk bangkit (*Bulan Melayu*, Nov.1935: 18; *Al-Ikhwan*, 1927: 192).

Seruan agar wanita Melayu bangkit dan menunjukkan kemampuan untuk memimpin dan melibatkan diri dalam masyarakat bagi mendapatkan kebebasan yang bermakna, termuat dalam majalah-majala ini dalam pelbagai bentuk. Sekiranya kaum wanita terus bertangguh dan terus lena mereka akan dipandang hina dan tidak berguna. Golongan wanita baru ini percaya wanita Melayu mampu belajar dan berpendidikan mencontohi bangsa asing lain seperti wanita Eropah dan Cina. Mereka sedar bahawa bangsa Melayu terutama wanita dalam keadaan terhimpit oleh kejayaan bangsa asing namun yakin bahawa sekiranya semua golongan berilmu dan bekerjasama orang Melayu mampu memerintah dan berlaku adil (*Bulan Melayu*, Nov.1931: 4). Justeru itu, memaklumi bahawa wanita Melayu masih jauh ketinggalan dalam aspek pendidikan, dan kurang kefahaman tentang semangat kebangsaan dan kewatanan, maka adalah menjadi tanggungjawab wanita yang sedar untuk mengubah nasib bangsa mereka (*Bulan Melayu*, Nov.1931:4). Selain institusi persekolahan, kesedaran tentang kemajuan diajarkan dan disebarluaskan melalui akhbar-akhbar sebagai pemicu kemajuan, meluaskan pemikiran dan kesedaran kebangsaan (*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 3).

Keprihatinan dengan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat, golongan wanita yang sedar dengan permasalahan ini mengingatkan bahawa perlunya wanita bersatu dan bersungguh-sungguh mendapatkan ilmu pengetahuan. Mereka menegaskan kemunduran masyarakat Melayu disebabkan kebijaksanaan serta kemampuan wanita sebagai pemimpin tidak diiktiraf oleh kaum lelaki. Justeru terdapat

semangat baru menerima pembaharuan namun golongan yang sedar ini tidak jelas dengan jalan yang perlu dituruti, kerana selalu dilabel sebagai terlalu kebaratan (*Al-Ikhwan*, 1927: 192). Dalam artikel ‘Teriak Sebenar’ (*Al-Ikhwan*, 1926: 186-168), Syed Syeikh Al-Hadi menjelaskan bencinya kepada penjajah Eropah yang telah meruntuhkan maruah, undang-undang, ekonomi dan harga diri bangsa Melayu. Beliau mencabar orang Melayu, lelaki dan wanita jika masih mempunyai kesedaran dan fikiran yang waras bagaimana kita boleh membenarkan bangsa lain menjajah dan menjadi pemerintah di tanah air sendiri.

seruan agar ‘lelaki baru’¹⁷ harus bangkit bekerjasama dan menyemaikan kesedaran dalam kalangan anak bangsa. Lelaki juga perlu sedar bahawa wanita merupakan ‘roh’ kemajuan bangsa dan mereka perlu menggembeleng tenaga dengan wanita yang sedar untuk mengatur kemajuan di desa-desa (*Bulan Melayu*, Nov.1935: 17-19). Kaum ibu disarankan agar mengubah haluan dan mengambil tindakan secara bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan kaum wanita (*Bulan Melayu*, Jan. 1930:53). Haluan yang dimaksudkan ialah memberi wanita pendidikan untuk pengetahuan dan pimpinan. Menggalakkan wanita bermiaga, bergaul dengan masyarakat serta melakukan kerja-kerja amal dan sukarela. Namun begitu, kebebasan wanita ini tidak semestinya mengikut acuan barat sehingga melupakan budaya sendiri seperti yang terjadi kepada wanita Mesir dan Turki (*Bulan Melayu*, Nov. 1935: 21).

Pendirian ini dianggap penting untuk mengubah nasib wanita dan menjadi tanggungjawab wanita yang sedar dan peka untuk meneruskan perjuangan tersebut. Seorang penulis dan aktivis wanita menjelaskan bahawa:

...Kita perempuan bukan hendak berlumba-lumba dengan sesiapa. Bukan kita hendak menyaingi kuasa barat dan tidak pula kita hendak meniru atau menurut orang Turki, Mesir dan sebagainya. Tetapi yang sebenarnya kita hanya hendak menunaikan atau menyempurnakan kewajipan diri kita seperti menggalakkan wanita untuk berfikir, meletakkan mereka penting dalam masyarakat, mengkritik sikap segolongan perempuan Melayu yang hanya mengambil peluang seadanya -tidak berfikir jauh (*Bulan Melayu*, Jan. 1930:62).Maka oleh sebab itu, pada saat ini menjadi kewajipan bagi pihak kaum ibu supaya tidak lagi lalai dari menjalankan haknya menjadi ibu yang sebenarnya. Adapun kewajipan kita dalam pergerakan sekarang ini bukanlah kewajipan yang berkait dengan kekuatan fizikal sahaja, tetapi kekuatan perempuan adalah dengan sifat lembutnya dan kuat tenaga batin yang hanya diatur dan dijaga oleh kaum perempuan. Perempuan harus membuka jalan bukan ke arah menzahirkan kecantikan dan kemanisan

¹⁷Lelaki baru merujuk kepada kelompok reformis yang mendapat pendidikan luar dan dalam negara yang menyokong pergerakan pembaharuan, pemodenan dan emansipasi wanita di Tanah Melayu. Kelompok ini menjadi tulang belakang kepada emansipasi wanita, menyebarkan semangat cintakan tanah air serta bekerjasama dengan wanita untuk membangunkan watan dan anak bangsa (*Bulan Melayu*, Jan. 1930:200). Ia juga satu seruan kepada kaum ibu untuk melahirkan anak lelaki yang berjiwa baru, mempunyai perasaan kebajikan, menghormati wanita, cintakan watan dan bersemangat untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan.

semata-mata tetapi kemerdekaan pemikiran dan menjadi kesenangan laki-laki meluaskan pandangan. Kaum ibu seharusnya golongan yang pandai membantu, memelihara dan membangunkan tenaga batin untuk menyokong pergerakan lelaki untuk mendapat perjalanan dan haluan yang sempurna... (*Bulan Melayu*, Jan.1930: 95).

Menyedari isu-isu ini sangat kritikal, beberapa buah majalah dan akhbar seperti *al-Ikhwan*, *Saudara*, *Tanah Melayu*, *Bulan Melayu*, *Cenderamata*, *Idaran Zaman*, *Lembaga Malaya*, *Qalam* dan *Majallah Guru* telah menyediakan ruang khas untuk isu wanita, malah menggalakkan wanita menulis dan berkongsi pemikiran mereka. Antara isu atau pengalaman yang diutarakan ialah halangan gadis Melayu mendapat pendidikan kerana sukar mendapat keizinan orang tua mereka untuk keluar dari rumah. Seorang penulis wanita, Rahmah Mutahir (*Tanah Melayu*, 1935:17-18) berkongsi pengalaman bahawa beliau terpaksa berusaha sendiri. Beliau hanya belajar membaca dan menulis setelah beliau meningkat umur belasan tahun. Melalui beberapa kesukaran untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, oleh itu beliau menyeru ibubapa kaum Melayu agar menyedari bahawa pengetahuan dan pendidikan penting untuk masa hadapan generasi Melayu akan datang.

Situasi ini turut disedari oleh aktivis dan intelektual wanita dan lelaki yang berfikiran baru dengan mengetengahkan isu-isu sosial yang menyentuh tentang kemajuan wanita Melayu. Isu pemodenan telah mendapat perhatian sehingga ia menjadi perbahasan utama dalam ruangan-ruangan majalah dan akhbar tempatan. Beberapa orang penulis mempersoalkan dan mengkritik pendapat yang menegaskan wanita hanya layak berada di rumah. Mereka menolak pernyataan yang merendahkan perempuan seperti menggambarkan *wanita lemah, tidak berdaya, perempuan hanya untuk penghulu dapur, perempuan tidak layak mengambil tahu hal politik tanahair* (*Kenchana*, 1947:1-4). Aktivis politik seperti Harun Aminuddin Rasyid, memperkatakan status dan peranan wanita di negara-negara yang terjajah, beliau menyeru agar wanita ini bangkit dan tidak

tunduk kepada agenda yang melemahkan mereka. Beliau menegaskan tidak menjadi kesalahan untuk wanita keluar untuk berjuang dan membela tanah air mereka. Pernyataan beliau adalah seperti dalam petikan daripada majalah *Kenchana*:

...nah! Apakah ada batasan dan bahagian wanita mesti dilarang berjuang kerana membela kemulian bangsa dan tanah ayernya? Sehingga hari ini masih ada wanita Melayu yang cerdik pandai menjadi perkakas penjajah melaung-laungkan perkataan yang cuba hendak menipu dan melemahkan hati wanita supaya tetap tinggal dalam bodoh dan lemah serta tidak ada nafsu bergerak bersama lelaki Sesungguhnya persoalan sebenar ialah bangsa Melayu terjajah! Penjajah sedar sekiranya kaum wanita diberi perangsang dan digalakkan supaya bergerak bersaing dengan laki-laki, tak dapat tidak Bangsa Melayu akan lekas bangkit dan meronta hendakkan kemuliaan bangsa dan tanah ayernya menjadi bangsa merdeka (*Kenchana*, 1947:1-4).

Tuntutan-tuntutan di atas jelas menunjukkan semangat feminism telah ada dan wanita sendiri mempunyai visi untuk mengangkat status wanita dalam masyarakat Melayu. malah, mereka menegaskan bahawa wanita mempunyai hak dan maruah yang sama seperti kaum lelaki. Justeru itu wanita perlu membuat persediaan untuk memperkuatkan jati diri mereka dalam masyarakat serta mempunyai kemahuan untuk keluar daripada kekangan tersebut. Pendidikan merupakan antara kaedah penting untuk membebaskan wanita daripada sekatan yang dikenakan kepada mereka selama ini.

Bentuk Aktivisme dan Agenda Perjuangan Wanita Melayu

4.3.1.1 Pendidikan dan Pembentukan Sekolah Perempuan

Dalam usaha mengubah dan mengangkat status wanita Melayu, perbincangan tentang peranan dan pemodenan wanita telah menjadi topik penting dalam penulisan dan ceramah agama. Kebanyakan aktivis-aktivis ini bersetuju perubahan dan pemodenan boleh berlaku dalam masyarakat apabila wanita dan kaum ibu diberikan pendidikan. Seruan untuk mengubah dan memodenkan masyarakat Melayu ini

didokong oleh gerakan Kaum Muda,¹⁸ yang terdiri daripada golongan wanita dan lelaki yang mahukan pendidikan diwajibkan ke atas wanita. Golongan wanita yang menyokong pembaharuan yang diusahakan oleh kelompok Kaum Muda ini menolak pendapat golongan agama konservatif yang melarang wanita diberi pendidikan formal.¹⁹ Kaum Muda berpendapat ilmu pengetahuan yang mencakupi ilmu ekonomi, sahsiah dan politik wajib dituntut oleh kedua-dua kaum lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, mereka tetap bertanggungjawab khusus kepada penjagaan rumah tangga dan pendidikan kepada anak-anak.

Jika selama ini anak perempuan dan wanita Melayu hanya diberi pelajaran di rumah atau pendidikan tidak formal,²⁰ iaitu hanya mempelajari hal yang bersangkutan dengan agama dan bacaan Al-Quran. Pelajaran agama yang diterima oleh mereka ialah pelajaran asas yang membolehkan mereka mengerjakan solat dan rukun agama yang lain (Nik Zainab Haji Karim, 1985:206). Kebanyakan pendidikan ini diajar di rumah atau diadakan di rumah guru-guru agama yang dilantik. Bentuk ilmu pegetahuan asas lain yang diajar ialah tentang pembentukan akhlak dan peribadi sebagai persediaan untuk menjadi ahli masyarakat yang baik (Muhammad Ridzuan Idris & Arba'iyah Mohd Noor, 2014:25). Selain itu, secara tradisinya kaum ibu akan melatih anak-anak perempuan tentang urusan memasak dan penjagaan rumah tangga sebelum mereka dikahwinkan.

¹⁸Kelompok intelektual Islam lulusan dari Timur Tengah dan Turki memperjuangkan pemodenan dan pembaharuan dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu. Kumpulan ini menggalakkan pendidikan untuk wanita kerana masyarakat yang maju bergantung kepada kemajuan wanita. Mereka turut mengupas peranan pendidikan untuk mengubah bangsa Melayu, kedudukan wanita di rumah dan dalam masyarakat (Gordon, 1999:154). Majalah bulanan *Al-Ikhwan* diterbitkan oleh Kaum Muda untuk membahaskan dan mengkritik isu wanita, amalan agama dan adat konservatif. Isu-isu ini juga turut dibincangkan dalam akbar harian *Saudara* (Roff, 2003: 84).

¹⁹Konsep pendidikan Melayu formal ketika itu merujuk kepada sistem pendidikan, sama ada sekolah agama (pondok dan madrasah) yang ditubuhkan oleh reformis agama, sekolah vernakular dan sekolah yang disediakan oleh kerajaan kolonial yang mempunyai kelengkapan kelas, murid, kurikulum dan guru-guru berkelulusan perguruan ketika itu.

²⁰Sistem pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa dan guru-guru agama, perkembangan ini dibawah seliaan ibu bapa mereka. Proses sosialisasi ini dilalui oleh semua kanak-kanak lelaki dan perempuan Melayu (Muhammad Ridzuan Idris dan Arba'iyah Mohd Noor, 2014:25).

Membiaran wanita dalam kejahanan dianggap sebagai satu kerugian besar kepada bangsa dan negara. Zaaba²¹ pernah menegaskan bahawa pendidikan untuk wanita adalah wajib. Justeru itu, wanita harus diberikan pendidikan seperti kaum lelaki kerana manusia dan berhak mendapat pelajaran dan pengetahuan seperti lelaki (Zaaba, 1945:63). Zaaba juga pernah menegaskan pelajaran harus diberikan kepada kanak-kanak perempuan agar mereka berani dan berdikari. Malah pelajaran bukan semata-mata untuk mendapat pekerjaan tetapi untuk ilmu pengetahuan yang berfaedah untuk meluaskan hati dan pemikiran (Zaaba, SPR 2006/01566, *Perempuan Melayu dengan pelajaran dan Pekerjaan*, 31 Ogos 1945). Bagaimanapun menurut Cheeseman²² (Cheeseman, 1948:10), usaha awal mendirikan sekolah perempuan Melayu terpaksa melalui pelbagai cabaran terutama terpaksa berdepan dengan sikap prejedis dan konservatif terutama daripada ibu bapa.

If the Malay parents did not at first welcome education for their boys they were actively opposed to it for their girls. They thought that the girls should help in the home and observe the traditional muslim seclusion. They feared that the only result of education would be that the girls would learn to read the boys love letters, or, even worse, to write such letters themselves. (Time has shown that these fears were not altogether groundless) But as with boys, so with the girls, the school record, and personal influence on those who were persuaded to attend, soon won the parents over (Cheeseman, 1948:10).

Menyedari hakikat hanya pendidikan yang dapat membawa perubahan asas kepada masyarakat sekaligus memperbaiki taraf hidup wanita Melayu, maka golongan aktivis Melayu menekankan pelajaran dan sekolah untuk kanak-kanak perempuan. Sekolah perempuan perlu dibina kerana guru-guru lelaki tidak mengetahui pelajaran yang diperlukan oleh kanak-kenak perempuan (ketika kanak-kanak perempuan ramai

²¹Zaaba merupakan cendikiawan Melayu yang giat menulis dalam tahun 1930-an dan 1940an. Beliau menulis tentang kemajuan orang Melayu terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

²²H.R.Cheeseman merupakan antara ahli pendidik Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu selama 37 tahun. Pernah menjadi pengarah pelajaran di Tanah Melayu setelah menggantikan R.O.Winstedt apabila beliau bersara.

belajar di sekolah lelaki). Malah, kanak-kanak perempuan ketinggalan sewaktu belajar disebabkan rasa segan dengan guru laki-laki yang mengajar mereka (*Lembaga Malaya*, 1941:8). Pembinaan sekolah untuk perempuan pernah dibincangkan oleh pihak kerajaan di Kelantan (*Kenchana*, 30 Jun 1930:65; Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004:105; Muhamad Ali). Sekolah ini penting untuk mempercepatkan kemajuan orang Melayu kerana selagi wanita tidak berpelajaran kemajuan dan perubahan tidak dapat dilakukan. Abdul Kadir Adabi pernah menyarankan:

...kepada anak-anak perempuan kita berharap kerajaan yang mengadakan sekolah-sekolah, jika kerajaan tidak mempunyai perbelanjaan, kerajaan boleh mengadakan wang loteri yang dicabut persen daripadanya untuk belanja bagi menambahkan mutu kaum ibu di Kelantan (*Kenchana*, 30 Jun 1930).

Kenyataan beliau turut mendapat sokongan daripada sahabat beliau, iaitu Asaad Shukri yang turut memberi sokongan tentang pendidikan wanita. Asaad juga telah menghantar dua orang anak perempuan beliau Rahmah Asaad dan Sofiah Yusoff ke Madrasah Muhammadiah yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1930. Beliau juga menegaskan bahawa kanak-kanak perempuan harus diberikan pendidikan atas sebab berikut (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004: 156; Muhamad Ali, 2015):

- i) Wanita bertanggungjawab mendidik
- ii) Wanita patut mengetahui jalan-jalan bantu membantu suami bagi menyempurnakan hidup bersama. Bagi menyempurnakan asas-asas itu, perawan hendaklah mempelajari dan mengetahui dengan secukupnya ilmu kesihatan, didikan, mengatur rumah tangga dan ilmu pergaulan.

Proses menuju sekolah untuk kanak-kanak perempuan berjalan perlahan kerana ibu bapa tetap prejudis dan bimbang keselamatan anak-anak mereka bersendirian

ke sekolah tanpa pengawasan mereka. Malah mereka juga telah kehilangan pembantu domestik sekiranya mereka ke sekolah. Mereka berpendapat kelas kemahiran seperti bidang jahitan dan memasak para ibu boleh mengajarkan anak mereka (Lomas, 1940: 123; *Bulan Melayu*, November 1930:260). Isu penentangan ibu bapa ini juga pernah dikupas dalam majalah *Bulan Melayu*.

...sekolah-sekolah perempuan Melayu itu beberapa lama tinggal menjadi suatu perkara yang susah untuk dimajukannya. Sebuah atau dua buah sekolah perempuan yang mula-mula dibuka dipandang oleh ibu bapa dengan pandangan yang syak dan tidak percaya. Pada fikirannya adalah ilmu membaca dan menulis itu boleh memperbanyakkan surat-surat berkasih cinta. Mereka tidak percaya membenarkan anak-anaknya melalui jalan-jalan atau lorong-lorong dalam pekan dengan tidak dikawalkan. Ibunya tidak suka kerana tidak dapat anaknya menolong kerjanya di rumah. Ibu bapa yang memang berpuas hati itu berfikir konon anak-anaknya boleh dapat mengutip pelajaran memasak dan menjahit di rumah sahaja dengan tidak payah ke sekolah... (*Bulan Melayu*, November 1930:260).

Malah terdapat juga ibu bapa mempersoalkan apakah kepentingan sekolah perempuan, kerana lebih baik dimajukan sekolah laki-laki dahulu.

..apa guna sekolah perempuan itu? Lebih baik majukan saja sekolah-sekolah laki-laki sebelum membangunkan sekolah perempuan. Patut ingat baik-baik emaknya yang menjaga sehingga dia besar. Jikalau emaknya sudah belajar sendiri tentulah dia boleh menolong anaknya sebab ia cukup faham fasal pelajaran. Kita tiada boleh dapat kemajuan yang cukup dengan budak laki-laki sehingga emaknya sudah belajar sendiri dan ingin anak-anaknya mencari pangkat yang tinggi dalam pelajarannya (*Bulan Melayu*, 1935: 24).

Kebimbangan tentang sekolah mengajarkan budaya Barat yang asing untuk mereka dan menjadi pusat penyebaran Kristian juga merupakan faktor ibu bapa Melayu enggan menghantar ke sekolah (Manderson, 1978:106-107; Mahani Musa, 2010:1). Zaaba sendiri pernah dicerca apabila menghantar dua orang anak perempuannya ke sekolah di Tanjung Malim. Anak perempuan beliau telah diejek oleh masyarakat setempat dengan gelaran ‘kerani dapur’. Mereka juga diugut kerana dianggap terlalu

moden dan terlampau bebas lari daripada ajaran Islam. Zaaba kemudiannya memindahkan kedua-dua anak perempuannya ke Sekolah Convent Bukit Nenas (Zaaba, 1965:63). Bagi mengatasi keengganan ibu bapa menghantar kanak-kanak perempuan ke sekolah maka, guru-guru terpaksa bekerjasama dengan penghulu dan memujuk ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan menjelaskan bahawa pihak sekolah mengajar hal-ehwal kebersihan dan kerja-kerja rumah tangga dan bukannya berhubung dengan peradaban budaya seperti pendidikan untuk kanak-kanak lelaki (*Bulan Melayu*, November 1930:260; Cheeseman, 1947:5). Beberapa usaha telah dilakukan untuk menyakinkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

..tetapi apabila guru-guru sekolah kampong atau ketua kampong telah mencuba menghantarkan anaknya setahun dua mengaji di sekolah laki-laki, dan itu telah diikut oleh yang lain. Kemudian berbangkitlah kewajipan bagi mengadakan sekolah perempuan yang berasing dan sekarang ini sesungguhnya susah mendapat guru perempuan yang pandai tetapi bilangan kanak-kanak perempuan itu ada bertambah dengan lekas (*Bulan Melayu*, November 1930: 260).

Manakala isu yang sama diutarakan dalam rencana bertajuk, ‘*Perawan Madrasah Muhammadiyah dan Nasibnya*’ yang ditulis oleh Asaad Shukri (*Saudara*, 18 November, 1933:5). Beliau memaparkan ketakutan serta keengganan ibu bapa sekiranya anak mereka mendapat pendidikan di Kelantan dan hanya beberapa anak perempuan yang berani meneruskan persekolahan mereka:

..Dukacita atas sikap setengah ibu bapa yang menarik anak-anak perempuan mereka yang sedang belajar di Madrasah Muhammadiyah kerana katanya sudah besar dan kurang layak dan takut anak-anak mereka melakukan sesuatu yang kurang baik. Kekhuatiran semacam ini adalah sikap salah faham sebab perempuan yang bersekolah itu tabiat dan tingkah lakunya akan berkelakuan seperti orang besar dan raja, sebab pendidikan Muhammadiyah ialah pendidikan pengetahuan yang mengandungi adab dan rumahtangga. Kerana itu, mustahil perawan yang berpengetahuan agama itu akan melanggar peraturan agamanya, lihatlah kepada tiga perawan Cik Khadijah, Khuzaimah dan Mariam, tuan-tuanlah bakal ibu yang sebenarnya dikehendaki oleh Islam yang maha suci.

Perbahasan mengenai pemodenan dan emansipasi sosial wanita merupakan topik yang terus mendapat perhatian. Kesedaran terhadap pendidikan ini bukan setakat mewujudkan sekolah rendah tetapi juga hingga ke peringkat kolej. Pelbagai cadangan diajukan termasuk mengadakan perbahasan mengenai pendidikan wanita di Kelantan. Antara tajuk perbahasan yang pernah diperdebatkan di Kolej Ismail Kota Bharu ialah ‘*Adakah Mustahak Anak Perempuan Melayu Berpelajaran Tinggi?*’, ‘*Bagaimana Memperbaiki Pergaulan Agama?*’ (*Al-Hikmah*, 257 (6), 17 Ogos 1939: 20; Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1986:19).

Perbahasan mengenai pendidikan wanita juga pernah berlangsung antara Zainon Sulaiman dan Encik Melur (*Majallah Guru*, Mac 1927:58; Mohd. Yusof Ibrahim, 2014:50). Perbahasan ini bermula apabila Encik Melur menyarankan agar wanita dihantar belajar Inggeris di sekolah seperti kanak-kanak lelaki bagi mempercepatkan perubahan dan kemajuan wanita. Zainon Sulaiman telah menentang saranan ini kerana merasakan guru Melayu lelaki mula mengabaikan bahasa Melayu dan tidak menggambarkan rasa cinta kepada tanah air dan bangsa (*Majallah Guru*, Mac 1927:58).

Guru-guru wanita Melayu amat menekankan kemajuan dan pendidikan wanita tetapi menegaskan perlaksanaannya harus mengikut panduan agama dan tatussila bangsa Melayu. Zainun Sulaiman atau Ibu Zain, menegaskan bahawa jalan yang selamat untuk intelektual Melayu terlibat dalam pemodenan dan pendidikan ialah dengan berpegang kepada prinsip ‘agama dididik, moden dibela’ (*Majallah Guru*, Mac 1927: 58) yang menunjukkan kesederhanaan pergerakan ini walaupun pada masa yang sama terdapat penulisan sastera yang melontarkan suara-suara radikal dalam mengkritik peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu ketika itu. Prinsip ini berkait rapat dengan kebolehan wanita berjuang menuntut kemajuan dan pemodenan namun mereka tidak mengabaikan prinsip agama dan meninggalkan adat Melayu yang baik.

kerana mengambil jalan pantas menuju kemajuan. Beliau menolak pembelajaran yang terlalu mengikut kepada pendidikan Barat (*Majallah Guru*, Mac 1927: 58; Muhd. Yusof Ibrahim, 2014:51). Ibu Zain menjelaskan:

...saya katakan dengan terus terang yang anak-anak perempuan kita tidak patut sekali-kali diserahkan dia ke dalam asuhan atau pimpinan bangsa-bangsa asing...melainkan yang telah mengenal dirinya, bangsanya, agamanya dan telah tahu kasihkan tanah airnya dan mereka itu pula layak dijadikan penganjur-penganjur puak kita di dalam perjalanan kita ke medan tamadun yang sebenar-benarnya dan tidak sekali-kali penganjur-penganjur itu menyeret-nyeret anak cucu yang belum tahu berinstinja' itu masuk berduyun-duyun ke sekolah Inggeris sebagaimana yang telah diperbuat oleh kaum lelaki itu sehingga sampaikan tak laku lagi kepadanya akan bahasa sendiri di antara sama sebangsa dan senegerinya!!!!... (*Majallah Guru*, Mac 1927: 58; Muhd. Yusof Ibrahim, 2014:51).

Encik Melur membalas kritik pedas itu dengan menyatakan beliau membuat saranan tersebut kerana mahukan jalan pantas agar wanita Melayu cepat berubah dan belajar terutamanya mempelajari bahasa Inggeris kerana ilmu dan pengetahuan dalam bahasa Melayu ‘sangat sedikit dan tidak memuaskan dahaga dan kehendak kaum kita’. Bahasa Inggeris dianggap luas dalam penggunaannya kerana banyak buku-buku dari negara Islam seperti Turki dan Mesir diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Penekanan ilmu bersumberkan bahasa Inggeris dan Arab harus ditekankan kepada kaum muda yang inginkan kemajuan dan perubahan tanpa melupakan bahasa dan agama serta tidak membenci tanah airnya (*Majallah Guru*, April 1927: 71-73).

Beliau juga menegaskan bahawa kanak-kanak perempuan Melayu yang belajar bahasa asing, termasuk bahasa Inggeris tidak mungkin membenci agama dan negaranya. Malah pelajaran bahasa Inggeris tidak pernah mendorong kepada perlakuan jahat dan kegiatan maksiat. Encik Melur menegaskan pendapat beliau falsafah tentang ‘agama dididik, moden dibela’ adalah baik, tetapi jika dilakukan secara berperingkat-peringkat seperti itu akan memakan masa yang lama. Bahasa Inggeris sangat luas penggunaannya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, termasuklah agama Islam. Malah banyak

buku-buku dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa lain (*Majallah Guru*, April 1927:71-73; Mohd. Yusof Ibrahim, 2014:52-53).

Menyedari bangsa Melayu terutama wanitanya jauh terpinggir daripada mendapat pendidikan formal pihak guru-guru wanita yang prihatin dengan permasalahan ini terus mengadakan perbincangan. Setelah berlaku perbahasan melalui penulisan rencana antara Melur dan Zainun Sulaiman berlangsung selama satu tahun, akhirnya Zainun (*Majallah Guru*, Mac 1927: 58; Muhd. Yusof Ibrahim, 2014:53-54), mengusulkan agar pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu adalah seperti berikut iaitu:

- i) pihak lelaki mengadakan sekolah khas bagi mendidik anak-anak perempuan bermula pada umur sekitar 15 dan 16 tahun.
- ii) Selain tulis-menulis pelajaran bahasa Melayu, Arab dan Inggeris hendaklah diajarkan.
- iii) Guru-guru yang mengajar segala jenis ilmu pertukangan hendaklah diajarkan. Juga yang mengajar ilmu rumah tangga dan pendidikan anak-anak.
- iv) Ketuanya mestilah seorang perempuan Melayu yang beragama betul. Maksudnya yang sudah cukup didikan agamanya.
- v) Murid-murid juga mestilah sudah menerima didikan agama yang secukupnya.
- vi) Selepas itu bolehlah mereka dihantar belajar ke luar negari, ke England, ke Mesir atau ke balik langit sana pun. Setelah kembali, mereka lah yang akan menjadi pemimpin yang akan mengembangkan pengetahuan agama dan moden itu.
- vii) Dengan jalan itu, maka tidaklah perlu mereka duduk di bangku sekolah Inggeris sehingga berpuluh-puluh tahun lamanya sampai anak cucu berketurunan (seperti perjalanan kaum lelaki kita).

Pendidikan tetap dilihat sebagai keperluan penting untuk wanita belajar tentang konsep kemajuan yang meliputi kesetaraan hak wanita dengan kaum lelaki. Kaum bapa diseru untuk memberikan hak anak perempuan untuk belajar dan tidak berat sebelah. Kemajuan sesuatu bangsa berkait dengan kemajuan wanita, tuntutan wanita untuk pelajaran ‘bukan hendak menjadi majistret atau pegawai pemerintah tetapi mahukan pelajaran dunia dan akhirat’ (*Majallah Guru*, 1925:46-47). Negara dan watan

memerlukan wanita yang sama-sama bertanggungjawab. Tenaga dan khidmat mereka dikehendaki bagi menguruskan negara supaya aman dan berdaulat (*Majallah Guru*, 1955:277). Andai kata kaum wanita masih lemah dan mundur dalam perjuangan hidup dan tidak mahu berdiri tegak dengan lelaki, maka dipercayai perjalanan masyarakat dan negara tidak bergerak maju, sebaliknya masyarakat akan pincang. Maju mundur sesebuah masyarakat amat bergantung kepada kerjasama antara lelaki dan wanita sesebuah negara (*Majallah Guru*, 1955:277):

Kita perempuan Melayu sungguhpun sudah celik tentang faedah pelajaran tetapi barangkali belum ada 1/1000 yang mengerti akan kesedaran orang lelaki Melayu berkenaan dengan kebangsaan dan kewatanan... (*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 306)

Bersegeralah wahai sekelian saudara dan watan yang berkuasa, yang kasih sayang akan anak bangsa, watan dan agama...masuklah bercampur dan membantu pembangunan situasi ini dengan harta dan akal fikiran untuk memberi kebijakan kepada sekelian anak-anak (*Bulan Melayu*, Jan. 1932:130).

Walaupun terdapat pelbagai idea dan pemikiran sehingga timbul perselisihan pendapat namun secara terbuka ia dianggap sebagai kebaikan dalam mencapai persetujuan objektif mereka. Golongan wanita dan lelaki tidak seharusnya menerima idea atau mengikut secara membuta tuli tanpa membuat pertimbangan rasional dan merujuk kepada ajaran agama (*Bulan Melayu*, Nov. 1931:76). Mereka juga berpeluang mendapatkan pandangan dan nasihat daripada aktivis lelaki yang menyokong wanita agar keluar dari budaya yang menyekat mereka dari berfikir dan berdaya saing seperti wanita kaum lain. Aktivis-aktivis wanita ini berazam untuk membasmi buta huruf dan menyeru wanita-wanita Melayu untuk terlibat dan berganding bahu dengan lelaki untuk memajukan bangsa (*Bulan Melayu*, Jan.1930:9).

Kesedaran wanita baru ini yang berusaha keras mengubah masyarakat melalui penerimaan pendidikan dan ceramah pencerahan tentang agama. Walaupun cita-cita dan

penerangan mereka seringkali diejek dan dianggap sebagai terpengaruh dengan dakyah Barat dan Kaum Muda. Mereka telah dituduh sebagai pergerakan yang merosakkan wanita-wanita, namun golongan wanita baru ini tetap meneruskan penulisan berbentuk pujukan serta kritik sosial dalam majalah tempatan. Golongan wanita baru juga menolak pendapat yang melarang anak-anak ke sekolah Melayu atau Inggeris kerana ia dianggap sesuatu kekufuruan dan terikut-terikut dengan budaya asing yang merosak masyarakat.

Pendidikan juga penting untuk mengelakkan wanita Melayu terjebak dalam kancah sosial sehingga ada yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. Peningkatan aktiviti pelacuran dikatakan kerana kemiskinan, buta huruf dan tidak menerima pendidikan agama. Justeru itu, pengajaran di sekolah agama atau madrasah juga mengajarkan agama dan tatasusila sebagai kaedah membasmi aktiviti tersebut. Pendidikan agama yang secukupnya kepada wanita penting kerana murid-murid perempuan yang tamat persekolahan mereka boleh dilantik menjadi guru-guru di kampung atau dilantik sebagai penyelia untuk membantu wanita-wanita yang terlibat dalam aktiviti ini. Isu-isu pelacuran wanita Melayu telah disentuh oleh beberapa beberapa artikel dalam *Pengasuh* (1931) dan *Saudara* (1938), kebanyakannya menyarankan untuk menggalakkan kanak-kanak perempuan ke sekolah agama agar mereka tidak terpengaruh dengan budaya bebas. Pendidikan juga dapat mengelakkan ibu bapa mengahwinkan anak perempuan mereka di usia yang muda. Malah pendidikan diharapkan mampu mengurangkan kadar perceraian yang menyebabkan wanita hidup dalam kemiskinan sehingga mereka terlibat dalam aktiviti pelacuran (*Pengasuh*, 2 Mei 1931: 10-11).

Selain daripada sekolah yang disediakan oleh kerajaan, ibu bapa Melayu turut menghantar anak-anak perempuan ke sekolah aliran agama di madrasah-madrasah yang ditubuhkan seperti Madrasah Al-Hadi Diniyyah di Pulau Pinang. Madrasah ini turut menggunakan khidmat guru wanita dan kurikulum Sekolah Diniyyah Puteri, di Padang

Panjang (*Bulan Melayu*, Julai 1938: 4). Seksyen wanita di Madrasah Al-Hadi Diniyah, memainkan peranan penting dalam mendidik dan mempunyai latihan yang teratur dalam silibus pengajaran mereka. Sepanjang persekolahan, murid-murid perempuan telah didedahkan dengan ilmu pengetahuan, dilatih untuk yakin berhujah serta berbicara kerana kebenaran (*Perhimpunan Am Kaum Ibu Pulau Pinang*, Madrasah Al-Hadi Pulau Pinang, 1934:2). Pelajar-pelajar perempuan telah didedahkan bahawa ilmu merupakan ‘senjata’ kehidupan. Dalam ucapan seorang guru wanita, kaum ibu berhak menentukan jati diri anak-anak mereka melalui pendidikan dan asuhan seperti yang dinyatakan dalam petikan ucapan berikut (*Perhimpunan Am Kaum Ibu Pulau Pinang*, Madrasah Al-Hadi Pulau Pinang, 1934:2-3):

...kaum ibu harus bangkit dan buang lena dan memikir dan menilik yang baik akan bahaya terhadap kehidupan anak-anak kita sekiranya kaum perempuan tidak ikut serta mengambil bahagian besar bagi menolong perhimpunan kaum dan anak-anak watan bagi mendapatkan ketuahan hidup, dengan bersenjatakan ilmu dan asuhan yang layak. Anak-anak sekalian perlu dibekal dengan senjata ilmu dan adab perangai dan kecergasan, dan kerajinan kerana ibu-ibu itu ialah orang berkuasa menentukan perangai anak-anaknya serta mengasuh anak-anak mempunyai perasaan manusia yang betul...

Kurikulum sekolah ini mengutamakan pendidikan agama, penjagaan kesihatan, kelas debat, syarahan, kelas menjahit dan memasak (*Bulan Melayu*, Julai 1938: 4; *Buku Peringatan 15 Tahun 'Diniyyah School Poeteri*, 1938:5-19). Ibu bapa dari Tanah Melayu juga menghantar anak-anak perempuan ke Indonesia di sekolah Diniyyah Puteri, Sumatera untuk mendapat pendidikan. Sakinah Junid, Shamsiah Fakeh dan Aishah Ghani antara pelajar perempuan yang dihantar ke sekolah ini dan menerima pendedahan tentang politik dan kekejaman penjajah semasa belajar di sana (Mahani Musa, 2010: 8).

Hal yang sama berlaku di negeri Kedah, di mana E. La. Ma. Sowell²³ melaporkan sebanyak 589 permohonan untuk memasukkan kanak-kanak perempuan ke 42 buah sekolah di negeri Kedah. Stowell juga telah menerima petisyen daripada ibu bapa agar membenarkan anak-anak perempuan mereka belajar di sekolah lelaki. Ibu bapa di negeri Kedah juga bersetuju menyediakan tapak tanah untuk pembinaan sekolah dan bersedia untuk bergotong royong membina sekolah untuk anak-anak mereka (Mahani Musa, 2005: 262-263). Sekolah perempuan Melayu dan Inggeris di Kedah juga memperkenalkan pertukangan kepada kanak-kanak perempuan. Selain diajar bahasa Inggeris, sekolah ini juga mengajarkan sains domestik, kesihatan dan kelas menjahit (*Bulan Melayu*, Julai 1938:5-15).

Guru-guru wanita ini juga berdepan dengan kesukaran kerana mereka terikat dengan peranan mereka kepada keluarga terutamanya tuntutan tugas sebagai ibu dan isteri. Kebanyakan dari mereka tidak dapat melepaskan tugas mereka sebagai ibu untuk keluar bertahun-tahun mendapatkan latihan perguruan di luar daerah mereka. Jurang di antara pengalaman guru lelaki dan guru wanita ketika ini terlalu besar. Namun begitu, mereka berusaha untuk mendirikan tempat latihan guru yang sesuai untuk guru-guru wanita yang berpotensi mendidik dan mengajar di sekolah-sekolah Melayu (*Bulan Melayu*, 1934).

Keperluan pendidikan dalam kalangan kaum ibu Melayu dan minat pelajar sendiri semakin meningkat dan mereka keluar mendapatkan pendidikan tanpa bantuan kerajaan menggunakan undang-undang mewajibkan mereka ke sekolah seperti anak lelaki sebelum ini (*Bulan Melayu*, Jan. 1930,10). Guru wanita Melayu ketika ini juga menghadapi masalah kerana mereka tidak mendapat latihan khas seperti guru lelaki. Mereka terpaksa berusaha dan menetapkan kurikulum yang sesuai untuk wanita dan

²³Pemangku Penguasa Pendidikan Kedah

anak perempuan iaitu pelajaran sains domestik.²⁴ Akhirnya, penubuhan Maktab Perguruan Wanita Melaka dibuka secara rasmi pada tahun 1935 untuk melatih guru-guru wanita daripada pelbagai bangsa di Tanah Melayu. Pada tahun 1938, pelatih wanita yang berumur antara 6 hingga ke 15 tahun telah menjalani latihan di maktab tersebut (Lomas, 1940:125). Bagi meneruskan latihan ini, beberapa orang pelajar senior telah dilantik menjadi tenaga pengajar untuk meneruskan tradisi yang telah dibentuk sebelum ini. Pelatih di maktab ini juga aktif dalam aktiviti sukan, perbahasan dan persembahan kebudayaan. Peringkat awal kurikulum yang diperkenalkan menfokuskan kepada pengajaran sains domestik dan kehidupan di rumah. Ia berkait rapat dengan keperluan wanita Melayu ketika itu. Lomas (1940)²⁵ menjelaskan bahawa:

...the curriculum has a very definite bias towards domestic science and life in the home. Perhaps as 95 per cent of malay girls leave school to stay at home and later to marry and make a home of their own. Those who intend to enter a profession must of necessity go to English schools, only the Malay teachers and midwives being drawn from the Malay schools themselves.

Pembentukan maktab ini bertujuan melatih pelajar perempuan yang menamatkan sekolah rendah untuk menjadi pembantu guru (Lomas, 1940:123;Mahani Musa, 2010:7). Maktab ini merupakan institusi pendidikan tinggi terawal untuk wanita yang diwujudkan oleh kerajaan kolonial. Sebelum pendudukan Jepun, seramai 160 orang telah menamatkan pengajian daripada maktab ini (Chelliah, 1948: 40;Mahani Musa, 2010:7).

²⁴Sains domestik memberi pendidikan berkaitan dengan empat aspek iaitu jahitan dan sulaman, kelas memasak, kelas kebersihan, kesihatan dan *housecraft*. Kelas ini penting melatih guru memberi pendidikan kepada kanak-kanak perempuan untuk menjadi cekap dan tahu mengurus rumah tangga (*Annual Report on Education*, 1948: 96). Kelas ini juga diajarkan oleh doktor-doktor wanita Inggeris yang akhirnya mendatangkan perasaan baru dan menghidupkan semangat kanak-kanak perempuan (*Bulan Melayu*, November 1930: 260)

²⁵Prinsipal terawal di Maktab Perguruan Perempuan di Melaka. Pada peringkat pertama seramai 24 pelatih guru dipilih daripada seluruh Tanah Melayu. 14 orang pelatih daripada Negeri-negeri Selat, lapan daripada Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan dua orang daripada Johor (Lomas, 1940:124).

Selain itu, kaum wanita Melayu turut mengambil contoh ketokohan Ibu Adjeng Kartini sebagai simbol menggerakkan pendidikan dan emansipasi wanita di Tanah Melayu. Jika sebelum ini, isteri dianggap remeh dan tidak berkuasa atau berupaya kerana terkurung dan tidak keluar daripada arena domestik. Kaum wanita ini menuntut agar semua wanita harus mempunyai cita-cita, berilmu pengetahuan supaya dapat menjadi isteri yang baik dan dapat memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Melalui pendidikan, wanita dapat menghindar amalan negatif seperti kahwin paksa dan mengelakkan poligami. Selain itu, demi kepentingan bangsa, orang Melayu memerlukan wanita dan ibu yang bijaksana kerana melalui ibu yang cerdik boleh menghasilkan bangsa atau anak yang pintar serta berguna untuk bangsa (*Bulan Melayu*, 1931(2):92).

Penubuhan sekolah-sekolah desa untuk kanak-kanak perempuan seperti yang diperkenalkan oleh Pergerakan Kaum Ibu Indonesia telah menjadi inspirasi kepada aktivis wanita di Tanah Melayu. Wanita digalakkan memiliki sikap percaya diri dan berani menyuarakan idea serta pemikiran mereka seperti yang dilakukan oleh Raden Adjeng Kartini. Wanita Melayu telah diseru agar berani bertindak untuk anak tempatan dan berharap agar suatu hari nanti muncul ‘*Kartini Semenanjung*’ dalam kalangan wanita Melayu yang memimpin bangsa, memicu kesedaran ke arah kemajuan bangsa (*Bulan Melayu*, 1931(2):93; Doukakis, 2012). Justeru itu, kebanyakan desa-desa²⁶ di negeri Johor telah didirikan sekolah Melayu²⁷ walaupun tidak ada guru yang terlatih untuk mengajar di sekolah (temubual Dato’ Fatimah Majid, 22/12/2010).

²⁶Tujuan sekolah-sekolah Melayu ditubuhkan untuk memberi praktikal dan kemahiran kepada belia yang tidak ingin meninggalkan kampung mereka. Ia bertujuan membantu mereka dalam bidang pertanian, manakala untuk anak-anak perempuan menyediakan mereka dengan kemahiran domestik seperti memasak, menjahit dan menyulam (*Annual Report of Education for S.S and F.M.S*, 1932:28-37).

²⁷Menurut Fatimah Majid (temubual 22/12/2010) sekolah Melayu yang dibina di kampung ketika itu hanya sekolah kayu bercat hitam. Beliau berjalan ke sekolah bermula jam tujuh pagi dan sampai dalam sembilan pagi, sesi sekolah akan tamat pada pukul 12.30 tengahari. Sekolah tidak mempunyai meja kerusi yang lengkap, guru hanyalah seorang, pelajar tidak ramai dan hanya belajar bahasa dan ilmu kira-kira.

Daripada kenyataan di atas menunjukkan perkembangan kesedaran perempuan Melayu telah berlaku dan masyarakat mula menyambut baik saranan memberikan pendidikan kepada kaum wanita. Setelah melihat para guru dan ketua-ketua kampung mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah, ia mula menjadi tauladan kepada masyarakat setempat. Malah pelajar perempuan juga telah didedahkan dengan pelajaran ilmu kira-kira sebelum ini tidak ada dalam silibus (*Bulan Melayu*, Nov. 1930: 260). Pada ketika ini tanpa menghiraukan halangan dan cabaran yang dihadapi, penyelia atau ketua sekolah perempuan Melayu berjaya melakukan perubahan dan membuka pemikiran orang Melayu untuk menerima pelajaran di sekolah. Pembelajaran di pusat pendidikan tinggi atau maktab telah merapatkan perhubungan dan kerjasama di antara jurnalis dan guru-guru melalui pergerakan untuk pembaharuan dan kesedaran bangsa Melayu.

Walau bagaimanapun, kegiatan aktivisme sosial melalui akhbar dan majalah yang mula bercambah akhirnya merosot penerbitan mereka apabila meletusnya Perang Dunia Kedua. Semasa pendudukan Jepun hanya terdapat beberapa buah majalah dan akhbar Melayu yang masih beroperasi, manakala akhbar berbahasa Mandarin lumpuh sama sekali. Kebanyakan pemilik penerbitan terpaksa menutup syarikat penerbitan apabila banyak bangunan tempat penerbitan beroperasi musnah semasa penggeboman Jepun. Namun begitu, pihak Jepun masih menggalakkan beberapa penerbitan majalah dan akhbar yang menunjukkan sokongan terhadap pendudukan Jepun kerana membantu membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, peningkatan pendidikan kepada perempuan Melayu semakin menonjol apabila banyak sekolah-sekolah untuk kanak-kanak perempuan ditubuhkan. Ibu bapa yang memiliki kesedaran dan kedudukan ekonomi yang kukuh telah memberi peluang kepada kanak-kanak perempuan untuk

melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan ada yang telah dihantar ke luar negara (*Melayu Raya*, 1 Nov. 1950:2; *Melayu Raya*, 19 Januari 1951:2; Mek Siti Hussin, 1980: 179). Memetik satu artikel dalam akhbar *Melayu Raya*,²⁸:

...bagaimanapun..beberapa orang wanita Melayu telah ada berkesempatan keluar negeri kerana melanjutkan pelajaran seperti ke United Kingdom, Mesir dan Australia. Ada keluar negeri kerana menurut suaminya yang ada di luar negeri berupa sebagai perintis jalan ke medan kemajuan. Sebagai sejarah pertama antara 24 orang *Girls Guide Malaya*, 12 orang wanita Melayu... telah menghadiri perkhemahan Pandu Puteri di India...Kita berharap sangat hendak melihat kaum wanita kita hidup dan sebenar-benarnya menjadi ibu masyarakat, bangsa dan tiang negara, yang ada demikian terserahlah kepada mereka sendiri memikirkan sama ada mereka telah berpuas hati dengan keadaan chorak hidup bangsanya seperti sekarang atau ada berhajat hidup sebagai manusia yang ada berbangsa dan bertanah air sendiri.

Selain terlibat dalam pendidikan di sekolah, kaum wanita juga melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan mereka tidak hanya terikat berada di rumah sahaja. Kaum wanita mula aktif terlibat dalam bidang kebajikan dan mula berkongsi ilmu mereka untuk melatih wanita bertanggungjawab kepada masyarakat. Kaum wanita telah mengadakan kelas memasak, kelas jahitan, menyulam dan kelas menguruskan rumah tangga. Selepas Perang Dunia Kedua, pendidikan wanita tetap diberikan keutamaan namun pendidikan yang dituntut tetap berkait rapat dengan peranan wanita sebagai isteri dan ibu dalam masyarakat.

4.3.2.2 Penubuhan Pergerakan Wanita dan Cawangan Wanita

Kemunculan gerakan pembaharuan wanita juga bercambah ke seluruh negeri di Tanah Melayu terutamanya melalui pergerakan kaum ibu atau pergerakan guru wanita Melayu. Kelompok ini memulakan kempen wanita ‘memerdekaan diri’ dari pemikiran

²⁸Merupakan akhbar yang dipimpin oleh Harun Aminurrashid yang diterbitkan pada Ogos 1950. Harun Aminurrashid juga merupakan penerbit majalah *Kenchana* di Singapura pada tahun 1947. Majalah ini menggunakan huruf rumi (tidak sama seperti *Kenchana* yang diterbitkan oleh Mariam Saadi di Kota Bharu)

dan adat tradisi yang mengongkong perkembangan peribadi. Kebanyakan guru-guru wanita ini keluar secara sukarela untuk memberikan penerangan kepada ibubapa dan masyarakat di desa-desa untuk menyekolahkan anak-anak perempuan. Penjelasan melalui pergerakan menekankan pendidikan yang berasaskan nilai agama, kemanusiaan, keadilan dan kebenaran. Walaupun terdapat halangan terutamanya daripada pemimpin agama yang konservatif namun pergerakan ini tetap melaksanakan misi untuk generasi akan datang. Dalam memperjuangkan emansipasi sosial ini, pergerakan guru perempuan ketika itu mendapat sokongan daripada reformis lelaki yang terdiri daripada guru lelaki dan nasionalis tempatan seperti Syed Syeikh al-Hadi, Zaaba dan Harun Aminuddin Rasyid yang dapat dilihat sokongannya melalui tulisan-tulisan mereka dalam majalah yang diterbitkan dalam *Al-Ikhwan*, *Idaran Zaman*, *Majallah Guru* dan lain-lain.

Justeru itu, selain daripada aktiviti pencerahan melalui ceramah dan perbahasan mengenai pendidikan, wanita Melayu juga merancang untuk membentuk pergerakan wanita sendiri. Sebelumnya, wanita hanya mengetuai seksyen wanita dalam organisasi besar serta mendapat tunjuk ajar dan bantuan daripada pergerakan lelaki (*Bulan Melayu*, 1 Julai 1930: 2). Sebagai contoh, terdapat beberapa pertukaran idea di antara organisasi untuk membincangkan perkembangan pergerakan wanita yang sedia ada. Persatuan guru-guru wanita Melayu dari Kuala Lumpur, Selangor, Johor Baharu, Pulau Pinang dan guru dari beberapa daerah lain mengadakan pertemuan untuk menujuhkan persatuan wanita yang kuat dan berani bersuara untuk bersaing dengan bangsa lain di Tanah Melayu (*Bulan Melayu*, 1931:19):

Ha..! Perempuan Melayu jangan mahu kalah. Betul kita sudah kalah tetapi jangan mahu mengaku kalah. Tanah Melayu ini negeri kita. Kita yang lebih dahulu sampai ke sini berapa lama, dan kedudukan kita serta pendirian kita telah tegak betul dan sudah berakar umbi. Kita sudah berapa lama ada mempunyai raja dan datuk di sini, kita sudah lekat dan sebatи dengan tanah-tanah disini. Kitalah sekarang yang mempunyai sawah padi dan kampong halaman iaitu kehidupan yang asal sekali di dunia Melayu ini...mengapa mereka memandang rendah kepada kita?

Sebabnya, kerana kebanyakan kita buta kayu dan tidak mahu belajar. Perempuan Melayu tidak ada hatikah? Tentu ada! Jika begitu, ‘Come on’, jalan! Jangan terliang lewat dan terliang lintuk jua lagi seperti kaum tidak mahu hidup.

Guru-guru wanita ini juga telah menubuhkan persatuan wanita atau dikenali sebagai persatuan kaum ibu²⁹ di setiap negeri dan daerah. Bermula dalam era tahun 1920-an, kesedaran untuk memodenkan masyarakat dan wanita Melayu bermula secara rasmi. Melihat kedudukan wanita yang masih tertinggal daripada semua aspek kehidupan, penubuhan persatuan wanita memang perlu untuk membangkitkan semangat malah menjadi kewajipan wanita mendidik masyarakat. Aktivis-aktivis wanita dalam persatuan ini membantu wanita, memelihara dan menyumbang kepada kepimpinan rumahtangga, menjadi pendidik dan ibu sejati bagi berbakti kepada bangsa dan negara (*Bulan Melayu*, 1 Julai 1930).

Pembentukan Persekutuan Perempuan Melayu Johor merupakan mercu tanda pertama kepada bentuk aktivisme wanita Melayu. Pergerakan ini ditubuhkan secara rasmi pada bulan April 1930 di Batu Pahat oleh Zainun Munshi Sulaiman atau dikenali juga sebagai Ibu Zain.³⁰ Dalam persidangan kaum ibu Johor yang pertama itu, anggota persatuan ini digalakkan untuk memberi idea dan menyuarakan persoalan kehidupan wanita melalui penulisan dalam majalah wanita yang bakal diterbitkan (*Bulan Melayu*,

²⁹Ketika ini kebanyakan persatuan yang dianggotai oleh semua ahli wanita juga dikenali sebagai pergerakan kaum ibu. Penulisan dalam akhbar dan majalah seperti *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Kenchana*, *Bulan Melayu*, *Tanah Melayu*, *Lidah Benar*, *Pengasoh*, *Majallah Guru* dan lain-lain merujuk wanita sebagai ‘kaum ibu’. Ia berkait rapat dengan kepercayaan, budaya dan peranan wanita sebagai melahirkan anak (insan yang menyumbang keturunan manusia), melatih, mendidik, suri rumah dan penyelenggara rumah tangga.

³⁰Pada peringkat awal pergerakan ini dianggotai oleh 100 orang ahli wanita yang terdiri daripada guru-guru dan juga surirumah di seluruh Johor. Idea mendaftarkan pergerakan ini bermula setelah berlangsung persidangan kaum ibu yang pertama di Johor Bharu pada 29 Januari 1930. Pergerakan ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada guru-guru wanita daripada Kuala Lumpur yang sering mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu-isu wanita Melayu. Antara isu utama ialah kemajuan pendidikan anak-anak Melayu yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan bangsa lain (*Bulan Melayu*, Jun 1930: 6-10).

Jan. 1930: 4-5; Mariam Mansor, 1980:61). Tujuan utama penubuhan pergerakan wanita ini ialah:

1. Menerbitkan majalah wanita pertama, iaitu *Bulan Melayu*.
2. Persatuan sebagai wadah menyatukan ibu-ibu kanak-kanak dengan guru-guru supaya bekerjasama dan menolong antara satu sama lain.
3. Mengadakan kelab pidato dan perbahasan supaya kaum ibu belajar berfikir.
4. Mengukuhkan hubungan dengan persatuan wanita di rantau Melayu seperti Sumatera, Jawa, Patani dan Brunei.
5. Memberikan cadangan-cadangan membina untuk memajukan perusahaan dan ekonomi kaum wanita ini.

Pergerakan ini turut aktif mengadakan pertemuan dengan penduduk kampung dan turut berbincang dengan golongan bangsawan untuk membantu wanita-wanita yang selama ini terpinggir daripada pendidikan dan kehidupan publik. Untuk mengukuhkan pergerakan kaum ibu pergerakan ini juga menganjurkan perjumpaan, persidangan, berpidato serta mengadakan lawatan ke negeri lain untuk belajar dan menjalankan hubungan dengan pergerakan wanita lain. Malah, pergerakan ini pernah mengadakan perhubungan dengan persatuan kaum ibu di negeri-negeri di seluruh Tanah Melayu bagi menguatkan persaudaraan dan bertukar-tukar idea dan berita tentang aktiviti-aktiviti wanita di negeri lain. Kalsom Awang dan Asfiah Sulaiman aktivis daripada Persekutuan Wanita Melayu Johor, pernah menulis tentang lawatan dan perbincangan dengan persatuan kaum ibu dan Persekutuan Guru-Guru Wanita Melayu di Pulau Pinang. Persatuan ini turut menggunakan falsafah perjuangan yang sama iaitu, '*Agama Dididik Moden Dibela*' bagi meningkatkan kesedaran wanita dalam pendidikan (*Bulan Melayu*, Julai 1938:4). Persatuan ini telah memberikan sokongan kepada kaum wanita untuk menjadi anggota tetap di samping mengingatkan tentang etika dan batas pergaularan yang perlu dipatuhi.

Selain Persekutuan Perempuan Melayu Johor, Persekutuan Guru-Guru Wanita Melayu Pulau Pinang merupakan antara pergerakan wanita yang aktif untuk mendidik

anak bangsa di Tanah Melayu (*Bulan Melayu*, Julai 1938:4-15). Pelbagai aktiviti dilakukan termasuk mengadakan pertemuan untuk ahli-ahli bertemu dan bertukar pendapat sesama mereka. Perkembangan ini telah meningkatkan kematangan para ibu kerana mereka turut membincangkan isu pendidikan anak-anak, isu watan, dan politik tanah air. Persatuan Kaum Ibu Madrasah Al-Hadi Diniyah juga mengadakan perhimpunan khas kaum ibu setiap tahun untuk pertemuan dan memberi ceramah kesedaran tentang agama, politik serta menanamkan semangat kemerdekaan. Kaum wanita Semenanjung Tanah Melayu diseru agar berani mengorak langkah dan bersikap positif tentang kehidupan mereka. Seruan ini pernah diucapkan oleh wakil kaum ibu Pulau Pinang ketika perhimpunan Kaum Ibu untuk kali kedua dianjurkan oleh Kesatuan Kaum Ibu Pulau Pinang:

...selagi perempuan berperasaan tawar hati, tidak kenal bagaimana dihargai, peredaran umur dan tidak ditunaikan kewajipan di dalam perhimpunan kaumnya. Seperti encik sedia maklum, perempuan merupakan bahagian yang besar daripada alam manusia, maka apabila tidak dibetulkan dengan asuhan ilmu dan pemeliharaan yang cukup, maka bagaimanakah boleh melahirkan generasi yang beradab, cergas dan menguntungkan umat? Sekiranya ibu sesuatu umat mundur maka, amat besar cacat dan merugikan umat sebab kemunduran kaum ibu pada pengetahuan ilmu asuhan menanam dihati anak-anaknya (*Perhimpunan Am Kaum Ibu Pulau Pinang*, Madrasah Al-Hadi, 1934:4-5).

Persatuan ini juga menjelaskan kesedaran dan keterbukaan kaum lelaki Melayu memberi sokongan kepada persatuan kaum ibu bagi menggalakkan mereka berbincang untuk mencapai kemajuan untuk anak bangsa. Namun begitu, wanita ditegaskan tidak harus lalai dengan pendidikan baru sehingga meninggalkan adab sopan dan tanggungjawab sebagai ibu rumahtangga (*Perhimpunan Am Kaum Ibu Pulau Pinang*, Madrasah Al-Hadi:20-23).

Pergerakan Kaum Ibu dan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu juga menjalin kerjasama dengan pergerakan lain. Hubungan ini bertujuan bertukar idea dan berjuang untuk meletakkan belia Melayu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi

dengan belia-belia di negara lain (*Kenchana*, 1947:31). Kesedaran ini telah diperluaskan melalui kempen dan tulisan guru-guru wanita yang sedar bahawa bangsa Melayu perlu pendidikan untuk meninggikan taraf dan memajukan bangsa seiring dengan bangsa Eropah. Kebanyakan penulisan ini bagaimanapun dilihat sebagai tidak mencabar keadaan sosial dan budaya tetapi menekankan kepentingan pendidikan untuk wanita demi kemajuan bangsa dan tanah air.

Selain daripada itu, seksyen wanita Persatuan Sahabat Pena, yang ditubuhkan di Pulau Pinang merupakan antara seksyen yang aktif. Persatuan Sahabat Pena cawangan wanita telah berjaya menggerakkan hati dan perasaan remaja perempuan yang biasanya tersorok daripada arena publik. Persatuan ini berani dan bersedia bekerja memperbaiki kehidupan wanita dan menjalinkan persaudaraan dengan Sahabat Pena daripada negeri lain. Persatuan Sahabat Pena mula terkenal dan mendapat sambutan daripada golongan muda di seluruh negeri Tanah Melayu, Labuan dan Sarawak. Sehingga bulan Mei 1935, Sahabat Pena mempunyai lebih daripada seribu orang ahli sehingga menimbulkan kecurigaan bahawa pergerakan belia ini dituduh sebagai kongsi gelap dan mempunyai tujuan politik subversif (Roff, 2003: 238-239). Persatuan ini turut menerbitkan majalah sendiri, iaitu *Suara Pena*³¹ dan majalah *Sahabat Pena*³² yang menjadi suara kepada pergerakan ini. Bagaimanapun pergerakan ini mendapat tentangan daripada orang Melayu yang konservatif kerana pergerakan ini dianggap telah meracuni pemikiran anak-anak gadis kerana mengajar mereka menulis dan membaca bererti menggalakkan mereka menulis surat cinta sahaja. Pada Mei 1934, pengarang *Saudara* telah mengingatkan anggotanya agar tidak berutusan surat dengan anggota wanita Sahabat Pena untuk mengelakkan pandangan serong masyarakat Melayu ketika itu (Roff, 2003:236).

³¹Majalah ini diterbitkan di Singapura yang menjadi suara penting bagi pergerakan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya, cawangan Singapura. Ia kemudiannya digantikan dengan nama *Pancharan Pena*. Selain itu, pergerakan Sahabat Pena juga mempunyai ruangan khas dalam majalah *Saudara*.

³²Diterbitkan di Singapura dengan pengarangnya yang pertama iailah, Kalthum Saadon.

Selain itu, pergerakan Kaum Muda di Kelantan yang dikenali sebagai Setiawan Belia³³ telah ditubuhkan pada tahun 1931 untuk menarik kaum belia di Kelantan menyertai organisasi dan aktif dalam pergerakan. Kelab ini bertujuan menyatukan belia-belia lelaki, malah turut menggalakkan penyertaan belia wanita dalam aktiviti mereka. Tujuan utama penubuhan pergerakan ini ialah menggalakkan belia terlibat dalam penulisan dan berminat dalam aktiviti politik (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004:178). Belia-belia pergerakan ini dilatih untuk berucap dan berpidato, diajarkan tentang kebudayaan seperti tarian, sandiwara, zapin, drama, kursus kewartawanan, agama dan sosial. Pergerakan ini mempunyai sayap wanita yang dipimpin oleh Sofiah Khuzaimah³⁴ sebagai Penolong Setiausaha Kehormat (Abdul Hamid Othman, 1972/1973:55). Dalam usaha memajukan wanita dalam pendidikan, persatuan ini pernah mementaskan lakonan untuk membantu belia wanita daripada sekolah Muhammadiah melanjutkan pelajaran. Pementasan tersebut menggunakan belia perempuan termasuk Sofiah Khuzaimah (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004: 162).

Selain daripada aktiviti debat, penulisan yang kritis, pergerakan ini sering menjemput tokoh terkenal untuk berucap untuk memberi ceramah seperti Ibrahim Yaacob, Hj. Abbas Taha, Rahim Kajai dan beberapa pemimpin dari Indonesia. Pada tahun 1934, pejabat Setiawan Belia telah diserbu polis dan menahan Sofiah Khuzaimah untuk mendapatkan dokumen dan menyerahkannya kepada pihak polis. Pergerakan belia ini diserbu kerana disyaki mempunyai hubungan dengan Parti Komunis Indonesia (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004: 40).

³³Setiawan Belia ditubuhkan pada 16 September 1931, antara tujuannya ialah melatih ilmu pengetahuan dan bekerjasama memberi manfaat dunia akhirat termasuk membuat terjemahan buku dan menulis kamus Melayu. Ia merupakan pergerakan yang paling aktif di Kelantan sehingga pendudukan Jepun. Disamping itu, ia menggalakkan menulis buku dan menterjemahkan buku untuk dijual dengan harga yang murah (*Al-Hikmah*, 14 Januari, 1937:19).

³⁴Beliau merupakan kanak-kanak perempuan yang awal menuntut di Madrasah Muhammadiah di Kota Bharu. Khuzaimah aktif dengan pidato yang menekankan pendidikan wanita di Kelantan dan banyak menulis artikel dalam akhbar *Pengasuh* tahun 1928 dan *Saudara* 1933 (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004:161).

Sumbangan pergerakan-pergerakan yang dianggotai oleh wanita ini penting kerana aktivis-aktivis ini menjadi tenaga penggerak dan menjadi jambatan untuk menarik wanita dan melatih murid-murid mereka menjadi agen perubahan kepada masyarakat. Penubuhan persatuan merupakan usaha membebaskan wanita daripada kemunduran dan kejahanan dan ia merupakan langkah awal untuk memperbaiki kedudukan dan taraf sosial wanita dalam masyarakat. Menyedari bahawa melalui pergerakan usaha mereka berjaya untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat meningkatkan lagi semangat kaum wanita untuk mobilisasi dalam perjuangan nasionalisme. Malah melalui pergerakan aktivis-aktivis wanita telah berani berpidato dan menulis idea mereka melalui saluran akhbar atau majalah bagi memberi inspirasi kepada kemajuan kaum wanita, bangsa dan negara.

4.3.2.3 Jurnalisme dan Penulisan Mengenai Wanita

Bagi menjayakan pembaharuan aktivis wanita juga terlibat dalam bidang penulisan di akhbar dan majalah. Boleh dikatakan akhbar dan majalah ketika itu, menyediakan ruangan khas untuk membincangkan isu wanita di Tanah Melayu. Sebagai contoh, *Majallah Guru*³⁵ yang menjadi lidah rasmi Persekutuan Guru-Guru Semenanjung diterbitkan pada tahun 1924, telah menyediakan ruangan khas berjudul ‘*Bahagian Perempuan*’ untuk guru-guru wanita berkarya dan menyuarakan pandangan mereka. Ruangan ini digunakan oleh guru-guru wanita Melayu menyuarakan pandangan mengenai isu-isu utama dalam masyarakat ketika itu seperti adat yang mengongkong, isu pendidikan, penderaan isteri, wanita boros berbelanja dan berhutang dengan ceti serta sikap sambil lewa orang Melayu terhadap pendidikan dan penjagaan kesihatan.

³⁵*Majallah Guru* adalah majalah yang menerbitkan rencana yang menyokong kemajuan dan pendidikan wanita. Diterbitkan pada 1 November 1924-1 April 1958. Majalah ini memuatkan rencana-rencana tentang pendidikan orang Melayu, pendidikan wanita, pendidikan dan ilmu pengetahuan, penulisan karya sastera dan kebudayaan.

Selain daripada *Majallah Guru*, majalah *Lembaga Malaya*³⁶ menyediakan ruangan ‘*Halaman Perempuan*’ yang membincangkan isu-isu pembebasan wanita, keperluan guru-guru perempuan yang sedar, pergaulan lelaki dan wanita serta pendidikan wanita. Majalah ini turut menggalakkan kaum wanita terlibat dalam pergerakan wanita.

Syed Syeikh Al-Hadi juga mengulas hak kebebasan wanita dalam konteks Islam dalam siri ‘*Alam Perempuan*’³⁷ yang diterbitkan dalam majalah *Al-Ikhwan*. Wanita dikatakan tidak lemah atau rendah statusnya berbanding lelaki, malah wanita perlu menggunakan akal sempurna dan ilmu pengetahuan yang mendalam untuk menjalani kehidupan sebagai muslim sejati. Beliau mengkritik masyarakat dan adat-tradisi kolot yang menyebabkan wanita jahil dan tidak bersungguh-sungguh dalam kehidupan mereka. Justeru itu, beliau menyatakan bahawa hanya dengan memberikan pendidikan maka status wanita boleh ditingkatkan dan ia dimuliakan. Bahkan, hanya ibu yang terdidik dan cerdas akan melahirkan anak yang pintar serta dapat memberi sumbangan kepada kemajuan bangsa dan masyarakatnya (*Al-Ikhwan*, Mei 1927:210; Sarji Kassim, 2003:104). Hal ini pernah ditekankan oleh beliau dalam siri ‘*Alam Perempuan*’ yang berbunyi;

...kegunaan perempuan yang berakal dan berpengetahuan itu membangunkan keelokan kehidupan perhimpunan kaumnya...tetapi yang mesti sekali tidak dapat tidak daripadanya ialah kemajuan perempuannya terlebih dahulu, demikian juga kejatuhan sesuatu kaum itu banyak sebab-sebabnya, tetapi yang sangat segera menggelongsor mereka kepada kebinasaan yang besar ialah kebodohan dan kejahilan sekelian perempuan-perempuannya” (*Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1930:47-48).

³⁶Majalah yang diterbitkan oleh Dato Onn Jaafar dan Syed Alwi Syed Syeikh Al-Hadi. Merupakan akhbar nasionalis yang menumpukan penulisan artikel-artikel tentang pemikiran orang Melayu, kesedaran Melayu dan isu-isu wanita.

³⁷Sebelum diterbitkan buku *Alam Perempuan*, Syed Syeikh Al-Hadi terlebih dahulu menyiarkan penulisannya ini dalam majalah *Al-Ikhwan*. *Alam Perempuan* membincangkan pendidikan wanita, pengasuhan anak-anak, kedudukan wanita dalam rumah tangga dan masyarakat. Beliau menggalakkan ibu bapa mendedahkan anak-anak dengan disiplin, latihan dan kerja-kerja kebajikan. Dalam tulisan ini, beliau menggunakan contoh-contoh pmodenan wanita dari Turki dan Mesir dalam pelajaran dan pekerjaan (*Al-Ikhwan*, 1927: 192-212). *Alam Perempuan* juga disiarkan oleh akhbar saudara bermula tahun 1928 yang kemudiannya diikuti dengan ruangan *Taman Isteri* mulai tahun 1934 (*Saudara*, 23 Disember 1935:9)

Melalui karya sastera, seperti novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926)³⁸ Syed Syeikh Al-Hadi telah memasukkan unsur-unsur emansipasi wanita. Antara unsur-unsur emansipasi wanita yang ditonjolkan oleh beliau dalam novel ini ialah, isu kahwin paksa, pendidikan wanita, kewajipan suami dan isteri, tanggungjawab wanita kepada tanah air, hak berpolitik, hak pergaulan dan isu pakaian wanita. Namun begitu, pemodenan dan emansipasi wanita seperti yang dibahaskan oleh Syed Syeikh Al-Hadi bertentangan dengan kenyataan yang tetap menghadkan aktiviti wanita di arena domestik di mana beliau tidak menggalakkan mereka mempunyai karier seperti lelaki dan aktif dalam sukan seperti wanita Barat. Beliau menyokong wanita Melayu berpendidikan tetapi tetap berada dalam ruang domestiknya. Wanita dikatakan tidak berkepentingan untuk bekerja kerana rumah tangga dan pendidikan anak-anak menuntut komitmen dan pengorbanan yang besar daripada ibunya.

...dan telah kita tentukan pekerjaan perempuan-perempuan itu hanyalah mengadakan anak dan tidak kita tuntut daripada mereka itu lain-lain kerja lagi, sebabnya kita telah menyangkakan bahawa perempuan-perempuan itu tidak layak bekerja pekerjaan yang lain daripada itu, dan bermula sekalian lelaki itu tidak berhajat sekali-kali kepada perempuan itu membantu akan pekerjaan mereka sama ada kerja khas ataupun am...(*Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1930:43-45).

Pengasuh melalui ruangan ‘Hal Perempuan’ pula telah menyiaran artikel yang membincangkan masalah pelacuran dan cara mengatasinya. Aktivis lelaki Kelantan, Abdul Kadir Adabi juga menekankan emansipasi wanita dalam artikelnya yang bertajuk ‘Lelaki dan Perempuan’. Selain isu pendidikan, beliau menyentuh tentang isu perkahwinan dan perceraian dan kesannya kepada wanita di Kelantan. Beliau telah menjelaskan wanita perlu diberi bimbingan dan pendidikan agar memahami tentang hal yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Beliau menyarankan agar kerajaan

³⁸Novel merupakan hasil terjemahan karya Qassim Beq Amin berjudul Kebebasan Perempuan. Ia mengutarakan keadaan dan status wanita Turki dan perjuangan mereka dalam menegakkan hak wanita, kebebasan, pendidikan, pekerjaan dan hak berhimpun. Novel ini diterbitkan oleh, Jelutong Press, Penang pada tahun 1926.

memansuhkan rumah pelacuran berlesen dan mendirikan pusat pertukangan seperti bertenun, menjahit dan memberi pendidikan kepada wanita yang terlibat dalam pelacuran dan bukannya menghukum mereka (*Pengasuh*, 11 September 1927:9; Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004: 107).

Abdul Kadir Adabi juga telah menulis tentang emansipasi wanita melalui novel beliau, iaitu *Melati Kota Bharu*,³⁹ mengisahkan Tengku Maimunah yang mempersoalkan dan mengkritik gelaran tengku yang dipakainya. Watak ini merupakan pelajar wanita di Madrasah Muhammadiyah dan banyak membincangkan isu-isu wanita ketika itu. Beliau menyatakan keinginan wanita untuk berkhidmat kepada negeri, bangsa dan agama. Novel ini jelas memasukkan kritik Abdul Kadir tentang masyarakat Melayu feudal, isu buruh Melayu, isu emansipasi wanita dan isu kaum asing yang menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Isu-isu ini mengetengahkan sistem-sistem stratifikasi masyarakat yang dikritik oleh Abdul Kadir supaya orang Melayu sedar tentang kepentingan perubahan dalam masyarakat sebelum mereka berjuang menentang ketidakadilan dan diskriminasi.

Akhbar *Saudara* turut menyediakan ruangan khas, iaitu ‘*Taman Isteri*’ mulai tahun 1934, yang membincangkan pelbagai isu tentang wanita Melayu. Ruangan ini telah menjadi wadah kepada wanita Melayu menjelaskan secara terperinci serangan dan kata-kata negatif daripada kaum lelaki yang menentang tuntutan wanita ini (Siti Rodziyah Nyan, 2009:175). Malah, penulis-penulis wanita seperti Makcik Muda Pahang, Ibu Zain, Siti Anggur dan Siti Zindah mempertahankan tuntutan tentang kemajuan dan pendidikan wajib diberikan serta dikuasai oleh kaum wanita Melayu.

³⁹Novel ini diterbitkan pada tahun 1939, disiarkan secara bersiri (19 siri) dalam majalah *Al- Hikmah*. Ia menyentuh tentang isu kekuasaan feudal, ketidakadilan terhadap kaum buruh, kurang kesedaran orang Melayu tentang pendidikan dan perkahwinan paksa. Ia mengisahkan Tengku Maimunah seorang wanita yang inginkan kebebasan, kemajuan, persamaan darjah dan menentang adat yang memundurkan wanita. Watak ini sering bermonolog tentang kehidupan wanita, malah turut membincangkan permasalahan sosial, ekonomi dan politik semasa dengan teman lelakinya, Abdul Rahman.

Kenyataan ini juga selari dengan hasrat kemajuan yang diperjuangkan oleh Kaum Muda ketika itu (Siti Rodziyah Nyan, 2009:176; *Saudara*, 23 Disember, 1934:9).

Aktivis wanita Kelantan Mariam Saadi, iaitu kakak kepada Asaad Shukri telah menerbitkan majalah *Kenchana* pada April 1930. Penubuhan majalah ini juga bertujuan menggalakkan pendidikan dan kemajuan kaum wanita (*Kenchana*, Oktober 1930: 164-165). *Kenchana* menyediakan ruangan ‘Bahagian Kaum Ibu’, untuk membincangkan tentang pendidikan dan kedudukan wanita sama ada di Kelantan dan di luar negara. Ketua pengarang majalah ini ialah, Asaad Shukri telah menggunakan majalah ini untuk memberi peluang kepada penulis mengutarakan emansipasi wanita dan kerajinan wanita Kelantan. Bagaimana pun Asaad telah melakukan penyamaran dengan menggunakan nama wanita bagi menerbitkan tulisan beliau dalam majalah *Kenchana* seperti nama Mariam Al-Khadri dan Aminah Al-Muktariah untuk menarik minat pembaca wanita. Beliau turut menulis tentang isu agama dan permasalahan yang menjadi perdebatan antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Tulisan dalam majalah ini juga menumpukan kepada isu politik, isu agama dan ketidakadilan sosial di Kelantan (Abdul Rahman al-Ahmadi, 2004: 174-187).

Melalui majalah *Bulan Melayu*, yang dikelolakan oleh Zainon Sulaiman atau dikenali sebagai Ibu Zain yang juga bertindak sebagai ketua pengarang majalah tersebut telah mengupas isu-isu wanita dalam konteks yang lebih luas. Beliau secara lantang membincangkan isu ekonomi, pendidikan, kebersihan dan mengkritik lelaki yang bias terhadap perempuan. Seperti tulisan beliau dalam *Majallah Guru* mahupun akhbar *Saudara*, Ibu Zain amat menekankan kemajuan dan pendidikan wanita. Keputusan beliau menerbitkan *Bulan Melayu* merupakan satu bukti bahawa wanita Melayu telah bersedia dan bersungguh-sungguh berjuang dalam bidang penulisan ini. Beliau juga cuba menolak anggapan bahawa kaum ibu tidak berupaya mengarang artikel di akhbar atau majalah kerana selama ada yang berpendapat kaum lelaki terpaksa menyamar

sebagai penulis wanita, namun helah mereka diketahui melalui pendekatan penulisan yang berbeza (*Bulan Melayu*, Julai 1930: 23). Ibu Zain menjelaskan walaupun *Bulan Melayu* merupakan majalah wanita yang diuruskan dan disunting oleh wanita namun majalah ini tetap menggalakkan penulis lelaki menyumbangkan karya mereka.

Tujuan *Bulan Melayu* diterbitkan juga memberi peluang kepada kaum wanita berkongsi idea kerana peluang wanita untuk menulis sebelum ini agak terhad. Beliau menegaskan penulis lelaki perlu memberi peluang kepada *Bulan Melayu* kerana mengakui bahawa penulis wanita masih kurang di Tanah Melayu. Mereka perlu mengiktiraf kekuatan penulis wanita Melayu yang tidak hanya menumpukan penulisan tentang pakaian atau keperluan rumahtangga, tetapi juga isu-isu ketidakadilan wanita. Ia juga turut menjangkau kepada isu-isu kemasyarakatan umum dengan mengambil contoh perkembangan pergerakan wanita Indonesia, Eropah dan Timur Tengah (Mahani Musa, 2010: 5-6; *Majallah Guru*; *Al-Ikhwan*; *Saudara* dan *Bulan Melayu*). Persekutuan Guru-Guru Wanita Melayu Pulau Pinang pernah menerbitkan majalah *Ibu Melayu*⁴⁰ dan memuatkan tulisan-tulisan daripada penulis-penulis seperti Zaidah Ahmad, Khadijah, Rashidah Taha dan beberapa penulis lain. Majalah ini membicarakan isu wanita dan politik selepas Perang Dunia Kedua. Ketika ini tulisan-tulisan juga menggambarkan peranan wanita dan lelaki melibatkan diri dalam memajukan bangsa dan negara.

Tuntutan aktivis wanita Melayu banyak disuarakan melalui majalah seperti *Bulan Melayu*, *Majallah Guru*, *Saudara*, *Kehidupan Dunia Akhirat* dan *Kenchana* yang bukan sahaja bertujuan menyedarkan wanita tentang kepentingan pendidikan moden tetapi juga membantu mereka beradaptasi dengan kehidupan baru serta bersedia menuntut ilmu yang lebih lengkap sesuai dengan kehendak agama Islam (*Bulan Melayu*:1934). Penulis-penulis wanita seperti Cik Habsah, Sofiah Khuzaimah, Asiah

⁴⁰majalah ini diterbitkan selepas Perang Dunia Ke-2, pada Oktober 1946. Majalah ini memuatkan isu-isu wanita dan memuatkan kesedaran wanita terhadap pendidikan, nasionalisme dan politik. Isu-isu sosial yang melibatkan wanita turut dibincangkan.

Ali, Noriah Othman dan Cik Azizah merupakan aktivis wanita yang menyumbangkan tulisan mereka dalam akhbar *Saudara*. Antara artikel beliau yang menonjol ialah tentang kepentingan kaum wanita menuntut ilmu. Artikel beliau seperti, ‘*Perubahan Kaum Ibu dan Zaman Kini*’ dan ‘*Kaum Ibu dengan Suratkhabar*’ (*Saudara*, 23 Mei, 1934) yang mengkritik isu yang melarang wanita mendapat pendidikan oleh pihak yang digelar beliau sebagai ‘guru palsu’ dan ‘alim kucing’.

Kemunculan pendapat kolot yang mengatakan bahawa mengajar anak remaja menulis dan membaca akan menggalakkan mereka menulis surat cinta mula dibahaskan oleh pembaca akhbar *Saudara*. Bagaimanapun Cik Habsah terus memberikan sokongan kepada wanita-wanita untuk menjadi ahli pergerakan dan menolak pendapat yang menghalang aktiviti belia perempuan menulis dan perhubungan melalui surat kerana takut terjebak dalam pergaulan bebas dan mencemar ajaran agama. Menurut beliau ketakutan ini tidak berasas kerana golongan wanita ini berpendidikan dan tahu menjaga adab pergaulan. Isu ini juga disentuh oleh Khuzaimah yang menulis artikel ‘*Kewajipan Perawan yang Akan Datang*’ (*Pengasuh*, 6 Nov. 1933: 2-3; Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004: 158). Dalam tulisan tersebut beliau menyatakan:

...lihatlah sekarang anak-anak lelaki sahaja yang yang dihargakan dan anak-anak perempuan tiada guna, hanya menunggu dapur sahaja! Aduh azabnya yang ditanggung oleh saudara-saudara saya sekarang, dan anak-anak perempuan tiada hak meminta hidup mengikut lelaki. Jangan sekali ayuhai orang tua membelaikan hak anak-anak perempuan padahalnya bukan anak lelaki sahaja dapat membuat pekerjaan, anak perempuan juga boleh menyempurnakannya; oleh itu lepaslah ayuhai orang tuaku pasungan ikatan saudara-saudara saya itu, hantarlah ke madrasah supaya ia dapat menyempurnakan kewajipannya...

Pergerakan Persekutuan Guru Wanita Johor juga melahirkan aspirasi mereka dengan menerbitkan majalah *Bulan Melayu*⁴¹ sebagai wadah wanita untuk menulis.

⁴¹*Bulan Melayu* merupakan antara majalah wanita awal yang diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor dengan Ibu Zain sebagai ketua pengarang. Majalah ini ditulis dalam huruf Jawi

Majalah ini merupakan majalah wanita yang kedua diterbitkan selepas majalah *Kenchana*⁴² yang diterbitkan pada April, 1930 di Kota Bharu (Mariam Mansor, 1980; 61; Mahani Musa, 2011:67). Bagi ketua pengarang *Bulan Melayu* yang pertama, iaitu Ibu Zain, penerbitan ini diinspirasikan oleh majalah *Women's Magazine* yang popular di Eropah yang banyak mengetengahkan isu-isu wanita. Justeru itu, majalah yang diterbitkan ini bertujuan mengutarakan isu kebajikan kaum wanita dalam menghadapi arus kemajuan di samping menyumbangkan jasa kepada bangsa (*Bulan Melayu*, Jan. 1930: 24). Siti Nurain Janain yang menerbitkan sebuah majalah *Matahari Memancar*, menuntut agar wanita Melayu aktif di ruang publik dan mendidik anak-anak perempuan. Selain itu terdapat beberapa majalah Melayu seperti *Fajar Asia* dan *Semangat Asia* yang menyeru agar wanita terlibat dalam aktiviti yang berfaedah dan bangkit membantu negara dan bangsa mereka (Dancz, 1987:27).

Penulisan aktivis wanita Melayu ketika itu mula mengutarakan isu pendidikan anak-anak perempuan, pemunggiran wanita dan menegur sikap wanita yang hanya mementingkan kebendaan serta perhiasan diri sahaja. Penulis wanita Melayu seperti Ainun Abdullah (*Bulan Melayu*, Jan. 1931: 306) pernah mengkritik kelemahan wanita sendiri kerana enggan membincangkan isu-isu wanita dan menghabiskan masa di dapur sehingga langsung tidak memahami urusan negara serta kedudukan bangsa yang tertindas. Justeru itu, tugas utama mereka adalah membangkitkan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan. Malah, hanya melalui pendidikan dan ilmu pengetahuan mampu mengubah pemikiran dan sikap masyarakat ketika itu. Isu-isu dan permasalahan wanita telah menjadi fokus utama dalam perbincangan pergerakan wanita dan penulisan

diterbitkan pada 1 Jun 1930-Mei 1932, ia disambung semula pada Mei 1935-Februari 1938 (A.M. Iskandar, 1974:24-25).

⁴²*Kenchana* merupakan majalah wanita paling awal yang diterbitkan di Kota Bharu Kelantan, pada April 1930 oleh Mariam Saadi. Majalah ini ditulis menggunakan huruf Jawi dan dicetak oleh Matbaah Al-Kamaliah di Kota Bharu Kelantan. Tarikh penerbitan bermula pada April 1930 sehingga April 1931. Ia diterbitkan dua kali sebulan. Penerbitannya dihentikan pada tahun 1931. Majalah *Kenchana* juga telah diterbitkan pada tahun 1947 oleh pengarangnya iaitu Harun Aminurrashid yang merupakan pejuang nasionalis dan kemajuan wanita (A.M. Iskandar, 1974: 25-59).

individu.

Isu perkahwinan dan keruntuhan rumah tangga juga telah disentuh dalam artikel-artikel yang membincangkan isu wanita dalam majalah-majalah pada masa itu. Aktivis wanita Melayu giat membangkitkan permasalahan kahwin paksa dan poligami sebagai punca penderitaan wanita dan keluarga (*Bulan Melayu*, 1930:92). Namun begitu kedua-dua isu ini dibincangkan dalam artikel-artikel tersebut tidak mudah dihapuskan kerana sistem patriarki ini telah berkurun-kurun berakar umbi dalam masyarakat Melayu. Isu perkahwinan paksa disentuh oleh Rahmah Ahmad Zain yang menceritakan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita disebabkan suami yang tidak bertanggungjawab, isteri menjadi mangsa penderaan sehingga timbul isu-isu sosial seperti masalah pelacuran kerana wanita terpaksa mencari nafkah untuk keluarga (*Majallah Guru*, 1928:210-211). Seorang aktivis wanita daripada Pulau Pinang, Zaharah Nur Muhamad telah menyarankan dalam majalah tersebut agar diperkenalkan undang-undang yang menyekat poligami dan wanita dibenarkan berkahwin hanya setelah berumur 16 atau 18 tahun. Bagaimanapun isu ini ditentang oleh sarjana agama ketika itu yang menganggap permintaan ini menyalahi ajaran Islam (*Qalam*, 1950:12-16). Isu perkahwinan paksa dalam kalangan masyarakat Melayu juga turut dimuatkan dalam *Bulan Melayu* yang membincangkan keruntuhan keluarga dan keadilan untuk wanita yang terlibat dalam permasalahan ini (*Bulan Melayu*, 1931:147-239). Perkahwinan paksa dianggap sebagai antara penghalang kemajuan wanita Islam dan menjatuhkan martabat kaum wanita di Tanah Melayu. Isu-isu ini telah banyak dibangkitkan oleh penulis-penulis wanita ketika itu.

Menyedari kesedaran pendidikan di kalangan orang Melayu masih terhad, penulis-penulis yang kritis terhadap isu-isu semasa dan penjajah mengambil langkah menggunakan nama samaran sebagai strategi untuk mengekspresikan diri mereka. Sebagai contoh, aktivis Kaum Muda Abdul Kadir Adabi menggunakan nama wanita,

iaitu Wok binti Abdullah dalam karyanya sebagai strategi untuk menarik pembaca akhbar atau majalah membaca tulisannya yang banyak mengkritik golongan penguasa agama dan pemerintah di Kelantan. Sahabat beliau iaitu, Asaad Shukri juga menggunakan nama wanita iaitu Mariam Ahmadi untuk menulis artikel dalam majalah *Kenchana* (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004:200). Kedua-dua aktivis politik Kelantan ini menggunakan nama samaran wanita dan nama samaran lain sebagai strategi untuk mengelakkan mereka diancam atau disakiti oleh golongan yang menentang penulisan dan idea mereka tentang pendidikan wanita dan situasi politik di Kelantan.

4.3.2.4 Isu Wanita dalam Pekerjaan dan Politik

Tuntutan perubahan wanita juga turut menyentuh tentang penglibatan wanita dalam pekerjaan. Salah satu objektif penubuhan Persekutuan Wanita Johor ialah memberikan cadangan untuk menggalakkan dan memajukan perusahaan dan ekonomi wanita (*Bulan Melayu*, 1 Julai 1930:42-43). Isu penglibatan wanita dalam pekerjaan mula diberikan perhatian dalam perbincangan setelah berlaku perubahan di seluruh dunia setelah berlakunya Perang Dunia Pertama (*Bulan Melayu*, Ogos 1930:54-55). Setelah melalui pengalaman perit akibat peperangan dan kemelesetan ekonomi Dunia, di mana wanita terpaksa ditarik ke alam pekerjaan setelah pihak pemodal mengalami kekurangan jumlah pekerja apabila buruh-buruh imigran terpaksa dihantar pulang dan pihak negara asal menghentikan penghantaran buruh ke Tanah Melayu:

Tidakkah kita melihat dalam masa peperangan besar itu beberapa ribu orang daripada kaum ibu yang telah keluar membuat pekerjaan laki-laki, menolong soldadu di padang peperangan, menjaga negeri, menjadi mata-mata, menjadi pejalan keretapi, berjual-beli, membuat pekerjaan berat-berat seperti berkuli bekerja dalam lombong arang batu dan lain-lain. Maka sebarang pekerjaan yang dibuat oleh mereka itu telah didapati sama elok dan cukup sempurna seperti lelaki juga. Dan berapa banyak pula menjadi juru tulis, pengarang surat khabar, menjadi guru sekolah, menjadi doktor dan *lawyer*...maka dalam benua Amerika berapa banyak perempuan-perempuan yang telah mendapat pekerjaan hakim dalam mahkamah, ada yang menjadi member majlis kerajaan, menjadi juri

dalam mahkamah..tidakkah sekalian ini menunjukkan perempuan itu sama kejadiannya dengan laki-laki dan boleh memberi pekerjaan yang diperbuat laki-laki..?

Isu ini juga pernah dibangkitkan dalam tulisan Nyonya Bahrin Ideriss (*Suara Malaysia*, 29 Jun: 1939) yang membahagikan peranan dan pekerjaan yang sesuai untuk wanita. Beliau menjelaskan peranan wanita bukan hanya setakat menjadi ibu, isteri dan membantu keluarga mencari nafkah tetapi bertanggungjawab untuk mencintai bangsa dan tanah air. Justeru itu ia menuntut agar wanita seperti lelaki bertanggungjawab untuk berjuang untuk negara dan watan dengan berlandaskan syariat agama Islam.

Penglibatan wanita Melayu dalam ekonomi penting kerana wanita turut menyumbang dalam ekonomi sara diri terutama dalam bidang pertanian⁴³ ketika itu. Situasi ekonomi kaum Melayu yang dianggap jauh ketinggalan daripada kaum lain di Tanah Melayu disedari oleh golongan intelektual. Sikap sesetengah wanita yang suka berbelanja boros, materialistik dan tidak pandai mengurus ekonomi rumah tangga disebabkan tidak menerima pendidikan yang sewajarnya telah dikritik oleh golongan Melayu yang sedar dengan permasalahan tersebut. Justeru itu terdapat seruan yang inginkan perubahan sikap, pemikiran dan meningkatkan semangat wanita Melayu agar memperlengkapkan diri dengan pelajaran untuk mengelakkan daripada terjerumus dalam kemiskinan dan tidak ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Artikel-artikel dalam majalah *Bulan Melayu* telah menyeru agar wanita Melayu belajar daripada wanita Jepun, Turki dan Mesir yang meningkatkan diri dalam pelajaran dan mempunyai karier mereka sendiri. Wanita Jepun selepas Perang Dunia Pertama terpaksa meninggalkan kampung halaman untuk bekerja dan keluar daripada kemiskinan (*Bulan Melayu*, April 1932: 329).

⁴³Wanita terlibat dalam aktiviti bercucuk tanam dan bekerja di sawah. Aktiviti ini melibatkan wanita di desa yang bekerja untuk membantu ekonomi keluarga.

Penglibatan wanita dalam ekonomi turut disokong oleh Zaaba (SP 2006/01566, *Perempuan Melayu dengan Pelajaran dan Pekerjaan*, 31/8/1945) dengan menyatakan ibu bapa sepatutnya tidak bimbang membenarkan anak-anak perempuan bersekolah tinggi dan bekerja di pejabat atau memilih jawatan yang sesuai untuk mencari rezeki. Beliau menolak kenyataan yang menyatakan sekiranya wanita belajar tinggi dan bekerja akan menghapuskan kelembutan dan kehormatan wanita tersebut. Malah, dengan memiliki pekerjaan akan membantu wanita berdikari dan tidak bergantung hidup kepada suami atau orang tua mereka. Mereka juga berupaya untuk membuat keputusan sendiri dan mengasah pemikiran mereka. Wanita Melayu sepatutnya digalakkan berkariier dan perlu berani tanpa perlu ditemani ibu bapa dan suami untuk keluar mencari rezeki:

...yang sebenarnya tiadalah apa cacinca perempuan Melayu mencari pelajaran tinggi dan tiada salahnya mereka keluar mencari kehidupan sebagaimana kaum lelaki. Adapun mereka yang tidak bersetuju itu agaknya sebab memikirkan jika orang perempuan sudah pandai bekerja maka mestilah selalu bercampur-gaul sama kaum lelaki? Tetapi ini hanya perkara kecil, ini kerana jika orang perempuan pandai menjaga kehormatan diri mereka dengan sebab asuhan dan adil tentulah boleh mengerti dan bersetuju iaitu walau sesiapapun, pokok pangkalnya daripada perempuan juga hendak jadi baik atau jahat...mestikah perempuan terpaksa hidup sentiasa dengan berharapkan limpah rahmat orang lelaki sahaja? Sentiasa dibawah naungan atau takluk orang lelaki..? (SP 2006/01566, *Perempuan Melayu dengan Pelajaran dan Pekerjaan*, 31/8/1945).

Pada masa yang sama wanita dari Kelantan dan Terengganu dianggap berbeza dari aspek kebudayaannya apabila mereka memang terlibat dalam aktiviti ekonomi sejak awal lagi. Mereka telah berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan dan bidang kraf untuk bersama-sama suami mencari nafkah hidup. Justeru itu, terdapat saranan agar pihak kerajaan menambahkan sekolah pertukangan dan pertanian untuk membantu kaum wanita Melayu terlibat dalam aktiviti ekonomi sara hidup. Dalam artikel yang

ditulis oleh Abdul Kadir Adabi yang bertajuk ‘Ikhtiarkan Tambah Mutu Kaum Ibu’⁴⁴ (*Kenchana*, Jun 1930, 65; Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004:105), beliau menjelaskan:

...kita berharap juga supaya menambah mutu kaum ibu dalam pertukangan sebab kaum ibu Kelantan ada bermacam-macam kepandaian yang akan menghairankan sesiapa yang belum mengetahui, bijak bertukang berbagai jenis perhiasan emas dan jenis-jenis kain pakaian, hiasan tubuh badan, rumah tangga dan segala jenis minuman. Semuanya itu akan lahir bila ada tempat membuat pekerjaan...

Abdul Kadir mengiktiraf wanita Kelantan yang memainkan peranan penting dalam ekonomi Kelantan apabila terlibat dalam perniagaan dan perusahaan kecil seperti perusahaan kain songket serta menjual makanan di pasar-pasar. Beliau menjelaskan adalah penting kerajaan Kelantan memberikan peluang kepada wanita Melayu untuk bekerja dan tidak bergantung kepada suami mereka. Melalui kemahiran dalam bidang kraf tangan dan perhiasan adalah penting untuk mereka berdikari dan membantu keluarga dengan sumber pendapatan.

Isu wanita dalam dunia pekerjaan dan politik telah mula mendapat perhatian dan perdebatan antara golongan agama dan intelektual Melayu terutamanya selepas Perang Dunia Kedua. Golongan mufti dan pegawai agama di Tanah Melayu mula menulis dan mengkritik penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan dan politik yang dianggap tidak sesuai dengan fitrah wanita. Melalui majalah *Qalam*⁴⁵, pihak mufti Johor dan beberapa pegawai agama menolak penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan dan politik, termasuk menjadi anggota majlis mesyuarat negeri dan parlimen (*Qalam*, Disember

⁴⁴Beliau juga menterjemahkan dan memetik beberapa artikel daripada akhbar dan majalah antarabangsa untuk memperlihatkan contoh penglibatan wanita daripada negara dalam karier profesional. Beliau menganggap wanita mampu meningkatkan taraf hidup mereka, malah pihak kerajaan harus menggalakkan wanita bekerja dan bertanggungjawab menyediakan pelajaran kepada wanita (Abdul Rahman Al-Ahmadi,2004: 105).

⁴⁵Majalah ini diterbitkan oleh *Qalam Press Singapore* pada Julai 1950 yang kemudiannya berpindah ke Petaling Jaya. Pengarang terdiri daripada Abdullah Hamid Al-Idrus, Syed Jaffar Albar dan Abdullah Basmeh. Penulisannya banyak berkisar kepada perdebatan agama, politik dan isu-isu bahasa. Majalah ini juga menyediakan ruangan khas untuk wanita bertajuk “Hak dan Kebebasan Perempuan” yang membincangkan hak, status dan peranan wanita. Pihak mufti dan pegawai agama Islam di negeri-negeri Tanah Melayu turut berhujah secara langsung mengenai isu wanita dalam majalah ini.

1952; *Qalam*, April 1952; *Qalam*, Januari 1954). Bagaimanapun pendapat ini ditolak oleh intelektual Melayu kerana saat itu, Tanah Melayu amat memerlukan kerjasama rakyat tanpa mengira gender mereka untuk memajukan bangsa. Asmara Yatim (*Kenchana*, Tahun 1 (3), 1947) menjelaskan selepas Perang Dunia Kedua, wanita terpaksa bekerja untuk mencari nafkah keluarga di samping memperjuangkan kemerdekaan negara. Wanita juga digalakkan terlibat dalam bidang pendidikan sebagai karier agar wanita tidak ketinggalan dalam bidang pelajaran, falsafah dan dunia politik nasional (*Majallah Guru*, Mac 1958,:73). Mempunyai karier sendiri menjadikan wanita lebih berani dan berkeyakinan untuk berganding bahu dengan lelaki, bahkan mereka mengetahui selok-belok membela nasib kaum wanita. Melalui pengalaman dan latihan ini wanita berani bersuara, berkeyakinan dan mampu berfikir untuk memiliki harta, berani berjuang dalam politik dan belajar membentuk organisasi (*Majallah Guru*, April 1958: 103).

Wanita generasi baru perlu diberikan peluang terlibat dalam pendidikan agar mereka dapat meluaskan fikiran, mengeluarkan pendapat untuk memperluaskan dasar pendidikan negara. Wanita-wanita Melayu terpelajar digalakkan turun ke desa-desa dan mendampingi masyarakat yang masih belum menerima pendidikan dan pendedahan kepada kemajuan. Pengaruh wanita dalam dunia pendidikan amat besar dan sekiranya wanita terus bergerak maju dalam ekonomi dan dipercayai turut memberi semangat baru kepada pemuda dan masyarakatnya (*Majallah Guru*, September 1955: 278).

Wanita Melayu turut digalakkan untuk terlibat dalam bidang siasah politik bagi membantu membuat dasar negara. Sebagai contoh, Che Halimaton Abdul Majid (*The Straits Times*, September: 1957) menjelaskan sudah tiba masa wanita di Tanah Melayu bersama-sama berkhidmat dengan lelaki mencorak masa depan negara. Malah wanita juga telah diterima berkhidmat dalam bidang pendidikan, perubatan dan perundangan.

Justeru itu, bukan suatu yang mustahil untuk wanita diberikan peluang bergiat dalam bidang pekerjaan dan ekonomi. Che Halimaton menegaskan bahawa:

I think the women would like me to say that there is a reservoir of talents which only awaits to be tapped, channelled and geared into the various services and occupation in which women can usefully take part. Women must march with the times and what is even more important, they should always strive to keep pace with the men. It will be much to the good of themselves and of the country... (*The Straits Times*, 1 September: 1957).

Che Halimaton Abdul Majid juga menunjukkan kesungguhan untuk mengambil bahagian dalam politik dan merupakan wanita tunggal yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1955 dan berjaya menjadi wakil rakyat wanita pertama di Tanah Melayu (*The Straits Times*, 18 August: 1957). Kejayaan beliau sebagai wanita Melayu pertama yang dicalonkan sebagai anggota Majlis Perundangan berjaya mendiamkan kritikan-kritikan yang menegaskan wanita tidak boleh memimpin dan menjadi ahli majlis perwakilan. Perdebatan ini berlangsung di akhbar dan majalah mengenai fatwa yang melarang wanita menjadi anggota majlis perundangan. Bagaimanapun, pihak majlis agama Islam bersetuju sebulat suara untuk tidak mencegah wanita daripada mengambil bahagian dalam pengundian dengan syarat pihak yang terlibat menyediakan tempat mengundi yang berasingan bagi wanita dan lelaki (SPR: 2009/00244, *Kertas mesyuarat berkenaan dengan hak-hak orang perempuan Islam di dalam Siasah*, 8 Mei 1955).

4.4 Wanita Cina dan Aktivisme

Kemasukan wanita Cina pada tahun 1930-an, sebagai imigran wanita daripada negara China telah menyumbang kepada peningkatan penduduk bertambah dengan cepat, ratio antara lelaki dan wanita semakin seimbang (Fan, 2005; Lee, 1989). Peningkatan kemasukan imigran wanita ini telah memainkan peranan penting dalam

masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Kemasukan imigran ini telah menyeimbangkan nisbah jantina imigran Cina di Tanah Melayu yang sebelum ini didominasi oleh kaum lelaki. Kedatangan wanita Cina bermakna akan wujud lebih banyak keluarga nuklear. Kedatangan isteri dan imigran wanita ini membantu suami atau imigran untuk menguruskan perniagaan, merancang kesejahteraan hidup komuniti Cina. Mereka dapat menikmati kegembiraan kekeluargaan malah masyarakat Cina lebih stabil malah telah mengubah hubungan gender.

Sebelum tahun 1910-an, masyarakat Cina masih bersifat tradisional dan konservatif. Masyarakat secara umumnya berpendapat wanita perlu mematuhi sifat-sifat keibuan, tidak perlu menerima pendidikan, malah mengisi peluang untuk bekerja dilarang. Selain daripada bekerja sebagai pembantu rumah, wanita tidak mempunyai peluang lain untuk membantu keluarga menambah pendapatan. Dengan perkembangan pendidikan wanita dan kedatangan wanita dengan ramai pada akhir tahun tahun 1920-an, wanita Cina mula bekerja dari buruh kepada menjadi kakitangan teknikal yang professional dalam pelbagai bidang. Mereka semakin sedar bahawa apabila menyertai aktiviti ekonomi dan dalam masyarakat secara aktif, mereka telah meningkatkan kedudukan wanita dalam perubahan masyarakat serta mengubah konsep gender yang tradisional pada peringkat tertentu.

4.4. 1 Aktivisme Awal dan Kesedaran Emansipasi Wanita Cina

Kesedaran awal emansipasi wanita dalam kalangan wanita Cina di Tanah Melayu berkembang sejak awal melalui pendidikan, akhbar, sastera dan penglibatan dalam kerja-kerja sosial. Perubahan dalam politik di China seperti Pergerakan 4 Mei, 1919 yang melancarkan Revolusi Pemikiran telah memberi pengaruh penting kepada komuniti *huachiao*⁴⁶ di Tanah Melayu. Komuniti ini terdiri daripada komuniti Cina

⁴⁶Komuniti ini dibawa masuk oleh British bermula sejak abad ke-19 untuk menjadi buruh di sektor perlombongan, industri, pertanian dan pelabuhan. Komuniti Cina pertama tiba sejak abad ke-7 dan abad

Seberang Laut iaitu imigran buruh dan pelarian politik yang kebanyakannya berasal dari Fujian, Guangdong, Guangxi dan Hunan. Golongan ini masih kuat mengekalkan identiti kecinaan, budaya mereka, memperjuangkan pembebasan wanita dan membangkitkan semangat patriotisme serta nasionalisme demi menyelamatkan negara China (Leong, 2011:83). Ketua komuniti dan aktivis politik telah menubuhkan sekolah, sekolah malam dan syarikat penerbitan di bandar-bandar seperti Singapura, Kuala Lumpur, Ipoh, Kota Bharu, Tampin dan Johor Bharu untuk menyampaikan idea dan pemikiran progresif yang menggesa partisipasi rakyat tanpa mengira kelas (Yong, 1997:9). Ketika ini komuniti masyarakat Cina di Tanah Melayu dapat terbahagi kepada dua kategori, iaitu komuniti awal yang telah lama menetap di Tanah Melayu dikenali sebagai komuniti Cina kelahiran Negeri-negeri Selat yang lahir di Tanah Melayu (20%) dan kategori kedua, imigran Cina (80%) yang mengekalkan hubungan kekeluargaan tetapi berbeza berdasarkan perbezaan pengalaman, kelas, nilai budaya dan klan mereka. Kebanyakan imigran Cina menggunakan dialek atau bercakap bahasa Mandarin atau Kantonis manakala masyarakat Cina Negeri-Negeri Selat yang dilahirkan di Tanah Melayu menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Mandarin atau bahasa Melayu. Majoriti daripada orang-orang Cina yang menerima pendidikan Inggeris menganggap mereka adalah *Malayan*, manakala golongan yang menerima pendidikan Cina menganggap mereka adalah *Chinese* (Victor, 1967:222). Perbezaan bahasa dan aliran pendidikan yang berbeza telah memberi impak dan konflik yang besar dari aspek ideologi dan kesetiaan politik dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu (Yong, 1997:7).

Manakala, kesedaran politik dan feminism dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu amat berkait rapat dengan perubahan politik dan silibus pendidikan yang diterima dari negara China bermula sejak abad ke-19. Kesetiaan dan semangat patriotik ini kekal kerana pejuang reformasi dari China yang melarikan diri ke Tanah Melayu

15, semasa Tanah Melayu di bawah pengaruh Hindu-Buddha dan Kesultanan Melayu Melaka. Kebanyakan golongan ini telah berasimilasi dengan penduduk tempatan.

seperti Kang Yu Wei⁴⁷ meletakkan asas yang kuat kepada pendidikan komuniti Cina di Tanah Melayu di peringkat awal kedatangan mereka ke Tanah Melayu.

When Kang Yu Wei came to Nanyang, he began to drive for Chinese education. Dr Lim Boon Keng and Khoo Seok Wan had already formed a number of cultural societies. And Kang was invited to lecture to their member every few days. He stimulated them to think. He encourage them to form industrial and commercial clubs, temples, and socities dedicated to Confucious, and to establish schools...when Dr Lim Boon Keng and Khoo Seok Wan established the Singapore Chinese School...the constitution of all these schools were drawn up by Kang himself. Kang also sent his followers...to teach in these schools. Then the Chinese in all the rests of the towns of Nanyang today must be attributed to the foundations the Kang had laid...the overseas Chinese were naturally patriotic towards the fatherland. They were to be trained in the principles of the Confucian classics and history, and educated in the knowledge of the world...the overseas Chinese were opening schools everywhere. If the Chinese Government utilized this opportunity to encouraging them, their patriotism would be greatly aroused. Chinese learning would spread far and wide, and the feeling of the scattered Chinese people (for the fatherland) would be strengthened (Lee, 2011: 8-9).

Kesedaran ini diteruskan oleh golongan intelektual dan aktivis politik dalam kalangan penyokong parti *Kuomintang Malaya*⁴⁸ di Tanah Melayu. Golongan ini memainkan peranan dalam perubahan yang berlaku di China dan memainkan peranan penting untuk menyebarkan idealogi mereka kepada komuniti *huachiao* (Png, 1961). Menyedari masih ramai wanita Cina di Tanah Melayu masih buta huruf dan terdedah kepada isu perendahan wanita serta diskriminasi, pada sekitar tahun 1910-an ke tahun

⁴⁷Selepas kekalahan kerajaan Manchu ditangan British semasa Perang Candu, penduduk China mula menerima pemodenan dengan mereformasikan budaya. Kang Yu Wei merupakan sarjana China yang memperkenalkan idea raja berpelembagaan di China. Beliau melarikan diri ke Tanah Melayu dan menekankan idea ini kepada orang-orang Cina di Tanah Melayu untuk membangunkan sekolah moden untuk anak-anak mereka dengan mengajarkan subjek falsafah *Confucian*, sejarah, geografi, matematik, sains, sastera, penulisan dan pendidikan fizikal (Lee, 2011: 8)

⁴⁸Kuomintang bukan pergerakan revolucioneri tetapi sebuah parti politik yang mempunyai cawangan di luar negara. Walaupun ia bermula daripada perikatan *Tung Meng Hui* yang ditubuhkan di Singapura sebagai propaganda anti-Manchu untuk golongan ‘huachiao’ yang memainkan peranan penting untuk menjana dana untuk revolusi China tetapi tujuannya tamat selepas kerajaan Manchu berjaya ditumbangkan. Kuomintang didaftarkan dibawah *Socities Ordinance* pada tahun 1913 oleh Dr. Lim Boon Keng dan Tan Chay Yan daripada Melaka. Kuomintang berperanan untuk memupuk dan membentuk semangat nasionalisme dalam kalangan ‘huachiao’ dan menjadi agen propaganda untuk membantu China. Kuomintang berpecah pada tahun 1927 dan golongan sayap kiri Kuomintang telah menyertai dengan Parti Komunis. Selepas tahun 1929 pergerakan yang menyokong ideologi komunis tidak memainkan peranan aktif untuk mempromosikan semangat nasionalisme dalam kalangan ‘huachiao’ sebaliknya arah pergerakan lebih fokus kepada menarik bangsa Melayu dan India di Tanah Melayu. Akhirnya Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan (Oong, 2000:28-32)

1920-an golongan Cina Selat bersiap untuk membina sekolah perempuan Cina di Negeri-Negeri Selat dan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Penubuhan sekolah perempuan ini ialah untuk menyampaikan pemikiran dan budaya baru di samping memajukan serta memperbaiki keadaan sosial masyarakat Cina di Tanah Melayu. Melalui sekolah formal, golongan intelektual lelaki ini telah menerapkan idea pembebasan wanita kepada wanita Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Golongan intelektual ini juga menolak amalan tradisi masyarakat Cina yang mementingkan lelaki sehingga menyebabkan status wanita dipandang rendah. Penulis-penulis seperti Mak Chau dan Pao Hui-sheng mengkritik perendahan status wanita dalam masyarakat sehingga menyebabkan berlakunya penindasan kelas dan diskriminasi jantina. Mereka mengkritik amalan tradisi penindasan wanita yang diperlakukan oleh masyarakat Cina sehingga menyebabkan ramai wanita menderita (Yong, 1997:175-185).

4.4.2 Pendidikan dan Pembentukan Sekolah Perempuan Cina

Sejak dari awal pendidikan dan pembentukan sekolah Cina di Tanah Melayu telah dipromosikan oleh golongan penyokong gerakan nasionalis dan pemodenan di China yang juga dikenali sebagai pergerakan *National Language Movement* (Leong, 1976:116). Penggiat politik parti Kuomintang turut menggerakkan kesedaran dan propaganda politik tanpa mengira gender, pekerjaan atau kelas. Pada peringkat awal pihak kolonial British kurang memberikan perhatian terhadap aktiviti kaum imigran dan pendidikan di sekolah aliran Cina. Pada masa yang sama, isu penyediaan sekolah dan pendidikan formal kepada kanak-kanak kaum Cina tidak pernah menjadi persoalan kerana pihak kerajaan China dan komuniti Cina sendiri bekerjasama untuk menyediakan kemudahan tersebut.

Pendidikan aliran Cina ini dibantu oleh pihak Kuomintang melalui konsulat China atau utusan khas pendidikan seperti penajaan sekolah, bantuan kewangan,

menyediakan buku teks dan melatih guru-guru sekolah (*CO 1022/445, Federation of Malaya: The Chinese School*, 1955:116). Untuk meningkat status wanita, pihak pemerintah China turut menggalakkan sekolah-sekolah perempuan didirikan. Terdapat lima buah sekolah perempuan di Singapura dan lapan sekolah perempuan di Tanah Melayu telah ditubuhkan. Antara beberapa sekolah yang menerima bantuan ini ialah sekolah *Nanyang Singapore Girls' School (Overseas Chinese Girls' School)*, dan *Wa Khiu Girls' School* di Tampin. Selain itu, sekolah perempuan ini turut ditaja oleh pihak persendirian seperti Huang Dianxin, anak perempuan Wong Ah Fook, ahli perniagaan terkenal Johor yang membina sekolah perempuan di Johor dan Singapura. Sehingga tahun 1929, kebanyakan pengasas pendidikan untuk wanita Cina terdiri daripada golongan pedagang dan golongan intelektual yang menyokong pergerakan revolusi yang dipimpin oleh Sun Yat Sen (Yen, 2003:123-124).

Menurut Yen (2003: 124), kejayaan pihak China memberi tumpuan khas untuk menggalakkan pembinaan sekolah-sekolah perempuan di Tanah Melayu telah menggalakkan pertumbuhan idea progresif tentang persamaan gender dalam pendidikan moden. Selain itu, peranan seorang guru besar di sekolah *Nanyang Singapore Girls' School* Liu Yun Xian, yang juga merupakan aktivis sosial penting dalam menyumbang kepada pendidikan masyarakat Cina (Fan, 2005: 138). Beliau berpendapat bahawa wanita dan lelaki mempunyai hak sama rata, kedua-dunia manusia yang mempunyai masa depan yang cerah. Wanita dan lelaki perlu mempunyai semangat cintakan bangsa dan negara serta memerlukan sifat berdikari. Beliau amat menekankan konsep kesamarataan gender dalam pendidikan.

Liu Yun Xian menegaskan bahawa pendidikan wanita merupakan sebahagian daripada pendidikan bangsa. Wanita merupakan ibu sesebuah bangsa, pembangunan kerohanian wanita berkait rapat dengan negara dan bangsa. Beliau tetap mendidik wanita menjadi seorang ibu dan isteri yang baik, malah berusaha mendidik wanita

menjadi seorang ahli masyarakat yang baik, berdikari dan berguna kepada negara. Liu menegaskan pembangunan pendidikan yang holistik penting untuk memupuk pengetahuan, moral dan fizikal, melatih pelajar memiliki kemampuan autonomi, berdikari dan yakin semasa berdebat mahupun berucap di depan khalayak (Fan, 2005: 138). Justeru itu, sumbangan Liu Yun Xian kepada sekolah aliran Cina terutamanya dalam pembentukan sekolah-sekolah aliran Cina di Tanah Melayu juga tidak dapat dinafikan.

Liu telah memperbaiki pengurusan pendidikan Mandarin agar lebih sistematik. Jika selama ini sekolah aliran Cina ini diurus secara bersendirian, beliau bersama guru-guru lain telah memperkenalkan sistem peperiksaan untuk menguji tahap kecemerlangan pelajar sebelum mereka meneruskan pelajaran ke peringkat menengah. Selain itu beliau turut menggalakkan pelajar menyertai aktiviti sukan dan mengutip derma untuk kebajikan sekolah serta masyarakat. Sumbangan Liu kepada penambahbaikan dalam sistem pendidikan aliran Cina telah mendapat pengiktirafan oleh kerajaan China (Fan, 2005: 153-160).

Selain itu, terdapat seorang aktivis lelaki yang prihatin dengan pendidikan kaum Cina di Tanah Melayu, iaitu Mak Chau. Beliau amat menekankan kepentingan pendidikan kanak-kanak perempuan terutamanya daripada kalangan kelas pekerja untuk memberi kesedaran nasional dan hak mereka sebagai pekerja di Tanah Melayu (CO 537/934, *Malayan Bulletin of Political Intelligence*, no. 31, Julai 1925: 1). Golongan intelektual yang sealiran dengan Mak Chau, seperti Pao Hui-sheng turut menyokong kuat pendidikan untuk kanak-kanak perempuan dan memastikan sekolah perempuan seperti *Kuen Cheng Girls School*, *Fujian Girls' School*, *Po Yung Girls' School* dan *Pei Teh Girls' School* diteruskan untuk mendidik kanak-kanak perempuan (Yong, 1997:56-58).

Tahun 1930-an merupakan kemuncak kepada pembentukan sekolah kelas menengah untuk sekolah berbahasa Mandarin di Tanah Melayu. Polisi ini menerima sambutan daripada pengasas sekolah Cina kerana ini memberi peluang mereka meneruskan pendidikan ke universiti di China. *Nanyang Girls' High School* dan 10 buah sekolah lain seperti sekolah perempuan *Kuan Cheng Girls' High School*, *Pei Yuan High School* dan *Zhong Hua High School*, akhirnya telah memperkenalkan pendidikan menengah di sekolah mereka (Yen, 2003:126). Peningkatan jumlah pelajar telah menjadi faktor penting bagi Konsulat China⁴⁹ di Tanah Melayu memberikan sokongan agar dibuka sekolah menengah, malah menggalakkan pendidikan secara kualiti dan kuantiti ditingkatkan. Dalam era ini ramai wanita Cina berpeluang menerima pendidikan dan pendidikan yang diterima ini telah membantu wanita berjuang dalam ekonomi, penyertaan dalam komuniti dan turut mengubah persepsi masyarakat Cina terhadap hubungan gender.

Walaupun tahap pendidikan wanita Cina masih rendah berbanding tahap pendidikan lelaki namun, perkembangan dalam tahun 1930-an telah meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan wanita Cina (Leong, 1977:166). Malah komuniti Cina juga telah menghasilkan kumpulan elit wanita Cina dimana mereka telah menyertai kumpulan profesional seperti menjadi peguam, doktor dan guru-guru yang mengajar di sekolah Inggeris dan Cina. Sebagai contoh, wanita Cina pertama yang berkhidmat sebagai peguam di Tanah Melayu iaitu, Lim Beng Hong dari Pulau Pinang pada tahun 1926 (*Al-Ikhwan*, 1927:16). Pencapaian yang ditunjukkan oleh wanita Cina dalam pendidikan telah meningkatkan prestasi wanita Cina dan meningkatkan penyertaan dalam aktiviti sosial dan telah menjadi asas perubahan kepada peningkatan status wanita Cina di Tanah Melayu.

⁴⁹Penubuhan Konsulat China wujud sejak tahun 1877 yang ditubuhkan di Singapura, diikuti oleh Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.Tujuan penubuhannya adalah untuk menjaga kebajikan komuniti Cina di Tanah Melayu dan dengan keyakinan bahawa sistem perundangan China boleh menjaga komuniti *huachiao*. Konsulat ini beroperasi dari tahun 1876-1941(Leong, 1977: 166).

Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 menunjukkan pertambahan sekolah, pelajar dan guru secara pesat sekolah aliran Cina di peringkat permulaan bermula tahun 1921 sehingga 1957. Pada peringkat ini data yang berterburu dan tidak sekata di Negeri-Negeri Melayu, mengenai jumlah pelajar perempuan dan lelaki menyebabkan jadual ini hanya menggabungkan jumlah pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Daripada kedua-dua jadual tersebut menunjukkan peningkatan bilangan pelajar-pelajar di sekolah aliran Cina di Tanah Melayu. Peningkatan sekolah aliran Cina ini juga berkaitan dengan peningkatan kelahiran anak-anak imigran Cina di Tanah Melayu dan menunjukkan komuniti Cina mula menetap atau bermastautin di Tanah Melayu.

Jadual 4. 1

Jumlah sekolah, pelajar dan guru dalam aliran Cina di Tanah Melayu 1924-1938,
1946-1957

Tahun	Jumlah sekolah	Jumlah pelajar (lelaki dan perempuan)	Jumlah guru sekolah aliran Cina
1921	252	-	589
1922	391	-	980
1923	357	-	1,362
1924	564	27,476	1,257
1925	643	33,662	1,390
1926	657	36,380	1,493
1927	665	40,760	1,673
1928	696	43,961	1,806
1929	711	46,911	1,900
1930	716	46,367	1,980
1931	657	39,662	1,867
1932	669	41,858	1,929
1933	731	47,123	2,021
1934	766	54,618	2,371
1935	824	62,014	2,730
1936	860	70,483	3,058
1937	933	79,993	3,415
1938	1,015	91,534	3,985

Sumber: Leong, (1977), 121; *SS Annual Report Education Dept., 1922-1937; FMS Annual Report Education Dept., 1922-1937; Malayan Union Annual Report, 1948; Federation of Malaya Annual Report, 1948-1957.*

Jadual 4. 2

Jumlah sekolah, pelajar dan guru dalam aliran Cina di Tanah Melayu,
1946-1957

Tahun	Jumlah sekolah	Jumlah pelajar (lelaki dan perempuan)	Jumlah guru sekolah aliran Cina
Samb...			
1946	1,004	158,037	4,064
1947	1,379	190,349	5,179
1948	1,362	185,670	5,328
1949	1,336	198,126	5,348
1950	1,317	210,336	5,865
1951	1,168	198,840	5,942
1952	1,199	229,803	5,565
1953	1,211	236,041	6,282
1954	1,231	232,818	6,458
1955	1,265	255,158	6,642
1956	1,311	279,549	7,380
1957	1,333	342,194	8,521

Sumber: *Malayan Union Annual Report, 1948; Federation of Malaya Annual Report, 1948-1957.*

Polisi awal kerajaan British yang mengamalkan *laissaez-faire*⁵⁰ dalam pendidikan juga memudahkan perlaksanaan pendidikan ini malah dalam beberapa insiden komuniti Cina sendiri pernah menolak campur tangan dan bantuan kewangan untuk pendidikan untuk komuniti Cina (Lee, 2011:14). Tujuan utama kerajaan British menghulurkan bantuan kewangan ialah untuk memantau sekolah Cina terutama selepas berlakunya mogok di Singapura yang dilancarkan oleh pelajar-pelajar daripada sekolah perempuan *Thiong Wa Girls' School* dan *Nam Wa Girls' School*. Aktiviti demonstrasi turut dijalankan serentak di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur (Leong, 1976:118). Kebanyakan daripada buku teks yang digunakan menjurus kepada propaganda komunis terutamanya pendidikan di sekolah malam dewasa yang dianjurkan oleh komuniti Hailam (Victor, 1967:232). Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan dan sekolah telah digunakan sebagai menggerakkan semangat nasionalisme di kalangan komuniti *huachiao* di Tanah Melayu.

Melalui pendidikan dan sekolah politik yang berkiblatkan negara asal, golongan ini telah berjaya menanamkan semangat nasionalisme dan jiwa patriotik dalam masyarakat pedagang dan imigran Cina kepada negara China (Oong, 2000). Pada peringkat awal terdapat tiga bentuk institusi pendidikan untuk kaum Cina di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah awal ini telah dibangunkan oleh komuniti Cina tanpa campurtangan kerajaan British iaitu ‘*sishu*’⁵¹ dan ‘*yixue*’⁵². *Sishu* sekolah persendirian yang mengenakan yuran pengajian, kedua ‘*yixue*’ sekolah percuma yang disediakan oleh penyumbang komuniti dari daerah asal seperti Nanyang, Fujian, Guangdong dan Guangxi (Lee, 2011: 4-11).. Ketiga sekolah yang ditubuhkan oleh pihak misionari Kristian seperti *London Misionary Society* yang mengajarkan pengajaran mereka dalam

⁵⁰Polisi pendidikan bebas daripada campur tangan British sama ada dari segi kurikulum dan bantuan kewangan.

⁵¹‘*sishu*’ atau sekolah persendirian iaitu keluarga yang mampu mengupah guru untuk mengajar di rumah.

⁵²Sekolah percuma yang dikelolakan oleh ketua komuniti dengan bantuan dermawan dan ahli perniagaan Cina di Tanah Melayu. Sekolah ini biasanya dibina di kawasan kejiranan yang tanah-tanahnya didermakan oleh masyarakat setempat.

bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Antara sekolah-sekolah perempuan yang terkenal dan mendapat perhatian dan bantuan dana daripada Konsulat China ialah, *Zhong Hua Girls'* dan *Fukien Girls School* di Pulau Pinang dan Singapura, *Nanyang Girls' School* di Singapura, *Perak Girls School* di Perak, serta *Kuan Cheng Girls' High School* di Kuala Lumpur. Penubuhan sekolah-sekolah perempuan ini menunjukkan keprihatinan masyarakat Cina tentang pendidikan perempuan Cina serta sokongan terhadap pemodenan sistem pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu.

Pada tahun 1929, satu persidangan pendidikan iaitu *Nanyang Overseas Chinese Education* telah diadakan di Universiti Chainan di mana 20 orang perwakilan daripada Tanah Melayu telah menyertai persidangan ini. Dalam persidangan tersebut pihak kerajaan China telah bersetuju untuk menyokong penubuhan serta memberi bantuan kewangan kepada sekolah Cina di seberang laut. Ia juga menetapkan perlaksanaan pendidikan Cina berdasarkan tiga prinsip yang diperkenalkan oleh Sun Yat Sen, sebagai instrumen untuk menyemai semangat nasionalis kepada negara asal (Leong, 1976:122). Untuk menjayakan sistem pendidikan ini, agenda pendidikan turut menggalakkan pembebasan wanita. Ia bertujuan untuk mengubah hubungan gender dan menamatkan subordinasi wanita dalam masyarakat China turut diajarkan di sekolah, diulas dalam rencana di akhbar dan majalah serta penulisan sastera. Strategi yang digunakan untuk menjayakan revolusi ialah dengan menjalankan propaganda, revolusi budaya dan kempen secara besar-besaran (Gilmartin,1995: 201). Justeru itu dalam silibus pengajaran sekolah aliran Cina, amat menekankan kepada ‘konsep tanah air’ dan semangat patriotik untuk menambahkan kecintaan kepada negara asal (Yong, 1997).

Bagi menerapkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu, golongan aktivis telah menukuhan kelab

membaca.⁵³ Kelab membaca ini ditubuhkan di Singapura, Johor Bharu, Muar, Ipoh, Mengelembu, Sungkai, Kuala Lumpur, Seremban, Sungei Petani dan beberapa daerah di Selangor. Bahan-bahan daripada kelab membaca ini juga telah digunakan sebagai bahan pengajaran di sekolah-sekolah menengah Cina untuk meningkatkan kesedaran dan semangat nasionalisme dalam kalangan pelajar-pelajar serta komuniti Cina di Tanah Melayu.

Penglibatan pegawai-pegawai pendidikan yang mewakili Tanah Melayu dalam mempromosikan semangat nasionalisme melalui pendidikan dalam tahun 1930-an telah menyebabkan kerajaan British mula memantau sekolah-sekolah aliran Cina. A.B. Jordan⁵⁴ telah membuat laporan tentang beberapa demonstrasi yang dianjurkan oleh golongan nasionalis China untuk melahirkan sokongan anti-Jepun (Leong, 1976:176). Dalam laporan tahunan pendidikan yang menunjukkan peningkatan jumlah guru-guru di sekolah Cina yang direkrut dari China telah dipantau oleh pihak British. Malah, buku-buku teks dan guru-guru daripada China turut dipantau sehingga pada tahun 1928, pihak kerajaan British telah mengharamkan beberapa buku yang mengandungi sentimen dan mesej politik yang dianggap menghina British.

Justeru itu, pihak kerajaan British di Tanah Melayu dengan bantuan W. L. Blythe dan G.Webb yang pernah berkhidmat dengan *Chinese Protectorate Department* menyarankan agar kerajaan harus memulakan latihan untuk membekalkan guru-guru Cina dari Tanah Melayu. Mereka berpendapat sekolah aliran Cina sebelum ini mempunyai hubungan terlalu rapat dengan negara China dan terus memberikan

⁵³Kelab ini mula diperkenalkan oleh pergerakan revolusionari *T'ung Meng Hui*. Idea ini untuk menggalakkan diskusi tentang konfrontasi yang berlaku di China. Kelab membaca pertama yang ditubuhkan ialah *Chinese Philomatic Union* (CPU) di Pulau Pinang. Semua bahan bacaan dan penulisan daripada majalah, akhbar dan pamphlet dipamerkan serta dibahaskan. CPU juga telah menterjemahkan bahan-bahan kelas ini untuk dibawa ke sekolah seperti *Chung Lin High School* (Leong, 1976: 130-131).

⁵⁴Beliau merupakan *Secretary for Chinese Affairs* di Tanah Melayu dan membuat laporan tentang aktiviti-aktiviti demonstrasi dan kempen anti-Jepun yang diadakan oleh persatuan belia dan pelajar-pelajar.

kesetiaan kepada negara asal. Pada tahun 1948, Komiti Penasihat Pendidikan Cina⁵⁵ telah ditubuhkan untuk menapis buku-buku teks dan berusaha untuk mengurangkan pendidikan yang berorientasi negara China. Keperluan untuk menamatkan pengaruh negara asal menyebabkan kerajaan British melantik Komiti Fenn-Wu pada tahun 1950 untuk memberi nafas baru dalam pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu (Tan, 1997:30).

4.4.3 Aktivisme Sosial Pergerakan Wanita

Proses penglibatan wanita Cina dalam aktivisme di Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama bermula pada awal abad ke-19 dengan kesedaran golongan wanita elit dan intelektual daripada golongan komuniti Cina Selat yang menerima pendidikan Inggeris. Tahap kedua, bermula dari tahun 1925 -1940, dan ia merupakan tahap kebangkitan dengan menyaksikan penglibatan wanita daripada pelbagai peringkat terutamanya wanita daripada golongan rakyat biasa dalam aktivisme dan politik. Tahap ketiga, 1941-1957 mengetengahkan penglibatan yang aktif dalam politik nasional Tanah Melayu di mana mereka bersama-sama terlibat dalam pergerakan politik nasional menuntut kemerdekaan daripada penjajah kolonial British.

Pergerakan Wanita Cina daripada Singapura dan Pulau Pinang turut bekerjasama dengan dalam membantu organisasi Poh Leung Kuk yang dikendalikan oleh Jabatan Hal-Ehwal Orang Cina yang tubuhkan oleh British. Poh Leong Kuk bertujuan untuk melindungi wanita dan kanak-kanak daripada penderaan dan pemerdagangan manusia (League of Nations, 1202/1930). Pulau Pinang merupakan antara tempat perlindungan Poh Leung Kuk yang ditubuhkan melalui sumbangan pemodal-pemodal Negeri-negeri Selat dengan sokongan British (Tan G.C., 2013: 17) Selain daripada terlibat dalam pergerakan aktivisme bersifat politik, wanita Cina juga terlibat dalam pertubuhan yang

⁵⁵Komiti ini terdiri daripada guru-guru dan guru besar daripada sekolah aliran Cina yang dilantik untuk membantu kerajaan memantau aktiviti subversif dan buku-buku teks di sekolah Cina.

berkaitan dengan keagamaan seperti rumah biarawati yang bertujuan menjaga kebajikan wanita dan remaja Cina. Rumah biarawati ini berusaha untuk melindungi remaja perempuan yang miskin dan teraniaya. Persatuan Wanita Cina Singapura turut menyediakan latihan kemahiran seperti kelas memasak, menjahit dan menyulam kepada wanita-wanita yang terlibat. Persatuan ini juga menyediakan khidmat kemudahan bersalin secara percuma di hospital wanita. Mereka turut berjuang memberhentikan amalan pelacuran dan menyediakan perkhidmatan pemulihian untuk membantu wanita yang teraniaya.

Pergerakan ini ditubuhkan oleh wanita komuniti Cina Selat Singapura atau *huachiao* yang terdiri daripada golongan intelektual yang berbahasa Inggeris dan berbahasa peranakan Melayu yang menyambung pendidikan mereka di England. Golongan intelektual wanita Cina ini telah terdedah dengan idea feminis dan terlibat secara langsung dengan pergerakan feminis antarabangsa. Kebanyakan wanita ini terdiri daripada golongan profesional seperti peguam, doktor, jururawat dan guru turut terlibat dengan pergerakan seperti YWCA, *Girls Friendly Society* dan *Girl Guilding* (Straton-Brown, September 1955:35). Pada peringkat awal, tujuan organisasi ini ialah untuk menjaga kebajikan wanita dan membantu remaja perempuan Cina yang bermasalah di Negeri-negeri Selat. Pergerakan ini meningkatkan kebajikan wanita termasuk membantu wanita Cina yang buta huruf dengan memberikan kemahiran seperti menjahit, menyulam, memasak dan mengambil berat tentang pendidikan dan latihan vokasional (Fan, 2005).

Pergerakan feminis dalam kalangan masyarakat wanita Cina di Tanah Melayu bermula di Negeri-negeri Selat seperti Singapura dan Pulau Pinang. Kebanyakan golongan intelektual wanita ini menerima pendidikan Inggeris dan melanjutkan pelajaran ke England. Mereka menerima idea daripada pergerakan feminis Barat

apabila mereka menubuhkan sekolah wanita Cina dan menubuhkan organisasi untuk membantu orang-orang miskin di Singapura. Golongan intelektual elit ini telah membentuk Persatuan Wanita Cina yang pertama di Singapura pada tahun 1917. Mereka turut menganggotai *Girls Friendly Society* dan YWCA yang bertujuan meningkatkan kebajikan wanita, menyediakan peluang serta terlibat dalam aktiviti sosial untuk membantu wanita yang miskin (Straton-Brown, September, 1935:37). Kebanyakan anggota persatuan ini fasih berbahasa Inggeris dan Melayu serta giat membentuk organisasi yang mengambil berat tentang isu pendidikan dan latihan vokasional.

Manakala kesedaran politik dalam kalangan wanita Cina yang dibangkitkan oleh golongan intelektual dan golongan kelas pekerja telah dipengaruhi oleh organisasi yang ditubuhkan oleh komuniti agama dan pelajar, pengaruh akhbar dan pendidikan aliran Mandarin yang berkiblat kepada negara China. Ia menjadi asas permulaan untuk mengubah kedudukan wanita Cina di Tanah Melayu, sekaligus membangkitkan kesedaran politik awal di kalangan wanita Cina (Yong, 1997). Pergerakan awal wanita Cina bermula melalui pergerakan kesenian dan kebudayaan. Kegiatan mereka disokong kaum intelektual lelaki yang memainkan peranan lebih besar dalam mempromosikan pembebasan wanita. Semangat kebangsaan wanita Cina terserlah semasa menyertai pergerakan anti-Jepun di Tanah Melayu. Golongan pekerja wanita dan intelektual wanita Cina telah bersatu dan melaungkan slogan ‘kekuatan atau kejatuhan negara turut melibatkan wanita’. Mereka telah turun berkempen dan memberikan penerangan kepada suri rumah, pelajar dan masyarakat umum tentang penderitaan dan bahaya musuh, justeru itu semua wanita harus bersama menyertai pergerakan (Fan, 2005: 253-272).

Wanita Cina termasuk golongan intelektual wanita giat menyertai pergerakan tersebut untuk menyampaikan sokongan kepada saudara-mara mereka yang menderita

akibat pencerobohan Jepun di China. Mereka telah melaungkan slogan ‘kekuatan atau jatuhnya negara melibatkan setiap wanita’, malah golongan intelektual wanita Cina telah keluar memberi penerangan kepada suri rumah tentang penderitaan dan bahaya yang dialami oleh negara China itu. Justeru adalah menjadi tanggungjawab mereka menggerakkan dan memberi bantuan kepada saudara mereka di China. Pada ketika ini aktivis-aktivis politik dan pemimpin pelajar turut menggalakkan wanita Cina untuk menyertai pergerakan mereka(Fan, 2005:264-272).

Pergerakan wanita Cina turut aktif dalam persesembahan kesenian dan budaya yang memberi latihan tarian, lakonan, muzik dan opera. Setelah pencerobohan Jepun di China pada tahun 1937, pihak Parti Komunis Malaya (PKM) telah menubuhkan Persatuan Membantu Tiongkok Melawan Musuh. Pergerakan ini telah menarik perhatian sekolah-sekolah Cina di seluruh Tanah Melayu, seperti *Nan Hwa High School* di Ipoh, Perak. Gerakan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan guru-guru sekolah untuk terlibat dalam pergerakan anti-Jepun. Kumpulan ini sering mengadakan mesyuarat untuk mempertemukan dan menyatukan pelajar bagi menjayakan agenda perjuangan mereka. Gerakan ini akhirnya berkembang dan memberikan pengaruh yang besar dalam kesedaran politik kepada pelajar-pelajar Cina di Tanah Melayu (Suriani Abdullah, 2006:4-7).

Persatuan pelajar yang terdiri daripada anggota lelaki dan perempuan telah menubuhkan Persatuan Pelajar Membantu Tiongkok Melawan Musuh dengan membentuk kumpulan membaca dan membentuk jawatankuasa bagi menggalakkan para pelajar membaca dan memberikan pendapat serta laporan daripada hasil pembacaan mereka. Kumpulan ini akan mengadakan perjumpaan di Bilik Membaca untuk berkongsi dan menyampaikan pendapat mereka. Selain itu, pelajar-pelajar telah

mendirikan pasukan propaganda seperti kumpulan nyanyian, tarian dan lakonan (Suriani Abdullah, 2006:4-7).

Eng Ming Ching⁵⁶ (Suriani Abdullah, 2006:6-7) merupakan salah seorang ahli jawatankuasa pergerakan pelajar tersebut menjelaskan beliau dan kumpulannya telah mengadakan gerakan propaganda mengelilingi seluruh Setiawan selama sebulan untuk mengadakan persempahan dan ucapan mendedahkan kekejaman Jepun, Itali dan Jerman. Gerakan ini mendapat sambutan ramai malah semasa rapat umum diadakan orang ramai telah memberikan derma dan menyatakan sokongan mereka. Gerakan ini membangkitkan semangat kaum Cina menentang pencerobohan tersebut. Pihak penjajah juga terkejut kerana aktiviti pelajar ini sehingga memberi kesan serius kepada ekonomi kerajaan British di Tanah Melayu (Suriani Abdullah, 2006:6-7).

Kemasukan pengaruh ini dibawa persatuan pelajar yang bergiat aktif dalam Parti Komunis Cina. Chen Xia atau nama sebenarnya Chen Jinxiang pernah menerima pendidikan di Institut Perguruan di Jimei sebelum melanjutkan pelajarannya ke Shanghai. Pada tahun 1937, semasa Jepun menceroboh China beliau telah melarikan diri ke Ipoh dan bergiat cergas dalam menggerakkan ideologi komunis di Perak. Semasa di Ipoh, Chen Xia telah menyelenggarakan satu sekolah malam untuk mendidik anak miskin dan anak pekerja buruh di Ipoh. Antara pelajar yang berjaya dilatih beliau ialah Lee Meng, seorang pekerja buruh kilang rokok yang menjadi aktivis Parti Komunis Malaya. Lee Meng telah dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1955 kerana dituduh membawa bahan letupan atau grenade (Temubual Afandi⁵⁷, 9 Mei 2013, CO 1055/145, *External Aid for Malayan Communist*).

⁵⁶Beliau juga dikenali sebagai Suriani Abdullah setelah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan anggota Regimen 10, Abdullah C.D.

⁵⁷ Afandi (nama samaran) merupakan bekas anggota PKM yang pakar dalam perhubungan wireless.

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Chen Xia merupakan pemimpin wanita yang membentuk organisasi rakyat Cina seperti Liga anti-Jepun dan membentuk kawalan di kampung-kampung nelayan di sekitar Hutan Melintang dan Bagan Datok (Temubual Afandi, 9 Mei 2013). Beliau bergerak aktif sehingga Jepun menyerah kalah, pihak PKM telah melantik Chen Xia untuk menghadiri Persidangan Jawatankuasa Daerah Selatan Perak, untuk membentuk kawalan keselamatan untuk masyarakat. Beliau turut mengatur organisasi buruh dan persatuan wanita kerana beliau merupakan antara pemimpin buruh wanita di Perak. Beliau bagaimanapun telah ditangkap pada April, 1950 oleh pihak British kerana penglibatan aktif beliau dalam PKM. Pihak British akhirnya telah menangkap dan menghantar beliau pulang ke China pada tahun 1956 (Temubual Affandi, 9 Mei 2013).

Setelah berlaku perpecahan dalam parti Kuomintang Malaya dan ahli parti sayap kiri Kuomintang telah berpihak kepada Parti Komunis Malaya (PKM). Melalui penubuhan PKM meneruskan agenda utama ialah menyemai kesedaran emansipasi wanita dalam kalangan masyarakat Cina yang masih terikat kuat dengan tradisi feudal yang menindas wanita Cina. Bagi menjayakan agenda mereka, ahli-ahli PKM telah beroperasi melalui sekolah malam, pergerakan pelajar dan pergerakan buruh untuk mengembangkan agenda parti di Tanah Melayu. Kesedaran pekerja wanita Cina untuk mempertahankan hak mereka sebagai pekerja amat terserlah berbanding dengan pekerja bangsa lain. Kebanyakan buruh wanita ini mendapat pencerahan dan pendidikan melalui sekolah-sekolah malam.

Manakala di Singapura, ‘Bilik Kuli’ merupakan tempat mereka berorganisasi dan memberi sokongan padu kepada gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu. Selain itu, pekerja wanita turut menganggotai kumpulan kesatuan yang dianggotai oleh pekerja lelaki dan wanita seperti kesatuan peniaga, perkhidmatan dan sebagainya (Fan,

2005:237-253). Penyebaran ideologi komunis telah didedahkan kepada golongan pekerja wanita. Ideologi sosialisme telah diajarkan di sekolah malam bagi menyedarkan kaum wanita untuk menentang ketidakadilan dan diskriminasi majikan terhadap pekerja imigran Cina di Tanah Melayu.

Pergerakan anti-Jepun yang dibentuk di Tanah Melayu juga telah menyediakan peluang untuk wanita Cina menyertai aktivisme secara besar-besaran. Mereka bukan sahaja memainkan peranan positif dalam pergerakan anti-Jepun tetapi telah membawa perubahan dalam ideologi gender dalam masyarakat Cina yang selama ini mementingkan lelaki. Penglibatan mereka dalam aktivisme dan kesedaran politik telah meningkatkan status wanita Cina di Tanah Melayu. Malah, wanita Cina telah memainkan peranan penting memicu kesedaran politik nasional kepada akar umbi kaum tersebut. Perjuangan politik ini diteruskan sehingga menggugat pemerintahan British di Tanah Melayu.

Selain dari organisasi anti pendudukan Jepun di Tanah Melayu, terdapat beberapa organisasi wanita ditubuhkan untuk menyokong pentadbiran tentera Jepun. Walau pun kebanyakan organisasi dan persatuan wanita terhenti kerana penduduk Tanah Melayu sentiasa dalam keadaan genting akibat perang. Bagaimana pun, pentadbiran kerajaan Jepun telah memberi kebenaran kepada persatuan-persatuan wanita Cina yang dikenali sebagai *Epposho* dan *Hodosho* untuk organisasi wanita bangsa lain. Penubuhan kelab ini adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi pemodal yang menyokong pemerintah Jepun. Organisasi ini juga digunakan bagi membuktikan bahawa terdapat organisasi wanita Cina, Melayu dan India yang memberi sokongan padu kepada pentadbiran Jepun di Tanah Melayu (Makmor Tumin, 2006: 8-11). Menurut Nurul Kamar (temubual, 22 Oktober 2009), walaupun keadaan tegang, pentadbiran Jepun sempat menggiatkan aktiviti di sekolah tetapi menggunakan silibus

yang menekankan bahasa Jepun. Selain itu, sekolah ini turut menyediakan silibus yang menyentuh kemahiran seperti memasak, menjahit dan penjagaan kanak-kanak. Mulai sahaja pendudukan Jepun pada awal tahun 1943, beberapa buah sekolah telah diaktifkan semula di mana murid-murid perempuan dan lelaki dicampurkan dalam kelas yang sama. Sekolah ini juga menggabungkan etnik-etnik yang seperti Cina, India dan Melayu. Sekolah ini mengajarkan lagu-lagu kebangsaan Jepun (temubual Nurul Kamar Yassin, 22 Oktober, 2009; Manderson, 1980:52).

Menurut Nurul Kamar, antara faktor utama pentadbiran Jepun di Tanah Melayu menggalakkan wanita-wanita terlibat dalam aktiviti di luar rumah ialah kebanyakan lelaki yang aktif berpolitik sebelum ini ramai telah ditangkap dan disoal-siasat oleh tentera Jepun. Ia juga menunjukkan pentadbiran Jepun memberi kepercayaan kepada wanita untuk memainkan peranan sebagai pemimpin dan mengambil-alih peranan yang dimainkan oleh lelaki sebelum ini. Pentadbiran Jepun di bawah pimpinan Sukegawa Seiji (Akashi, 1969:106-107) telah menggalakkan wanita Melayu di Kedah keluar daripada *status quo* yang menganggap mereka sebagai harta dan baraangan kepada lelaki. Bagi menggalakkan wanita Melayu bergiat dalam organisasi, pihak pentadbiran Jepun menyokong penubuhan Kor Perkhidmatan Sukarela Wanita Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1944. Organisasi ini merupakan antara organisasi sosial yang memberikan khidmat percuma untuk meningkat taraf ekonomi penduduk di samping sebagai manifesto untuk menunjukkan sokongan politik terhadap pentadbiran Jepun di Tanah Melayu (Makmor Tumin, 2006: 9).

Pada masa yang sama, pentadbiran Jepun menggalakkan wanita aktif dalam organisasi sukarela, terlibat dalam aktiviti ekonomi, malah menggalakkan mereka dalam terlibat dalam bidang politik. Antara perkembangan yang paling signifikan ialah apabila *Malayan Reconstruction Co-operative Association* (MRCA) ditubuhkan menggalakkan

partisipasi wanita dalam politik. Persatuan-persatuan wanita seperti YWCA, *Malay Ladies Associations* (MLA), *Malay Women Teachers's Union* (MWTU) dan *Malay Women's Training College* (MWTC) masih meneruskan aktiviti-aktiviti kebajikan persahabatan antara ahli kesatuan (Halinah, 1975). Dalam tesis sarjana beliau, Halinah Bamadhaj (1975) menjelaskan pergerakan-pergerakan wanita yang dianggotai oleh wanita daripada kelas elit di Tanah Melayu masih meneruskan aktiviti mereka dengan mendapat sokongan kewangan daripada pentadbiran Jepun. Beberapa aktiviti yang penting ialah, menubuhkan sub-organisasi untuk menaruk wanita-wanita menjadi ahli dan terlibat dalam semua acara termasuk menyertai perarakan untuk menyokong Jepun. Mereka turut mengadakan ceramah-ceramah politik untuk membangkitkan kesedaran antiimperialisme Barat dan menyokong gagasan Asia Raya dan Asia untuk Asia yang dipimpin oleh negara Jepun (temubual Nurul Kamar Yassin, 22 Oktober, 2009; Makmor Tumin, 2006 :9).

Selepas Perang Dunia Kedua, beberapa pergerakan wanita yang penting dalam menjaga kebajikan sosial wanita Cina ialah *Women's Union*, Persatuan Wanita Pulau Pinang, *Selangor Women's Relief Association* dan *Chinese Women's League*. *Women's Union* telah diasaskan pada tahun 1945, di Johor Bharu dan terbuka kepada semua kaum untuk menganggotainya. Pergerakan ini prihatin dengan permasalahan dan nasib wanita selepas perang. Justeru itu, pergerakan ini menyediakan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh kaum wanita ketika itu, seperti membantu mangsa pelacuran dan memperkasakan mangsa pelacuran semasa perang (Manderson, 1980:53-55). Penubuhan Persatuan Wanita Pulau Pinang pada tahun 1946, menumpukan matlamat mereka dalam meningkatkan kebajikan sosial dan meningkatkan pendidikan untuk wanita. Pergerakan ini mendapat sambutan daripada wanita-wanita yang menerima pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu. Pada ketika ini juga sebuah organisasi wanita, iaitu *Selangor Ladies' Association* telah dilancarkan bagi memberi tekanan kepada

kerajaan British untuk melantik wakil wanita dalam Majlis Penasihat Negeri (Manderson, 1980:54). Pergerakan *Chinese Women's League* yang ditubuhkan di beberapa buah negeri oleh intelektual wanita Cina bagi tujuan mempromosikan keamanan, pendidikan kebudayaan dan menjaga kebajikan wanita.

Manakala kebangkitan golongan buruh wanita berlaku seiring dengan keadaan ekonomi yang meningkat naik dan permintaan kepada buruh semakin mendesak selepas Perang Dunia Kedua. Tuntutan mereka selalunya berkait dengan keselamatan di tempat kerja, layanan adil di antara pekerja wanita dan lelaki, kerana pihak majikan tidak meletakkan pekerja wanita di bawah undang-undang buruh yang menyebabkan pekerja wanita sering tertindas dan kebajikan mereka terabai. Kesedaran ini juga berkait rapat dengan suara pembebasan wanita negeri China yang turut mempengaruhi wanita Cina di Tanah Melayu. Pergerakan wanita Cina di Tanah Melayu telah bergerak untuk memperkuatkan pergerakan politik kelas pekerja dengan menggunakan slogan '*kekuatan atau jatuhnya negara melibatkan setiap wanita*' (Fan, 2005: 253-272).

4.4.4 Jurnalisme dan Penulisan dalam Akhbar Cina

Akhbar-akhbar berbahasa Cina di Tanah Melayu tidak dapat dinafikan memainkan peranan penting dalam menaikkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Cina. Selain pendidikan, propaganda dan kempen pemodenan telah diserapkan melalui akhbar serta majalah yang diterbitkan dalam bahasa Cina dan Inggeris seperti *Thien Nan Shin Pau* dan *Straits Chinese Magazine*⁵⁸ untuk menyebarkan idea perubahan kepada masyarakat Cina di seberang laut (Png, 1961). Kandungan utama akhbar ini ialah menyuntik semangat nasionalisme, berjiwa patriotik dan menumpukan kepada isu-isu kelas dan hak-hak asasi manusia. Fokus rencana dan perbincangan dalam akhbar-akhbar berbahasa Cina ialah ‘sistem kelas yang

⁵⁸Majalah ini ditaja oleh *Chinese Philanthropic Society*.

memusnahkan masyarakat’, ‘ruang kebebasan’, ‘ketidaksamaan’ dan ‘intelektual dan revolusi’ (Fatt, 1997: 23-50). Antara akhbar-akhbar berbahasa Cina di Tanah Melayu ialah *Yik Khuan Poh* yang bermaksud Akhbar untuk Kepentingan Rakyat, telah diterbitkan pada 1919 di Kuala Lumpur, *Nanyang Shih Pao* (1920) dan *Kwong Wah* (1910) diterbitkan di Pulau Pinang. Akhbar ini menjadi agen kepada pergerakan revolucionari dan emansipasi wanita di Tanah Melayu (Leong, 1976:103).

Aktivisme dalam kalangan wanita Cina juga banyak disebarluaskan melalui akhbar dan penerbitan-penerbitan berbahasa Mandarin di Tanah Melayu. Pertambahan akhbar-akhbar ini berkaitan dengan kemasukan pelarian politik yang kebanyakannya bekerja sebagai guru dan editor akhbar. Akhbar seperti *Yik Khuan Poh*, *Nanyang Critique* dan *Kuo Min Yit Poh*, telah memuatkan tulisan-tulisan kritikal bertajuk seperti, ‘sistem kelas yang memusnahkan masyarakat’, ‘ruang kebebasan’, ‘kesaksamaan’ serta ‘intelektual dan revolusi’ (Yong, 1997). Golongan intelektual Cina dan pejuang Kuomintang Malaya yang terdiri daripada golongan berpengaruh seperti Tan Kah Kee telah berjuang meneruskan pendidikan tentang politik negara asal bagi meningkatkan semangat patriotik kaum Cina.

Jadual 4.3

Akhbar-akhbar berbahasa Cina di Tanah Melayu
(1919-1937)

Nama Akhbar	Tahun Penerbitan	Tempat diterbitkan
<i>Yik Khuan Poh</i>		
1. (<i>Yi-chun pao</i>)	1919	K. Lumpur
2. <i>Nan-yang shih-pao</i>	1920	Penang
3. <i>Hua-ch'ioa jih-pao</i>	1920	Penang
<i>Nan Yng Siang Pau</i>		
1. (<i>Nan-yang shang-pao</i>)	1923	Singapore
2. <i>Chug-hua shang-pao</i>	1925	K. Lumpur
<i>Sin Chew Jit Poh</i>		
1. (<i>Hsing-chou jin pao</i>)	1929	Singapore
2. <i>Chung-nan che'en pao</i>		
3. <i>Lei-pao</i>	1930	Penang
4. <i>Pi-li jih-pao</i>		
5. <i>Min-kuo jih-pao</i>		
6. <i>Tien-hsun hsin-wea</i>	1930	Ipoh
7. <i>Chung-hua ch'en-pao</i>	1930	Ipoh
	1930	Singapore
	1931	Penang
	1934	Ipoh
<i>Sin Chung Jit Poh</i>		
1. <i>Hsing-chung jih-pao</i>	1935	Singapore
2. <i>Hsien-tai jih-pao</i>		
3. <i>Ma-hua jih pao</i>	1936	Penang
	1937	K. Lumpur

Sumber: Leong, 1976:104

Jadual 4.3 di atas, menunjukkan beberapa akhbar Cina yang diterbitkan di Tanah Melayu. Penulisan akhbar-akhbar ini juga banyak memperkenalkan idea-idea revolusi politik, demokrasi, komunisme, pembebasan wanita dan kesedaran kelas kepada komuniti *huachiao* di Tanah Melayu (Leong, 2011:83-85). Walaupun kebanyakan isu contohnya akhbar *Sin Kok Min Pao*, yang beroperasi di Singapura menulis isu-isu yang berorientasikan China, namun ketua editornya Zheng Shunan menolak pendirian pihak konservatif yang menegaskan bahawa kaum wanita tidak boleh diberi kebebasan kerana terdedah kepada penipuan lelaki. Beliau menegaskan pembebasan wanita diperlukan untuk menjayakan agenda demokrasi dan revolusi sosial. Dalam akhbar ini menerusi seksyen halaman sastera banyak mengetengahkan isu-isu memperjuangkan pembebasan wanita, persamaan gender dan kebebasan dalam memilih pasangan (Leong, 2011:86).

Walaupun penulisan sastera dimonopoli oleh lelaki namun telah muncul beberapa orang penulis wanita Cina yang aktif penulisan kreatif. Salah seorang penulis wanita Cina yang dikenali dengan nama *Madam L.S.* pernah menyumbang tulisan beliau dalam ruangan akhbar *Huang Dao, Deserted Island* antara tahun 1927-1929. Penulisan beliau menyentuh tentang status sosial wanita dan menegaskan disebabkan sistem patriarki yang cenderung kepada lelaki menyebabkan wanita terlalu bergantung kepada lelaki. Malah, pendidikan yang diterima wanita tidak dapat membantu wanita memilih hidup mereka sendiri. Penulisan ini disebabkan pengalaman hidup beliau yang terpaksa hidup dalam penindasan keluarga mertua (Wang, 1982:209).

Selain daripada itu, wanita yang menerima ideologi komunis dan menyokong pembebasan wanita dan hak-hak asasi wanita turut menggunakan penulisan sajak dan rencana khas tentang wanita sebagai sebahagian daripada kempen mereka. Eng Ming Ching, seorang aktivis pelajar yang bergiat cergas dalam PKM telah menerbitkan *Majalah Wanita* untuk memberi pendidikan dan menyampaikan kempen serta

propaganda kepada golongan buruh wanita (Suriani Abdullah, 2006: 12). Sebuah artikel yang diterbitkan dalam *Lenin News* bertarikh September 1952, menjelaskan bahawa peranan wanita penting dalam menggerakkan *Min Yuen*⁵⁹. Terdapat puisi yang dinyanyikan oleh wanita Hakka sebagai menandakan sokongan kepada pembebasan wanita dan mengkritik sistem feudal. Dalam bait puisi tersebut menyatakan kesengsaraan wanita dalam memperjuangkan hak mereka. Antara rangkap lagu tersebut berbunyi seperti berikut:

The sound of the singing of folk song is loud
we ask our sisters to listen to it carefully
Malaya is colony
the social system is dark and unenlightened
the shackles of feudalism are round your necks
in marriage, they are sold
when we talk about our position as women we are sad
they have no standing in the social system
their rights are not as good as those of sheep
people treat them as dolls to be played with
when mention is made of the red-haired people we are sad
many sisters suffer misfortunes
they undergo bitter suffering and suffer insults
there are many cases of rape
when they go in or out they are searched from head to foot
strive for the glory of womenhood
construct a democratic social order
become people with rights and privileges
have a say in the country's politic
equality of men and women exist forever
(Leong, 2011:97-98).

Sekitar tahun 1922-1923 pengarang akhbar ini juga mengkritik dan membuat liputan tentang masyarakat Cina di Tanah Melayu dan isu sosial seperti *mui-tsai*,⁶⁰ *pipa tsai*⁶¹ *san po tsai*⁶² pelacuran dan penindasan terhadap pekerja, termasuk buruh wanita di

⁵⁹Min Yuen merupakan bentuk sokongan rakyat yang diberikan kepada pergerakan komunis. Di Tanah Melayu pergerakan komunis telah membentuk gerakan rakyat untuk menyokong pergerakan mereka.

⁶⁰*Mui tsai* merupakan bentuk perhambaan kanak-kanak perempuan di mana kanak-kanak daripada keluarga miskin dijual kepada keluarga yang kaya untuk dijadikan anak angkat. Ramai kanak-kanak ini terjebak dalam pelacuran dan hiburan serta dilayan secara buruk. Penjualan terus *mui-tsai* berakar umbi dalam masyarakat sehingga tahun 1950 dengan pengenalan undang-undang perkahwinan di China.

⁶¹perhambaan kanak-kanak perempuan untuk dijadikan pembantu pelayan dan gadis penghibur di pusat-pusat hiburan.

sektor perladangan, industri dan perlombongan. Pemilik dan penjaga *mui-tsai* disarankan agar membebaskan anak perempuan yang dijadikan *mui-tsai* kerana melanggar hak kemanusiaan dan golongan intelektual ini menyokong pembebasan *mui-tsai*. Akhbar-akhbar seperti *Sin Chung Jit Poh* dan *Yik Khuan Poh* menyokong pembebasan wanita dan isu ini sentiasa ditulis untuk melaporkan tentang pemerdagangan wanita dan peningkatan statistik pelacuran wanita Cina. Sindiket pelacuran ini dikawal oleh kumpulan kongsi gelap milik Kantonis, Hokkien dan Taochiu (*Report on the Problem of Prostitution in Singapore*, Mei 1941; Tan, 2013:11).

Seorang penulis wanita, Bing Qian dari akhbar *Kwang Jit Poh* (Tan, 2013:59) dalam artikel beliau bertajuk ‘*Pandangan saya terhadap penghapusan kegiatan pelacuran*’ mengaitkan perkembangan feminism dalam kalangan wanita Cina di Tanah Melayu ekoran Pergerakan 4 Mei di China. Beliau menegaskan peningkatan aktiviti pelacuran disebabkan oleh ketidakadilan sosial dan kemiskinan masyarakat. Golongan pelacur menerima layanan paling buruk berbanding wanita lain. Beliau menyarankan agar pekerja seks ini dibebaskan dari cengkaman kejahatan manusia yang berkuasa ke atas mereka. Hal ini berlaku kerana pekerja seks ini tidak ada hak ke atas diri mereka malah hak asasi mereka telah dirampas oleh pemilik rumah pelaburan. Hak kebebasan mereka pula ditentukan oleh status sosial yang dibekukan, sedangkan mereka memerlukan pendapatan untuk meneruskan kehidupan. Beliau menyokong pembebasan ke atas pekerja-pekerja seks ini dan mengembalikan hak asasi mereka. Apabila aktiviti pelacuran dihapuskan ia juga mengurangkan mudarat kepada ekonomi, sosial dan moral. Seorang lagi penulis, Ke Qian menulis artikel dalam *Kwang Jit Poh* bertajuk ‘*Zhangguo Furu*’ atau *Wanita Cina*, menyentuh tentang aktiviti pelacuran dalam kalangan wanita Cina yang telah menghalang kesedaran emansipasi wanita. Menurut

⁶²Merupakan satu bentuk penindasan ke atas gadis-gadis muda. Sebelum berkahwin mereka telah dihantar ke rumah mertua untuk berkhidmat. Anak gadis yang berasal dari kampung dan miskin diserahkan kepada keluarga kaya di bandar-bandar.

beliau pelacuran meningkat disebabkan oleh kesan daripada penindasan golongan kapitalis, wanita tidak berhak menentukan hidup mereka dan tidak berpeluang menentukan kerjaya mereka (Tan, 2013:60).

Laporan daripada *Sin Chung Jit Poh* juga 19 September 1935, mendedahkan tekanan hidup yang dialami oleh wanita Cina yang diseludup dan dijual ke Tanah Melayu disebabkan oleh tekanan hidup keluarga. Kebanyakan wanita ini melacur kerana ditipu, dijual dan dipaksa. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa seramai 17 orang wanita daripada wilayah Kwangtung berumur antara 16 hingga 22 tahun daripada Sun Teik dan Er Sui sedang menunggu untuk dijual di Tanah Melayu kerana muflis. Harga setiap gadis tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu baik (\$50), sederhana (\$30) dan memuaskan (\$20). Sistem sosial di China yang mengetepikan anak-anak perempuan dianggap meningkatkan anak-anak perempuan menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Disebabkan kemiskinan, ada ahli keluarga yang sanggup menjual anak perempuan untuk dijadikan gundik, *mui tsai* dan *san po tsai*. Tujuan sebenar mereka menjual anak-anak perempuan kerana mahukan kesenangan dan menganggap anak-anak perempuan tidak bernilai setelah mereka berkahwin (Tan, 2013:11).

Pendedahan akhbar ini telah menyarankan agar kerajaan memberi perhatian kepada isu *mui-tsai* yang dianggap sebagai suatu bentuk penindasan terhadap wanita yang menggalakkan perhambaan kanak-kanak perempuan. Mereka menyarankan agar poligami dimansuhkan dan aktiviti *mui-tsai* dan pelacuran diharamkan. Kerajaan British juga mengumumkan pelaksanaan Enakmen Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak pada tahun 1931 dan meluluskan penambahan penubuhan pusat perlindungan untuk wanita Cina iaitu *Po Leung Kuk*. *Po Leung Kuk* bertujuan menyelamatkan wanita dan kanak-kanak perempuan yang menjadi mangsa pemerdagangan wanita di Tanah Melayu

(Sel:G 1904/31, *Replies to Questionnaire of the League of Nations Commission of Enquiry into Traffic in Women and Children in the East*; Lim, 1980:102). Salah satu kaedah untuk mengurangkan pemerdagangan manusia ialah kerajaan British bertindak untuk membatalkan lesen-lesen rumah pelacuran dan mengharamkan minuman keras di rumah-rumah pelacuran.

Masalah pelacuran dan pemerdagangan manusia mula mendapat perhatian dalam laporan-laporan akhbar termasuk akhbar berbahasa Cina di Tanah Melayu dan isu ini juga berkaitan dengan idea pembebasan wanita daripada kemiskinan dan penindasan. Penulisan rencana di akhbar-akhbar jelas mengutuk keras dan mengkritik sistem sosial yang menekankan kepatuhan dan pengorbanan kepada keluarga menyebabkan ramai wanita Cina terjerumus ke lembah pelacuran.

4.4. 5 Isu Wanita Cina dalam Pekerjaan

Peningkatan kemasukan imigran wanita Cina merupakan satu titik perubahan penting kepada mereka, jika sebelumnya wanita tidak dibenarkan keluar dari negara kerana polisi China yang tidak membenarkan mereka meninggalkan keluarga. Kemasukan imigran wanita ini penting kepada masyarakat *huachiao* di Tanah Melayu kerana kemasukan mereka telah memberi kestabilan ratio wanita dan lelaki Cina di Tanah Melayu, dapat mengekalkan identiti kaum dan budaya masyarakat Cina.

Pada tahun 1930-1933, krisis ekonomi dunia telah menyebabkan kemelesetan ekonomi Tanah Melayu, sekaligus telah mempengaruhi kehidupan dan corak aktiviti ekonomi kaum Cina. Kemelesetan ekonomi menyebabkan banyak perniagaan gagal dan terpaksa tutup. Peningkatan pengangguran telah menyebabkan wanita terpaksa bekerja untuk menampung keluarga. Ramai daripada imigran wanita terpaksa bekerja walaupun mendapat upah yang rendah berbanding dengan lelaki untuk menampung keluarga. Penglibatan wanita Cina dalam bidang pekerjaan dapat dibahagikan kepada tiga

kategori iaitu, wanita yang bergantung kepada tahap pendidikan, sijil dan kemahiran dalam bidang masing-masing. Bagi wanita yang mempunyai pendidikan yang diiktiraf, mereka menceburi bidang profesional seperti guru, peguam, doktor, jururawat atau jurnalist. Kedua, kaum wanita yang bergantung kepada keperluan dan tenaga fizikal seperti pembantu, buruh, perkilangan, pelombong timah, pekerja binaan dan berkerja buruh perladangan. Ketiga, mereka yang terlibat dalam sektor perkhidmatan dan hiburan seperti menjadi penghibur, pelayan atau pekerja seks (Fan, 2005: 25).

Jika dibandingkan dengan penglibatan Melayu dalam pekerjaan, wanita Cina lebih terbuka dan paling ramai memasuki pekerjaan profesional dan teknikal. Profesional sebagai guru merupakan karier yang paling tinggi bilangannya. Selain itu ramai wanita-wanita Cina berkecimpung dalam dunia perawatan, bidan, menjadi setiausaha, kerani dan berniaga makanan. Selain itu terdapat juga wanita-wanita daripada keluarga elit yang menjawat jawatan profesional di Tanah Melayu seperti menjadi doktor dan peguam (Straton-Brown, September 1935). Beberapa tokoh wanita Cina yang berjaya ialah Seow Peck Leng yang menjadi pengasas Persatuan Wanita Singapura. Beliau mendapat pendidikan di sekolah Inggeris dan pernah mengajar di Sekolah Inggeris Telok Kurau serta menjadi guru besar Sekolah Cantonment. Selain itu, beliau merupakan setiausaha dan naib presiden wanita pertama Kesatuan Guru-Guru Singapura. Seorang pemimpin wanita Cina, Lui How Kwan yang berasal dari Kuala Lumpur. Ketika kecil beliau telah membantu ibunya yang bekerja sebagai pembantu rumah. Ibunya amat menekankan pendidikan beliau sehingga mengambil seorang tutor untuk mengajar beliau secara persendirian walaupun terpaksa hidup susah. Beliau akhirnya lulus *peperiksaan Senior Cambridge* pada tahun 1936 dan ditawarkan kerja sebagai jururawat di Hospital Kuantan dan Ipoh. Semasa pendudukan Jepun beliau bekerja di *Perak Chinese Maternity Hospital*, beliau banyak menolong penduduk setempat yang miskin dan tidak mempunyai makanan yang berzat. Beliau juga

mencurahkan bakti kepada hospital tempat beliau bekerja termasuk melatih pembantu perbidanan (Ho, 2015: 172-174).

4.5 Imigran Wanita India

Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu, melalui proses dan konteks yang sama seperti kedatangan kaum Cina di mana pada tahap pertama melalui hubungan kerajaan dan perdagangan yang aktif. Kemasukan fasa kedua imigran daripada India bermula lewat abad ke-18 sehingga berkembang pesat dalam abad ke-20 akibat permintaan buruh yang tinggi. Pada fasa kedua ini, kemasukan imigran wanita India pada mulanya kecil kerana mengikut tradisi wanita tidak seharusnya keluar meninggalkan rumah atau keluarga.

Namun begitu, terdapat juga wanita yang direkrut ke dalam sistem *Kangani*⁶³ ke Tanah Melayu bersama suami atau ahli keluarga yang lain (Dancz, 1987:58). Sistem *kangani* ini walaupun dibawah penyeliaan dan sokongan kerajaan India, di mana pekerja akan dihantar sebagai buruh kontrak ke Tanah Melayu. Namun begitu, situasi buruh-buruh terutama buruh wanita dan buruh kanak-kanak dieksloitasi dan dibayar gaji yang kecil sehingga tidak mampu untuk menampung kos hidup di Tanah Melayu. Malah menyebabkan mereka masih terikat dengan kontrak yang ditandatangani dengan majikan mereka (Arasaratnam, 1970:14; Parameswari a/p Krishnan, 2014).

Peningkatan isu sosial telah menyebabkan pihak kerajaan British meminda undang-undang bagi memperbaiki keadaan kaum buruh India di Tanah Melayu. Pihak Jabatan Buruh melaksanakan *Malayan Labour Ordinance, 1923* yang mewajibkan majikan membayar elaun tambahan kepada buruh yang telah berkahwin, memberi

⁶³Satu sistem yang ditubuhkan oleh *Indian Immigration Committee* yang terdiri kerajaan British dan pemilik estet bertujuan merekrut buruh dari India Selatan. Ketua pekerja (mandor) atau pekerja yang senior diberikan lesen dan pinjaman wang untuk pulang bagi merekrut buruh dari kampung dan terdiri daripada sanak saudara mereka. Buruh-buruh ini akan dihantar ke depot di Madras atau Negapatam dan akan disaring oleh pihak kangani yang telah dilantik (J.E. Nathan, *The Census of British Malaya, 1921*:58). Selain daripada estet atau sector pertanian lain, buruh-buruh ini juga digunakan untuk sektor pembinaan bangunan awam, jalan raya serta landasan keretapi (Dass, 1991:14-15). Kedatangan mereka bersifat sementara dan hanya tertumpu untuk mencari rezeki.

kemudahan cuti bersalin, menyediakan pusat jagaan anak-anak dan menyediakan sekolah sekiranya terdapat tidak kurang daripada 10 orang kanak-kanak (*Special Report Education in Malaya, 1948:13*). Sekolah-sekolah ini selalu berdepan masalah apabila guru-guru sekolah juga dibayar gaji yang rendah. Selain itu, perbezaan bahasa antara bahasa Tamil dan Telugu sering menyebabkan guru-guru ini terpaksa mengajar dalam kedua-dua bahasa bagi berinteraksi dengan pelajar dan ibubapa.

4.5.1 Pendidikan Wanita India

Walaupun terdapat pergerakan atau kesatuan ditubuhkan namun, terdapat kesukaran kerana perbezaan identiti, kelas, kasta, etnik dan perbezaan budaya yang terdapat dalam komuniti India itu sendiri di Tanah Melayu. Perbezaan ini juga mengakibatkan keperluan pendidikan juga berbeza untuk masyarakat India. Bagi kanak-kanak dari etnik Telugu, Malayalam, Punjabi dan Tamil, pendidikan yang disediakan oleh majikan atau kerajaan British adalah mengikut kumpulan etnik masing-masing. Sehingga tahun 1920-an dan 1930-an, masyarakat India di Tanah Melayu masih terpisah mengikut perbezaan identiti, kelas, kasta, etnik, kampung, rantau dan bahasa (Stenson, 1980:25).

Pendidikan dan sekolah Tamil wajib disediakan oleh majikan dan pihak kerajaan melantik seorang pegawai jabatan buruh untuk memantau sekolah ini. Pihak majikan wajib membawa masuk guru-guru yang berkelulusan dan latihan perguruan daripada India untuk mengajar di ladang-ladang mereka. Sehingga tahun 1937, terdapat hampir 800 orang guru di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Rama Subbiah, 1959:26). Walau bagaimanapun pendidikan untuk kanak-kanak perempuan India masih jauh ketinggalan berbanding dengan bangsa Melayu dan Cina kerana kehidupan mereka terpisah daripada kedua-dua golongan tersebut. Sehingga tahun 1938

hanya terdapat lima buah sekolah perempuan Tamil, iaitu tiga di Singapura dan dua di Perak (*Special Report on Education in Malaya, 1948:698*).

There is a provision in the Labour Code that if any estate has more than 10 boys of school going age between 7 and 14 and estate school should be maintained. But to this provision in the Labour Code, little attention is paid. The vacancy of the Tamil Inspector of Schools is not yet filled up. The assistant inspectors are very often uneducated in Tamil. Most of teachers in these school are also untrained men and in some cases even the illiterate kanganies discharge the functions of teachers and get grant by maintaining the schools in name and fulfilling the technical provisions of the Code (Nair, 1937:54).

Pihak sekolah Tamil tidak menuntut agar pihak kerajaan melatih guru-guru perempuan untuk mengajar di sekolah Tamil bagaimanapun terdapat sembilan orang guru wanita yang mengajar di sekolah tahun pertama dan tahun kedua (SS, *Annual Departmental Report, 1938*). Namun kenyataan ini dikritik oleh M.N. Nair yang menunjukkan melalui *Agents' Report 1933*, telah ada rungutan tentang guru-guru yang tidak terlatih dan pegawai pendidikan yang tidak memberikan perhatian kepada pendidikan Tamil kerana jumlah sekolah yang kecil dan mereka tidak memperhatikan kurikulum yang disediakan. Situasi di sekolah juga tidak membantu kerana kanak-kanak juga turut digunakan oleh pihak majikan untuk menjadi buruh sehingga mereka tercicir dari sekolah.

Secara keseluruhan keadaan sekolah-sekolah ladang sentiasa terpinggir dan terasing daripada masyarakat lain. Tidak ada rekod menunjukkan tuntutan wanita mendapat pendidikan anak-anak perempuan dalam kalangan pekerja buruh India kerana pihak majikan telah menyediakan sekolah. Manakala bagi masyarakat India yang terdiri daripada kelas menengah dan profesional mereka memilih untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah Inggeris.

4.5.2 Wanita India dan Aktivisme

Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, pembentukan organisasi wanita India minimal dan tidak ada rekod yang menonjolkan organisasi wanita. Ini disebabkan oleh adat yang membelenggu wanita India dan kebergantungan wanita ini kepada keluarga. Malah bagi semua buruh imigran, pihak majikan telah menyediakan kemudahan asas dan tempat tinggal untuk pekerja, kedudukan mereka lebih terjaga jika dibandingkan dengan pekerja buruh Cina (Rohana Ariffin, 1997:48). Terdapat beberapa rekod pekerja buruh wanita yang terlibat dengan aktiviti buruh dan berjuang bersama-sama dengan buruh lelaki menuntut pihak majikan menyediakan persekitaran tempat kerja yang lebih selamat dan menaikkan upah selepas berlakunya kemelesetan ekonomi dunia. Kebanyakan wanita turut terlibat dalam aktivisme buruh bagi menunjukkan sokongan kepada suami terlibat dalam tuntutan mereka (Rohana Ariffin, 1997:51). Walaupun telah ada persatuan-persatuan seperti Persatuan India Selangor, Persatuan India Pulau Pinang, Persatuan India Bersatu, *Tamil Reforms Society, Malayalee Associations, Self Respecting Societies, Adi Dravida Societies* dan lain-lain organisasi namun, organisasi wujud di atas kertas dan gagal aktif kerana tidak efisien disebabkan oleh masalah kewangan (Nair, 1937:44):

None of these posses an efficient organization and sufficient funds. There is not a single associations representative of Indian which is competent to speak on behalf of Indian community. Petty jealousies and dissensions are the common features of these associations. All of them deserve through overhauling. There is in fact, no Indian public opinion in Malaya.

Kenyataan Nair di atas menunjukkan tidak ada organisasi yang dapat mewakili suara kaum India kerana perbezaan kasta, etnik dan kehidupan yang terasing antara satu sama lain. Bagaimanapun, terdapat wanita India yang berasal dari India Utara yang terlibat untuk membentuk organisasi namun organisasi ini hanya memberi impak minimum (Dancz, 1987:69). Kesedaran wanita India Sikh ditemui sebelum

pendudukan Jepun apabila *Khalsa Diwan Malaya Selangor*⁶⁴ yang ditubuhkan pada tahun 1917 telah memulakan sekolah untuk kanak-kanak perempuan (Makmor Tumin, 2006:6-7). Malah organisasi ini pernah mengadakan mesyuarat dan membentuk organisasi *Isteri Sat Sangh Sabha Sentul* yang bertujuan menolong komuniti Sikh dan menggalakkan reformasi agama sehingga mereka berjaya diizinkan berada bersama-sama lelaki untuk berada di depan semasa bacaan *Sikh Holy Book* (Dancz, 1987:69).

Penglibatan wanita India dalam pergerakan wanita minimum dan tidak rekod yang menunjukkan penglibatan mereka sebelum pendudukan Jepun. Situasi ini berlaku disebabkan oleh perbezaan budaya, pendidikan, bahasa dan perbezaan kasta menyebabkan komuniti wanita India terpisah dan tidak dapat membentuk organisasi. Tambahan pula, status wanita dan kedatangan imigran wanita India agak terkemudian berbanding dengan kaum Cina dan Melayu ke Tanah Melayu.

4.5.3 Penulisan Mengenai Masyarakat India

Pada peringkat awal, tidak jelas tentang penglibatan wanita India dalam jurnalisme di Tanah Melayu. Namun terdapat wartawan lelaki yang menyokong gerakan pembaharuan, iaitu G. Sarangapani.⁶⁵ Beliau menyedari keperluan British kepada tenaga buruh murah untuk membangunkan pertanian komersial di Tanah Melayu. Justeru itu sangat prihatin dengan masalah masyarakat India. Beliau yang merupakan penyokong pergerakan ‘*Ideologi penghormatan diri*’ yang diperkenalkan oleh E.V. Ramasamy dari India. Idea pergerakan ini ialah untuk menghapuskan amalan sistem kasta, kepercayaan karut dalam masyarakat India serta berusaha untuk memulihkan sosioekonomi dan

⁶⁴Ia merupakan organisasi wanita Sikh yang ditubuhkan untuk membantu mengurangkan beban kemiskinan dan memulakan sekolah perempuan untuk kanak-kanak perempuan Sikh (Dancz, 1987:68).

⁶⁵ Beliau merupakan wartawan dan aktivis sosial yang kritikan tentang kehidupan rakyat India di Tanah Melayu. Semasa di India, G. Sarangapani menyertai gerakan reformasi sosial di India. Mendapat tentangan hebat daripada ibu bapanya sendiri menyebabkan beliau berhijrah ke Tanah Melayu untuk meneruskan perjuangan beliau.

status politik masyarakat India (Vasuden, 2011, 156). Melalui tugas beliau sebagai wartawan dan penulis kepada akhbar *Tamil Murasu*, *Munnetram* dan *Indian Daily Mail* beliau banyak mengkritik keadaan buruh India dan membawa suara-suara buruh yang tertindas. Beliau juga pernah membidas kerajaan British kerana tidak menerima cadangan untuk meperbaiki keadaan buruh serta menaikkan gaji buruh India.

Melalui akhbar *Tamil Murasu* beliau menyuarakan idea Persatuan Pemulihan Masyarakat Tamil bertempat di Singapura. Persatuan ini ditubuhkan bagi memberi kebajikan kepada lelaki mahupun wanita yang menghadapi masalah, mempertingkatkan martabat kaum wanita dan menyeru masyarakat India agar berjimat cermat dan menjauhi minuman todi dan menanamkan kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat India (Vasuden, 2011: 161).

4.5.4 Wanita India dan Pekerjaan

Dancz (1987:64) menjelaskan migrasi orang India ke Tanah Melayu telah memberi peluang kepada wanita India untuk terlibat dalam pekerjaan berbayar membantu mereka menolong keluarga untuk meneruskan kehidupan. Kebanyakan imigran wanita bekerja di ladang-ladang getah, kopi, tebu dan kelapa sebagai buruh kecil. Kebanyakan imigran wanita yang terlibat dalam aktiviti pertanian melakukan kerja-kerja yang kecil dan membersihkan kawasan ladang getah. Peningkatan ini berikutan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia, tetapi industri dan perladangan getah menunjukkan pemintaan yang tinggi. Pengambilan pekerja wanita sebagai buruh juga menguntungkan pihak majikan kerana mereka dapat membayar upah yang rendah berbanding dengan pekerja lelaki. Selain daripada terlibat dalam kerja-kerja ladang, wanita-wanita India turut mengisi kekosongan pekerjaan dalam sektor awam.

Wanita-wanita India turut terlibat dalam pekerjaan seperti buruh-buruh di jabatan-jabatan kerajaan terutama di sektor kerjaraya dan keretapi, pelombongan,

perkhidmatan persendirian dan sektor komersial. Namun begitu, selepas ekonomi dunia pulih, kerajaan India dan Jabatan Buruh cuba memberikan tekanan kepada pihak majikan ladang untuk menaikkan gaji buruh. Pada tahun 1936, pihak majikan bersetuju untuk menaikkan gaji tetapi kenaikan tersebut masih di bawah tahap upah sebelum berlakunya kemelesetan ekonomi dunia. Nasib dan kehidupan buruh India terus berada dalam keadaan daif kerana kehidupan mereka dikawal dan ditentukan oleh kerajaan British serta pihak majikan yang bertanggungjawab membawa mereka masuk ke Tanah Melayu (Vasudan, 2011:155).

4.6 Kesimpulan

Kesedaran feminism boleh dirumuskan telah wujud di Tanah Melayu walaupun aktivis-aktivis wanita ketika itu tidak menggunakan istilah feminism dalam memperjuangkan isu-isu berhubung hak-hak wanita. Ia bertetapan dengan teori personal adalah politikal, teori pemikiran maternal dan teori feminis Dunia Ketiga seperti dijelaskan oleh Jayawardena (1986:3). Teori-teori ini menegaskan feminism di Asia berkait rapat dengan kesedaran dan perjuangan emansipasi yang kemudiannya meningkatkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan wanita tempatan. Kesedaran ini disebabkan perasaan cintakan tanah air dan semangat untuk menanamkan identiti negara asal terutama dalam kalangan imigran-imigran wanita di Tanah Melayu. Wanita terlibat dalam aktivisme atas kesedaran untuk masa depan generasi muda dan negara mereka. Status wanita sebagai ibu dan isteri telah menjadi landasan untuk mereka berbakti dan bekorban untuk bangsa serta negara. Kesedaran wanita dalam pendidikan merupakan agen penting untuk mengubah masyarakat. Justeru itu aktivis dan intelektual wanita serta lelaki menekankan kepentingan pendidikan terutamanya pendidikan untuk kanak-kanak perempuan kerana mereka merupakan pendidik yang juga melahirkan generasi yang berguna kepada nusa dan bangsa.

Pergerakan yang menyokong pembaharuan ini menekankan keseimbangan peranan lelaki dan wanita. Idea ini telah didedahkan melalui penulisan dalam akhbar-akhbar dan majalah dalam bahasa Melayu, Cina dan India. Pemikiran yang progresif digalakkan kerana ia penting untuk membebaskan rakyat dan negara daripada penjajahan. Pencapaian wanita dalam ekonomi penting kerana ia memberikan keyakinan untuk berdikari dan membantu kehidupan keluarga. Pencapaian dan penglibatan wanita dalam bidang sosial, ekonomi dan politik dapat mengurangkan jurang perbezaan kelas dalam masyarakat.

Aktivis wanita dan lelaki feminis⁶⁶ telah menekankan keseimbangan peranan lelaki dan wanita bagi membentuk negara yang bermaruah dan merdeka daripada penjajahan. Lelaki dan wanita merupakan agen utama untuk mengubah masa hadapan negara, justeru itu aktivisme wanita atau pergerakan-pergerakan lain seperti kesatuan sekerja yang menerima wanita sebagai pejuang bersama dengan menggunakan pelbagai kaedah untuk menjayakan agenda mereka. Aktivis wanita dan pergerakan yang dipimpin oleh wanita telah memberikan kesedaran tentang kepentingan pendidikan yang juga telah membangkitkan kesedaran politik di kalangan rakyat Tanah Melayu pada masa itu. Tambahan pula, mereka menggunakan aktiviti kesenian dan kebudayaan bagi menarik minat masyarakat dan anak-anak muda untuk menyertai aktivisme sosial dan politik bagi membebaskan Tanah Melayu daripada terus dijajah oleh British.

Adalah jelas dari perbincangan ini bahawa aktivisme sosial wanita bermula melalui isu-isu personal seperti berkaitan dengan pendidikan untuk wanita, wanita dalam pekerjaan dan pemimggiran wanita. Selain daripada itu isu eksplorasi wanita, penglibatan wanita dalam kesatuan buruh, isu perkahwinan bawah umur, isu perceraian, poligami serta isu agama adalah politikal kepada wanita. Penglibatan dalam aktivisme

⁶⁶Istilah ini yang digunakan untuk menggambarkan lelaki yang turut mendokong perjuangan emansipasi dan menyokong kesaksamaan gender.

sosial telah membuka jalan untuk aktivis-aktivis wanita ini terlibat dalam politik yang akhirnya menyedar dan menanamkan semangat nasionalisme dalam jiwa mereka.

University Of Malaya

BAB LIMA

AKTIVISME WANITA DALAM PERJUANGAN BURUH

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengetengahkan sumbangan ekonomi dan perjuangan wanita dalam gerakan buruh di Tanah Melayu. Ia mengetengahkan aktivisme dan perjuangan buruh wanita Cina dan India dalam menentang eksplorasi dan diskriminasi terhadap golongan buruh di Tanah Melayu. Kajian ini juga menjelaki bagaimana perjuangan wanita ini berakhir dengan penglibatan dalam politik nasional dan perjuangan menentang penjajah. Sumbangan buruh wanita dalam ekonomi dan pergerakan buruh di Tanah Melayu jarang diutarakan kerana penglibatan mereka tersorok dan dianggap tidak penting kerana faktor budaya dan jumlah ahli kesatuan yang didominasi oleh lelaki. Justeru itu, kajian turut mengetengahkan penglibatan buruh wanita menentang ketidakadilan pihak majikan terhadap buruh imigran telah menyatukan mereka dalam perjuangan nasionalisme menentang penjajahan British.

Beberapa kajian yang pernah membincangkan tentang buruh wanita ini dan peranan mereka dalam pergerakan buruh dan sumbangan mereka kepada ekonomi Tanah Melayu (Fong, 1975; Dass, 1991; Rohana Ariffin, 1997; Dancz 1987; Fan, 2005; Lee, 1989). Kemunculan pergerakan komunal buruh yang turut melibatkan buruh wanita di Tanah Melayu merupakan reaksi daripada kesedaran di atas pengeksplorasi tenaga buruh dan ketidakadilan sosial yang melibatkan penyalahgunaan sistem, majikan dan orang tengah. Pergerakan menuntut keadilan pekerja akhirnya menyumbang kepada perjuangan nasionalis dan memberi impak kepada kedudukan kerajaan British di Tanah Melayu (Gamba, 1962; Stenson, 1970; Amoroso, 1998; Wilson, 1981; Datta, 2016). Pembentukan Gabungan Buruh Se-Malaya atau *Pan Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU) pada tahun 1946 yang bergabung dengan PUTERA-AMCJA untuk

menuntut kemerdekaan merupakan kemuncak kepada pergerakan buruh di Tanah Melayu (Ampalavanar, & Brown, 1981; Josey, 1958; Howe, 1993; Leong, 1999).

Sumbangan buruh wanita di Tanah Melayu kepada pergerakan buruh amat penting dilihat semula kerana perjuangan dan isu yang diperjuangkan jarang dibincangkan dalam pergerakan buruh di Tanah Melayu (Lee, 1989; Tai, 2000; Manderson, 1980; Dancz, 1987; Rohana Ariffin, 1997). Faktor utama penglibatan wanita dalam pergerakan buruh Tanah Melayu ialah bertujuan untuk berjuang bersama-sama dengan imigran buruh lelaki bagi mengetengahkan isu diskriminasi dan penindasan pekerja, persekitaran kerja yang membimbangkan, isu ketagihan todi dalam kalangan buruh lelaki dan isu kemudahan perubatan kepada pekerja estet. Selain itu, isu gangguan seksual dan isu penindasan terhadap pekerja wanita turut diketengahkan dalam protes buruh di Tanah Melayu (Ramasamy, 1992; Jeyathurai, 2012; Willford, 2015; SSG 114/1931, *Petition for police protection from molestations of women by coolies*). Penglibatan buruh-buruh wanita dalam kesatuan sekerja dan protes terhadap majikan, akhirnya menyumbang kepada kesedaran politik nasionalisme.

5.2 Sejarah Kemasukan Buruh Imigran India dan Cina ke Tanah Melayu

Kemasukan awal buruh imigran ke Tanah Melayu terdiri daripada orang Melayu (dari Pulau Jawa dan Sumatera), Cina dan India. Kerajaan British merekrut buruh dari China dan India kerana dikatakan orang Melayu tempatan tidak berminat dengan kerja yang melibatkan upah. Mereka biasanya menjalani kehidupan di kampung serta mengamalkan ekonomi sara hidup (*Annual Report of the Labour Department, Malaya, 1947*). Kedatangan buruh imigran terutamanya dari China dan India ke Tanah Melayu dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20 merupakan titik penting kerana amat berkait rapat dengan sistem migrasi antarabangsa di bawah kapitalisme penajah seperti yang dijelaskan oleh Bonacich & Cheng (1984) dan Lee (1989). Sistem ini juga

berkembang akibat daripada permintaan dan perbekalan buruh yang meningkat berikutan perkembangan ekonomi yang pesat daripada sektor perladangan, perlombongan, industri dan sektor perkhidmatan serta peniagaan. Bagaimanapun kemasukan buruh imigran wanita pada peringkat awal jauh lebih rendah kerana pelbagai faktor antaranya melibatkan polisi kerajaan dan faktor budaya yang tidak menggalakkan mereka keluar daripada negara asal.

Tanah Melayu menjadi sebahagian pelan strategik untuk mengembangkan empayar perdagangan British. Menyedari Tanah Melayu tidak mempunyai penduduk yang ramai, langkah penting adalah membawa buruh murah masuk untuk bekerja di sektor-sektor ekonomi yang semakin berkembang. Peluang ekonomi, pekerjaan, situasi politik dan konflik di negara asal telah menjadi faktor penarik yang mendorong kedatangan imigran dari China dan India ke Tanah Melayu. Pekerja dari China mula membanjiri Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Johor untuk bekerja dalam sektor pertanian, perlombongan dan industri manakala imigran India dibawa masuk untuk terlibat dalam sektor perladangan dan sektor kerja raya (Stenson, 1980; Heng, 1988; Tai, 2000). Dalam awal abad ke-18, buruh imigran dari China dan India telah dibawa masuk melalui sistem kontrak, di mana majikan melantik agen atau broker untuk merekrut buruh tersebut. Agen dari China merekrut imigran baru yang dikenali sebagai *sin kheh* melalui janji dan pujukan diberikan pekerjaan. Dalam proses merekrut ini terdapat beberapa kes penipuan, penculikan serta paksaan di mana imigran *sin kheh* dilayan tanpa perikemanusiaan. Oleh kerana kebanyakan imigran ini miskin dan tidak mampu membayar kos perjalanan ke Tanah Melayu, mereka sentiasa terikat dengan majikan sehingga berjaya melangsahkan hutang mereka. Sistem ini dikenali sebagai sistem tiket kredit (Blythe, 1953).¹

¹ Imigran dari China diberikan tiket ke destinasi yang telah ditentukan oleh agen mereka. Mereka terikat dalam jangkamasa yang ditetapkan antara 1 hingga 3 tahun dengan upah yang telah ditetapkan. Mereka perlu membayar semula kos mereka melalui potongan gaji. Bagaimanapun, kebanyakan pekerja ini terikat

Selain sistem ini, imigran Cina dibawa masuk menggunakan sistem kontrak setelah sistem tiket kredit. Dalam sistem ini imigran Cina diletakkan di rumah kecil atau rumah kongsi², di mana buruh-buruh ini diselia dan diketuai oleh kontraktor. Dalam sistem ini mereka tidak dibenarkan meninggalkan rumah kongsi sehingga mereka ditempatkan ke tempat kerja masing-masing. Sistem ini juga menerima kritikan kerana terdapat rumah kongsi yang tidak menyediakan keperluan asas kepada pekerja kontrak tersebut. Dalam laporan khas (*Report of the Commission appointed to enquire into conditions on Indentured Labour in FMS, 1910*) menjelaskan pihak kerajaan China menunjukkan rasa tidak senang berkenaan situasi buruh kontrak wanita Cina di Tanah Melayu yang sering menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Malah terdapat beberapa kes di mana buruh kontrak atau kes imigran yang diculik dan dipaksa bekerja walaupun mereka tidak dapat mengemukakan bukti fizikal bagi membicarakan kes tersebut di mahkamah:

...there is a strong prejudice amongst Chinese against recruitment. The Sinkhehs, such recruitment being termed ‘man chu-chai’ or ‘selling young pigs’. The official class in China appears to disapprove of the system...the coolies were told, and believe that if they attempted to set foot out of the house, they would be arrested. There was evidence to show that they were terrorised and frightened into abject submission, the case was brought to light under circumstances more or less accidental... (*Report of the Commission appointed to enquire into conditions on Indentured Labour in FMS, 1910*).

Sebelum ini kerja-kerja pemantauan sering didalangi oleh kumpulan kongsi gelap, namun begitu pihak kerajaan British telah menujuhkan *the Chinese Protectorate*³

dalam jangka waktu yang lama kerana mereka perlu membayar semula kos perjalanan ke Tanah Melayu, makanan, pakaian dan tempat tinggal yang disediakan oleh majikan. Upah buruh-buruh ini diantara \$4-5 sebulan. Namun begitu, pengambilan buruh kontrak kemudiannya menurun pada pertengahan abad ke-19, apabila buruh-buruh kontrak menunjukkan resistansi kepada sistem ini dan memilih untuk menjadi buruh bebas (*Singapore and Straits Settlements Report, 1858*; Tai, 2000: 3).

² Rumah kecil atau kongsi ini tempat kontraktor dan pekerjanya makan tinggal dan berteduh. Pondok sementara ini diperbuat dari kayu dan atap nipah (Stenson, 1970: 5).

³ *Chinese Protectorate* ditubuhkan pada 1877 dengan tujuan utama memantau kegiatan kongsi gelap Cina di Tanah Melayu dan menjaga agar buruh-buruh Cina tidak terlalu dikawal oleh majikan mereka. Oleh kerana kekurangan staff, pihak British membenarkan Konsulat China dibuka di Singapura dan Pulau Pinang untuk menjaga kebajikan buruh-buruh Cina di Tanah Melayu (Jackson, 1965; Parmer, 1964). Pada

untuk memantau dan bertindak bagi pihak Jabatan Buruh Malaya (Arasaratnam, 1970; Leong, 1999; Blythe, 1969; Tai, 2000). Pada tahun 1903, jabatan ini diletakkan di bawah penyeliaan Setiausaha Jabatan Hal-Ehwal Orang Cina di Tanah Melayu. Walaupun buruh imigran Cina bebas dan tidak sepenuhnya di bawah penyeliaan dan perlindungan seperti buruh India, namun pihak hal ehwal imigran Cina ini telah diberikan kuasa seperti timbalan penguasa Jabatan Buruh (*Annual Report of the Labour Department, Malaya 1934*).

Jabatan ini bertanggungjawab memantau golongan imigran Cina seperti memastikan lokasi mereka ditempatkan malah bertindak sebagai jawatankuasa pendamai kepada kumpulan imigran yang bertelingkah. Bagaimanapun badan ini tidak sepenuhnya berkuasa menjaga kebijakan buruh kerana unit ini ditugaskan untuk memantau komuniti Cina terutama organisasi kongsi gelap. Badan ini juga bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak, mengawal aktiviti pelacuran dan pemerdagangan manusia, badan penapisan buku teks kesusasteraan dari China dan menjadi penasihat kepada pegawai British berkaitan dengan komuniti Cina (Tai, 2000: 7).

Menyedari berlakunya penganiayaan terhadap pekerja kontrak dan penyalahgunaan buruh kontrak pihak penguasa British telah menghentikan sistem buruh kontrak ini pada tahun 1914 dan undang-undang berkenaan buruh dikuatkuasakan melalui Kod Buruh 1912. Kemasukan imigran dari China masih diteruskan tetapi tugas ini diambil alih oleh kontraktor buruh yang berasal dari daerah yang sama dan mereka berhubung terus dengan majikan Cina mahupun Eropah di Tanah Melayu. Kontraktor buruh ini telah muncul sebagai wakil yang kuat untuk mengawal buruh-buruh ini mengikut suku, wilayah dan bahasa pertuturan. Kebanyakan imigran ini terdiri

tahun 1903, *Chinese Protectorate* diletakkan dibawah *Secretary for Chinese Affair*, Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1934, jabatan ini turut dibuka di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

kumpulan Hokkien, Kantonis, Teochiu, Hakka dan Hainan (Leong, 1999: 9).

Pemantauan buruh imigran Cina ini diteruskan oleh jabatan perlindungan ini namun beberapa kepentingan buruh-buruh ini seperti kadar upah, persekitaran tempat kerja dan kebajikan pekerja diuruskan sendiri oleh mereka kerana mereka telah mampu membayar kos perjalanan ke Tanah Melayu. Malah, mereka bebas bekerja di sektor-sektor yang menawarkan upah yang menarik (Thompson, 1947: 63-75; Stenson, 1970: 5). Kebanyakan buruh imigran Cina juga dilindungi oleh organisasi kecil seperti *trade guild*⁴ yang berfungsi menjaga kebajikan dan perniagaan ahli-ahlinya. Organisasi ini mendapat pengiktirafan kerajaan British kerana lebih kepada organisasi sederhana yang menjaga kepentingan ahlinya.

Sepanjang tahun 1920-an menyaksikan kemasukan buruh dari China yang paling tinggi, iaitu meningkat kepada 1,175,000 pada tahun 1921. Aliran kemasukan buruh yang tinggi ini disebabkan konflik dan kebangkitan politik di selatan China. Gerakan ini juga turut berkembang ke Tanah Melayu di mana kesedaran nasionalisme dan semangat patriotisme dalam kalangan komuniti Cina, termasuk buruh imigran Cina. Mereka memulakan gerakan antiimperialisme British dan anti-Jepun. Semasa upacara memperingati kematian Sun Yat Sen, pada tahun 1927, telah berlaku pertembungan antara pihak polis dan pelajar-pelajar Cina di Singapura sehingga meragut enam nyawa. Peristiwa ini menyebabkan ketegangan di Singapura dan turut merebak ke Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Kedah dan Perak (Leong, 1976: 229). Justeru itu, pihak British telah memperkenalkan Ordinan 1927, iaitu menghadkan kemasukan imigran dari China walaupun mendapat bantahan daripada syarikat perkapalan dan pedagang Cina.

Situasi ini bertambah buruk dengan kemelesetan ekonomi, ramai imigran ini ditamatkan kontrak atau didepotasi semula ke China atas alasan keselamatan dan

⁴ Organisasi ditubuhkan untuk menjaga kepentingan individu, pekerja, majikan yang terlibat dalam perniagaan tertentu. Fungsinya seperti kesatuan sekerja namun organisasi ini tidak memihak kepada pekerja kerana kebergantungannya kepada pihak majikan. Di Tanah Melayu, *guilds* turut dianggotai oleh penjahit, pembuat kasut, tukang kayu dan ahli-ahli pertukangan (Josey, 1958: 37; Stenson, 1970: 5).

kejatuhan harga getah. Namun terdapat imigran-imigran ini yang meneruskan pekerjaan mereka atau pun berpindah ke bandar-bandar di Tanah Melayu untuk mencari peluang pekerjaan. Dalam laporan banci 1931, (*Vlieland, British Malaya: A Report on the 1931 Census*) menyatakan seramai 1, 709,000 imigran Cina di Tanah Melayu, iaitu hampir 30% daripada jumlah populasi Tanah Melayu. Pada tahun 1930-an, laporan menunjukkan jumlah kemasukan imigran wanita Cina semakin meningkat dan jumlah purata antara imigran lelaki dan wanita Cina mula seimbang. Pengenalan undang-undang *the Aliens Ordinance of 1933* telah menghadkan kemasukan buruh lelaki semasa zaman kemelesetan tetapi memberikan pengecualian kepada imigran wanita. Awal tahun 1930-an telah menyaksikan kemasukan lebih 190,000 imigran wanita berumur antara 18 hingga 40 tahun ke Tanah Melayu (Lee, 1989). Secara umumnya buruh imigran Cina di Tanah Melayu merupakan buruh bebas dan tidak mempunyai perjanjian antara pihak kerajaan seperti buruh India. Mereka bebas berorganisasi dan memilih sektor yang dapat menawarkan upah lebih berbanding dengan buruh lain.

Manakala buruh imigran India sejak awal telah direkrut untuk berkhidmat di sektor awam dan perladangan oleh British. Perkembangan sektor perladangan seperti padi, kelapa, sago dan tebu memerlukan tenaga buruh yang ramai. Apabila sektor perladangan getah, pihak British telah bersetuju membawa masuk imigran buruh daripada India secara besar-besaran. Proses kemasukan buruh imigran India ke Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa fasa, iaitu fasa pertama kontrak buruh (1840-1910). Sistem ini merekrut buruh yang didatangkan melalui pelabuhan Negapatam di mana buruh-buruh ini dipantau oleh pihak imigresen Negeri-negeri Selat sebelum dihantar ke majian mereka (*Report of the Commission appointed to enquire into conditions on Indentured Labour in FMS, 1910*). Sistem ini telah dihapuskan setelah mendapat kritik kerajaan India dan didakwa berlakunya penindasan dan eksplorasi buruh.

Sistem kedua ialah sistem *kangani* di mana buruh-buruh dari India ini telah direkrut di bawah penyeliaan mandor atau kepala pekerja yang bekerja di sektor perladangan. Mandor ini diberikan lesen untuk membawa masuk buruh-buruh yang kuat dari segi fizikal untuk bekerja. Mereka juga bertanggungjawab menjaga kebajikan dan menyelia keperluan pekerja. Lesen *kangani* perlu disahkan, didaftarkan dan dikeluarkan oleh pegawai-pegawai yang terlibat seperti pegawai imigresen daripada Tanah Melayu dan India (Thompson, 1947: 63). Sistem ini juga merupakan satu kaedah penyediaan buruh untuk dihantar ke ladang getah berdasarkan kepada kepercayaan, persahabatan dan persaudaraan di antara buruh dan *kangani* (Parmer, 1960: 68). Untuk menyelia kemasukan buruh-buruh ini Jabatan Buruh telah ditubuhkan pada tahun 1911, manakala Kod Buruh diluluskan pada tahun 1912 untuk memantau situasi dan kebajikan buruh serta kepentingan majikan.

Sistem pengambilan imigran buruh India ini lebih tersusun kerana pihak majikan, kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan India terlibat secara langsung apabila mereka menubuhkan dana khas *Indian Immigration Fund* pada tahun 1907 untuk menguruskan pengambilan masuk buruh imigran dari India. Kebanyakan buruh daripada India Selatan ini dihantar bekerja ke ladang-ladang orang Eropah dan memenuhi keperluan am sektor kerajaan. Tabung ini diuruskan oleh badan yang sah dikenali sebagai *Indian Immigration Committee*.⁵ Komiti ini dianggotai oleh Pengusaha dan Timbalan Jabatan Buruh Tanah Melayu, Pengarah Kesihatan, Pengarah Kerja Raya, Pengarah Jabatan Pengairan, Pengarah Urusan Keretapi Tanah Melayu dan Pengurus *the United Planting Association of Malaya* atau UPAM (*Annual Report of the Labour Department Malaya*, 1934). Tabung ini digunakan untuk memastikan bekalan buruh imigran India sentiasa mencukupi. Sistem ini juga menetapkan kadar upah untuk buruh

⁵ Komiti ini merupakan instrumen perundangan untuk memusatkan pengambilan rekrut buruh daripada India Selatan untuk bekerja di sektor perladangan. Pihak majikan iaitu pihak kerajaan dan pihak majikan berkongsi kos untuk mengimport buruh ke Tanah Melayu. Ia juga mengelakkan pemotongan upah pekerja buruh dan mengelakkan eksploitasi dan penindasan yang sering dilakukan oleh *kangani* (Saunders, 1984: 171).

India termasuk buruh ladang, memastikan tempat tinggal, pusat kesihatan, sekolah dan kontrak pekerjaan (Dass, 1991:10-17).

Bagaimanapun sistem *kangani* ini juga tidak terlepas daripada unsur-unsur eksloitasi dan penindasan apabila terdapat *kangani* yang tidak memperdulikan kebijakan pekerja. Terdapat beberapa kes di mana majikan telah menyerahkan upah pekerja kepada *kangani* untuk diagihkan kepada buruh yang di bawah pengawasan mereka. Kesempatan ini digunakan oleh *kangani* atau penyelia buruh yang untuk mengenakan bayaran tambahan untuk makanan, hospital dan tempat tinggal buruh-buruh ini. Situasi buruh-buruh yang berasa mereka terhutang budi dan mempunyai pertalian menyukarkan mereka bertindak ke atas *kangani* yang mengambil kesempatan ke atas mereka. Tambahan pula, ladang-ladang tempat buruh-buruh ini ditempatkan terpisah dan diasingkan daripada buruh-buruh lain. Pengasingan daripada kaum lain ekoran daripada jenis kerja dan perbezaan kasta buruh yang terlibat. Situasi menyebabkan mereka daripada terpisah daripada maklumat dan berita daripada dunia luar (Stenson, 1970: 13). Bagi melindungi buruh-buruh ini kerajaan British telah menggubal pengambilan buruh di bawah Ordinan Buruh 1912 dan Ordinan Buruh 1923, seluruh negeri di Tanah Melayu ditadbir mengikut Kod Buruh yang mempunyai prinsip dan objektif yang sama, iaitu menjaga kebijakan buruh, seperti tempat tinggal, upah, persekitaran tempat kerja, bekalan air, kontrak buruh dan kemudahan pusat kesihatan. Ordinan ini juga telah memberi jaminan bahawa imigran tidak perlu membayar kos perjalanan mereka ke Tanah Melayu (Netto, 1961:29; Mahajani, 1960:197; Arasaratnam, 1970; Leong, 1999).

Populasi imigran India di Tanah Melayu semakin meningkat di mana pada tahun 1921 jumlah imigran India ialah 470,180 dan pada tahun 1931 mencatatkan setinggi 624,009 orang. Laporan banci 1931 memberikan analisis tentang komposisi dan sektor pekerjaan yang menerima buruh-buruh ini. Jumlah imigran India bertambah sebanyak

32.3 peratus, atau berjumlah seramai 624,009 orang, terutamanya komuniti Tamil yang berjumlah seramai 582,625 orang (*Vlieland, British Malaya: A Report on the 1931 Census*). Kemelesetan ekonomi dunia telah mengakibat kejatuhan harga komoditi getah dan timah menyebabkan ramai imigran India dihantar pulang semula ke negara asal. Malah, ramai pekerja terpaksa menganggur atau upah mereka dipotong. Pada masa yang sama kadar upah telah dipotong berikutan harga komoditi jatuh dengan teruk. Pada tahun 1920, kadar upah yang ditetapkan ialah 50 sen sehari untuk buruh lelaki dan 40 sen sehari untuk buruh wanita, namun pada tahun 1930, upah dipotong kepada 40 sen sehari untuk buruh lelaki dan 32 sen untuk buruh wanita. Kadar upah buruh di ladang getah semakin menurun pada tahun 1932, apabila buruh lelaki India diberi upah 25 sen sehari dan 20 sen untuk buruh wanita. Pihak majikan menyatakan kadar upah telah ditetapkan mengikut harga getah dunia ketika itu (Netto, 1961:43; Arasaratnam, 1970: 60-61). Bagaimanapun, pihak Jabatan Buruh Tanah Melayu telah diminta campur tangan untuk menyelaraskan upah buruh imigran India. Pihak kerajaan India bertindak memberhentikan penghantaran buruh ke Tanah Melayu dan menuntut agar upah buruh dinaikkan seperti sebelumnya. Tindakan ini diambil setelah menerima laporan tentang berlakunya eksplorasi dan penindasan buruh India berbanding buruh Cina dan Melayu. Menurut laporan daripada agen kerajaan India berlaku ketidakadilan daripada pembayaran upah kepada buruh India.

The wages paid to Indian labourers are generally very much lower than the rates paid to the Chinese and other labourers. Indian labourers are in a great demand in rubber estates by reason of the fact that they are most docile and amenable to discipline and very cheap. There has been, however, quite recently an awakening among Indian labourers and they have begun to demand higher wages (Netto, 1961: 43).

Pada tahun 1934, industri getah semakin pulih dan pihak kerajaan India bersetuju tetapi menghadkan penghantaran buruh India ke Tanah Melayu. Beberapa syarat diperkenalkan untuk mengurangkan jumlah imigran buruh India dan menetapkan

kadar upah untuk buruh-buruh yang sedia ada. Syarat terbaru ini juga memasukkan selepas dua tahun bekerja, imigran India berhak pulang atas alasan masalah kesihatan, berlakunya penindasan, kerja tidak sesuai atau kesukaran mendapatkan upah yang sepatutnya. Pihak pesuruhjaya imigresen di Madras juga perlu menyediakan laporan tentang perkembangan buruh India di Tanah Melayu (Thompson, 1947: 67-68).

Pada masa yang sama beberapa pihak nasionalis yang prihatin dengan keadaan buruh India di Tanah Melayu telah mendesak kerajaan India campur tangan untuk menyiasat keadaan buruh India. Pihak India telah melantik Srinivasa Sastri untuk menjalankan penyiasatan dan melaporkan kepada pihak berkuasa di India. Namun, dalam laporan tersebut, Sastri tidak menyentuh isu tentang kadar upah minimum, kadar upah yang tetap, bekalan air bersih dan kemudahan kesihatan pekerja (Neelakandha, 1937: 24; Sandhu, 1969: 109). Beliau hanya memberikan laporan negatif berkenaan persekitaran tempat tinggal buruh yang tidak berkeluarga.

... I was shocked beyond words by condition of the quarters provided for the bachelors. They consist of a stone barrack-line building which at the time of my visit was so over crowded that it is doubtful if even the barest requirements of public health were fulfilled. Both the heat and the smell of the place were over-powering and appeared to find not easy exit. The washing accomodation was such that all used water found its way down the main sort was provided for and no wonder the place is the scene of frequent disputes and quarrels (*Report on the Conditions of the Indian Labour in Malaya* by Sastri, 1937).

Dalam laporan beliau telah mengesahkan bahawa pihak majikan di Tanah Melayu berpuas hati dengan buruh dari India. Malah dalam laporan tersebut buruh India di Tanah Melayu dijelaskan seperti '*happy children in a happy land*'. V.S. Sastri tidak mencatatkan sebarang aduan daripada buruh India kerana pihak buruh menyatakan keadaan mereka lebih baik berbanding dengan khidupan mereka di India Selatan (*Report on the Conditions of the Indian Labour in Malaya* by V.S. Sastri, 1937). Laporan ini telah menerima pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak termasuk komuniti

India di Tanah Melayu. Ia juga membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan komuniti India kerana mereka menganggap V.S. Sastri tidak memberikan laporan yang sebenar mengenai situasi buruh India. Beliau dikritik kerana tidak mengetengahkan isu yang kritikal bagi buruh India seperti kadar upah yang tetap dan upah minimum, malah cadangan beliau tidak mengemukakan cadangan yang empatik dan positif berkenaan situasi buruh India di Tanah Melayu. Neelakandha⁶ (1937: 131) telah mendedahkan permasalahan buruh imigran India di Tanah Melayu yang terikat dengan majikan mereka.

The Indian labourer lives on the estate. The Chinese and Javanese labourer generally live off the estate. The labour Code contains many provisions, general in application, but in practice, confined to Indian labour, relating to housing, sanitation, medical arrangements, water supply, estate schools, children crèche and such other amenities. Both in theory and in practice a tradition has been built up that the Tamil labourer should look up to his master for redress whose fartherly benevolence resolves the many petty disputes, the matrimonial tangles in the labour lines and other petty ills which commonly afflict the simple unsophisticated, illiterate peasant mass of the Indian Villages. (Neelakandha, 1937: 131).

The Central Indian Association of Malaya (CIAM) yang prihatin dengan masalah buruh India telah mengemukakan kritik secara rasmi terhadap laporan V.S. Sastri dengan menegaskan upah minimum perlu ditetapkan untuk buruh lelaki dan wanita agar pihak majikan tidak sewenang-wenangnya mengurangkan upah walaupun ketika harga komoditi getah jatuh. Upah minimum ini juga perlu mengambil kira jumlah ahli keluarga dan situasi kehidupan buruh India ketika itu. Jika majikan enggan melaksanakannya, pihak CIAM secara tegas mendesak kerajaan India perlu memberhentikan mengeksport buruh ke Tanah Melayu. Dalam situasi ini pihak *Indian*

⁶ Seorang nasionalis India yang memperjuangkan hak politik dan ekonomi komuniti India di Tanah Melayu. Beliau juga merupakan Setiausaha CIAM dan berusaha untuk emansipasi buruh India seperti buruh dibenarkan memiliki harta dan tidak terikat dengan majikan. Beliau menulis buku *Indian Problems in Malaya* dan buku ini telah disebarluaskan kepada semua ahli politik di India bagi mendedahkan situasi sebenar kehidupan buruh India di Tanah Melayu selepas Laporan V.S. Sastri diserahkan kepada kerajaan India.

Immigration Committee telah memperkenalkan pembayaran bonus sebanyak \$2.00 bagi menggalakkan kemasukan buruh sukarela untuk bekerja di sektor perladangan dan industri getah. Pada tahun 1938, sekali lagi upah pekerja India telah dipotong, ini menyebabkan golongan nasionalis India di Tanah Melayu, CIAM telah menghantar presidennya N. Raghavan ke India untuk merayu agar kerajaan India memansuhkan sistem penghantaran buruh ke Tanah Melayu. Pada 17 September 1938, isu ini telah dibawa ke mesyuarat legislatif di India untuk dibincangkan, di mana salah seorang ahli majlis legislatif telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

... Let Ceylon and Malaya make a note now that it will not be on their terms, that they will be able to import labour from this country, but it would be on our terms... (Netto, 1961: 30).

Pemansuhan penghantaran buruh ini pada tahun 1938 menunjukkan kerajaan India bertegas dan prihatin tentang situasi dan layanan terhadap buruh India di Tanah Melayu. Beberapa perbincangan dan cadangan pihak majikan terutama dalam isu kenaikan upah telah menemui jalan buntu. Kegagalan pihak majikan ladang menetapkan kadar upah seperti sebelum kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan pihak India mengambil keputusan sistem *kangani* ini perlu dihentikan (Sandhu, 1969: 116). Situasi ini juga menyebabkan beberapa aktivis sosial dalam kalangan komuniti India bertindak membentuk kesatuan buruh untuk menjaga kepentingan pekerja India. Organisasi CIAM⁷ yang diketuai oleh N. Raghavan dan K.A. Neelakanda Ayer telah berdiri untuk berjuang meningkatkan status komuniti India termasuk golongan pekerja. Objektif utama CIAM ialah memperjuangkan isu buruh terutamanya isu upah, kemudahan tempat tinggal dan persekitaran tempat kerja yang selamat serta isu penggunaan *Indian*

⁷ CIAM dibentuk oleh beberapa aktivis sosial yang cuba menggerakkan kesedaran nasional di Tanah Melayu. Organisasi ini dipengaruhi parti Kongres di India yang berusaha untuk menyatukan imigran buruh India melalui kesatuan pekerja. Aktivis dan nasionalis seperti R.H. Nathan dan N.K. Menon mempunyai hubungan yang baik dengan guru-guru di sekolah Tamil, kangani, buruh India tempatan dan golongan buruh India yang berpelajaran. Kebanyakan guru-guru India direkrut dan jurnalis ini mempunyai semangat dan terdedah dengan idea nasionalisme semasa di India (Stenson, 1980: 56-57).

Immigration Fund. Organisasi ini penting dalam membantu meningkatkan taraf hidup buruh, pendidikan imigran India dan penglibatan orang India dalam politik di Tanah Melayu (Netto, 1961, 61).

Selepas Tanah Melayu pulih daripada kemelesetan ekonomi dunia, permintaan bekalan buruh kembali meningkat apabila harga komoditi utama getah dan bijih timah kembali pulih. Walaupun kerajaan British memperkenalkan kawalan ketat untuk pengambilan buruh, terdapat buruh yang datang secara sukarela untuk bekerja di Tanah Melayu. Kadar upah yang menjadi pertikaian di antara pihak majikan, pekerja dan pihak kerajaan masih dalam rundingan telah menyebabkan kemasukan buruh daripada China dan India diberhentikan untuk sementara waktu. Akhirnya pada tahun 1941, kadar upah untuk pekerja imigran telah ditetapkan mengikut faktor-faktor berikut, pertama kadar upah pekerja ditetapkan mengikut harga getah dan kelapa sawit, kedua mengikut harga beras sebagai makanan ruji dan ketiga, bergantung kepada persetujuan pihak majikan untuk menaikkan kadar atau meningkatkan keselamatan di tempat kerja (Gamba, 1962: 7). Bagaimana pun situasi ini tidak membantu meningkatkan taraf hidup pekerja di Tanah Melayu, justeru itu masyarakat pekerja mula mempunyai kesedaran untuk berorganisasi dan terlibat dalam politik nasional untuk memperjuangkan nasib dan kebijakan masyarakat pekerja.

5.3 Sumbangan Imigran Wanita dalam Ekonomi

Semasa era penjajahan British dan perkembangan ekonomi kapital telah menyaksikan perubahan dalam struktur masyarakat dan pembentukan masyarakat kapitalis di tanah Melayu. Masyarakat pekerja terutama buruh imigran dari China dan India menjadi komoditi penting bagi membangunkan ekonomi British di Tanah Melayu. Buruh-buruh imigran ini telah diletakkan di bawah kawalan pemodal untuk menjual tenaga buruh ke sektor-sektor ekonomi seperti sektor perladangan,

perlombongan, industri perkhidmatan dan sektor am. Dalam proses ini, jenis pekerjaan buruh lelaki dan buruh wanita biasanya terpisah mengikut pembahagian kerja tertentu di mana kebanyakan buruh lelaki diletakkan dalam sektor komoditi pengeluaran dan wanita sebagai buruh domestik (Hing & Rokiah Talib, 1986: 4).

Sejarah penglibatan awal imigran wanita Cina dan India dalam sektor ekonomi direkodkan seawal tahun 1865 bagi wanita Cina, manakala imigran India pada tahun 1915 (Dancz, 1987: 34-35: Lee, 1989: 314). Wanita imigran Cina kebanyakannya bekerja di sektor perlombongan timah sebagai pendulang biji timah. Manakala pekerja India yang terdiri daripada buruh kontrak dan pekerja bebas kebanyakannya terlibat dalam perladangan gula dan getah. Rekod imigresen mencatatkan hanya sejumlah kecil imigran wanita Cina yang masuk ke Tanah Melayu berbanding dengan imigran lelakinya. Pada tahun 1865, rekod menunjukkan hanya 655 orang wanita Cina masuk ke Tanah Melayu, 1895 meningkat kepada 10, 650 orang wanita, 1911 jumlahnya semakin meningkat kepada 22, 738 orang tetapi menunjukkan penurunan kepada 10, 632 orang semasa berlangsungnya Perang Dunia Pertama. Jumlah kemasukan imigran wanita Cina ini meningkat semula kepada 1919 iaitu 13,883 orang dan terus meningkat kepada 18, 213 orang pada tahun 1922. Jumlah populasi wanita imigran ini kecil tetapi meningkat secara beransur-ansur walaupun terdapat kerajaan Cina melarang wanita keluar secara bebas dari negara mereka.

Polisi kerajaan China dan India ketika itu tidak menggalakkan wanita atau isteri imigran mengikut saudara atau suami mereka ke Tanah Melayu. Sebab utama ialah peranan wanita dalam masyarakat tradisional yang masih dianggap patriaki di mana wanita tidak boleh bekerja dan perlu berkhidmat kepada keluarga lelaki. Manakala kebanyakan imigran lelaki datang bekerja untuk sementara waktu sahaja di Tanah Melayu dan perlu pulang semula ke China atau India selepas mereka berjaya mengumpul kekayaan (Chun, 1989; Lee, 1989). Larangan wanita keluar dari China

disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu imigran lelaki dari China bekerja secara kontrak dan hanya bersifat sementara justeru itu mereka pasti pulang ke China, kedua kos perjalanan yang tinggi untuk membawa isteri dan anak-anak bersama-sama, ketiga polisi kerajaan dan ketegasan pihak berkuasa China untuk tidak membenarkan wanita Cina keluar dari negara mereka (*Annual Report of the Chinese Protectorate*, 1932-1938; Dancz, 1987:35). Jumlah populasi imigran wanita Cina semakin meningkat pada tahun 1933 apabila British telah menghadkan kemasukan buruh lelaki Cina melalui *the Aliens Ordinance*, 1933 setelah kejatuhan ekonomi Dunia. Ordinan ini diperkenal kerana pihak British cuba menyekat kemasukan pelarian politik dari China yang dianggap berbahaya kepada kerajaan British di Tanah Melayu.

Dalam pada itu, analisis awal penglibatan wanita imigran boleh dilihat dalam laporan banci penduduk Tanah Melayu pada tahun 1921, 1931 dan 1947 yang membahagikan aspek analisis mengikut etnik serta kawasan mereka ditempatkan. Namun begitu, data statistik imigran-imigran ini diberikan secara anggaran kerana data statistik yang diberikan tidak lengkap disebabkan sesetengah kawasan tidak dapat dimasuki kerana terlalu jauh ke pedalaman dan terdapat ancaman keselamatan (*A Report on the 1947 Census of Population, Federation of Malaya*). Menurut C. A. Vlieland (1931), secara umumnya data statistik jumlah anggaran imigran dari China di Tanah Melayu dari tahun 1916 hingga tahun 1940 ialah lebih daripada satu setengah juta. Laporan banci penduduk tahun 1947 juga menyebutkan bahawa tiada data statistik yang lengkap daripada pihak imigresen tentang kemasukan imigran Cina, beliau menyebutkan sebagai berikut:

...statistic relating to Chinese prior to 1931 were not immigration statistic at all; and that no figures whatever were available for Northern Indian or Malaysians⁸. Mr. Vlieland⁹ discovery was the whole system of

⁸ *Malaysians* di sini merujuk kepada kaum Melayu, termasuk kaum Melayu yang berasal daripada pulau-pulau yang di bawah pentadbiran Belanda.

collecting migration statistics had been completely overhauled in 1930 and that, subsequently the figures were as complete as could reasonably be expected though, doubtless, small movements by junk or boat to and from China, Indonesia and over Siamese border went unrecorded. ...it is only fair to point out that the pre-1930 figures for Chinese did not even purport to be migrations statistics. They were merely departmental reports kept by the Chinese Protectorate in Singapore of arrivals there of deck passengers from China including passengers in transit to other Malayan ports or other countries and of departures to China alone. Naturally, the use of these figures on the assumption that they were genuine migration statistics produced absurdly high estimates (*A Report on the 1947 Census of Population, Federation of Malaya*).

Justeru itu, tidak ada statistik yang lengkap mengenai jumlah imigran wanita Cina. Pada tahun 1921, laporan banci penduduk Tanah Melayu menunjukkan jumlah populasi wanita dianggarkan seramai 326,001 orang. Manakala pada tahun 1931, anggaran populasi wanita ialah 513,000 orang dan tahun 1947 anggaran populasi wanita ialah 1,188,211, anggaran pertumbuhan lebih seimbang dengan populasi lelaki dianggarkan seramai 1,426,456 orang. Laporan pada tahun 1947, telah mencatatkan anggaran perbezaan jumlah populasi setiap etnik yang dilahirkan di Tanah Melayu dan jumlah imigran yang diambil pengambilannya. Kebanyakan populasi Cina ini berasal daripada suku Hokkien, Kantonis, Hakka, Hainan, Tiechiu, Kwongsai dan Hokchiu (*A Report on the 1947 Census of Population, Federation of Malaya*).

Manakala kemasukan imigran wanita India agak berbeza dengan imigran wanita Cina. Pengambilan imigran wanita dari India Selatan bermula dengan sistem *kangani* yang membenarkan pengambilan satu keluarga sebagai satu unit migrasi (Lee, 1989:315). Seperti imigran Cina, jumlah imigran lelaki lebih tinggi berbanding daripada imigran wanita. Pada tahun 1921, jumlah populasi imigran India ialah 470,180 orang, sejumlah 136,181 orang merupakan imigran wanita. Menurut Dancz (1997), kadar populasi wanita India terus meningkat, di mana kadarnya di antara tahun 1891

⁹ Laporan banci 1931 disediakan oleh C.A. Vlieland.

menunjukkan daripada 18 wanita untuk setiap 1,000 orang lelaki berubah menjadi 482 orang untuk setiap 1,000 orang lelaki.

Jumlah imigran yang kebanyakannya berasal dari India Selatan semakin meningkat dalam tahun 1930-an, di mana laporan banci penduduk 1931, penduduk Tanah Melayu menganggarkan seramai populasi India ialah 621,847, sejumlah 202,981 orang merupakan populasi wanita. Manakala pada laporan banci penduduk 1947, menganggarkan seramai 599,616 populasi India, dan mencatatkan sejumlah 233,273 populasi wanita. Kebanyakan wanita dari India Selatan, terdiri daripada orang Tamil, Telugu dan Malayali. Manakala terdapat golongan yang berasal dari India Utara seperti, Sikh, Punjabi, Pathan, Bengali, Gujerati, Marwari dan lain-lain (*The Census of British Malaya, 1922; A Report on the 1947 Census of Population, Federation of Malaya; Annual Report of the Labour Department, Malaya, 1935-1938*). Daripada jumlah ini, imigran wanita India Selatan lebih mendominasi populasi wanita dari wilayah lain sebanyak 80% (Dancz, 1987: 60).

Kebanyakan buruh wanita India bekerja di sektor pertanian seperti di ladang getah dan nenas. Wanita-wanita ini bekerja bersama-sama dengan suami masing-masing terutamanya sebagai penoreh getah, tetapi dengan menerima kadar upah yang berbeza. Bagaimanapun, pihak majikan menyatakan terdapat golongan wanita muda India dan Cina merupakan buruh mahir sebagai sebagai penoreh getah berbanding yang lain. Justeru itu ada buruh imigran wanita ini mendapat elauan istimewa terutamanya mereka diberikan kelayakan ganjaran faedah bersalin (*Annual Report of the Labour Department, 1947*).

Peningkatan pekerja wanita dalam aktiviti ekonomi ini telah menunjukkan kesediaan masyarakat di Tanah Melayu untuk beralih kepada ekonomi berskala besar dan bersedia untuk menawarkan tenaga buruh mereka. Malah dalam proses ini pekerja-pekerja telah menerima sistem kapitalis yang secara beransur-ansur telah mengubah

asas masyarakat menjadi masyarakat industri. Buruh telah bersedia untuk menjadi komoditi yang paling berharga di pasaran di mana buruh imigran dari China dan India, lelaki dan perempuan telah diimport untuk bekerja di sektor perlombongan dan perladangan getah. Pada masa yang sama jumlah imigran Melayu hanya sedikit dan terlibat dalam ekonomi sara diri atau menjadi pekebun getah skala kecil. Semasa penjajahan British ia telah mencipta pembahagian buruh yang bukan sahaja condong ke arah pembentukan kelas baru tetapi juga mencipta masyarakat buruh yang diletakkan di bahawa kawalan pihak kapitalis yang berhak menentukan corak hidup dan menentukan kadar upah berdasarkan beberapa kategori yang ditentukan oleh majikan. Justeru itu, untuk hidup mereka hanya dapat menjual tenaga dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka (Kaur, 1986: 2).

Jadual 5.1

Perbandingan kadar upah antara buruh lelaki dan buruh wanita India di ladang getah
1915-1941 (sen/hari)

Tahun	Buruh lelaki (sen/hari)	Buruh wanita (sen/hari)
1915	35-50	25-30
1917	45	40
1920	50	40
1928	50	40
1930	40	32
1932	25	20
1937	45	36
1941	60	50

Sumber: Chew, 1970; Netto, 1961:43.

Daripada Jadual 5.1 menunjukkan kadar upah yang diberikan kepada buruh lelaki dan wanita India yang terlibat dalam sektor perladangan getah di Tanah Melayu. Sejak dari awal kadar upah buruh lelaki dan wanita berbeza walaupun kedua-duanya bekerja sebagai penoreh getah. Perbezaan ini membuktikan kerja-kerja buruh masih di bawah budaya patriarki, di mana buruh wanita dianggap lemah dan mudah dieksplotasi.

Pada tahun 1930, upah buruh dipotong disebabkan krisis ekonomi, di mana buruh lelaki kadar upahnya ialah 40 sen sehari, manakala upah buruh wanita dipotong 32 sen sehari untuk tugas yang sama. Kadar upah ini terus jatuh di mana pada tahun 1932, upah buruh ditetapkan pada 25 sen sehari untuk lelaki dan 20 sen sehari untuk buruh wanita.

Namun begitu jika dibandingkan dengan pekerja buruh India dan Melayu, di negeri-negeri tertentu pekerja buruh Cina dibayar gaji yang lebih tinggi kerana mereka tidak perlu disediakan tempat tinggal, tidak ada kemudahan pusat perubatan, tidak perlu disediakan makanan, justeru itu mereka bebas memilih tempat kerja. Sebagai contoh, pada tahun 1929 anggaran kadar upah mengikut hari bagi penoreh getah Cina ialah antara 70 sen sehingga \$2.00 sehari, jika dibandingkan dengan penoreh getah India yang menerima upah pada kadar 50 sen sehingga 70 sen sehari. Bagaimanapun, pihak kerajaan India akhirnya telah campur tangan dan menuntut agar pihak majikan memperkenalkan upah minimum bagi buruh wanita dan lelaki India. Kadar upah ini juga mengikut kawasan-kawasan yang diklasifikasikan sebagai *key area*¹⁰ (Neelakandha, 1937:120; Datta, 2016). Perbezaan kadar upah ini juga boleh dirujuk dalam Jadual 5.2 untuk melihat perbandingan upah buruh India ladang getah mengikut gender. Pada tahun 1930-an, sektor ladang mula membuka peluang pekerjaan kepada wanita Cina dan sektor ini mencatatkan 53% imigran wanita Cina terlibat dalam aktiviti pertanian, dan 28.8% bekerja di ladang getah (Lee, 1989:326).

Kaur (1986) menjelaskan dengan perkembangan imperialis dan industri kapitalis, pekerja buruh dapat dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu pengeluaran komoditi secara umumnya menggunakan tenaga kerja lelaki, manakala kerja-kerja buruh domestik dilakukan oleh buruh wanita, sebagai contoh buruh wanita kaum Cina dan India melalui proses ini semasa mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi kapital di

¹⁰ ‘Key-area’ Merujuk kepada lokasi strategik, bersih, berdekatan dengan bandar dan mudah mendapat barang keperluan harian dengan harga yang rendah. ‘Non-key area’ merujuk kepada kawasan pedalaman dan harga barang keperluan tinggi.

Tanah Melayu. Sebagai contoh, wanita Cina yang terlibat sebagai buruh hanya tertumpu di satu bahagian blok sebagai pendulang bijih timah. Mereka terpaksa berdiri di dalam air sepanjang hari untuk proses mendulang bijih timah. Mereka hanya menerima upah pada kadar 30 hingga 40 sen sehari. Pekerja ini terpaksa tinggal di rumah kongsi dan tinggal beramai-ramai, malah pihak majikan tidak menyediakan rumah menjaga kanak-kanak dan bayi. Justeru itu, bagi wanita yang mempunyai anak kecil mereka terpaksa menggalas anak-anak mereka dan dibawa ke tempat kerja. Pada tahun 1921 sehingga tahun 1957 menunjukkan peningkatan jumlah penglibatan buruh wanita dalam aktiviti perlombongan, iaitu meningkat 11.5% pada tahun 1921, pada tahun 1931, kadar peratusannya masih sama iaitu 11.1 peratus, kemudian peratusannya meningkat kepada 20% pada tahun 1947 sebelum pengeluarannya jatuh kepada 12.2% pada tahun 1957.

Pada akhir abad ke-19, sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah merupakan sektor yang paling membangun dan memerlukan tenaga buruh yang tinggi. Peluang pekerjaan dalam sektor ini turut terbuka kepada kaum wanita bidang pekerjaan wanita juga namun, pada peringkat awal jumlah pekerja wanita masih kecil. Terdapat juga mereka yang bekerja sebagai buruh di ladang getah seperti menjadi pemotong getah, membersih lalang dan rumpai serta menanam pokok getah. Selain itu, imigran wanita ini terlibat dalam sektor hiburan dan sektor industri pembuatan (Purcell, 1967; Dancz, 1987; Jackson, 1961).

Pada tahun 1930-an juga telah menyaksikan kemasukan imigran wanita dalam skala yang besar ke Tanah Melayu. Jumlah yang besar ini hasil daripada polisi kerajaan melalui *Immigration Restriction Ordinance* yang menghadkan kemasukan buruh lelaki Cina pada tahun 1931, undang-undang ini diperketatkan semula pada tahun 1933 dengan *Aliens Ordinance* bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti buruh yang berkait rapat dengan politik, sosial dan keperluan ekonomi di Tanah Melayu (Tai, 2000: 33). Pada tahun 1933, larangan undang-undang ini tidak melibatkan imigran wanita, hanya pada

tahun 1938 undang-undang dikuatkuasakan kepada imigran wanita. Justeru itu, di antara tahun 1933-1938, imigran wanita telah masuk ke Tanah Melayu dalam skala yang besar terutama imigran wanita daripada Kwangtung yang datang daripada *Shun Tak* dan *Tung Kwun* disebabkan penutupan industri sutera di wilayah tersebut (Tai, 2000; Seng, 2006: 5-31; Purcell, 1967). Majoriti imigran buruh wanita Cina ini bekerja di sektor perlombongan timah, perladangan getah, buruh pembinaan dan perkilangan (Tai, 2000; Purcell, 1967; Lee, 1989).

Ironinya penglibatan imigran wanita dalam aktiviti ekonomi semakin meningkat kerana krisis ekonomi dunia pada 1930-1935. Krisis ekonomi dunia ini menyebabkan banyak perniagaan terpaksa ditutup dan ramai buruh terpaksa menganggur termasuk buruh wanita. Kesan daripada itu, demi meneruskan nasib dan menampung kehidupan keluarga, lebih ramai imigran wanita termasuk masuk ke pasaran buruh menjadi pekerja, pembantu buruh, pelombong, penjaja atau terlibat dalam sektor hiburan seperti menjadi pelayan, penari dan sebagai pekerja seks (Fan, 2005: 174-185). Peningkatan wanita dalam pekerjaan menunjukkan berlaku perubahan aliran permintaan buruh berubah di mana majikan mula mengambil wanita untuk bekerja kerana mereka sanggup menawarkan upah yang murah. Selain kesanggupan wanita bekerja mencari nafkah untuk keluarga, buruh-buruh wanita ini telah menyumbang kepada pertumbuhan semua ekonomi di Tanah Melayu. Pada tahun 1940-an wanita merupakan pekerja buruh yang terbesar dalam sektor perladangan getah. Biasanya wanita akan bekerja bersama-sama sebagai penoreh getah dan membuat kerja-kerja sampingan di ladang seperti mencabut rumput dan menebas. Namun begitu, kerajinan penoreh wanita terutama wanita muda Cina sehingga pihak majikan membayar mereka upah sebanyak \$185 untuk dua bulan termasuk ganjaran bersalin (*Annual Report of Labour Department, 1947*).

Manakala di kawasan perlombongan, mereka mendulang timah dan memperbaiki perbatasan. Mendulang dan membersih bijih timah merupakan kerja sambilan, di mana pada tahun 1921 sahaja, direkodkan seramai 8,116 pekerja wanita di kawasan perlombongan terutamanya sebagai pendulang dan pembersih bijih timah. Pekerja wanita hanya terbatas kepada kerja-kerja seperti mendulang dan melampau (Yip, 1969; Kaur, 2004; Siew, 1953). Mereka juga menerima upah yang kecil berbanding dengan lelaki dan tidak disediakan tempat tinggal. Kebanyakan buruh lelaki diberikan kongsi atau tempat tinggal yang disediakan oleh majikan di kawasan berhampiran tempat perlombongan (Siew, 1953; Jackson, 1963). Buruh lelaki juga biasanya diberikan upah harian yang lebih tinggi berbanding dengan buruh wanita. Selain itu terdapat juga isu pemerdagangan wanita Cina di Tanah Melayu apabila wanita ini dipaksa bekerja dengan kongsi gelap sebagai pekerja seks (Lim: 1980; Ah, 1986; Manderson, 1997).

Krisis ekonomi telah menyebabkan banyak ladang getah dan lombong bijih timah ditutup, menyebabkan pemodal Cina terpaksa melabur kepada sektor lain seperti sektor pembuatan, pemprosesan makanan dan kewangan. Sektor makanan mula penting apabila keadaan mula tegang antara dua blok utama dunia. Justeru itu, kebanyakan buruh-buruh wanita daripada sektor perlombongan pada tahun 1931 telah bertukar ke sektor-sektor pembuatan dan industri makanan. Terdapat juga buruh wanita yang bekerja sebagai buruh kontrak dengan kadar upah yang rendah di ladang-ladang getah dan lombong ketika krisis ekonomi dunia setelah buruh lelaki diberhentikan atau dibuang kerja. Buruh-buruh wanita mula bekerja di sektor perindustrian terutama industri getah dan nenas yang menunjukkan buruh wanita diambil bekerja sehingga menjadi pekerja mahir (*Annual Report of Labour Department, 1947*; *Annual Report, Land and Mines Department, FMS, 1925*; *A Report on the 1947 Census, Malaya*).

Secara keseluruhan penglibatan wanita Cina dalam aktiviti ekonomi dapat dibahagikan kepada beberapa sektor utama, iaitu pertanian terutamanya terlibat sebagai buruh di ladang getah, perlombongan, sektor industri pembuatan, sektor perniagaan dan kewangan serta perkhidmatan (*A Report on the 1947 Census, Malaya; A Report on the 1931, Census and Certain Problems of Vital Statistic*). Dalam tempoh tahun 1931 dan 1947, penglibatan aktiviti ekonomi wanita Cina di Tanah Melayu telah berkembang pesat. Ini disebabkan permintaan di sektor perladangan, perlombongan, perkhidmatan dan pembuatan industri semakin tinggi selepas Perang Dunia Kedua. Ia juga disebabkan ramai golongan buruh imigran memerlukan pekerjaan untuk menampung kos sara hidup yang tinggi disebabkan kekurangan bekalan makanan dan kemusnahan tempat tinggal.

Sektor pertanian terutamanya dalam sektor perladangan getah merupakan sektor yang paling tinggi menawarkan pekerjaan kepada wanita Cina, iaitu pada tahun 1931 sektor perladangan getah menunjukkan 28.8% dan pada tahun 1947 meningkat kepada 36.4%. Sektor perkhidmatan dan personal jatuh di tempat kedua, di mana pada tahun 1931 menunjukkan peratusannya sebanyak 19.5%, manakala pada tahun 1947, sektor ini jatuh kepada 16.6%. Sektor ketiga yang paling tinggi ialah sektor perlombongan, iaitu pada tahun 1931, 13 % tetapi jatuh kepada 5.6 % pada tahun 1947. Manakala sektor perniagaan dan kewangan jatuh pada tempat keempat, iaitu pada tahun 1931 sejumlah 5.9% wanita terlibat manakala, pada tahun 1947 hanya jatuh kepada 1%. Sektor seterusnya ialah industri pembuatan yang juga menunjukkan peningkatan, iaitu pada tahun 1931, jumlah peratusan pekerja wanita ialah 2.4 % tetapi peratusannya meningkat menjadi 5.8 % pada tahun 1947. Hal ini disebabkan selepas Perang Dunia Kedua, telah berlaku kekurangan bekalan makanan berzat dan bekalan air bersih sehingga menyebabkan pelbagai penyakit (*A Report on the 1947 Census, Malaya; A Report on the 1931, Census and Certain Problems of Vital Statistic*; Lee, 1989).

Penglibatan buruh imigran wanita India dalam aktiviti ekonomi di Tanah Melayu pada peringkat awalnya agak kecil jika dibandingkan dengan buruh imigran lelaki India. Secara umumnya, hanya sedikit buruh wanita yang direkrut kerana pihak agen buruh sejak awal tidak menggalakkan isteri atau wanita secara individu ikut serta ke Tanah Melayu. Ini kerana mengikut agama dan budaya masyarakat India dimana kebebasan wanita amat terhad kerana peranan mereka harus berkhidmat dan taat kepada keluarga suami (Dancz, 1987: 61). Malah, setelah berlakunya eksplotasi terhadap buruh wanita India melalui sistem kemasukan buruh sebelumnya menyebabkan kerajaan India tidak menggalakkan wanita keluar. Antara faktor tersebut ialah melibatkan penculikan secara terancang dan berlaku penderaan terutama kepada wanita muda. Wanita-wanita muda ini ada yang diculik untuk dijadikan pelacur di penempatan buruh (Arasaratnam, 1970:13). Justeru itu, kebanyakan wanita-wanita yang datang terdiri daripada isteri dan anak-anak perempuan kepada pekerja imigran dan kebanyakan jenis pekerjaan adalah berkaitrapat dengan pekerjaan suami mereka. Buruh wanita ini telah diterima bekerja namun, daripada hubungan gender mereka masih dianggap tidak penting, di mana buruh wanita masih dibayar dengan kadar upah yang rendah untuk melakukan kerja yang sama.

Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang semakin pesat di Tanah Melayu telah menyebabkan pelaburan semakin meningkat dalam pelbagai sektor ekonomi di Tanah Melayu. Permintaan tinggi daripada sektor perladangan dan sektor pembinaan telah meningkatkan keperluan buruh. Walaupun jumlah imigran lelaki secara ketara melebihi imigran wanita namun, rekod kemasukan imigran wanita India ke Tanah Melayu menunjukkan telah berlaku peningkatan dalam merekrut tenaga buruh wanita serta kanak-kanak di sektor perladangan. Jika sebelum ini permintaan buruh tertumpu kepada lelaki tetapi perkembangan dalam sektor industri menyebabkan keperluan buruh semakin meningat. Manakala kenaikan kadar upah terlalu sedikit atau tidak berubah

menyebabkan upah lelaki sebagai ketua keluarga tidak mencukupi untuk menampung keperluan keluarga. Justeru itu, isteri dan anak-anak terpaksa bekerja untuk menambah pendapatan keluarga. Pihak majikan telah mengambil kesempatan atas kemiskinan buruh dengan menawarkan kerja dan kadar upah yang rendah untuk wanita dan kanak-kanak.

Buruh wanita dan kanak-kanak di Tanah Melayu dibenarkan bekerja apabila pihak kerajaan India bertindak menghentikan eksport buruh dan pihak majikan perlu membayar kos yang lebih tinggi sekiranya mereka ingin merekrut tenaga buruh baru. Berbanding dengan imigran bangsa lain, wanita India merupakan buruh yang paling tinggi bekerja di kawasan ladang getah. Seawal tahun 1910, kadar upah untuk pekerja ladang getah tidak dibayar secara bulanan tetapi mengikut jenis pekerjaan yang dilakukan. Jadual 5.2 menunjukkan perbandingan kadar upah yang diberikan kepada penoreh getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu di antara pekerja lelaki India dan Cina serta penoreh getah wanita India sebelum zaman kemelesetan ekonomi pada tahun 1930. Jadual tersebut juga menunjukkan perbezaan kadar upah yang ketara antara penoreh getah lelaki India dan Cina serta perbezaan penoreh getah wanita India dengan penoreh lelaki. Walaupun melakukan kerja yang sama namun terdapat perbezaan yang ketara dalam kadar upah disebabkan pekerja adalah wanita.

Jadual 5.2

Kadar perbezaan upah antara buruh wanita India dan lelaki India dan Cina di sektor perladangan getah (penoreh getah dan membersihkan ladang) di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1925-1931 (sen dan \$)

Tahun	Lelaki (India) sen/hari	Wanita (India) sen/hari	Lelaki (Cina) sen/hari
1925	40-65	32-35	80-1.50
1926	40-60	32-35	80-2.00
1927	45-65	32-35	80-2.10
1928	45-65	32-35	70-2.00
1929	50-70	40	70-2.00
1930	40-55	32-36	-
1931	30-50	27	-

Sumber: *Annual Report, Labour Department of Malaya 1925-1935*; Parmer (1960):277; Tai (2000): 232; Neelakandha (1937): 120.

Manakala bagi pekerja buruh wanita India, kebanyakannya terlibat dalam sektor pertanian terutamanya menjadi buruh di ladang-ladang getah. Pekerja wanita India yang paling ramai terlibat sebagai penoreh getah dan membersihkan kawasan ladang. Semasa mereka bekerja, anak-anak kecil mereka akan dijaga oleh pengasuh yang disediakan oleh pihak majikan. Kadar upah untuk buruh wanita dan kanak-kanak masih rendah berbanding dengan buruh lelaki. Kebanyakan satu keluarga buruh terlibat sebagai buruh di ladang-ladang getah yang biasanya dimiliki oleh majikan Eropah untuk menampung kehidupan mereka. Bagi mengekalkan buruh-buruh ini diladang, pihak British mengawal buruh India dengan memastikan kadar upah yang ditentukan oleh majikan. Bagi mengelakkan kadar upah dinaikkan ketika permintaan buruh meningkat, pihak British tepaksa mengawasi kemasukan buruh melalui jabatan imigresen. Manakala pihak majikan terpaksa mengawal keperluan buruh dan kadar kenaikan upah dengan cara meningkatkan kos hidup pekerja dan mengambil wanita dan kanak-kanak ini bekerja.

Jadual 5.3 menunjukkan kadar perbezaan upah antara buruh lelaki dan buruh wanita India di kawasan perladangan getah pada tahun 1933. Daripada jadual tersebut ia

menunjukkan perbezaan kadar upah antara buruh lelaki dan wanita India serta buruh lelaki Cina. Walaupun, melakukan kerja yang sama dan membayar yuran dengan kadar yang sama untuk asrama penginapan buruh, terdapat perbezaan yang ketara antara kadar upah buruh wanita dan lelaki India. Perbezaan upah ini walaupun buruh-buruh wanita melakukan kerja yang sama, tugas mereka seperti tidak dihargai dan dianggap tidak penting.

Pada zaman kemelesetan ekonomi disebabkan kejatuhan harga komoditi utama, pekerja-pekerja ladang getah upah pekerja telah dikurangkan. Namun bayaran upah buruh wanita India telah dikurangkan hampir separuh daripada kadar upah biasa, bagi tugas dan jenis pekerjaan yang sama serta memerlukan ketelitian. Dalam membangunkan sektor ekonomi ia menampakkan bahawa pihak pemodal dan majikan mengeksplotasi ideologi patriarki dan perhubungan gender untuk memperolehi keuntungan (Rohana Ariffin, 1988;1997). Malah dalam peruntukan Kod Buruh 1923, pihak kerajaan telah membenarkan kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke atas untuk bekerja di kilang industri manakala kanak-kanak berusia 10 tahun bekerja di sektor perladangan getah. Ini kerana pihak British ketika ini tidak mewajibkan pendidikan ke atas anak-anak buruh imigran India, malah pihak majikan tidak merasakan menjadi tanggungjawab mereka menyediakan sekolah. Sekolah di ladang getah hanya dianggap sebagai tempat yang selamat untuk melindungi anak-anak daripada aktiviti tidak sihat ketika ibu bapa mereka bekerja (Neelakandha, 1937: 58).

Golongan pekerja yang terdiri daripada golongan imigran terpaksa berdepan dengan masalah dieksplotasi oleh penyelia atau majikan di Tanah Melayu. Secara keseluruhan, pekerja India di sektor perladangan merupakan aset penting kepada golongan pemodal kerana mereka merupakan pekerja yang patuh dan dikatakan tidak menimbulkan masalah di tempat kerja. Malah Stenson (1980:21) dan (Wiebe & Mariappan, 1978) menjelaskan kadar upah yang rendah dan kos hidup yang tinggi

merupakan salah-satu taktik pihak *Indian Immigration Committee* untuk mengawal bekalan buruh dari India ketika itu.

Jadual 5.3

Kadar perbezaan upah (sen) antara buruh wanita dan lelaki (India) di sektor perladangan getah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1933

	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang
Setor dan kilang	35 -50	35-50	32-50	35-55
Penoreh Getah				
Lelaki	26-40	26-40	27-40	30-47
Wanita	24-32	22-32	24-32	26-37
Menerang dan membersih ladang				
Lelaki	25-30	25-40	25-30	28-47
Wanita	22-25	22-32	22-25	24-37

Sumber: *Annual Report, Labour Department of Malaya, 1933*.

Kemelesetan ekonomi dunia yang bermula sekitar 1930-1933 juga menyaksikan kesedaran buruh tentang ketidakadilan terutamanya berkenaan jurang upah yang terlalu besar antara buruh India dan buruh China. Selain itu, persekitaran tempat kerja yang tidak selamat dan pembuangan pekerja yang dilakukan secara tidak adil. Akhirnya, pekerja-pekerja mula bersepakat memulakan pergerakan persatuan buruh untuk menjaga kepentingan buruh. Pergerakan ini juga mengetengahkan isu dan menyelesaikan rasa tidak puas hati pekerja kepada pihak majikan. Kebanyakan pihak buruh ini telah menuntut kenaikan upah dan pihak majikan memperbaiki dan menyediakan persekitaran kerja yang baik dan selamat¹¹ selepas harga komoditi getah dan timah meningkat semula pada tahun 1935. Peningkatan harga komoditi getah melebihi 250 peratus di

¹¹ Tuntutan ini bermaksud menyediakan lampu-lampu dikilang (untuk pekerja malam), lombong dan kuarters pekerja. Pekerja tidak wajib bekerja sekiranya hujan, tidak boleh menyeksa dan memukul pekerja, bekalan air bersih, dan disediakan bilik air yang berasingan untuk lelaki dan wanita (*SSG 735/1936: Labour Strikes in Selangor, 1936-1937*).

antara tahun 1933-1936 menyebabkan pihak buruh berkeras menuntut agar kadar upah yang sedia ada dipinda dan pihak majikan perlu menaikkan upah semula upah pekerja mereka (Wilson, 1981: 4).

Buruh-buruh ini juga mengimbau pengalaman buruk semasa bekerja di sektor ladang dan perlombongan di Tanah Melayu ketika kemelesetan ekonomi apabila upah mereka dikurangkan secara drastik. Walaupun harga getah meningkat semula namun cadangan *United Planting Associations of Malaya* (UPAM) untuk mengurangkan lagi kadar upah buruh-buruh India setelah kerajaan India memberhentikan import buruh ke Tanah Melayu pada tahun 1938 telah menimbulkan kemarahan buruh India di Tanah Melayu. Justeru itu, buruh-buruh ini akhirnya bersatu dalam persatuan buruh bagi mengadakan perundingan dan menyelesaikan melalui wakil buruh yang dilantik oleh pihak kesatuan buruh. Buruh wanita turut terlibat dan bangkit memprotes ketidakadilan terhadap buruh, malah mereka turut memperjuangkan tuntutan ke atas keselamatan buruh wanita apabila berlakunya pencabulan terhadap buruh wanita seperti yang berlaku di Selangor dan Perak (Ng, Maznah Mohammad & Tan, 2006: 3; Leong, 1999: 17).

Kesatuan buruh telah memulakan tuntutan untuk menaikkan kadar upah, memprotes pemotongan upah, jam bekerja terlalu panjang antara 10-12 jam, pembuangan pekerja sesuka hati, persekitaran tempat kerja yang tidak selamat serta tuntutan agar tindakan diambil ke atas pesalah yang terlibat dalam kes pencabulan serta gangguan seksual. Kebanyakan pergerakan ini dilancarkan oleh pekerja imigran Cina untuk membela nasib dan kehidupan mereka agar diberikan upah yang setimpal dengan masa dan tenaga mereka. Sebelum mereka melancarkan mogok, mereka memberitahu dahulu pihak majikan dan menyenaraikan isu-isu yang dihadapi oleh untuk berunding dengan majikan. Sekiranya pihak majikan bersetuju untuk berunding dan mengambil tindakan yang dipersetujui bersama, maka mereka bersetuju untuk membatalkan mogok tersebut.

Perjuangan ini mula menarik perhatian organisasi politik yang kritis terhadap pihak majikan yang mengeksplotasi pekerja buruh yang kebanyakannya buta huruf dan tidak memahami undang-undang. Imigran wanita terutama wanita Cina telah diberi kesedaran politik melalui kelas-kelas malam dan kelas politik yang dimulakan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). PKM dan CIAM telah mula mendekati organisasi buruh setelah mendapat inspirasi melalui kesedaran nasionalisme dari negara China, Indonesia dan India. Pada tahun 1936, CIAM memulakan perjuangan membantu buruh selepas menyaksikan penderitaan komuniti buruh semasa kemelesetan ekonomi. Organisasi ini mula kempen untuk meningkatkan status komuniti India di Tanah Melayu terutamanya menjaga kepentingan buruh Tamil dan Telugu di ladang-ladang getah walaupun kepimpinannya terdiri daripada golongan menengah India, berpendidikan Inggeris dan berasal dari India Utara (Wilson, 1981: 2; Stenson, 1980: 26). Kedua-dua organisasi politik ini dikatakan telah mempengaruhi pergerakan buruh untuk memperluaskan asas perjuangan politik mereka.

5.4 Penglibatan Wanita dalam Aktivisme Buruh

Pada peringkat awal, komuniti buruh tidak mempunyai kesatuan atau organisasi yang tersusun untuk mewakili mereka berkomunikasi dengan pihak majikan. Bagi pekerja dan buruh India, pihak kerajaan India memainkan peranan penting untuk menjaga kepentingan mereka, berbeza dengan pekerja Cina menguruskan masalah pekerja melalui *guilds*. Bagaimanapun, beberapa pekerja yang berpelajaran telah memulakan inisiatif untuk menuju kesatuan sekerja. Pada masa yang sama, walaupun kebanyakan pekerja imigran ini terdiri daripada kelas rendah dan buta huruf tetapi mereka tetap mengikuti perkembangan politik di negara asal. Pendedahan tentang pergolakan politik terutamanya di China, India dan Indonesia telah meningkatkan

kesedaran nasionalisme dan penubuhan kesatuan pekerja untuk membantu rakan pekerja mula mempengaruhi pemikiran buruh imigran di Tanah Melayu (Dass, 1991:23; Stenson, 1980: 35).

Penubuhan pergerakan buruh adalah bertujuan mengutarakan permasalahan pekerja dan menuntut keadilan sosial bagi mereka (Gamba, 1962; Leong, 1999; Jomo & Todd, 1994). Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kebangkitan pekerja dan mendorong kepada penubuhan pergerakan buruh di Tanah Melayu. Sejak di peringkat awal lagi, pihak pentadbiran British telah mengamalkan polisi pecah dan perintah dalam pengambilan dan menguruskan kebajikan pekerja-pekerja imigran. Buruh imigran India diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Buruh sementara imigran Cina dipantau oleh *the Chinese Protectorate*. Pergerakan buruh migran Cina lebih bebas dan bersifat sukarela di mana mereka boleh berunding tentang kadar upah dan tempoh masa bekerja. Manakala buruh India berada dalam pengawasan majikan, apabila mereka memerlukan buruh pihak majikan hanya perlu mengemukakan permohonan dan buruh akan dibekalkan ke Tanah Melayu (Neelakandha, 1937: 15). Jika dibandingkan antara buruh Cina dan buruh India, buruh imigran Cina lebih bersatu di mana kebanyakan buruh Cina menganggotai *guild* yang menjaga kebajikan dan memupuk solidariti di antara mereka. Buruh India tidak mempunyai struktur sosial dan ekonomi yang membolehkan mereka menuju organisasi atau kesatuan buruh yang akan menjaga kepentingan mereka. Menurut Neelakandha (1937), buruh imigran Cina nekad dalam tuntutan mereka, malah bersatu untuk mengadakan protes serta mogok sehingga pihak majikan bersetuju dengan tuntutan mereka. Manakala buruh India tidak mempunyai organisasi untuk menjaga kepentingan mereka tambahan pula lokasi ladang getah yang berselerak dan jauh ke kawasan pedalaman melemahkan organisasi buruh. Kebanyakan buruh dari India buta huruf, berbeza etnik, bahasa dan kasta menyebabkan mereka sukar bersatu dan sukar membentuk organisasi pekerja:

There are some sharp contrasts between the Indian and the Chinese labourer. The latter, though a more homogenous group than Indians, are divided into five principle tribes. The Cantonese work mainly on the mines, though many of them are engaged on the plantations. The Hokkiens pursue an agricultural occupation in the country district and form a bulk of shop-keeping and trading classes in the towns. The Khehs work on the rubber estates, The Tie Chius are fishermen and also work aslabourers in estates. In towns, most Hylams are domestic servant, but in some parts, principally in Malacca, there are small Hylam rubber estates. These divisions and also the differences due to dialects do not, however, stand in the way of the Chinese being far better organised. There are more than 200 Chinese guilds which give them a sense of solidarity and strength for community efforts (Neelakandha, 1937: 16).

Kesedaran buruh-buruh India tentang eksplorasi pekerja dan semangat nasionalisme bermula di bandar-bandar besar. Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja buruh pelabuhan, keretapi dan pekerja syarikat pengangkutan. Kebanyakan buruh ini menerima pendidikan khas dan mempunyai kesedaran nasionalisme awal dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Namun ketika ini mereka belum berpeluang menyusun kesatuan buruh, namun tuntutan pertama buruh India di Syarikat Percetakan Caxton yang telah melancarkan mogok pada tahun 1927 telah membuka peluang untuk buruh India aktif dalam pergerakan buruh (*Suara Demokrasi*, 1983: 7).

Permulaan kebangkitan antipenjajahan British dalam kalangan pekerja-pekerja imigran dimulakan pada tahun 1927, apabila *the Nanyang General Labour Unions* (NGLU) mendakwa kesatuan tersebut dianggotai oleh 5,000 ahli akan mengadakan mogok (Dass, 1991:25). Bagaimanapun, fokus perjuangan NGLU yang hanya tertumpu kepada ideologi politik dan semangat nasionalisme gagal mendapat sambutan pekerja kerana golongan pekerja terpaksa berdepan dengan isu lain seperti isu pembuangan pekerja secara besar-besaran di ladang-ladang, isu tempat kerja yang teruk dan isu pemotongan upah yang menyebabkan kesengsaraan buruh yang berpanjangan. NGLU terlalu didominasi oleh buruh Cina dan hanya beberapa orang buruh India yang berminat menyertainya. Tempat tinggal yang berasingan dan tidak ada organisasi yang efektif untuk mewakili buruh India telah menyebabkan buruh India tidak menyertai

kesatuan buruh. Malah dikatakan sebelum 1935, pekerja dan buruh Cina dan India tidak tersusun dan tidak bersatu. Ini disebabkan peranan Jabatan Buruh, yang melaksanakan kawalan paternal dan pemantauan ke atas pekerja India dari segi upah, tempat tinggal, kemudahan kesihatan, malah menghantar pulang pekerja yang berani bersuara. Buruh India dikatakan terbiasa dengan dinaungi dan ditadbir oleh penjajah (Josey, 1958:82).

Menyedari kesilapan ini, *the Malayan General Labour Union* (MGLU) telah ditubuhkan pada tahun 1930 untuk menggantikan NGLU. Bagaimanapun MGLU gagal kerana berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 1930, tetapi kesatuan ini bangkit semula pada tahun 1934, apabila keadaan ekonomi Tanah Melayu beransur pulih. Organisasi buruh mula melancarkan mogok dan protes untuk menuntut hak-hak mereka sebagai pekerja (Dass, 1991:25; Tai, 2000:26). Pihak kerajaan British mula memantau aktiviti kesatuan sekerja kerana ia dilihat sebagai ancaman besar kepada sektor ekonomi di Tanah Melayu. Kebangkitan golongan buruh telah dimulakan oleh MGLU yang mempunyai hubungan erat dengan Parti Komunis Malaya (PKM). PKM telah bekerjasama dengan MGLU telah menanamkan semangat nasionalisme dan ideologi komunis kepada golongan buruh (Leong, 1999: 48-49; Tai, 2000:86). PKM dan MGLU dilihat telah menetapkan agenda bersama untuk menamatkan pentadbiran penjajahan British di Tanah Melayu (Stenson, 1970; Howe, 1993; Chin, 2009).

Mereka telah menyelinap ke dalam pergerakan buruh untuk menubuhkan *Malayan Soviet Republic of Workers and Peasant* (Tai, 2000: 206). Perjuangan ini telah meletakkan asas penting kepada kepimpinan kesatuan pekerja dan menyebabkan pihak kerajaan British terdesak kerana menyedari kekuatan kesatuan sekerja yang menerima sokongan antarabangsa dan parti politik terutamanya PKM (Yeo, 1976; Tai, 2000; Josey, 1958). Penubuhan kesatuan sekerja ini juga mempunyai perkaitan yang erat dengan pejuang nasionalis Cina dan India yang berjuang untuk menamatkan penjajahan British dan perkembangan imperialism Barat. Pencerobohan Jepun ke atas China telah

mewujudkan gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu yang berikrar untuk membantu perjuangan golongan nasionalis China menentang imperialis Jepun. Pergerakan antifasis Jepun ini ditubuhkan bagi mengganggu kelancaran kepentingan ekonomi Jepun di Tanah Melayu (Suriani Abdullah, 2006:15; Thompson, 1947: 105). Kebanyakan golongan buruh imigran Cina tertarik dengan pelbagai jenis organisasi buruh yang terlibat dengan kempen anti-Jepun yang akhirnya membantu proses memperkuatkan organisasi buruh di Tanah Melayu.

Sebelum itu, pada tahun 1934 buruh dan pekerja *FMS Railways* melancarkan mogok di sepanjang stesen keretapi dari Kuala Lumpur ke Tanjung Malim. Pekerja-pekerja menuntut kenaikan upah untuk pekerja mahir dan upah yang tetap kepada buruh am. Pekerja juga meluahkan tidak puas hati apabila upah mereka dipotong dan tidak dinaikkan semula selepas keadaan ekonomi pulih. Bagi melancarkan perkhidmatan keretapi pihak Keretapi Tanah Melayu Bersekutu telah menghantar pekerja sukarela untuk menggantikan pemogok. Mereka terpaksa memungah dan memuatkan sejumlah arang batu ke lokomotif, tetapi muatan ini hanya bertahan untuk beberapa hari sahaja. Akhirnya pihak majikan memutuskan untuk mempertimbangkan tuntutan buruh India untuk menaikkan upah mereka. Namun keadaan menjadi tegang apabila dua hari selepas kejadian tersebut, pihak majikan menarik semula perbincangan untuk menaikkan kadar upah dan menolak tuntutan pekerja keretapi. Percubaan awal buruh India untuk mengadakan mogok gagal, namun ia telah memberi impak besar kepada pekerja dan buruh India. Ia merupakan isyarat penting kepada golongan pekerja dan buruh di sektor ekonomi lain bahawa inilah masanya kesatuan sekerja di Tanah Melayu harus bersolidariti dan bangkit menentang penindasan ke atas pekerja (Tai, 2000: 44).

Manakala buruh ladang India mula terlibat dalam kesatuan buruh selepas krisis kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1935, setelah melalui kegetiran hidup apabila upah mereka dipotong secara drastik dan dipaksa bekerja lebih masa, dibuang kerja atau

dikembalikan ke India kerana kemelesetan ekonomi. Permasalahan utama ialah apabila pihak majikan tidak menyediakan kemudahan kediaman yang boleh didiami serta melambatkan pembayaran upah. Pembayaran upah yang sering lambat menyebabkan mereka terpaksa menanggung beban hutang dan hidup dalam kemiskinan. Pada peringkat awal buruh-buruh India cuba mengadakan perundingan dengan majikan tetapi perbincangan sering menemui jalan buntu (*Suara Demokrasi*, 1984: 6). Selain itu, buruh lombong turut menyertai aktiviti kesatuan apabila MGLU pada November 1936, telah melancarkan mogok umum yang disertai oleh 7,000 pekerja Cina dan pekerja India di *Malayan Collieries*. Seramai 300 orang yang menyertai protes dan mogok terdiri daripada pelbagai seksyen perlombongan di Perak, Pahang dan Selangor (Tai, 2000; Leong, 1976; Dass, 1991; Gamba, 1962). Permulaan kepada tindakan mogok di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan adalah disebabkan kegagalan syarikat perlombongan untuk meminda kadar upah pekerja mereka setelah kedudukan harga komoditi utama dunia telah mula stabil.

Pihak majikan berjaya mematahkan beberapa siri mogok dengan kerjasama polis apabila mereka menangkap pemimpin kesatuan pekerja. Bagaimanapun untuk mengelakkan krisis buruh semakin memburuk pihak majikan terpaksa memenuhi beberapa tuntutan pekerja seperti kenaikan gaji dan mula memansuhkan sistem kontrak buruh. Tindakan ini telah diikuti oleh beberapa kesatuan buruh lain yang mula melancarkan mogok bagi menekan pihak majikan sehingga tuntutan mereka berjaya. Selama ini pihak majikan menolak perbincangan dengan pekerja dan tuntutan pekerja langsung tidak diendahkan. Ketika zaman kemelesetan apabila gaji dikurangkan tanpa perbincangan, keadaan persekitaran tempat kerja tidak selamat dan pemerasan tenaga buruh telah menyebabkan para buruh bangkit menuntut hak mereka. Informasi dan penerangan yang diberikan oleh golongan yang sedar tentang isu eksplotasi buruh telah menyedarkan golongan buruh untuk bersatu dalam organisasi menuntut hak mereka.

Pihak pekerja telah menyedari bahawa mereka mempunyai senjata ampuh untuk menuntut keadilan sosial masyarakat kelas pekerja. Mereka mula mempersoalkan provisi dalam kod buruh dan menuntut hak mereka seperti yang termaktub dalam undang-undang buruh (*SSG 735/1936: Labour Strikes in Selangor Dec. 1936-March 1937*).

Pekerja mula mempersoalkan tindakan majikan yang menyalahgunakan kontrak apabila mereka dengan sewenang-wenangnya membuang pekerja lama dan menggantikan dengan pekerja baru yang dibayar dengan kadar upah yang lebih rendah. Kebanyakan tindakan mogok di sektor ladang disebabkan sistem pengurusan yang menolak tuntutan secara serentak, iaitu pihak pekerja buruh tidak diberikan ruang untuk menjelaskan situasi dan kesengsaraan mereka. Kebuntuan untuk bertindak menyebabkan pihak pekerja mengambil tindakan agresif agar pihak majikan memberikan perhatian tentang isu mereka. Pada tahun 1936, di Selangor sahaja terdapat sebanyak 11 kes mogok dilaporkan sahaja dan semua kes ini berkaitan dengan tuntutan upah pekerja, tanpa menunjukkan buruh berada di bawah pengaruh politik. Pihak Jabatan Buruh di Tanah Melayu telah mengenalpasti bahawa kebanyakan daripada majikan telah melanggar prinsip kod buruh dan melanggar hak asasi pekerja (*SSG 735/1936: Labour Strikes in Selangor Dec. 1936-March 1937*).

Permasalahan buruh India ini telah didedahkan dan dikritik oleh golongan nasionalis India di Tanah Melayu. Golongan ini seperti Persatuan India Pulau Pinang dan CIAM turut mempunyai hubungan rapat dengan golongan nasionalis di India, telah memberi maklumat dan membawa isu buruh India yang dieksloitasi sebagai ‘sucked oranges’¹² atau ‘bags of bones’ ke India (Neelakandha, 1937: 22; Stenson, 1980: 45-46). Justeru itu, golongan nasionalis India di Tanah Melayu dan di India yang prihatin dengan isu buruh imigran telah menyarankan agar import buruh ke Tanah Melayu

¹² Menggambarkan tenaga buruh India dikerah dan diperah keringat mereka oleh pihak British dan terbiar apabila mereka tidak diperlukan oleh pihak majikan.

dihentikan dan ia berjaya ditamatkan pada tahun 1938. Sebelum itu, pada Jun 1937, Jawaharlal Nehru melawat Tanah Melayu dan beliau telah menyeru pekerja India agar menukuhan organisasi buruh bagi memperjuangkan nasib mereka dan menguatkan kelas pekerja India di Tanah Melayu. Dalam ucapan beliau, Nehru menegaskan:

Through generations of conflict and suffering in the industrial countries of the West, labour has learnt this primary lesson; that only by organising itself and developing its own strength through unions can it hope to safeguard its interest and advance them. It has to contend against the organised power of the modern capitalist machine, it has to bargain with this power. What chance has poor labour got in this tussle unless it has unity and organisation at its back also. To advance a community, self reliance must be encouraged and therefore an essential condition for the betterment of the workers is the promotion of trade unions and workers' organisation. The state itself will be able to do more for labour than than otherwise (*The Straits Times*, 3 June 1937).

Cadangan beliau telah disambut baik oleh buruh India di Tanah Melayu apabila pihak pekerja India telah menukuhan kesatuan sekerja di sekitar tahun 1938-1941 (Stenson, 1970: 45; Stenson, 1980: 54; Dass, 1991:29; Josey, 1958: 33; Tai, 2000: 100).

Kerjasama buruh yang awal antara buruh India dan buruh Cina ialah apabila pekerja buruh am *Singapore Traction Company*¹³ telah melancarkan mogok untuk menuntut kenaikan upah dan jumlah jam bekerja dipendekkan. Mogok ini telah dilancarkan pada 22 Oktober 1945 dan seramai 300 pekerja telah mogok dan menjalankan piket di kawasan-kawasan strategik. Kemudian jumlah pemogok meningkat kepada 800 orang dan apabila tuntutan mereka tidak dipenuhi pekerja dan buruh syarikat ini telah menghentikan operasi bas, tram dan pengangkutan lain (*Suara Demokrasi*, 1983: 11). Selepas beberapa hari, persetujuan telah dicapai antara pihak majikan dan pekerja. Pada 24 Oktober 1935, pihak syarikat, wakil Jabatan Buruh dan *the Chinese Protectorate* dan agen kerajaan India telah berunding dengan pemimpin

¹³ Merupakan syarikat pengangkutan yang terbesar di Singapura dan dimiliki oleh British. Syarikat ini memonopoli dan mempunyai hak istimewa ke atas 'route' tertentu di Singapura. PKM telah menyusun kesatuan buruh yang terdiri daripada pekerja Cina, India dan Melayu (Tai, 2000: 68).

buruh dan mereka telah bersetuju untuk memenuhi tuntutan pekerja-pekerja tersebut (Thompson, 1947: 106; Tai, 2000: 69). Pada hari yang sama kesatuan buruh India dalam syarikat ini telah menyerahkan sebuah ambulan kepada CIAM untuk diserahkan kepada *China Relief Fund*. Ia bertujuan menunjukkan sokongan kepada perhimpunan anti-Jepun yang digerakkan oleh nasionalis Cina. Pada hari tersebut mereka turut berhimpun dengan membawa bendera kebangsaan India dan membawa slogan anti-Jepun dalam bahasa Tamil (Tai, 2000:147).

Bagaimanapun pihak buruh terpaksa berdepan dengan kesukaran dalam percubaan untuk membentuk kesatuan buruh kerana pihak kerajaan British terus memantau aktiviti kesatuan-kesatuan buruh yang dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin PKM. Bagi mematahkan semangat pekerja yang terlibat pihak British telah melancarkan undang-undang yang bertujuan memecahbelahkan dan mematahkan kesatuan buruh yang dilihat berpotensi mencabar kepentingan kapitalis di Tanah Melayu (Stenson, 1970; Stenson, 1980; Josey, 1958). Bagi mematahkan semangat dan pergerakan buruh pihak polis telah mengadakan serbuan dan menangkap pemimpin buruh, buruh yang terlibat didakwa di mahkamah, pemimpin diculik, dan terdapat juga buruh yang dihantar semula ke negara asal. Penghantaran semula ke negara asal selalunya menjadi senjata utama untuk membantut atau mematahkan perjuangan buruh (*RCS 46/1947: Report on Labour Strikes and Disputes*). Bagaimanapun, kesatuan buruh ini tetap bertindak dengan mempelbagaikan strategi untuk berdepan dengan tekanan-tekanan pihak kerajaan British. Bermula dari tahun 1935-1941, mereka meneruskan tuntutan kenaikan gaji secara tetap, jumlah 8 jam bekerja, memansuhkan sistem kontrak buruh dan menghentikan penindasan pekerja (Stenson, 1970; Parmer, 1987; Netto, 1961).

Tindakan British yang memperkenalkan Ordinan Kesatuan Buruh, 1940 bagi mengekang aktiviti buruh di Tanah Melayu telah menyedarkan pihak kesatuan bahawa

mereka perlu meningkatkan kesedaran dan kerjasama antara kesatuan buruh yang terdiri daripada pelbagai kaum (Thompson, 1947; Tai, 2000: 147; <http://www.malayaganapathy.com>)¹⁴. Mereka juga telah menggunakan strategi yang efektif dengan bertindak mendaftarkan kesatuan buruh secara terbuka. Selain itu mereka turut bekerjasama dengan organisasi bawah tanah yang dilabelkan sebagai organisasi tidak sah oleh kerajaan.

Kesatuan ini telah menujuhkan beberapa cawangan kesatuan di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Cawangan-cawangan MGLU dikenali sebagai *Singapore General Labour Union*, *Selangor General Labour Union* dan *Penang General Labour Union*. Mereka juga menujuhkan kesatuan buruh di peringkat daerah untuk memperkuatkan perjuangan mereka terutamanya ke kawasan perladangan dan perlombongan. Selain itu, MGLU juga telah bergabung dengan kesatuan buruh yang berasaskan industri seperti *Malayan Seamen Labour Union*, *Malayan Collieries* dan pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Bersekutu (SSG 735/1936: *Labour Strikes in Selangor, 1936-1937*; Leong, 1999; Gamba, 1962; Leong, 1976). Pakatan ini telah memperkuatkan organisasi dengan menambahkan bilangan ahli daripada pelbagai sektor termasuk sektor perdagangan. Pertubuhan ini juga berjaya memperkembangkan pengaruh golongan buruh terutamanya kaum Cina untuk bekerjasama dengan etnik lain seperti India dan Melayu untuk melancarkan mogok, rusuhan dan tunjuk perasaan yang akhirnya membawa kepada tindakan politik terancang bagi menentang kapitalis yang disokong oleh kerajaan British (Ramasamy, 1993: 112).

PKM dan MGLU telah memainkan peranan untuk menyusun dan melancarkan organisasi dan menggalakkan pekerja menyertai kesatuan buruh. Beberapa pemimpin kesatuan buruh yang bergiat cergas dalam aktiviti PKM telah menggalakkan buruh melancarkan pemogokan untuk menuntut upah yang setimpal dengan tenaga mereka

¹⁴ Ganapathy merupakan antara pemimpin buruh dan bekas ketua *Pan Malaysia Federation of Trade Union* (PMFTU) yang akhirnya digantung oleh British.

menjamin keselamatan buruh daripada pemerasan tenaga dan eksplorasi dan jangkamasa waktu bekerja tidak terlalu panjang. Para pekerja dan buruh digalakkan menghadiri ceramah politik, kelas politik dan memberi kesedaran kepada rakan-rakan lain mengenai kesedaran politik. Terdapat juga organisasi buruh yang melancarkan mogok kilat¹⁵ bagi menjayakan tuntutan mereka (Abdul Majid Mat Salleh, 2004: 45).

Pengaruh dan sokongan golongan kelas pekerja Cina telah mendorong kepada perkembangan gerakan buruh India. Kedua-dua pekerja dan buruh India dan Cina mula bersatu dengan sokongan daripada PKM dan MGLU yang sentiasa mengadakan kelas kesedaran dan turut membantu menuju kesatuan sekerja yang sah. Pada yang sama mereka mengadakan forum buruh untuk mendengar rintihan dan permasalahan buruh atas platform aktiviti sosial buruh. Pada tahun 1936, PKM telah mengadakan forum untuk semua kaum di Johor Bharu, dalam forum ini pihak PKM menjelaskan keburukan serta kepincangan imperialisme. Forum ini turut disertai aktivis PKM yang menyemarakkan aktiviti buruh untuk membentuk *Malayan Racial Emancipation League*. Ia bertujuan menggalakkan pembentukan kesatuan sekerja tanpa mengira kaum di Tanah Melayu dan membuat tuntutan kenaikan upah dan upah minimum bagi menjamin nasib buruh imigran di Tanah Melayu (Tai, 2000: 59-60, Stenson, 1970: 20). Pergerakan buruh dianggap sebagai satu saluran untuk pegerakan revolusi menentang kuasa imperialis. Gerakan buruh perlu diperluaskan dan meliputi semua jenis pekerjaan seperti, buruh ladang, pelombong, buruh dan pekerja industri, pekerja am, pekerja kedai makan, buruh hospital, perkapanan, pengangkutan dan lain-lain (Tai, 2000:85; Abdul Majid Mat Salleh, 2004:40). Gerakan buruh wanita Cina juga menuju kesatuan *Anti-Imperialist League* atau dikenali juga dengan sebagai *Women's Federation* yang aktif

¹⁵ Mogok kilat bermaksud sebelum melancarkan mogok, pihak kesatuan akan menghantar notis terlebih dahulu kepada pengurus dengan memberi tempoh tertentu untuk mengadakan mogok. Sekiranya pihak majikan bersetuju untuk berunding maka ia diterima tetapi sekiranya pihak majikan menolak maka kaum buruh akan melancarkan mogok (Abdul Majid Mat Salleh, 2004:45).

dalam politik dan buruh di peringkat antarabangsa (Rohana Ariffin, 1997:67; Dancz, 1987:101).

Pada masa yang sama, beberapa siri mogok juga telah disusun oleh kesatuan buruh Cina, kebanyakannya di ladang-ladang getah. Pada akhir tahun 1937 mogok telah dilancarkan di ladang Tong Hin Long setelah perundingan dengan majikan gagal. Pihak majikan telah meminta bantuan pihak polis bagi menangkap pemimpin buruh yang terlibat. Akibat daripada tindakan keras tersebut, Kesatuan Buruh Selangor telah mengadakan mesyuarat umum untuk menyeru kesemua pekerja ladang-ladang getah Selangor mengadakan mogok untuk menuntut kenaikan upah. Ia melibatkan semua buruh ladang lelaki dan wanita. Mogok umum ini dilancarkan pada 7 Mac 1937, melibatkan ladang-ladang getah seperti ladang Hop Fatt, Ladang Yu Yan Sang, Ladang Sungai Rinching, Ladang Connemara, dan beberapa ladang getah di Selangor, Johor dan Melaka (SSG 735/36: *Labour Strikes in Selangor, Dec. 1936-March 1937*; Tai, 2000: 87). Semasa pelancaran mogok pada 17 Mac 1937, dianggarkan seramai 20,000 orang buruh Cina telah mengadakan mogok di Selangor dan Negeri Sembilan. Pada 22 Mac, 1937 seramai 2,000 orang pekerja kilang Cina, India dan Melayu di Klang telah turun ke Kuala Lumpur untuk memprotes mesyuarat di kilang getah dan kilang nenas bagi menunjukkan sokongan dan solidariti dengan pekerja ladang getah. Mereka mengepung balai polis dan menuntut permintaan kesatuan buruh ditunaikan. Pemogokan ini turut mendapat sokongan daripada beberapa gerakan pelajar lelaki dan pelajar perempuan daripada sekolah-sekolah Cina seperti Sekolah Menengah Hua Chiao dan Sekolah Menengah Chung Hwa (Tai, 2000: 92).

Pada tahun 1940, di ladang getah Jongket, Bahau, Negeri Sembilan seramai 2,500 orang buruh India telah mogok kerana pihak majikan enggan menerima tuntutan menaikkan upah setelah keadaan ekonomi pulih. Pihak majikan telah memutuskan

membuang semua pekerja yang terlibat namun, mereka tidak gentar malah telah mendirikan khemah di kawasan ladang dan berpiket secara aman. Pihak polis dipanggil untuk menyuraikan mereka dengan melepaskan tembakan menyebabkan tiga orang aktivis buruh telah ditembak mati (*Suara Demokrasi*, 1983:8). Insiden ini menyebabkan kaum buruh India dari pelbagai ladang getah di Selangor telah menyusun strategi melancarkan mogok baru. Pada bulan Mac, 1941 persatuan buruh¹⁶ India Kajang yang diwakili R.H. Nathan¹⁷ seorang aktivis buruh menubuhkan Kesatuan Buruh Klang, Kesatuan Buruh Ulu Langat dan Kesatuan Buruh Kajang. Semasa mesyuarat pertama *Klang Rubber Manufacturer's Workers Association* yang diadakan pada 8 September 1940, R.H. Nathan dan Y.K. Menon menyeru agar buruh-buruh India dan Cina bersatu serta bekerjasama untuk menjaga kepentingan buruh di Tanah Melayu. Beliau dan Y.K. Menon telah berucap di hadapan kira-kira 20,000 buruh daripada lapan buah ladang getah untuk mengadakan mogok di Klang (CO 717/145: *Report of E. Bagot, Inspector-General of Police, FMS* 13 June 1941; Tai, 2000:50; *Suara Demokrasi*, 1983:9).

...Indian coolies should join the Chinese labourers and form associations like the rubber workers. He stated that if Indian labourers wanted to join the Chinese labourers he could arrange it. He urged the labourers to take more interest in politics and strive for higher pay... Before we organized this Union you all thought that the Capitalists were Gods and we are slaves. Now, at least 25 per cent of you realise that this is not so. We are Indians and slaves to nobody. In future, we must co-operate and advance our Union until the estates proprietors and officials will realise that we are human beings...A lot of coolies now understand what is the

¹⁶ Konsep kesatuan buruh di Tanah Melayu berbeza dengan gerakan buruh Barat yang ditubuhkan sendiri oleh pekerja tetapi di Tanah Melayu, kesatuan sekerja dipimpin oleh mereka yang berpelajaran tetapi prihatin dengan masalah buruh, pada masa yang sama mereka menanamkan kesedaran politik nasionalisme dan berjuang untuk meningkatkan upah buruh.

¹⁷ Beliau merupakan ahli *Self-Respect Movement* atau Pergerakan Menghormati Diri daripada India, yang diperkenalkan oleh E.V. Ramasamy dari India. Pergerakan ini menyokong penghapusan amalan kasta, reformasi sosial dan memulihkan keadaan ekonomi dan status politik komuniti India, termasuk komuniti India di Tanah Melayu. Beliau datang ke Tanah Melayu pada tahun 1936 dan bekerja sebagai kerani di Syarikat *Peterson Simons* di Pelabuhan Klang. Beliau juga merupakan penyokong Parti Sosialis India. Beliau juga pernah bekerja sebagai wartawan di *Tamil Nesan*. Beliau bersama Y.K. Menon juga seorang kerani estet dan aktivis buruh. Bapa saudaranya, Y.S. Menon merupakan pengurus Persatuan India Pelabuhan Klang dan pengasas CIAM. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan Kongres Nasional India yang menyokong gerakan kemerdekaan.

difference between labourers and capitalists. Co-operation is our watch-word. The estate proprietors and agents will try to break this co-operation but we cannot allow them to interfere with our work. I fear Menon and I, are expecting trouble. You, labourers must believe in us and unite together (Tai, 2000:179).

Tindakan kedua-dua aktivis buruh ini disedari oleh British dan dianggap sebagai satu ancaman besar kepada kestabilan ekonomi British di Tanah Melayu. Pada bulan Mac 1941, pihak British telah mengeluarkan arahan untuk menahan aktivis buruh di bawah Undang-Undang Darurat, setelah meluluskan bahawa industri getah diisyiharkan sebagai '*Essential Industry*' (Wilson, 1981:6). Bagaimanapun penahanan kedua-dua aktivis ini ditarik balik kerana pihak British bimbang sekiranya mereka menahan pemimpin buruh ini, para penyokong dan orang yang bersimpati dengan mereka akan memberontak terhadap pihak berkuasa serta meneruskan rancangan mogok sebelum ini. Malah, pihak majikan bersetuju dengan tuntutan awal kesatuan buruh Klang untuk menaikkan kadar upah buruh ladang. Namun begitu, pihak British menegaskan bahawa aktiviti pergerakan buruh ini telah menjadi ancaman besar kepada mereka dan melabelkan mereka sebagai '*trouble-makers*' dan '*agitators*'.

Their activities in connection with series of strikes culminating in the settlement of April 1941 brought them very much to the notice of the planters and authorities. The police considered their behaviour so 'objectionable and dangerous. This suggests that normal trade union activities which aimed at gaining an improvement in wages and conditions of employment of estate workers were viewed as a threat not only to planters' interests, but to national security and the war effort (Wilson, 1981:6).

Setelah satu minggu pihak majikan mengumumkan kenaikan upah buruh, pergerakan buruh di beberapa buah ladang getah tetap meneruskan ancaman mogok. Dalam tempoh 15 April sehingga 5 Mei 1940, kira-kira 28 aktiviti mogok dilancarkan oleh buruh-buruh India di Selangor. Pihak Jabatan Buruh mengeluarkan laporan bahawa insiden mogok ini berkait rapat dengan pengaruh politik yang mula tersebar dalam

kalangan buruh. Beberapa ladang getah seperti Ladang Getah Port Swenttenham, pihak buruh menuntut agar mereka dibenarkan mengibarkan bendera Parti Kongres Nasional India dan menggantung gambar Mathama Ghandi dalam kediaman mereka. Manakala semasa insiden mogok di ladang getah di Bukit Cherakah dan Padang Gajah, pihak pengurusan ladang menyalahkan tindakan ‘*political agitators*’ dan bukannya di atas tuntutan untuk menaikkan upah pekerja. Pihak penyiasatan ladang telah menyalahkan aktivis buruh, Menon dan Nathan yang mempunyai pengaruh besar dan mendapat kepercayaan buruh (CO 717: *High Commissioner in FMS, 14 July 1941*; Wilson, 1981:16).

Bagaimanapun, pihak Jabatan Buruh tidak merasakan penglibatan CIAM dalam membantu kebajikan pihak buruh namun, pihak persatuan peladang Eropah merasakan pengaruh kedua-dua aktivis ini menjadi ancaman kepada aktiviti ekonomi mereka. Pihak British terus mencurigai pemimpin CIAM yang juga mempunyai hubungan baik dengan parti Kongres Nasional India yang dianggap penyokong musuh British. Justeru itu, aktiviti yang disusun oleh kesatuan buruh disyaki mempunyai kaitan dengan agenda politik nasional kerana semasa mengadakan mesyuarat sulit di Sepang, ahli CIAM telah berikrar untuk bekerjasama bagi mendapatkan kemerdekaan dan mengarahkan agar ahli mereka tidak menyokong British semasa perang. Pada masa yang sama, pihak CIAM telah memberi sumbangan kewangan sebanyak \$100.00 kepada Jepun sebagai tanda mereka memberi sokongan kepada Jepun bagi melawan kuasa penjajah (Wilson, 1981:8-17).

Pergerakan buruh India ini turut meminjam strategi PKM seperti memberi pelajaran Bahasa Tamil, pendidikan politik kepada buruh, pendidikan kebersihan dan mengubah sistem perkahwinan. Mereka juga merayu agar buruh-buruh India tidak mengguna atau ketagih dengan todi atau arak. Pengaruh kesatuan ini telah diluaskan ke

ladang-ladang getah lain untuk menarik buruh-buruh perladangan menjadi ahli kesatuan buruh (*Suara Demokrasi*, 1983:8; Stenson, 1980:36; Parameswari a/p Krishnan, 2014). Mereka telah mengadakan syarahan kepada buruh-buruh agar menuntut kadar upah dinaikkan kepada 70 sen untuk lelaki dan 60 sen untuk wanita. Pekerja dan buruh ladang telah membuat sebanyak 12 tuntutan berkait dengan kebebasan berpolitik, ekonomi dan kebudayaan. Antara tuntutan tersebut ialah:

- 1) Memberikan upah yang sama untuk setiap jenis kerja yang sama untuk buruh Cina dan India
- 2) Larangan menghina isteri buruh dan melakukan gangguan seksual terhadap pekerja wanita
- 3) Memecat pengurus ladang yang berkelakuan keras terhadap pekerja dan diganti dengan pengurus yang pandai berbahasa Tamil.
- 4) Menyediakan kediaman asas, perkhidmatan kesihatan
- 5) Menutup kedai todi dan arak¹⁸
- 6) Hak kebebasan bersuara dan berhimpun untuk buruh
- 7) Menghapuskan sistem waktu bekerja yang terlalu panjang, iaitu antara 10-12 jam
- 8) Membenarkan penoreh getah berbasikal di depan pengurus Eropah dan Asia
- 9) Membenarkan kesatuan sekerja ditubuhkan untuk menjaga kepentingan buruh
- 10) Menyediakan pusat kesihatan yang lengkap
- 11) Menyediakan sekolah yang baik untuk anak-anak pekerja
- 12) Pekerja yang terlibat dalam pemogokan ini tidak dikenakan tindakan

Pemogokan dan maklumat tuntutan ini telah disebarluaskan ke ladang-ladang getah lain dengan bantuan buruh-buruh yang bekerja dengan Keretapi Tanah Melayu untuk membangkitkan semangat solidariti dalam kalangan buruh-buruh India di Tanah Melayu. Pihak British juga memperhebatkan siasatan untuk menggempur pemimpin buruh yang terlibat. Pada 5 Mei, R. H. Nathan telah ditangkap menyebabkan seramai 300 orang buruh telah berkejaran ke Jabatan Buruh Kajang untuk membebaskan R.H.

¹⁸ Ketagihan todi atau samsu telah menjadi masalah sosial dalam kalangan buruh-buruh India. Kebanyakan pihak majikan membenarkan todi ini dijual untuk keperluan buruh. CIAM telah menghantar memorandum kepada agen kerajaan India untuk menjelaskan keburukan todi kepada buruh India, seperti kes keracunan, penyebab kematian dan ketagihan yang menyebabkan buruh terpaksa berhutang dengan majikan buat dalam jangka panjang. Kebanyakan orang India yang berpendidikan percaya pihak majikan sengaja membiarkan buruh-buruh ini ketagih supaya senang mengawal mereka malah menjadi pekerja yang patuh (Arasaratnam, 1970:71).

Nathan, namun gagal. Buruh-buruh ini memprotes dan demonstrasi selama dua hari di depan pejabat buruh Klang. Manakala terdapat kumpulan buruh yang masuk ke ladang-ladang getah membakar kedai-kedai todi (Dass, 1991:31). Pihak majikan dengan sokongan British cuba melemahkan buruh-buruh ini dengan menyekat bekalan air ke ladang-ladang dan memberhentikan catuan beras kepada pekerja. Tindakan majikan dan pihak British ini telah meningkatkan kemarahan kesatuan buruh, justeru itu aktivis buruh telah menggabungkan kesatuan buruh-buruh dari seluruh Selangor dan Negeri Sembilan seramai 10,000 buruh untuk melancarkan mogok umum (Dass, 1991:31).

Pada 10 Mei 1941, sekali lagi pihak buruh India mengadakan mogok dan seramai 600 buruh telah terlibat. Sebelum mogok ini diadakan pihak pemimpin buruh telah menghantar pasukan propaganda dan beberapa aktivis buruh ke ladang-ladang berhampiran untuk menyeru pekerja bangkit menentang ketidakadilan terhadap mereka. Buruh ladang getah daripada Kajang, Kuala Lumpur dan sebahagian buruh daripada Negeri Sembilan telah bersatu dan menyertai pemogokan dan menuntut agar R.H. Nathan dibebaskan. Akhirnya pada 16 Mei 1941, pihak British mengisyiharkan darurat dan mengerahkan kereta perisai, meriam dan mengarahkan tentera mengawal jalan utama dan ladang-ladang getah. Tentera India yang berkhidmat dengan British diarahkan menembak buruh-buruh yang berhimpun namun mereka enggan, sehingga pihak British terpaksa mengerahkan tentera Inggeris untuk menjalankan operasi tersebut. Dalam peristiwa tersebut seramai 390 aktivis buruh telah ditangkap dan R.H. Nathan dan beberapa pemimpin kesatuan sekerja India telah ditangkap dan dihantar pulang ke India pada 19 Mei 1941. Semenjak daripada insiden ini, pihak British mula memberi perhatian ke atas penglibatan kesatuan-kesatuan buruh dan hubungan buruh-buruh India dengan majikan mereka. Kesedaran politik dalam kalangan buruh India sesuatu yang tidak dijangkakan kerana buruh-buruh India terdiri daripada golongan kelas bawahan dan buta huruf. Bagaimanapun, selepas insiden ini kesatuan buruh India

kehilangan ramai pemimpin, menyebabkan Persatuan Pekerja India Kajang akhirnya dibubarkan selepas R.H. Nathan dihantar pulang ke India (*Suara Demokrasi*, 1983: 9).

Gerakan kesatuan pekerja dan aktivis pelajar Cina pula terlibat dalam kempen memboikot barang Jepun sebelum Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1942. Pergerakan ini telah mengadakan drama opera, organisasi mengutip derma untuk membantu mengsa perang seperti kumpulan '*Malayan Chinese Anti-Enemy Backing-up Society, China Relief Fund Associations*' dan mengadakan perarakan besar-besaran untuk menyatukan sokongan kepada saudara-saudara mereka di China. Mereka telah memboikot kedai termasuk tidak menggunakan, membeli, menjual barang buatan Jepun. Antara kempen dan seruan yang dilaungkan ialah '*Arise those who want to be slave*', '*Down with Facists*', '*Struggle for National Liberty*', '*Boycott Japanese Goods*', '*Strive for Freedom of Publication*' dan lain-lain. Kempen ini telah memberi kesan kepada pelaburan Jepun di Tanah Melayu apabila seramai 800 orang pelombong bijih besi Syarikat *Ishihara Sanggyo Koshi* di Batu Pahat Johor mengadakan mogok, begitu juga dengan perlombongan besi di Temangan, Kelantan dan Dungun, Trengganu. Penentangan pelombong-pelombong ini turut dibantu oleh Persatuan Pedagang Cina di Tanah Melayu yang sanggup menyara pekerja yang memprotes sehingga mereka mendapat pekerjaan baru (Arasaratnam, 1970: 22; Stenson, 1970:27).

Pihak pemodal dan kerajaan British di Tanah Melayu semakin bimbang dengan kebangkitan buruh terutamanya buruh Cina dan India. Kesatuan-kesatuan sekerja yang bekerjasama dengan MGLU dan PKM dianggap sebagai ancaman kepada pentadbiran British, justeru itu mereka berusaha menyekat kebangkitan pekerja ini melalui pemerhatian dan pengawasan ketat terhadap pemimpin dan aktivis buruh, serbuan polis, tangkapan dan pemimpin buruh dihantar pulang ke negara asal. Justeru itu, kedua-dua organisasi ini kehilangan ramai pemimpin daripada kaum India dan Cina dan perjuangan buruh mula reda apabila dalam perundingan dengan majikan beberapa

tuntutan telah berjaya. Keadaan mula genting perang mula meletus di Eropah. PKM mencadangkan pembentukan kesatuan antifasis dan menghantar pelawaan kepada semua kesatuan termasuk kerajaan British di Tanah Melayu untuk melindungi dan menyelamatkan Tanah Melayu daripada tentera Jepun. Selepas Jepun berjaya menduduki Tanah Melayu kerajaan British bersetuju untuk bekerjasama dengan PKM menentang Jepun. MGLU turut menyusun *Federation of Trade Union (FTU)* yang terdiri daripada 70 buah kesatuan buruh untuk menggerakkan semua pekerja dan buruh Cina, India dan Melayu menentang Jepun. Pembentukan *Volunteer Corps* dan *non-combatant Chinese Labour Company of the Malayan Command* akan dilatih untuk mempertahankan Tanah Melayu oleh tentera British di sekolah gerila yang dilatih oleh PKM (CO 717/145/12: *Memorandum from the British Resident, Selangor to the Controller of Labour, Malaya* 29 April 1941; Tai, 2000: 195).

5.5 Perkembangan Semangat Nasionalisme Wanita dan Pergerakan Buruh

Dalam perjuangan pergerakan buruh ini wanita turut memainkan peranan penting bersama dalam menyusun organisasi buruh dan meneruskan tuntutan buruh untuk memperbaiki keadaan tempat kerja, kenaikan upah, kemudahan perubatan dan gaji sama rata. Organisasi buruh wanita telah menyusun strategi untuk menentang penindasan kelas serta gender di tempat kerja. Mereka turut bekerjasama dengan buruh lelaki untuk memprotes dan menjalankan mogok demi menjayakan tuntutan pekerja-pekerja yang teraniaya. Buruh wanita juga mengadakan mogok yang disertai oleh wanita dan kanak-kanak, manakala buruh lelaki hanya melakukan bantahan sambil duduk. Mereka menegaskan mereka bukan hamba lelaki dan menentang upah yang terlalu rendah kepada wanita. Kebanyakan mereka terlibat dalam protes dan mogok terhadap majikan kerana menuntut kadar upah yang sepatutnya dan meningkatkan kebijakan buruh di Tanah Melayu.

Pekerja buruh wanita turut mendedahkan isu penindasan, ketidakadilan di tempat kerja serta pencabulan seksual ke atas pekerja yang tidak pernah dihiraukan oleh pihak majikan. Kebanyakan rasa tidak puas hati ini disebabkan layanan buruk terhadap buruh wanita, kadar bayaran upah yang tidak seragam disebabkan oleh turun naik harga komoditi utama serta faktor-faktor lain. Ia diburukkan lagi apabila pihak kontraktor¹⁹ yang dilantik pengurusan ladang mengambil kesempatan di atas pekerja seperti mengutip komisyen daripada upah buruh-buruh tersebut. Isu ini berterusan sehingga mencetuskan kemarahan buruh justeru, mereka telah membentuk organisasi pekerja untuk berkomunikasi dengan pihak majikan tanpa menggunakan khidmat kontraktor. Pertelingkahan di antara majikan dan buruh wanita pada peringkat awal hanya melibatkan kepentingan ekonomi, keselamatan buruh wanita, tuntutan 1 Mei dan 8 Mac 1936, diisytiharkan sebagai hari pekerja dan hari wanita serta mereka dibenarkan bercuti untuk meraikannya hari tersebut (SSG 193/1937: *Strikes in the Klang and Port Swettenham Area, March 1937*).

Insiden mogok dan protes buruh turut berlaku di ladang-ladang getah di Selangor, Pahang, Johor dan Negeri Sembilan apabila buruh menerima kadar upah yang berbeza, malah upah dikurangkan daripada 75 ke 70 sen di dua buah ladang getah di ladang Bolton dan ladang Tanyton. Pemogokan ini melibatkan 40 orang buruh wanita Cina dan 30 orang buruh lelaki (SSG 276/1937: *Stoppage of Work on Bolton and Tanyton Estates*). Kedua-dua ladang mula terjejas apabila buruh-buruh ini tidak bekerja sehingga tuntutan mereka dipersetujui oleh pengurus ladang. Pihak majikan mula mendengar keluhan buruh-buruh ini dan memberi jaminan tidak akan membayar upah buruh-buruh ini melalui kontraktor yang dilantik oleh pihak pengurusan ladang.

¹⁹ Kontraktor merupakan orang tengah yang membekalkan buruh-buruh kepada pihak pengurusan ladang, kilang pembuatan dan syarikat perlombongan. Kontraktor dianggap penyelia pekerja yang akan mengagihkan pekerjaan mengikut kategori buruh. Kontraktor biasanya menemankan pekerja ini sekiranya mereka perlu membuka ladang baru.

Tindakan mogok di kilang *Malayan Rubber Factory* (Chop Wah Kiew) dan *Match Manufacturing Factory* pada 8 Mac 1937, merupakan gerakan buruh wanita menuntut hak pekerja. Buruh-buruh wanita seramai 400 orang telah mengadakan bantahan dan tunjuk perasaan bagi mendedahkan isu penindasan di tempat kerja. Mereka hadir bersama-sama bersama dengan buruh lelaki yang hanya berdiri mengawasi keadaan untuk menuntut kenaikan gaji tanpa mengira kaum dan gender (SSG 193/1937: *Strikes in the Klang and Port Swettenham Area, March 1937*). Ketika ini pihak kerajaan British menghantar wakil mereka A. Grice untuk berunding aktiviti buruh. Dalam laporan perundingan tersebut, beliau menegaskan mereka tidak menyangka penglibatan buruh-buruh wanita dalam protes tersebut, malah telah memandang rendah kemampuan buruh-buruh wanita dalam aktivisme buruh.

Dalam perundingan ini, pihak buruh berjaya menuntut agar pihak majikan menambah elauan makan setiap pekerja sebanyak \$3.00 sebulan dan pihak majikan tidak boleh memotong upah tanpa sebab serta tidak boleh membuang pekerja tanpa alasan yang jelas. Mereka juga menuntut agar buruh wanita tidak melakukan kerja terlalu berat atau bekerja di luar kilang tersebut kerana tidak selamat. Mereka menuntut pihak majikan perlu membina sekurang-kurangnya lima bilik mandi, dua untuk lelaki dan tiga untuk wanita. Mereka juga menuntut perlaksanaan waktu bekerja selama lapan jam sehari. Buruh-buruh wanita ini juga menuntut ketua atau ‘kepala’ kilang tidak mengganggu atau menghentikan pencabulan serta gangguan ke atas buruh wanita (SSG 193/1937: *Strikes in the Klang and Port Swettenham Area, March 1937; SG 192/1937; Strike at Batung Arang Collieries*).

Bagi menyelesaikan isu ini, pihak jabatan *the Chinese Protectorate* telah datang untuk berunding dengan buruh-buruh wanita ini. Apabila pihak majikan tidak bersetuju dengan tuntutan mereka, buruh-buruh wanita menghalang pegawai ini keluar dan

mengepung beliau. Pihak polis digunakan untuk menyuraikan keadaan situasi ini berakhir dengan kecederaan di pihak lima orang buruh wanita dirawat di hospital. Pihak polis telah melakukan tangkapan ke atas buruh-buruh yang menyerang polis dengan selipar dan batu tetapi buruh-buruh ini dibebaskan dengan jaminan daripada pengurus kilang. Insiden ini telah menyebabkan meningkatnya simpati kepada buruh-buruh Cina dan pihak polis di Selangor melahirkan kebimbangan dengan kebangkitan organisasi pekerja wanita Cina ini (*SSG 193/1937: Strikes in the Klang and Port Swettenham Area, March 1937*).

Sementara itu, organisasi buruh wanita daripada *Sham Yip Leung Factory Klang* meneruskan protes dan melancarkan mogok terhadap majikan. Beberapa aktivis buruh wanita ladang ini telah menjalin kerjasama dengan buruh ladang-ladang getah berdekatan untuk membawa masuk ahli kesatuan buruh wanita untuk menerangkan tentang nasib dan perjuangan buruh serta perlunya buruh-buruh ladang membentuk kesatuan buruh. Bagi menekan dan menunjukkan ketegasan mereka beberapa aktivis buruh wanita daripada *Sham Yip Leung Factory Klang* telah memastikan mogok diteruskan walaupun tanpa sokongan pihak buruh lelaki. Seramai enam orang buruh wanita telah memberikan syarahan untuk menyatakan kepentingan mengadakan protes ini untuk memperbaiki situasi di tempat kerja. Pada 8 Mac 1937, memberhentikan kerja mereka dan keluar mengibarkan bendera merah dan bergerak ladang getah Wardieburn. Buruh-buruh wanita ini cuba menyerahkan tuntutan mereka, namun apabila pihak pengurus cuba berunding mereka telah menahan dan mengepung pengurus tersebut sehingga pihak polis datang menyuraikan mereka (*SSG 194/1937: Report by the Police Officer on Wardieburn Estate Labour Troubles*). Kumpulan buruh wanita ini dianggap sangat agresif dan mengetuai tuntutan baru telah memeranjatkan pihak pengurusan ladang dan mereka percaya tuntutan buruh ini dipengaruhi oleh golongan subversive dan parti politik yang mempunyai kepentingan.

Kes mogok dan bantahan diteruskan pula oleh buruh-buruh wanita daripada kilang *Elkayes Match Factory* di Klang, yang mengadakan protes dan mogok pada 15 Mac 1937. Apabila pengurus kilang cuba memujuk mereka, pengurus ladang telah ditahan oleh pekerja-pekerja wanita tersebut. Tindakan berani buruh-buruh ini telah membimbangkan pihak majikan mereka di Singapura. Selepas beberapa hari protes berlangsung, pihak majikan akhirnya bersetuju memenuhi tuntutan pekerja wanita setelah pihak *the Chinese Protectorate* memujuk buruh yang memprotes kembali bekerja dan menerima tawaran baru majikan mereka (SSG 193/1937: *Strikes in the Klang and Port Swettenham Area, March 1937*).

Sementara itu, pada 22 Mac 1937, pihak majikan ladang getah telah bersetuju untuk menebus tiga orang buruh yang ditahan oleh pihak polis, malah mereka turut memberi jaminan tidak meneruskan dakwaan terhadap buruh yang ditahan. Pihak majikan terpaksa bersetuju setelah mendapat maklumat bahawa buruh-buruh daripada *Elkays Match Factory*, *Sham Yip Leung Factory*, *Wa Khieu factory* dan kilang-kilang nenas di seluruh Klang telah bersiap sedia untuk berarak ke Kuala Lumpur untuk bersolidariti dan menuntut rakan-rakan mereka dibebaskan (SSG 194/1937: *Report by the Police Officer on Wardieburn Estate Labour Troubles*). Pihak majikan akhirnya berunding dan memberikan beberapa persetujuan seperti memberikan kenaikan upah sebanyak beberapa peratus mengikut kemahiran dan jam bekerja (SSC 735/1936: *Strike at Sham Yip Leung Rubber Factory, Klang*). Ketika ini bantahan, protes duduk dan mogok turut dilancarkan di beberapa buah kilang dan ladang getah berhampiran seperti Ulu Langat, Kajang, Mantin dan utara Kuala Lumpur. Pihak polis yang bertugas menyatakan separuh daripada buruh yang melancarkan bantahan dan protes duduk merupakan buruh wanita (SSG 194/1937: *Report by the Chief Police Officer on Wardieburn Estate labour troubles*).

Kemaraan kesatuan buruh-buruh wanita semakin memuncak apabila lima daripada ladang getah berhampiran, iaitu Ladang Getah Connemara, Ladang Getah Sungei Rinching dan Ladang Getah Bangi turut melancarkan rusuhan dan mogok secara serentak. Mogok ini dilancarkan apabila pihak majikan apabila pihak pengurusan ladang getah membuang pekerja wanita ladang getah Bangi apabila pekerja-pekerja ini menghentikan kerja buat sementara bagi menyambut Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mei 1937. Pihak majikan bertindak membuang buruh-buruh wanita ini kerana menganggap mereka merupakan agen subversif Komunis. Kerja-kerja buruh ini telah digantikan dengan buruh-buruh murah dari Jawa (*SSG 194/1937: Strike on Connemara Estate*). Tindakan pihak pengurusan membuang buruh-buruh wanita yang terlibat telah menyebabkan kemarahan rakan-rakan mereka yang lain. Keputusan ini juga menyebabkan mereka melancarkan mogok di lima buah ladang getah yang terlibat secara serentak.

Insiden yang sama turut berlaku di ladang getah Wardieburn apabila buruh wanita memberhentikan kerja mereka bagi meraikan Hari Wanita Antarabangsa. Seorang wanita dikatakan mengibarkan bendera merah dan menegaskan kebangkitan kuasa buruh. Buruh-buruh ladang ini turut melancarkan mogok pada 11 Mac, 1937 dan menyerahkan tuntutan-tuntutan mereka kepada pihak pengurusan ladang. Bagaimanapun pihak pengurusan menolak sebarang rundingan dan menganggap tuntutan buruh ini keterlaluan. Kegagalan mengadakan rundingan telah menyebabkan pihak buruh telah mara beramai-ramai sambil membawa sebotol asid asetik. Pihak polis telah dikerah membantu pihak majikan di mana seramai 300 orang buruh muncul untuk membantu rakan-rakan yang menyerahkan tuntutan mereka. Menurut Timbalan Penguasa *the Chinese Protectorate for Selangor and Pahang*, A. Grice pihak kesatuan buruh telah bersiap sedia untuk berdepan dengan pihak polis bagi menjayakan protes mereka.

...every man and women of the reinforcement was also carrying one or two or three bottles of liquid. The men of both forces carried, for most part, 3 bottles each, one in the hip and one in each trouser leg pocket. There was no actual disorder. Any tactlessness would have precipitated rioting. A Straits Times press reporter of whose presence and activities the police had not had time to become aware, nearly initiated trouble. He had apparently taken photographs. The women strikers seized upon this as an occasion for considerable protest, mobbed the reporter. The police secured and destroyed the films and effected the photographer's exit from the scene with difficulties (*SSG 194/1937: Report by the Chief Police Officer on Wardieburn Estate Labour Troubles*).

Buruh-buruh wanita ini bersepakat melancarkan mogok untuk menuntut supaya rakan mereka tersebut diambil bekerja semula dan membuang buruh baru yang menggantikan rakan sekerja mereka. Terdapat kesepakatan di antara buruh di kelima-lima buah ladang yang berdekatan untuk menlancarkan mogok. Tindakan ini menyebabkan operasi di ladang getah yang terlibat terhenti. Akhirnya pihak pengurusan ladang cuba menyelesaikan isu ini sendiri namun gagal. Kesemua buruh-buruh ini telah menyerahkan 19 tuntutan untuk diselesaikan oleh pihak majikan. Setelah meneliti tuntutan mereka, pihak majikan enggan memenuhi tuntutan mereka yang dianggap oleh mereka tidak munasabah serta menutup jalan perundingan. Antara beberapa tuntutan buruh kepada majikan ialah pihak majikan perlu memberikan perhatian kepada beberapa isu seperti pihak majikan perlu menyediakan tempat tinggal mereka bagi memudahkan mereka melawat bayi yang terpaksa ditinggalkan semasa mereka bekerja. Mereka juga menuntut agar wanita mengandung diberikan elaun sebanyak \$12.00 untuk menampung keperluan perubatan dan perbelanjaan rawatan. Selain itu kebajikan pekerja perlu diberikan perhatian oleh majikan terutamanya membayar kos perubatan ketika berlakunya kecederaan di tempat kerja (*SSG 194/1937: Strike on Connemara Estate; Report of the State of Crime and The Administration of the Police Force, 1938*). Dalam perundingan, pihak Jabatan Buruh telah mengemukakan semula isu kenaikan upah

kepada buruh, iaitu antara 65 sen ke 70 sen sehari kerana kadar kenaikan upah yang dituntut oleh buruh terlalu tinggi.

The Control of Labour returned to the wages question. The Controller of Labour pointed out to them the relative wages of Tamil and Chinese Labourers and that if they pitched their demands too high their wages would be out of proportion and Chinese labour would be replaced by Tamil labour. He also pointed out that Government was keeping wages up by restricting immigration. He pointed out that there was unemployment both in India and China. The reply of one of the tappers to this was, ...I bring in \$6.00 – worth of rubber per day and I am only paid 60 cents for it... (*SSG 194/1937: Strike on Rubber Estates*).

Organisasi buruh ini terus melancarkan kesepakatan mengadakan mogok apabila tuntutan mereka gagal. Mereka telah mula bergerak daripada ladang getah Bangi ke ladang getah Connemera dan mara ke ladang getah Bolton serta meneruskan kemaraan mereka sehingga ke ladang getah Hawtherden. Pada masa yang sama buruh-buruh daripada ladang Wardieburn telah bersedia ketika pihak majikan dan pihak Jabatan Buruh tiba untuk mengadakan perundingan. Buruh-buruh ini diwakili oleh tiga orang wanita yang mengaku penoreh getah di ladang Bolton, semasa mogok tersebut ketiganya ini telah mengadakan syarahan umum kepada buruh-buruh yang hadir. Pada 15 Mac, 1937 suasana rundingan agak tegang kerana terdapat tuntutan buruh tidak berkenaan dengan pihak majikan. Apabila pihak majikan bertegas mereka tidak dapat memenuhi tuntutan tersebut, pihak buruh telah menahan seorang pegawai detektif Cina. Keadaan ini menyebabkan pihak polis menghantar pasukan polis pusat menyebabkan seramai 60 orang buruh yang terlibat telah ditahan (*SSG 194/1937: Bolton Estate Protest March and Attack on Detective*).

Tindakan pihak polis menahan buruh-buruh yang melancarkan mogok ini telah menyebabkan satu protes besar-besaran dilancarkan oleh buruh-buruh dari kawasan ladang Kajang untuk menuntut tahanan dibebaskan oleh pihak polis. Pihak polis telah bersedia untuk menghalang buruh-buruh ini namun jumlah buruh Cina seramai kira-kira

600-700 orang telah berbasikal menuju ke Kuala Lumpur untuk ke ladang getah Bolton. Pihak polis gagal menghalang mereka, malah sesetengah pemogok telah menyerang pihak polis dan merampas pistol mereka. Tindakan ini menyebabkan pihak polis telah melepas tembakan sehingga menyebabkan rusuhan. Insiden ini memberi kejutan kepada pihak British sehingga mereka terpaksa meminta *Foo Chiew Association* berunding bagi mengadakan perundingan dengan pekerja. Akhirnya bagi meredakan keadaan, kumpulan buruh daripada Ladang Getah *Setapak Hawtherden-Wardieburn* bersetuju untuk menyambung operasi kerja mereka dengan syarat pihak polis membebaskan rakan mereka yang ditahan.

Organisasi buruh di Selangor meneruskan kerjasama dan tindakan mereka disusuli beberapa siri rusuhan sehingga menyebabkan pihak polis menyiasat sama ada terdapat pengaruh ideologi Komunis mula menyusup masuk ke dalam organisasi buruh. Pihak polis menggunakan beberapa fakta signifikan seperti meraikan Hari Wanita dan mesej daripada ceramah yang disampaikan oleh wanita di kawasan ladang-ladang getah serta siri rusuhan yang teratur di beberapa buah ladang di sekitar Pahang dan Selangor untuk mengaitkan organisasi buruh telah bekerjasama dengan PKM. Bagi membantu penyiasatan tersebut pihak polis telah menahan 300 lelaki dan wanita bagi mendapatkan bukti. Seramai 16 wanita dan 24 lelaki telah didakwa dan kesemua wanita yang terlibat dalam protes juga telah didakwa (SSG 194/1937: *Strikes on Rubber Estate in Kajang Area; Report of the State of Crime and The Administration of the Police Force, 1938*).

Pihak polis telah merumuskan bahawa siri rusuhan dan pemogokan yang dilancarkan ini sebagai aktiviti yang tersusun, tambahan pula penglibatan wanita dalam siri ini dianggap sesuatu yang baru. Insiden ini dikaitkan dengan ideologi PKM yang secara jelas dalam percubaan mereka untuk memalukan pegawai kerajaan British dan

menarik sokongan buruh untuk terlibat dalam perjuangan buruh untuk menentang British.

...Facts relating to the trouble on these estates disclose the first indication in Selangor or thoroughly organized labour. The celebration of International Women's Day is a matter of significance. This has not previously occurred; successful celebrations occurred not only at Wardieburn and Hawthorden but also at Klang. The raising of the Red Flag is not new, but that it should be done by women on such an occasion is new. So also the delivery of speeches by women on such an occasion an event to note. The carrying of bottles by men and women, the attempt to lure the Protector of Chinese into circle on the ground, the pushing, by the men, of the women into the front ranks, themselves remaining in support, the prompt arrival of the the Hawthorden male and female labourcessimilarly organized. The organization and the tenor of the meetings held subsequently at Hawthorden (SSG 194/1937: *Report by the Police Officer on Wardieburn Estate Labour Troubles*).

Beberapa protes dan mogok turut melibatkan buruh wanita di lombong untuk menuntut pihak majikan memberikan keprihatinan tentang isu keselamatan pekerja wanita. Selain itu, pihak buruh ini menuntut pihak majikan mengeluarkan notis terlebih dahulu sekiranya pekerja wanita perlu kerja di luar kawasan kerja dan pihak pengurusan perlu menjamin keselamatan mereka. Ini kerana kebanyakan buruh-buruh wanita ini tinggal di kawasan ladang getah dan mereka terpaksa melintasi rumah kongsi lelaki buruh lombong. Terdapat beberapa kejadian pemerkosaan dan buruh wanita dilarikan untuk tujuan jahat. Namun siasatan terhadap kes tersebut dihentikan berikutan kekurangan bukti. Ekoran daripada insiden itu, aktivis-aktivis buruh ini menuntut pihak majikan mengambil tindakan segera ke atas buruh lelaki atau pengurus yang melakukan pencabulan seks ke atas buruh wanita serta memilih buruh wanita untuk bekerja sesuka hati. Seorang wakil buruh wanita, Ngan Kam Sau menjelaskan tuntutan supaya pihak majikan melantik dua wakil wanita untuk menjadi penyelia mereka. Pergerakan ini telah menyenaraikan sebanyak 24 tuntutan dan kesemuanya telah dipersetujui oleh pihak majikan (SSG 114/1931: *Petition for Police Protection from the Molestation of Women in Sin Tat Tin Mining, Kajang*).

Perjuangan buruh dalam politik nasional memuncak apabila gerakan anti-Jepun telah dilancarkan oleh golongan nasionalis Cina di Tanah Melayu pada tahun 1937. Selain daripada gerakan menuntut kenaikan upah, buruh-buruh Cina di Tanah Melayu turut menunjukkan semangat tinggi bagi menentang pencerobohan Jepun di China. Gerakan anti-Jepun ini telah digerakkan dalam pelbagai lapisan masyarakat Cina untuk memboikot barang Jepun dan menyusun organisasi melawan Jepun (*Report of the State of Crime and The Administration of the Police Force, 1938*).

The boycott of the Japanese goods was intensified throughout the year and more than instance occurred where business rivalry, prompted allegations against entirely neutral undertakings that they were Japanese owned or employed Japanese personnel or goods. The patriotic spirit of the local Chinese was also employed by the Communist party to further its aims by introducing into the Anti-Japanese United Front movement propaganda against Imperialism and in favour of stirring up labour troubles under the policy known as the Vocational United Front. The organisations backing the collection of funds for Chinese relief was widespread and the methods adopted were frequently high-handed resulting in assaults and intimidation (*Report of the State of Crime and The Administration of the Police Force, 1938*).

Gerakan yang dirancang oleh PKM ini turut menggerakkan kesatuan buruh, petani dan golongan intelektual termasuk guru-guru dan pelajar di sekolah Cina di Tanah Melayu. Persatuan pelajar dan aktivis budaya Cina aktif membantu China melawan Jepun, malah telah berjaya menyuntik kesedaran politik nasional²⁰ dalam pelbagai lapisan masyarakat di Tanah Melayu (Suriani Abdullah, 2006: 6). Menceritakan pengalaman beliau sebagai aktivis PKM, Suriani pernah bersama dengan anggota wanita, iaitu Li Ling telah ditugaskan untuk menyusun pergerakan buruh di kilang getah di Taiping. Selepas pengalaman tersebut, beliau diarahkan pula menyusun organisasi buruh wanita pendulang bijih timah di Kampar. Beliau menceritakan semasa

²⁰ Memupuk kesedaran nasionalisme dalam kalangan buruh dan orang ramai dengan mendedahkan kekejaman Jepun terhadap rakyat Cina di China.

bekerja di lombong bijih beliau telah melalui saat-saat yang getir sebagai buruh di lombong bijih. Beliau menjelaskan kesukaran semasa bekerja sebagai pendulang bijih timah:

...setiap hari kami bersama-sama kawan buruh berendam dalam air di lombong lama mendulang di bawah panahan terik matahari. Kami menyebatikan diri dengan kaum buruh, hidup bersama, kerja bersama, dan makan pun bersama (Suriani Abdullah, 2006:9).

Bagi menyusun dan memberi kesedaran politik, beliau telah mengadakan kelas malam untuk mengajar buruh-buruh ini tentang politik dan menyusun organisasi. Ramai buruh-buruh wanita akhirnya menyertai kesatuan buruh dan menjadi anggota PKM. Cawangan kesatuan buruh lombong di Kinta telah berjaya digerakkan untuk membantu buruh-buruh lain yang terjejas akibat eksplorasi di tempat kerja. Seorang aktivis pelajar, Hu Sie Peng menjelaskan beliau menyamar menjadi buruh di lombong timah untuk menghubungkan golongan buruh dan organisasi politik. Mereka telah mengadakan kelas malam untuk membantu buruh wanita yang buta huruf dan celik dengan politik semasa. Buruh-buruh ini juga turut terlibat dengan aktiviti seni seperti menyanyi, menari dan mewujudkan pertunjukan drama kepada buruh. Penglibatan aktivis pelajar dan politik dalam perjuangan buruh telah membantu menguatkan kesatuan buruh lombong di mana wanita ini mula mempunyai keyakinan dan pandangan yang berbeza daripada kebiasaannya. Justeru itu, aktivis pelajar ini telah menerbitkan buletin ‘Majalah Wanita’ untuk diedarkan kepada buruh-buruh wanita dan komunitinya. Kesatuan buruh lombong di Perak ketika itu mula kuat dan dianggarkan jumlah ahlinya ialah seramai 20,000 orang (Suriani Abdullah, 2006:9).

Selain daripada menyertai aktiviti pemogokan, wanita-wanita di Singapura yang terdiri daripada pembantu rumah telah menubuhkan ‘Bilik Kuli’ bertujuan untuk membantu wanita mencari dana dan menggalakkan wanita menderma. Organisasi ini

dikenali sebagai Kesatuan Saling Membantu Amah kerana ia membantu wanita-wanita mendapat pekerjaan dan membantu menjaga bayi-bayi apabila ibu mereka terpaksa bekerja. Wanita-wanita daripada kesatuan ini pernah terlibat dalam menyokong pemogokan buruh-buruh binaan di Singapura sehingga seramai 100 orang termasuk wanita telah ditahan polis (Fan, 2005:60).

Pelancaran mogok secara bersiri yang turut melibatkan buruh-buruh wanita dan lelaki di ladang-ladang getah, kilang getah dan kawasan perlombongan telah membimbangkan pihak pemodal dan British. Merebaknya aktiviti mogok ke Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak dan Pahang telah menyebabkan pihak berkuasa menghadapi kesukaran mereka tidak menjangkakan tindakan agresif daripada pekerja terutamanya penentangan daripada buruh wanita (*DCL Sel 33/47: The Selangor Tin Mines Workers Trade Unions; DCL Sel 42/47: Report on Labour Conditions in Selangor*). Ia juga merupakan pencapaian penting kepada kesatuan buruh apabila nasib mereka turut mendapat sokongan daripada golongan terpelajar dan organisasi politik. Pihak jabatan buruh telah melakukan siasatan di atas keluhan dan permasalahan sebenar masyarakat buruh. Kebangkitan kesatuan buruh di Tanah Melayu menyebabkan British turut meneliti provisi kebijakan buruh terutamanya buruh Cina yang perlu diberikan perhatian. Pihak majikan seperti Persatuan Peladang Negeri Sembilan akhirnya telah bersetuju menetapkan upah minimum kepada buruh-buruh ladang di negeri tersebut (Tai, 2000: 97).

Pihak British merasakan tindakan berani kesatuan buruh menjadi ancaman baru kepada pentadbiran mereka, justeru itu bagi mengawal kesatuan buruh, British telah memperkenalkan Ordinan Kesatuan Buruh pada tahun 1940. Perhubungan baru yang terjalin antara kesatuan buruh Cina dan India yang pada peringkat awal membuat tuntutan ekonomi telah bertukar kepada kesedaran politik. Kerjasama politik bermula

apabila kempen antifasis Jepun dibimbangi akan menular dan bertukar kepada anti-British (*CO 273/662/10: Despatch of Shenton Thomas to Malcolm MacDonald*; Tai, 2000:148). Justeru itu, beberapa pemimpin Cina daripada *Malayan Chinese Anti-Enemy Backing-up Society* telah ditangkap setelah pelancaran harta²¹ atau mogok umum di Singapura pada 22 Ogos 1938 (Tai, 2000: 148).

Walaupun pihak majikan bersetuju menaikkan kadar upah namun, isu ini terus menjadi isu sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Kesedaran politik dan penglibatan golongan buruh dalam kesatuan semakin meningkat, terutama selepas British melibatkan tentera India untuk membunuh buruh-buruh dari India dan penangkapan pemimpin-pemimpin buruh Cina dan India. Bagaimanapun perjuangan buruh terhenti seketika apabila perang meletus dan Jepun telah menduduki Tanah Melayu pada Februari 1942.

5.6 Semangat Nasionalisme Wanita dalam Perjuangan Buruh

Peperangan dan pendudukan Jepun pada tahun 1942-1945 telah memberikan implikasi besar kepada situasi buruh kerana penglibatan aktif mereka dalam *General Labour Union* (GLU)²² yang dipengaruhi oleh ideologi politik kiri. Tujuan GLU adalah untuk menyatukan golongan kelas pekerja dan memperbaiki kehidupan mereka serta mendapatkan pampasan perang untuk buruh lelaki dan wanita (Gamba, 1962:66; *DCL Sel 20/45: Report on Labour Condition*). Kegawatan sosio ekonomi semasa Perang Dunia Kedua juga menyebabkan pengangguran, kebuluran dan merebaknya penyakit (Leong, 1999:110). Pada tahun 1946, kadar upah yang diterima oleh penoreh getah ialah

²¹ Hartal merupakan mogok umum, penutupan tempat kerja, kedai makan dan aktiviti ekonomi sebagai menunjukkan protes terhadap ketidakadilan majikan. Hartal diinspirasikan oleh perjuangan Gandhi sebagai protes aman.

²² GLU merupakan pergerakan buruh dari semua negeri di Tanah Melayu. Ia merupakan organisasi bebas yang kemudiannya dikenali sebagai “*The Labour Union of All Races in Malaya*”.

60 sen sehari untuk lelaki, 50 sen sehari untuk wanita dan 40 sen sehari untuk kanak-kanak.

Keadaan kediaman buruh ladang getah amat teruk dan kotor, hidup dalam kepapaan, terpaksa berpakaian compang-camping dan hanya berbekalkan sedikit beras hancur, yang mujur hanyalah masih mendapat cahaya matahari. Keadaan ini telah menyebabkan kebangkitan buruh selepas perang (*Suara Demokrasi*, 1983: 15).

Pada masa yang sama, GLU menyusun semula organisasi mereka dan berjuang agar pihak *British Military Administration* (BMA) memberikan konsesi kepada buruh seperti menanggung perbelanjaan perubatan, upah dan menambah bekalan beras (Stenson, 1970: 99; Josey, 1958: 21). Sebuah majalah buruh yang dinamakan ‘*Front*’ telah diterbitkan dalam bahasa Tamil oleh Kesatuan Buruh Singapura. Majalah ini bertujuan memberikan informasi dan meningkatkan pengetahuan buruh tentang hak mereka. Ia juga menggalakkan agar kaum buruh India berjuang bersama kesatuan buruh untuk mempertahankan hak buruh dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Organisasi GLU mula menggerakkan semua kesatuan buruh Cina, India dan Melayu untuk melancarkan mogok dan demonstrasi bagi menjayakan tuntutan organisasi buruh. GLU juga menubuhkan sayap wanita iaitu *Women’s Association*²³ pada April 1946, yang mempunyai cawangan di daerah-daerah tertentu di Tanah Melayu. Tujuan organisasi ini ialah menyelesaikan masalah buruh wanita yang semakin meningkat selepas perang dan menuntut pendidikan untuk kanak-kanak. Pada masa ini juga kerajaan BMA telah ditekan hebat oleh Kerajaan Buruh di London yang menuntut kesatuan buruh di Tanah Melayu dibenarkan aktif semula, sebagai penghargaan bantuan aktivis buruh dan PKM yang membantu British semasa pendudukan Jepun. Kekuatan

²³ Organisasi ini merupakan sayap dalam GLU yang telah meluaskan fokus mereka tidak terhad kepada buruh wanita di peringkat kecil tetapi menggalakkan penglibatan wanita dalam perubahan politik dan ekonomi di Tanah Melayu. Antara organisasi buruh wanita ialah *Selangor Women’s Relief Association* dan kebanyakannya ahlinya terdiri daripada kaum wanita Cina.

PKM dan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) bertambah apabila mereka membentuk parti politik yang mendapat sokongan kuat daripada buruh dan petani. Gabungan organisasi ini juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas organisasi GLU dan melibatkan diri dalam perundingan dengan aktivis buruh (Leong, 1999: 152).

Semasa persidangan buruh di Singapura pada tahun 1945, GLU telah menekankan agar semua buruh tanpa mengenal nasionaliti, etnik dan gender. Mereka bersetuju dengan kadar upah yang sama bagi tugas atau kerja yang sama. Buruh wanita wajib diberikan elauan bersalin selama dua bulan dan dijamin agar tidak dibuang kerja semasa mereka bersalin. Organisasi ini memperjuangkan nasib buruh semasa pentadbiran BMA apabila pasaran gelap berleluasa untuk komoditi getah dan bijih timah serta kekurangan bekalan beras menyebabkan kehidupan buruh dan lombong semakin menderita (Dass, 1991:36). Pihak PKM telah bekerjasama dengan aktivis buruh India untuk memperjuangkan nasib buruh yang semakin tertekan akibat harga komoditi utama jatuh teruk. Pada tahun 1946 sahaja, pihak GLU telah berjaya melancarkan 41 aktiviti mogok yang akhirnya berjaya menyakinkan buruh-buruh di Tanah Melayu tentang kekuatan dan keberkesanan perjuangan kesatuan buruh ini.

Buruh-buruh India yang pernah terlibat dalam menentang Jepun berjuang juga mengaktifkan semula organisasi *Thondar Padar*²⁴ atau pasukan militan yang terdiri daripada para belia untuk menjaga kepentingan buruh India di Tanah Melayu (*CO 537/3752: Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*). Organisasi merupakan kumpulan nasionalis yang aktif dan terdapat beberapa prinsipnya sama dengan prinsip komunisme. Ia bekerjasama dengan sayap wanita yang bertugas untuk

²⁴ *Thondar Padar* merupakan satu cabang organisasi yang ditubuhkan oleh buruh-buruh reformis Tamil yang mahu meningkatkan moral, sosioekonomi dan budaya buruh Tamil di Tanah Melayu. Organisasi ini diinspirasikan dari *Karuppu Sattai Thondar Padai* (*Black Shirt Volunteer Corps*) di Tamil Nadu. Penubuhan *Indian Independence League* (IIL) dan *Indian National Army* (INA) yang amat memberi kesan politik kebangsaan kepada buruh India. Semasa wakil IIL dan INA melawat ladang-ladang getah di Tanah Melayu untuk memujuk belia-belia ladang menyertai pasukan militan ini, belia Tamil yang lahir di Tanah Melayu memutuskan untuk membentuk *Thondar Padar* dan membentuk sentimen kebangsaan yang berjuang untuk buruh India di Tanah Melayu (Leong, 1999:113).

menjaga kanak-kanak, kebersihan dan kepentingan buruh wanita. Organisasi ini turut ditubuhkan di ladang getah di Kedah, Johor dan Melaka. Lima belas aktivis buruh wanita India di Tanah Melayu yang pernah terlibat dalam perjuangan *National Liberation Army of Malaya* (NLAM) merupakan salah satu sayap utama dalam perjuangan PKM (*S.A. Ghanapathy, The Straits Times, 4 May 1949*). Kebanyakan ahli NLAM tanpa mengira perbezaan gender dan umur menuntut keadilan untuk semua buruh-buruh di Tanah Melayu. Organisasi ini ditubuhkan secara rasmi selepas pendudukan Jepun dan anggota wanita NLAM pernah menyertai perjuangan *Rani Jhansi Regiment*. Perjuangan buruh-buruh wanita dari ladang-ladang getah terlibat secara sukarela untuk menuntut pembebasan Tanah Melayu daripada penjajahan British (*S.A. Ghanapathy, The Straits Times, 4 May 1949*).

Thondar Padar juga menggalakkan reformasi dalam kehidupan buruh terutama menghentikan ketagihan todi atau samsu dalam kalangan buruh India yang dianggap ‘*a powerful weapon to kill the souls of the labourer*’ (Dass, 1991; Stenson, 1970; Leong, 1999). Pada 28 Februari, 1947, buruh wanita di ladang getah Bedong, Sungai Petani seramai 30 orang bersama kanak-kanak telah berpiket di hadapan sebuah kedai todi menuntut minuman keras tidak dijual dan memprotes ketagihan todi yang semakin memburuk dalam kalangan buruh lelaki. Dalam perhimpunan ini buruh-buruh wanita hanya bersenjatakan air panas, kayu, batu dan serbuk lada ketika berhadapan dengan pihak polis Gurkha, Sikh dan Punjabi yang bersenjatakan pistol, bayonet, senapang dan baton untuk menghalang mereka daripada meneruskan demonstrasi duduk sehingga menyebabkan enam orang buruh cedera (*CO 537/2173: Labour Situation: unrest among Estates Labour*; A. Dass, 1991: 46; Parameswari a/p Krishnan, 2014). Pihak polis turut mengepung ladang getah di Bukit Sembilan, di Baling tanpa memberi sebab. Buruh wanita dengan bersenjatakan air panas dan serbuk lada melawan sehingga menyebabkan

11 orang wanita dan kanak-kanak dimasukkan ke hospital setelah bertempur dengan pihak polis cedera (*CO 537/2173: Labour Situation: unrest among Estates Labour*).

Aktiviti pemogokan dan rusuhan buruh yang dilancarkan oleh GLU dengan kerjasama PKM telah membimbangkan sehingga pihak British mengaktifkan semula undang-undang kesatuan 1940²⁵, untuk memantau kemaraan kesatuan buruh. Mereka telah melantik John Brazier sebagai penasihat kesatuan buruh di Tanah Melayu untuk ‘menjinakkan’ kaum buruh agar tidak meneruskan penentangan terhadap pentadbiran imperialis British (Stenson, 1980: 168). Ia juga cubaan menghalang kesatuan buruh terlibat dalam pergerakan politik nasional. Tindakan ini menyebabkan pihak kesatuan buruh membalas dengan merancang lebih banyak mogok. GLU dibubarkan dan digantikan *Pan-Malayan of Federation Trade Union* (PMFTU)²⁶ bagi memperkuatkan kesatuan buruh untuk terlibat dalam aktiviti politik nasional (Hanrahan, 1971:102). Pada Februari 1947, S.A. Ganapathy telah dilantik sebagai pengurus dan komiti lain dianggotai oleh empat aktivis buruh India, empat aktivis buruh Cina dan dua aktivis buruh Melayu.

PMFTU telah menyusun dan memperkuatkan kerjasama antara pergerakan buruh tempatan dan antarabangsa. Kempen anti-imperialisme Barat, idea pembebasan dan propaganda nasionalis telah memberi impak besar kepada penduduk dan buruh-buruh di Tanah Melayu. Kesatuan buruh semakin diperkuuhkan dan mula bekerjasama dengan parti politik kiri bagi membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Mengikut laporan buruh 1947, dianggarkan terdapat 291 kesatuan buruh didaftarkan di Tanah Melayu (*RC/Sel/46/47: Labour Department Report Oct. 1947*). Perjuangan buruh selepas perang semakin kukuh contohnya, bagi kaum India semangat nasionalisme semakin meningkat setelah isu eksplotasi pekerja dan penangkapan serta pembunuhan

²⁵ Undang-undang ini diaktifkan semula untuk memantau dan memeriksa aktiviti dan operasi kesatuan buruh. Ordinan ini juga melarang kesatuan daripada menerima arahan dan panduan daripada kesatuan yang tidak berdaftar oleh agensi kerajaan seperti PKM.

²⁶ PMFTU merupakan organisasi buruh antara kaum dan dinaungi oleh *World Federation of Trade Union* (WFTU) yang beribu pejabat di Paris.

pemimpin buruh di Tanah Melayu. Ia juga telah membuka kesedaran politik baru kepada kaum India untuk memperjuangkan hak mereka yang menetap di Tanah Melayu:

The radical nationalist among the Malayan India Intelligentsia saw the struggle for upliftment of Indians in Malaya as a political struggle against British imperialism. The Malayan-based radical saw the Indian nationalist a natural ally, sometimes even as a foster parent (Arasaratnam, 1970: 102).

Perhubungan rapat PKM dengan aktivis buruh dalam PMFTU telah mempengaruhi tindakan dan perjuangan buruh seperti mereka terus melancarkan harta besar-besaran untuk melumpuhkan pentadbiran British di Tanah Melayu. John Brazier dalam laporan beliau merumuskan bahawa tindakan kesatuan buruh disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

The earlier misconception that existed among many employers and absent directors that trade unionism was being imposed upon a people ‘who did not want it, or were not ready for it’, or ‘that Government made an error in introducing trade unionsm during a time of acute food shortage, show a lamentable ignorance of the history and purpose of trade union movement both in Malaya and world at large. The growing group consciousness among the Malayan workers prior to the war; three and half years of Japanese Occupation with its suppression of liberty of speech and group organization; the postwar political changes both inside and outside Malaya; couple with the acute and prolonged shortage and high prices of the workers’ basic food, are all factors that make for spontaneous and often militant agitation on the part of people who, after liberation, found their standards of living, through neither the fault of Government nor themselves, far below that enjoyed prior to the war... (Josey, 1958:46).

GLU dilihat menyusun kesatuan buruh berdasarkan perbezaan geografi dan etnik dan bukannya berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri seperti di British. Bagaimanapun analisis Brazier dikritik oleh aktivis GLU kerana terdapat perbezaan kesatuan buruh di British berbanding di Tanah Melayu. Menurut GLU, faktor politik nasionalisme merupakan isu yang diutarakan oleh kesatuan buruh di Tanah Melayu. GLU menegaskan bagaimana kaum buruh boleh mencapai manfaat selagi Tanah

Melayu masih dijajah oleh British. Salah seorang daripada komiti penasihat kesatuan buruh ke Singapura, S. P. Garret telah meletakkan jawatan pada Jun 1947 kerana bersimpati dengan perjuangan buruh di Tanah Melayu. Beliau menegaskan perjuangan buruh di Tanah Melayu adalah selari dengan perjuangan buruh antarabangsa (Dass, 1991: 43). S. P. Garret mengkritik pengendalian penasihat kesatuan buruh yang dilantik oleh perwakilan British:

Many within administration were all for putting the GLU out of business and for pursuing policy of government-sponsored unions, to which policy the trade union adviser in Malaya fully concerned with, advocate and applied. Trade Union Adviser in his consistently prejudiced and biased attitude...is producing and creating political discord and is driving this organisation and their state federation (FTUs) into political outlets, because they are denied their rightful function within Malaya in trade union directions (Dass, 1991: 43).

Beberapa aktivis buruh wanita yang merupakan anggota penting dalam GLU seperti Eng Ming Chin telah menyeru agar kaum buruh di ladang getah Nova Scotia meneruskan tuntutan buruh dengan melancarkan mogok pada tahun 1947. Pelancaran mogok juga dilancarkan oleh buruh wanita di ladang getah Batu Arang dan Batang Berjuntai, Selangor bagi menuntut hak cuti bersalin bagi buruh wanita, keselamatan buruh, pemotongan upah dan pemindaan kadar upah buruh (Rohana Ariffin, 1997: 57). Pekerja wanita juga menuntut kebijakan pekerja seperti wanita mengandung diberikan elaun bersalin seperti yang dipersetujui oleh majikan dan diperuntukkan dalam seksyen 27, Kod Buruh. Elaun ini tidak dibayar oleh pihak kontraktor yang menjaga kongsi, malah tuntutan elaun ini sering ditolak. Pihak pengurusan didakwa melakukan ketidakadilan terhadap buruh wanita dan menafikan hak mereka. Selain daripada itu terdapat dakwaan dari pekerja wanita yang mereka didiskriminasikan berbanding dengan pekerja lelaki yang berjaya mendapat tuntutan untuk pembayaran perubatan mereka. Semasa buruh-buruh lombong arang batu melancarkan mogok di Batu Arang pada 27 Mac 1947, yang melibatkan seramai 500-700 buruh termasuk buruh wanita

turut terlibat membantu 300 rakan sekerja mereka di *Malayan Collieries*, Batu Arang yang tidak dibayar gaji oleh pihak syarikat perlombongan (*DCL Sel 46/1947: Strikes and Disputes in Selangor, 1947*).

Pihak kesatuan telah melaporkan isu ini kepada pihak Jabatan Buruh namun, tidak ada susulan dan tindakan dibuat. Justeru itu, tidak berpuas hati dengan tindakan pengurusan kilang *Malayan Collieries*, seramai 160 pekerja termasuk wanita dan kanak-kanak berarak dan melancarkan demonstrasi sambil menaikkan slogan menuntut keadilan buruh di hadapan pejabat buruh. Mereka telah menuntut supaya pihak majikan melunaskan upah buruh serta membayar pampasan kerana kelewatan pembayaran upah buruh. Setelah perundingan dijalankan pihak majikan tetap enggan memenuhi tuntutan kedua dan hanya membayar gaji yang belum dijelaskan (*DCL Sel 46/1947: Strikes and Disputes in Selangor, 1947*). Pihak pengurusan lombong juga mengarahkan pekerja yang terlibat dengan tiga organisasi yang kuat menyokong pemogokan ini iaitu anggota MPAJA, *Women's Organisation* dan aktivis-aktivis buruh sektor lain mengosongkan kerja dan tempat tinggal buruh dengan serta merta (*DCL Sel 46/1947: Strikes and Disputes in Selangor, 1947*).

Perjuangan buruh wanita terutama buruh Cina semakin aktif dengan penubuhan PMFTU dan mereka melebarkan kefahaman politik kiri dalam organisasi wanita. Penglibatan buruh wanita dalam perjuangan telah diiktiraf dan menyaksikan peningkatan kesatuan-kesatuan buruh wanita di peringkat daerah dan negeri di Tanah Melayu. Beberapa organisasi seperti *Ipooh Female Domestic Servants' Association*, *The Taiping Female Workers' Union*, *the Kinta Female Workers' Mutual Association*, *the Malacca Servants' Union*, *the Penang Cabaret Girls' Union*, *Taiping Female Workers Union*, *the Selangor Chinese Women's Li Chi Association*, *Women's Promotion Society*, *Women's Benevolent Society* dan lain-lain organisasi wanita telah bergiat aktif dan bergabung di bawah *Women's Federation* (Fujio, 2003; Rohana Ariffin, 1997).

Pertubuhan *Women's Federation* di Tanah Melayu termasuk Singapura di bawah pimpinan Lee Kiu²⁷ telah meluaskan pengaruhnya ke atas organisasi buruh dan politik wanita terutamanya wanita Cina. Pertubuhan ini juga mempunyai hubungan rapat dengan *Women's International Democratic Federation* yang berfahaman komunis di peringkat antarabangsa (Fujio, 2003; Makmor Tumin, 2006).

Dalam tahun 1947, pengaruh ideologi komunis semakin memuncak apabila PMFTU telah mengawal 214 daripada 277 pergerakan buruh yang berdaftar di Tanah Melayu (Hanrahan, 1971:102). PMFTU mula menggunakan orientasi politik sebagai cara meneruskan perjuangan buruh dan mengusir penjajah British dari Tanah Melayu. Pemogokan dan rusuhan diteruskan, di mana pemogokan di perlombongan Batu Arang telah menjaskankan pengangkutan keretapi telah melemahkan ekonomi British (*Annual Report of the Labour Department, 1947*). Pada 1 Mei 1947, ketika meraikan hari buruh, kesatuan sekerja telah melancarkan mogok serentak di Tanah Melayu dan Singapura. Mogok ini disertai oleh 70,000 orang buruh yang mengadakan perhimpunan di *Ferrer Park* diikuti dengan perarakaran berjalan kaki sejauh tiga kilometer ke bandar Singapura.

Pada awal tahun 1948, rombongan Kesatuan Wanita Soviet Union telah melawat perlombongan Batu Arang dan memberikan pidato yang bersemangat di hadapan ribuan kaum buruh wanita dan lelaki. Rentetan daripada ucaptama di perhimpunan tersebut, pada November 1947 hingga Februari 1948, kesatuan buruh dan kesatuan pelajar telah menganjurkan harta secara besar-besaran di Tanah Melayu. Hartal melibat para pekerja ladang, pekerja Keretapi Tanah Melayu, peniaga-peniaga, pekerja industri, perladangan dan perlombongan memboikot dan menghentikan aktiviti kerja di sektor masing-masing. Ia telah melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu dan merugikan pemodal-

²⁷ Lee Kiu merupakan presiden dan wakil daripada *Women's Federation* yang dijemput menghadiri Kongres pertama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). *Women's Federation* telah memantapkan pergerakan ini dengan membentuk *All Malaya Women's Federation* dengan keanggotaan seramai 20,000 (Dancz, 1987:101).

pemodal di sektor-sektor komoditi utama. Solidariti dalam kalangan buruh dan rakyat daripada pelbagai kaum telah membimbangkan penjajah British tentang kekuatan gerakan buruh apabila mereka telah bersatu melancarkan mogok tanpa mengira kaum dan sektor ekonomi yang terlibat (Suriani Abdullah, 2006:94). Bagaimanapun pihak British telah melancarkan strategi untuk mematahkan kebangkitan PMFTU dan kesatuan yang bersifat politik seperti MPAJA dan parti politik kiri yang menggerakkan tuntutan memerdekakan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, pengaruh PKM yang cuba menguasai PMFTU untuk menjayakan tujuan politiknya tidak dipersetujui oleh beberapa kepimpinan PMFTU. Ia telah menyebabkan keretakan dalam kesatuan buruh, isu ini semakin kritikal apabila PKM berdepan dengan pembelotan Setiausaha Agung dan pengurus PKM di Tanah Melayu, Loi Teck melarikan diri bersama sejumlah besar tabung parti PKM (Hanrahan, 1971:10). Loi Teck telah memberikan maklumat penting kepada British mengenai strategi dan kaedah gerakan politik PKM. Ramai daripada pemimpin PKM telah berjaya ditangkap dan dibunuh kerana maklumat yang diberikan oleh Loi Teck. Ia termasuk pemimpin buruh daripada PMFTU yang juga ditembak, ditangkap dan ramai pemimpin ini telah dihantar ke India dan China. Tindakan British berjaya melumpuhkan kesatuan buruh di Tanah Melayu apabila terdapat bekas rakan pemimpin mengaku mereka merupakan pengintip, pemberi maklumat dan mengumumkan bahawa mereka terpaksa mengikut kehendak pemimpin (CO 537/3752: *Political Intelligence Journal*, 1947; Gamba, 1962: 355). Pada Jun, 1948 ketika kerajaan *Malayan Union* terus menekan 300,000 ahli kesatuan apabila mengisytiharkan PMFTU diharamkan kerana kesatuan ini tidak didaftarkan.

Pada 17 Jun 1948, apabila tiga orang pemodal British dibunuh, kerajaan telah mengisytiharkan undang-undang darurat di mana pihak polis diberi kuasa untuk

menangkap dan menahan suspek PKM dan PMFTU. Pihak berkuasa telah mengambil tindakan menyerbu premis kesatuan buruh yang menyebabkan seramai 185 aktivis buruh dan politik telah ditangkap (Rohana Ariffin, 1997: 55). Pada masa yang sama pihak majikan diberi kuasa untuk memotong atau mengurangkan upah buruh, menarik-balik konsesi yang diberikan kepada pekerja sebelum ini. Ia bertujuan untuk melumpuhkan dan memusnahkan pergerakan kesatuan buruh yang radikal dan bergerak atas platform politik nasional (Dass, 1991: 55). Ketika pengaruh kesatuan buruh di bawah PMFTU semakin merosot pada tahun 1949, buruh wanita di kilang pembungkusan getah telah melancarkan pemogokan serentak di lima buah kilang apabila pihak majikan memotong kadar upah pekerja. Keputusan melancarkan mogok dan menolak daripada mengambil gaji yang dipotong tanpa persetujuan pekerja serta mereka kehilangan kepimpinan buruh amat mengejutkan British. Pemogokan tersebut berakhir apabila pihak majikan membatalkan pemotongan upah dan mengambil keputusan menetapkan kadar upah yang lama (Josey, 1958: 48).

Penglibatan wanita dalam kesatuan buruh mula malap selepas pengisytiharan darurat pada tahun 1948. Kebanyakan kepimpinan buruh wanita yang dilatih oleh PKM telah dibuang negeri ataupun mengambil keputusan berjuang secara gerila bersama PKM. Strategi untuk melumpuhkan kesatuan buruh radikal oleh Brazier telah berjaya, apabila pemilihan kepimpinan buruh lebih kepada golongan sederhana yang boleh bekerjasama dengan British melalui penubuhan *Trade Union Council* yang kemudiannya lebih dikenali sebagai *Malayan Trade Union Congress* atau MTUC (Rohana Ariffin, 1997: 55). Namun begitu, kesatuan buruh radikal muncul semula dan meneruskan desakan agar pihak majikan memberikan layanan adil kepada buruh. Pada tahun 1949, pihak polis telah memberkas 15 orang buruh daripada ladang getah Ulu Ara yang keluar membantah, justeru itu pihak buruh secara beramai-ramai telah menyekat jalan dengan tong-tong petrol dan tiang elektrik bagi menghalang tindakan keras pihak

polis terhadap buruh. Para penoreh getah wanita pula menghalang kereta tentera dan polis daripada meninggalkan ladang tersebut. Sehubungan dengan itu 79 orang aktivis buruh ditahan dan mengarahkan pemogok meninggalkan kawasan asrama pekerja. Apabila mereka enggan pihak polis akhirnya mengacukan senapang ke arah wanita dan kanak-kanak supaya mereka mengalah dan keluar meninggalkan kongsi tersebut (*Suara Demokrasi*, 1983: 29).

Pada tahun 1951, pihak buruh termasuk wanita dan lelaki berjumlah seramai 2,000 orang daripada 13 buah ladang getah telah melancarkan mogok secara besar-besaran untuk membantah pengurangan upah sebanyak 23 peratus. Pemogokan ini diteruskan pada 1952 oleh buruh ladang getah daripada Semenyih, Serdang, Cheras dan Puchong di mana seramai 10,000 orang melancarkan mogok untuk menuntut kenaikan kadar upah sebanyak 50 peratus apabila harga getah di pasaran dunia meningkat disebabkan Perang Amerika Syarikat dan Korea. Pihak buruh daripada Johor, Melaka, Perak, Kedah Negeri Sembilan telah melancarkan mogok dengan bantuan strategi daripada pihak gerila PKM (*Suara Demokrasi*, 1983: 55). Pada tahun 1956, merupakan kemuncak kepada perjuangan buruh radikal apabila mereka melancarkan mogok secara serentak di seluruh Tanah Melayu. Dianggarkan seramai 320,000 orang buruh melancarkan mogok dan hartal secara besar-besaran. Buruh wanita di ladang-ladang getah telah membangkitkan semula isu kadar upah sama rata antara lelaki dan wanita dan perjuangan ini diteruskan oleh aktivis kesatuan buruh yang terlibat dalam pergerakan politik dengan tertubuhnya *Pan-Malayan Labour Party* (PMLP) pada tahun 1953. PMLP meneruskan komitmennya untuk memastikan hak saksama untuk wanita dan terbuka kepada semua kaum. Malah parti ini mempekenalkan piagam wanita untuk menarik kaum wanita menyertainya namun begitu, ia tidak mendapat sambutan (Maznah & Ng, 1989).

Pada tahun 1950-an menyaksikan kebanyakan anggota buruh kaum Cina tidak lagi aktif dan terlibat dalam pergerakan buruh selepas pembelotan Setiusaha Agung PKM, Loi Teck. Jika pada tahun 1946, 54 peratus ahli kesatuan buruh terdiri daripada kaum Cina, kaum India 28 peratus dan Melayu 20 peratus, namun pada tahun 1952, 70 peratus kesatuan buruh didominasi oleh kaum India terutama pekerja-pekerja ladang getah. Kebanyakan aktivis buruh Cina telah ditahan atau dibuang negara dan mereka menarik diri daripada menyertai kesatuan buruh (Josey, 1958: 55).

5.7 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan sumbangan besar buruh wanita imigran Cina dan India dalam ekonomi Tanah Melayu, terutamanya ketika berlakunya kemelesetan ekonomi dunia antara tahun 1930-1933. Secara umumnya kaum buruh dibayar upah dengan kadar yang berbeza mengikut bangsa dan gender. Kadar upah buruh sememangnya rendah namun buruh wanita diberi upah yang rendah berbanding buruh lelaki. Tidak ada penjelasan daripada pihak majikan tentang perbezaan upah mengikut gender, namun justifikasi perbezaan ini disebabkan oleh buruh wanita secara budayanya bergantung hidup kepada lelaki dan lelaki merupakan pencari nafkah untuk keluarga.

Ideologi patriarki telah digunakan oleh pihak majikan di mana buruh wanita dieksplorasi untuk melakukan kerja membersih ladang, menoreh, mendulang dan dibayar dengan upah yang rendah berbanding dengan lelaki bagi skop kerja yang sama. Malah bagi mengekalkan buruh-buruh imigran ini terus bekerja di ladang-ladang dan pemprosesan getah serta perlombongan pihak majikan menetapkan kadar upah berasaskan turun-naik harga komoditi mengikut pasaran. Pihak kerajaan British juga mengawal harga barang dan meningkatkan kos hidup untuk mengekalkan buruh dalam kemiskinan dan mengambil wanita serta kanak-kanak bekerja ketika bekalan buruh dihentikan.

Buruh wanita juga menggerakkan pergerakan buruh untuk membawa isu pencabulan dan gangguan seksual di ladang dan perlombongan serta isu upah wanita yang terlalu rendah. Buruh wanita terutama buruh Cina mula aktif dalam pergerakan buruh apabila mendapat pencerahan pendidikan buruh oleh aktivis nasionalis dan PKM. Aktivis ini menggalakkan pembentukan pergerakan wanita bergiat dalam pembebasan nasional dan emansipasi wanita. Perjuangan buruh wanita Cina diiktiraf dan penting dalam melawan kapitalis British yang mengeksplorasi masyarakat buruh. Ia menekankan kesedaran berdasarkan ekonomi yang menunjukkan eksplorasi kaum buruh oleh pihak penjajah yang memiliki modal yang besar.

Buruh wanita telah bekerjasama dengan buruh lelaki untuk memprotes dan menjalankan mogok demi menjayakan tuntutan pekerja-pekerja yang teraniaya dan ini telah mencetuskan sentimen anti penjajah. Buruh wanita juga mengadakan mogok yang disertai oleh wanita dan kanak-kanak, manakala buruh lelaki hanya melakukan bantahan sambil duduk. Mereka menegaskan mereka bukan hamba lelaki dan menentang upah yang terlalu rendah kepada wanita. Buruh wanita mendedahkan isu penindasan, ketidakadilan di tempat kerja serta pencabulan seksual ke atas pekerja yang tidak pernah dihiraukan oleh pihak majikan. Kebanyakan rasa tidak puas hati ini disebabkan layanan buruk terhadap buruh wanita, kadar bayaran upah yang tidak seragam disebabkan oleh turun naik harga komoditi utama serta faktor-faktor lain. Ia diburukkan lagi apabila pihak kontraktor yang dilantik pengurusan ladang mengambil kesempatan di atas pekerja seperti mengutip komisyen daripada upah buruh-buruh tersebut. Isu ini berterusan sehingga mencetuskan kemarahan buruh, justeru itu mereka telah membentuk organisasi pekerja untuk berkomunikasi dengan pihak majikan tanpa menggunakan khidmat kontraktor. Pertelingkahan antara majikan dan buruh wanita pada peringkat awal hanya melibatkan kepentingan ekonomi, keselamatan wanita,

tuntutan 1 Mei dan 8 Mac telah diisytiharkan sebagai hari pekerja dan hari wanita dan mereka dibenarkan bercuti.

Buruh wanita juga memainkan peranan penting dalam pemogokan walaupun penglibatan mereka selama ini jarang diketengahkan. Aktiviti mogok telah berjaya mendesak pihak majikan mendengar keluhan dan kesengsaraan buruh dan memperbaiki taraf hidup buruh di Tanah Melayu. Pada peringkat awal kebanyakan aktiviti kaum buruh hanya fokus tentang situasi kehidupan buruh, tuntutan kenaikan kadar upah, isu kemudahan perubatan dan isu pendidikan anak-anak buruh. Namun begitu, tuntutan ini berubah menjadi tuntutan politik selepas Perang Dunia Kedua pengangguran meningkat, kelewatan membayar upah, kebuluran dan merebaknya penyakit. Kediaman buruh ladang getah yang tidak layak dihuni, bekalan air terputus dan hidup hanya berbekalkan beras yang dicatu kerana harga makanan mahal menyebabkan kesatuan buruh bangkit kembali.

Kesatuan buruh melalui PMFTU dan *Women's Federation* telah menyusun dan mengadakan kempen anti imperialism Barat, idea pembebasan dan propaganda nasionalis. Kesatuan buruh semakin diperkuuhkan dan mula bekerjasama dengan parti politik kiri bagi membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Semangat nasionalisme buruh wanita India juga semakin tinggi setelah isu eksplotasi pekerja dan penangkapan serta pembunuhan pemimpin buruh India di Tanah Melayu. Kesedaran ini turut mendapat sambutan meluas sehingga ke kawasan ladang di pedalaman kepada buruh wanita India. Penindasan pihak pemodal British ini telah membuka kesedaran politik kepada kaum wanita India untuk memperjuangkan hak mereka terutama golongan buruh yang telah lama menetap di Tanah Melayu.

Kajian ini juga menunjukkan perbezaan antara perjuangan buruh di barat yang hanya membicarakan isu pekerjaan atau industri. Bagi kesatuan buruh di Tanah Melayu perjuangan mereka bertindih dengan perjuangan nasionalisme kerana menganggap

selagi mereka Tanah Melayu dijajah, buruh akan terus dieksplotasi oleh golongan kapitalis British. Peningkatan semangat nasionalisme dalam kalangan buruh terbukti apabila kesatuan buruh di Tanah Melayu mula menggongang struktur kapitalis dan menolak imperialisme. Penentangan buruh terhadap penjajahan jelas terpancar melalui slogan-slogan yang anti-imperialisme, kempen kebebasan bersuara dan hak samarata antara gender dan menyokong gerakan kemerdekaan daripada tangan penjajah. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa penglibatan wanita dalam aktivisme buruh di Tanah Melayu berlaku selari dengan kesedaran nasionalisme yang bangkit daripada ketidakadilan dan eksplotasi buruh oleh pihak pemodal British. Ia juga menggambarkan pengalaman peribadi sebagai pekerja buruh dan imigran di Tanah Melayu telah menanamkan semangat nasionalisme semakin meningkat. Mereka juga turut berhubung rapat dengan aktivis-aktivis buruh lelaki dan anggota Parlimen dari India. Maklumat dan kesedaran politik nasionalisme telah memberi aspirasi untuk membentuk solidariti yang kuat dalam kalangan buruh, termasuk buruh wanita di Tanah Melayu.

BAB ENAM

WANITA DALAM PERGERAKAN POLITIK DAN NASIONALISME

6.1 Pendahuluan

Kesedaran politik awal dapat dikesan melalui gerakan emansipasi wanita yang dimulakan pada akhir tahun 1920-an seperti yang dibincangkan dalam bab empat. Kebanyakan wanita yang terlibat dalam pergerakan ini terdiri daripada golongan intelektual yang sedar tentang isu pendidikan dan adat konservatif yang masih memundurkan masyarakat secara keseluruhannya. Perbahasan mengenai kemunduran masyarakat yang masih terbelenggu dengan adat-adat kuno, isu perkahwinan paksa, kejahilan agama, materialistik dan takut menerima pendidikan serta perubahan masih diteruskan. Gerakan pembaharuan dan pemodenan masyarakat ini mendapat sokongan daripada golongan ‘wanita baru’ yang terdiri daripada guru-guru, aktivis pelajar dan jurnalis wanita. Golongan ini bergerak untuk meningkatkan kesedaran rakyat tempatan melalui syarahan politik dan penulisan bersifat nasionalisme yang menentang sebarang bentuk penjajahan. Mereka juga memulakan idea pemodenan untuk melahirkan kaum ibu yang cerdik pandai serta bersemangat untuk berbakti kepada nusa dan bangsa. Bagi menjayakan aspirasi tersebut aktivis lelaki dan wanita menggalakkan kaum ibu menambahkan ilmu pengetahuan dan aktif dalam persatuan untuk meningkatkan semangat nasionalisme. Golongan aktivis turut menarik kaum lelaki dan wanita agar menyokong dan bekerjasama untuk meningkatkan status wanita (*Bulan Melayu*, Julai 1932: 130; *Majallah Guru*, 1955: 277).

Kesedaran tentang perlunya gerakan pemodenan kerana mereka melihat kelemahan penduduk Melayu yang masih jahil, tidak mampu berpolitik apatah lagi memegang kuasa ekonomi (Roff, 2003:64). Manakala kesedaran politik dalam kalangan

wanita Cina dipengaruhi oleh revolusi politik di China terutama semasa Sun Yat-Sen yang menggalakkan penyokong demokrasi di China dan di seberang laut untuk bergerak aktif. Kumpulan ini juga menyokong pergerakan emansipasi wanita dengan menekankan hak-hak asasi wanita (Jayawardena, 1986: 181). Penglibatan wanita Cina dalam politik semakin meningkat dengan kebangkitan golongan intelektual wanita termasuk pergerakan pelajar yang mempromosikan pembebasan wanita. Penglibatan kaum buruh wanita juga menyumbangkan peranan penting dalam menggerakkan aktiviti politik di Tanah Melayu. Aktivis gerakan Kuomintang Malaya dan PKM telah menerapkan kesedaran emansipasi melalui pendidikan Cina, sekolah malam untuk buruh dan penulisan-penulisan di akhbar untuk menyebarkan idea perubahan. Kandungan akhbar berbahasa Cina turut menyuntik semangat nasionalisme dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan isu kelas dan hak asasi manusia. Walaupun, penglibatan wanita India di Tanah Melayu dalam badan politik formal agak terlewat berbanding dengan wanita Melayu dan Cina tetapi mereka telah terlibat dalam aktivisme buruh di Tanah Melayu dan menyokong aktiviti nasionalisme di India. Penglibatan wanita sama ada dalam aktivisme sebelum ini telah menanamkan semangat nasionalisme dan menyokong pergerakan anti penjajahan.

Penglibatan wanita di Tanah Melayu secara aktif di dalam pergerakan anti-British merupakan antara detik terpenting dalam sejarah perjuangan mendapatkan kemerdekaan. Sumbangan aktivis wanita kepada pergerakan nasional penting kerana mereka telah melibatkan diri dan memainkan peranan sama ada sebagai barisan hadapan dalam pergerakan nasionalisme mahu pun bergiat dalam perjuangan buruh untuk menjadi jentera propaganda nasionalis. Bermula tahun 1929, wanita di Tanah Melayu telah terlibat dalam aktivisme yang akhirnya membawa kepada perjuangan nasionalis bersifat sederhana mahupun radikal bagi menuntut kebebasan dan kemerdekaan Tanah Melayu terutama selepas Perang Dunia Kedua.

Perjuangan nasionalisme telah menjadi relevan di Tanah Melayu setelah penduduk menyedari bahawa mereka telah kehilangan maruah dan kualiti hidup mereka yang merosot akibat perang. Nasionalisme telah dianggap bukan sahaja sebagai keperluan bangsa tetapi sebagai satu tanggungjawab untuk menegakkan semula maruah bangsa dan mengembalikan semula hak kepada penduduk. Nasionalisme bukan lagi matlamat tetapi merupakan alat untuk memajukan bangsa dan membentuk pemikiran baru di negara yang terjajah. Kemunculan nasionalis wanita bersama reformis agama dan pejuang nasionalis lelaki jelas memperjuangkan hak wanita dalam politik sebagai agenda nasionalisme agar wanita berganding maju dalam semua aspek (*Kenchana*, 1947; *Lembaga Melayu*, 1940; *Majallah Guru*, 1951).

6.2 Wanita dan Kesedaran Politik Semasa Perang Dunia Kedua

Kesedaran nasionalisme wanita dan semangat cintakan tanah air amat berkait rapat dengan semangat untuk memodenkan bangsa. Perubahan ini amat ditekankan setelah menyedari bahawa kaum Melayu masih jauh ketinggalan berbanding bangsa lain, terutama wanita Inggeris dan wanita Cina dalam aspek pendidikan dan pekerjaan. Merasakan pihak British lebih mengutamakan kaum Cina dan India dari segi pekerjaan dan peluang ekonomi telah menyebabkan kesungguhan untuk aktivis-aktivis wanita Melayu yang juga dikenali sebagai persatuan kaum ibu telah ditubuhkan di setiap negeri. Perasaan ini turut dikongsi oleh Dato' Fatimah Majid,¹ salah seorang nasionalis wanita

¹ Beliau merupakan nasionalis wanita dari Johor yang pernah terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau pernah terlibat dalam kerja-kerja sukarela ketika mengikut suaminya berkhidmat di Muar dan Johor Bharu. Beliau pernah menjadi pengurus *Women's Institute* daerah Johor Bharu pada tahun 1958. Sebelum itu pernah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO Muar, pada tahun 1946, ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Johor Bharu pada 1948-1949. Pada tahun Beliau juga pernah menubuhkan tentera wataniah wanita pertama (1964) di Johor Bharu ketika berlakunya konfrontasi antara Malaysia-Indonesia pada tahun 1963. Selain itu juga beliau merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai menjadi Ahli Majlis Bandaran Johor antara tahun 1957-1959. Selepas itu pada tahun 1959, beliau bertanding dan memenangi Pilihanraya Kecil Plentong, dan bertanding dalam pilihanraya umum pada tahun 1964. Beliau memenangi pilihanraya tersebut dan menjadi wanita Johor pertama yang dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat (Fauziah Fadzil, 2009).

Melayu awal yang sedar bahawa penjajah British hanya mahu membolot kekayaan di Tanah Melayu:

“...Pengalaman saya menyebabkan saya bersemangat untuk belajar dan memantapkan diri dengan ilmu. Walaupun ibu dan ayah saya lebih mengutamakan saudara lelaki saya namun pengalaman tersebut telah mematangkan saya untuk menjadi anak perempuan yang berdikari. Saya sudah merasakan pada saat itu, penjajah British hanya untuk mendapat kekayaan... dan memandang rendah kepada penduduk tempatan. Penjajah sebenarnya tidak langsung menghiraukan kita orang Melayu. Orang Melayu dianggap sebagai menumpang sahaja. Orang Melayu dipandang rendah, kita anggap dia tu tuanlah. Penjajah langsung tak ambik tahu, tapi ambik tahu kepada orang-orang asing, orang India masuk ke ladang getah, tanam kelapa sawit, orang Cina suruh melombong ambik bijih timah, bijih besi, emas..tapi semua hantar negeri dia. Ladang dikepung dibuat jalan, ada air dan api, kawasan yang dikepung kita tak boleh masuk. Orang Cina dapat kemewahan yang dia ada lombong ni, ada pagar besi, kita orang Melayu tak boleh masuk, tak ada kebenaran masuk, nak tumpang lalu pergi ke kampung pun tak boleh. Ketua-ketua pejabat semuanya orang putih, jadi kalau ada pun Melayu jadi kerani. Kita Melayu duduk di kampung cari makan sendiri, yang ada sikit kerja dengan penjajah, yang lain semua tak dihiraukan. Orang Melayu buat kerja sendiri tanam pokok, tanam buah-buahan, tangkap ikan, tukar dengan keladi...”(temubual Dato’ Fatimah Majid, 22 Disember 2010).

Menurut Fatimah, majikan British dan Cina telah membuka kawasan ladang getah, lada hitam, lombong besi dan emas di Johor. Penduduk tempatan tidak dibenarkan melalui kawasan ladang yang dijaga ketat oleh pengawal, malah mereka tidak menawarkan pekerjaan kepada penduduk kampung. Walaupun umur beliau masih muda ketika itu tetapi beliau masih ingat dan sedar tentang persepsi rendah penjajah terhadap penduduk tempatan. Selain daripada kesedaran sendiri beliau akhirnya berpeluang bergiat secara terbuka dalam kerja-kerja kemasyarakatan apabila beliau berkahwin pada tahun 1938, dengan Sheikh Abu Bakar bin Dato’ Sheikh Yahya, seorang pegawai kerajaan negeri Johor. Melalui aktiviti sukarela sebagai isteri pegawai kerajaan, beliau telah belajar dan didedahkan untuk membantu meningkat taraf hidup

rakyat melalui pendidikan dan mengajarkan ibu-ibu di kampung tentang ilmu rumah tangga.

Semangat untuk berbakti dan membantu bangsa disokong kuat oleh suami beliau. Namun apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pada tahun 1942, aktiviti-aktiviti sukarela ini terhenti. Penduduk ketika itu menderita kerana kekurangan bekalan makanan, ketakutan dengan kekejaman Jepun, kehilangan tempat tinggal dan harta benda. Menurut Fatimah keadaan hidup mereka sekeluarga terlalu susah setelah terpaksa melarikan diri meninggalkan kediamannya bersama anak beliau yang berusia tiga bulan ketika Perang Dunia Kedua meletus (temu bual Dato' Fatimah Majid, 22 Disember 2010):

“...tahun 1942 Jepun masuk saya ada anak umur tiga bulan...Jepun terus masuk daripada Segamat...hutan Segamat, dia ikut jalan dalam, tak tahu la...yang saya tahu orang India bagi dia pelan untuk masuk menyeludup. Askar dah tunggu dekat Mersing ingat dia datang ikut Mersing tapi dia masuk menyeludup, dia jalan kaki sampai tiba, entah dia turun mana tak tahu. Jadi masa perang, tentera Jepun ni masuk dia zalim la...di bukan kerajaan, dia tentera. Tengok perempuan cantik tak boleh, makan-minum, rumah dia masuk...saya pun pergi lari ke Sungai Ulu Tiram dengan sampan, 12 batulah. Anak saya yang kecik tu saya bawak pergi sebab Jepun nak bomkan tempat kita..Jepun nak bunuh orang putih, tuan estet. Anak-anak orang putih tak sempat lari, dia letakkan mereka di tengah padang sebelum dibunuh...saya naik sampan nampaklah...kita ketakutan dalam sampan tu...” (temubual Dato' Fatimah Majid, 22 Disember 2010).

Perang Dunia Kedua telah memainkan peranan penting dalam mengubah persepsi penduduk di Tanah Melayu terhadap British. Kezaliman tentera Jepun yang dikenali sebagai Kumpulan Tentera ke-25 amat menakutkan kerana mereka telah bertindak kejam dengan membunuh penduduk tempatan tanpa mengira bangsa (Cheah B.K. 1983). Kekejaman ini turut dilakukan oleh *Kempetei* (perisik tempatan yang bekerja dengan tentera Jepun) yang melakukan pencerobohan dari rumah ke rumah, membunuh pegawai kerajaan terutamanya orang Eropah, melarikan gadis dan isteri

orang serta mencuri barang-barang berharga (Blackburn, 2009; Ban & Yap, 2000; Hack, 1999).

Menurut Fatimah, bagi memastikan keselamatan, beliau bersama-sama jirannya berpindah keluar daripada kampung dengan menaiki sampan menuju ke kawasan pedalaman berhampiran dengan Sungai Tiram:

“...Kami terpaksa berpindah mencari tempat selamat. Saya bersama-sama orang kampong berpakan untuk meneruskan perjalanan dan berjalan kaki sehingga ke Estet Lam Heng yang terletak kira-kira lapan batu daripada Sungai Tiram. Masa itu kami telah mencatuh makanan dan berkongsi kesusahan, dalam perjalanan kami jumpa keluarga British tapi kami terpaksa mengelak kerana takut diserang atau ditembak Jepun...masa Jepun hidup kita cukup sengsara, azab.. tentera Jepun juga zalim, mereka rampas harta benda dan perkosa wanita” (temu bual Dato’ Fatimah Abdul Majid, 22 Disember 2010).

Pengalaman semasa zaman pendudukan Jepun turut diceritakan oleh Nurul Kamar Yassin² yang ketika ayah beliau ditangkap oleh tentera Jepun. Beliau dan ibunya terpaksa berunding walaupun takut pada kekerasan pihak tentera Jepun untuk menyelamatkan ayahnya.

“...rumah yang kami duduk tu besar, jadi Jepun nak duduk di situ. Abah tak bagi...dia kata boleh tembak dia mati, dia tidak akan biarkan anak-anak dia. Jepun pun tangkap dan kurunglah dia. Abah masih enggan menyerahkan rumah beliau dijadikan markas Jepun. Abah telah ditangkap dan dikurung dalam tahanan orang Jepun. Pada waktu itu kami sudah pandai sedikit bertutur bahasa Jepun. Kita pergi jumpa Jepun, masa tu kami guna pendekatan psikologi, emak saya tahu apa yang Jepun suka makan. Waktu tu Jepun suka makan pulut kukus...masa saya pergi jumpa nak minta mereka lepaskan bapak, saya bawaklah pulut tu dengan ayam kukus. Saya bawak makanan itu kerana nak jumpa pembesar Jepun pada masa itu. Pembesar tu macam OCPD lah zaman sekarang ni. Nama dia saya masih ingat, nama dia Suzuki... Agaknya dia pun tengok budak-budak, dia pun tengok kesalahan hanyalah mempertahankan anak-anak kerana tak nak anak-anak berkeliaran...maka ayah pun dilepaskan. Pada masa tu, ramai tahanan

² Beliau merupakan anak perempuan Mohamad Yassin Salleh, antara pemimpin PKMM dari Temerloh. Ayah beliau pernah ditangkap oleh Jepun kerana disyaki terlibat dengan aktiviti anti-Jepun. Nurul Kamar juga pernah menjadi setiausaha kepada Tun Abdul Razak Hussein sebelum berpindah ke London pada tahun 1970.

Jepun telah dibawa ke satu tempat di mana mereka akan dijatuhkan hukuman mati. Tahanan ini akan melutut dan mata mereka diikat. Sekumpulan tentera akan keluar sambil menghunuskan bonet dan memanggil mereka. Mayat-mayat ini akan dibakar atau ditimbus di dalam lubang yang digali lebih awal...” (temubual Nurul Kamar Yassin, 21 Oktober 2009).

Kekejaman tentera Jepun turut diceritakan oleh Suriani Abdullah (2006) seorang anggota PKM yang aktif dalam pergerakan antifasis Jepun. Menurut beliau, tentera Jepun melaksanakan dasar ‘3 habis’ iaitu bakar habis, bunuh habis dan rompak habis untuk menimbulkan ketakutan penduduk di Tanah Melayu. Beliau pernah memimpin pasukan tentera gerila menentang Jepun. Walaupun ketika itu, pasukan Tentera Teladan Anti-Jepun Rakyat Malaya (TAJRM) berdepan dengan serangan berterusan daripada tentera Jepun dan ramai tentera TAJRM ditangkap dan dibunuhan apabila terdapat rakan yang belot dengan perjuangan. Semasa Jepun mengebom Ipoh, beliau terpaksa berundur ke Chemor dan bergerak bersama 20 orang anggota wanita PKM yang lain. Suriani telah dilantik menjadi wakil parti bagi melanjutkan latihan dan memberi kursus politik pasukan untuk menguatkan pasukan mereka. Bagaimanapun akhir Januari 1945, beliau ditangkap ketika tentera Jepun menjalankan operasi ke kampung untuk menggeledah dan menangkap pemimpin pasukan anti-Jepun.

“...Pada 28 Januari 1945, askar Jepun tiba di rumah tumpangan kami dan menyerbu rumah. Saya yang sedang sakit segera bangun dan menerobos keluar melalui dinding belakang. Akan tetapi beberapa askar Jepun yang sudah menunggu di situ menerkam. Saya jatuh ke tanah. Saya cuba melepaskan tembakan, dua kali saya memetik picu pistol revolver saya tidak meletup. Beberapa orang askar Jepun menindih belakang saya. Kerana sangat marah mereka mereka memaki-maki saya. Mereka menginjak-injak belakang saya dengan kasut dan menahan saya. Anasir cergas dan seorang ‘siao kui’ juga ditangkap. Kami diiring ke dalam trak tentera Jepun...saya dikurung dengan dua orang wanita di dalam satu sel. Pagi esoknya seorang pegawai Jepun mulai menjalankan soal-siasat menanyakan bermacam-macam, soal organisasi anti-Jepun dan lain-lain. Tetapi saya hanya menjawab tidak tahu sahaja. Soal-siasat begini diadakan hampir setiap hari. Adakah kerana muak dengan pertanyaan mereka, saya tidak mahu menjawab. Pegawai Jepun marah dan menyeksa saya dengan teruknya. Mereka membakar badan saya dengan punting rokok dan lain-lain. Saya selalu dipukul dan dipijak

dengan kasut bot sehingga muntah bercampur darah...Saya pernah dikurung secara berseorangan, tetapi sel-sel yang menjadi jiran saya semuanya massa rakyat tempatan. Bila masa luang saya menyanyi lagu-lagu patriotik dan lagu-lagu yang mengobarkan semangat. Ada masa saya berucap secara ringkas seperti ‘saudara-saudari harus tetap pendirian! Kemenangan akhir milik kita!...’ Pernah sekali ketika menyanyi saya telah disimbah dengan air panas oleh tentera Jepun...” (Suriani Abdullah, 2006 :54-55).

Kekejaman dan penderitaan yang dialami sepanjang pendudukan Jepun telah membangkitkan semangat nasionalisme penduduk di Tanah Melayu (Yoji, 1970). Ketika ini ramai wanita-wanita di Tanah Melayu telah turut serta dalam perjuangan nasional dan membentuk organisasi bawah tanah termasuk pasukan gerila dan tentera sukarela untuk melawan Jepun (Suriani Abdullah, 2006:17; Mahani Musa, 2014). Pada peringkat permulaan, gerakan nasionalis Melayu dan nasionalis India telah memberi sokongan dengan kemasukan dan kehadiran Jepun di Tanah Melayu. Namun setelah berjaya mengalahkan pihak British, tentera Jepun merasa terlalu bangga dengan pencapaian mereka sehingga pihak tentera telah melakukan ketidakadilan dan melayan penduduk tempatan dengan kejam. Mereka memperlihatkan keganasan dan tidak menghormati penduduk malah menyeksa penduduk yang disangka bekerja dengan British atau agen anti-Jepun (temubual Dato' Fatimah Majid, 22 Disember 2010). Malah, golongan yang membantah pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah ditangkap, diseksa, dibunuhan dan dipancung untuk menakut-nakutkan penduduk yang tidak memberi kerjasama kepada pentadbiran Jepun. Malah, pentadbiran Jepun telah gagal menggunakan peluang ketika pendudukan mereka untuk meyakinkan penduduk Tanah Melayu bahawa mereka boleh menjadi kuasa Asia baru yang lebih baik daripada British.

Kekejaman tentera Jepun ini dilaksanakan juga oleh *Kempetei*, yang merupakan mata-mata atau agen tempatan yang bekerja untuk tentera Jepun. Pengalaman semasa pendudukan Jepun turut dikongsi oleh nasionalis wanita India yang tidak dapat

meninggalkan Tanah Melayu ketika meletusnya perang. Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu gagal memenuhi janji mereka kepada penduduk Tanah Melayu apabila tentera Jepun melakukan keganasan sehingga menimbulkan ketakutan serta kebencian penduduk di Tanah Melayu terhadap tentera Jepun. Kekejaman tentera Jepun ke atas keluarga Sybil Kathigesu membuktikan pentadbiran mereka gagal memberhentikan perbuatan kejam tentera Jepun ke atas penduduk tempatan. Sybil seorang jururawat dan suaminya, Abdon C. Kathigesu seorang doktor yang berkhidmat di *Medical Auxiliary Service Ipoh* mengalami pengalaman pahit apabila ditangkap, dikurung seorang diri dan diseksa hanya kerana beliau dan suami beliau merawat pesakit yang cedera dan sakit yang disyaki bekerja untuk pergerakan anti-Jepun. Mereka telah dianggap pengkhianat, ditangkap dan dipenjarakan. Sepanjang beliau berada dalam tahanan Jepun Sybil telah didera secara fizikal dan psikologi namun beliau tetap mempertahankan prinsip dan keyakinan beliau tentang prinsip kemanusiaan sehingga menimbulkan kemarahan tentera penyiasat Jepun ketika itu (Sybil Kathigesu, 2006). Sybil menjelaskan kepada tentera Jepun yang menyiasat beliau, Ekio Yoshimura bahawa tugas beliau merawat pesakit kerana beliau percaya dengan nilai kemanusiaan, keadilan dan rasionaliti. Beliau dengan berani mempertahankan hak beliau merawat dan membantu pesakit beliau yang memerlukan rawatan. Pada Julai 1943, pentadbiran tentera Jepun telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun kepada suami beliau, manakala Sybil telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup kerana berani bersuara dan lantang dalam mempertahankan prinsip beliau. Walau bagaimanapun, beliau telah berjaya diselamatkan oleh pasukan PKM pada tahun Ogos 1945, dan diterbangkan ke Scotland untuk menerima rawatan kecemasan. Bagaimana pun beliau telah meninggal dunia selepas menerima rawatan disebabkan kecederaan pendalam yang teruk semasa dalam tahanan Jepun (Sybil Khatigesu, 2006).

Semasa berada di bawah pentadbiran Jepun, beberapa pemimpin nasionalis India telah mencurigai niat tentera Jepun yang hanya mempergunakan perjuangan mereka menuntut kemerdekaan daripada British untuk kepentingan kuasa Jepun di Asia. Pemimpin nasionalis India di Tanah Melayu bertegas bahawa mereka mahukan pergerakan nasionalis India bebas tanpa campur tangan pihak Jepun (Arasaratnam, 1970: 106). Keadaan menjadi tegang sehingga pemimpin nasionalis India, Subash Chandra Bose³ datang ke Singapura untuk berunding dan berusaha memperbaiki krisis antara pihak tentera Jepun dengan IIL dan INA. Bose, walaupun pada peringkat awal bekerjasama dengan Jepun namun beliau juga cuba bebas daripada pengaruh Jepun dengan membentuk tentera sukarela yang kebanyakannya terdiri daripada buruh-buruh India, guru-guru, *kangani* dan nasionalis yang menyokong pembebasan daripada penjajah. Bose telah menggalakkan wanita India menyertai dan diberikan peranan penting dalam gerakan nasionalis. Beliau telah membentuk seksyen wanita dan menempatkan 70 buah cawangan liga pembebasan di semua negeri Tanah Melayu. Seorang doktor wanita, Lt. Kol. Lakshmi Swaminathan, telah dilantik untuk mengetuai seksyen wanita liga tersebut (Dancz, 1987: 72; Datta, 2015; Lebra, 2008). Liga ini juga telah membentuk pasukan mereka dalam Unit *Rani Jhansi*⁴, iaitu seksyen wanita dalam INA. Sewaktu penubuhan Unit *Rani Jhansi*, Bose dalam ucapannya telah menggalakkan wanita-wanita India di Tanah Melayu dan Singapura agar menyertai tentera sukarela tersebut:

³ Chandra Bose merupakan antara pemimpin *Indian Independence League* yang mempunyai hubungan yang baik dengan Jepun. Beliau kemudiannya dilantik sebagai ketua pemimpin *Indian National Army* (INA) yang akhirnya dilantik sebagai Perdana Menteri Azad Hind yang diiktiraf oleh Jepun, Jerman dan Itali (pihak Berikat). Perlantikan beliau juga dilihat sebagai cara pihak Berikat merendahkan kuasa British.

⁴ Rani Jhansi merupakan tentera wanita yang diletakkan di bawah *Indian National Army* yang dibentuk oleh nasionalis India di Tanah Melayu. Kebanyakan tentera wanita ini terdiri daripada remaja perempuan daripada kawasan perladangan di Tanah Melayu. Tentera sukarela ini ditubuhkan pada tahun 1943 di Singapura.

To those who say that it will not be proper for our women to carry guns, my only request is that they look into the pages of our history...It is not important how many guns you can carry or how many cartridges you can fire. It is the spiritual forces which will be generated by your heroic example that is important. Indians- both common people and members of British Indian army-who are on the borders area of India, will, on seeing you march with guns on your shoulders voluntarily come forward to receive guns from you and carry on the struggle started by you...therefore, I can say with certainty that the time has come to every Indian-man and woman, boy or girl- to come forward and make great sacrifices for liberating India (Dancz, 1987: 73).

Seruan ini telah mendapat sambutan daripada wanita-wanita India di Tanah Melayu dan Singapura, malah dianggarkan lebih 2,000 wanita India telah mengisytiharkan untuk menyertai unit ini selepas mendengar ucapan beliau. Manakala seorang bekas pejuang wanita dalam Rani Jhansi, Nahappan⁵ beliau menganggarkan seramai 1,000 orang wanita telah menyertai unit ini dan kebanyakannya terdiri daripada wanita yang berpendidikan (Dancz, 1987: 73). Walaupun begitu, terdapat buruh wanita India yang menyertai unit Rhani Jhansi dan berjuang bersama-sama pejuang wanita elit yang terdiri daripada doktor, guru dan jururawat. Penyertaan wanita ini menunjukkan telah wujud kesedaran emansipasi dan semangat nasionalisme dalam kalangan wanita India di Tanah Melayu. Kesedaran nasionalisme dalam kalangan wanita India ini terbukti melalui penyertaan secara sukarela daripada golongan wanita elit dan wanita akar umbi untuk membebaskan negara India daripada penjajahan British.

Bagaimanapun, apabila Rangoon jatuh dan British kembali, Bose telah menarik diri daripada *Azad Hind*, unit tentera sukarela wanita ini dibubarkan apabila Perang Dunia Kedua tamat, namun semangat nasionalisme wanita-wanita India masih kekal dan diteruskan untuk membentuk sentimen anti-British semasa penglibatan dalam perjuangan buruh India selepas Perang Dunia Kedua. Semangat nasionalisme ini juga disebabkan oleh tindakan British yang memusuhi pemimpin yang disyaki bekerjasama

⁵ Beliau kemudiannya menyertai kepimpinan wanita *Malaysian Indian Congress* (MIC) selepas Perang Dunia Kedua tamat.

dengan Jepun. Ramai penjuang nasionalis India dibicarkan, ditangkap dan dihantar pulang ke India atas alasan mengkhianati kerajaan British (Arasaratnam, 1970: 112).

6.3 Wanita dan Pergerakan Nasionalisme Selepas Perang Dunia Kedua

Kesedaran wanita dan penglibatan mereka di dalam politik nasional semakin meningkat selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu (Stockwell, 1977; Milner, 2002; Manderson, 1977; Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013; Mohamed Salleh Lamry, 2009; Ting, 2014). Pengalaman ketika pendudukan Jepun menunjukkan tiada pembelaan ke atas nasib rakyat Tanah Melayu, sama ada mereka di bawah British maupun Jepun. Kesusahan dan penderitaan hidup semasa perperangan telah mencambahkan bibit kesedaran untuk aktivis-aktivis wanita aktif semula dalam politik dan bersama-sama berjuang menuntut kemerdekaan dan meningkatkan status kaum wanita. Kesedaran dan semangat semasa remaja telah berkobar-kobar semula apabila mengingatkan kekejaman dan kesusahan yang terpaksa dilalui semasa zaman perang.

Menyedari bahawa rakyat di Tanah Melayu berkemampuan mentadbir negara sendiri, kesedaran nasionalisme telah memuncak dalam kalangan wanita-wanita ini untuk terus aktif berpolitik. Pada ketika ini kesedaran wanita dalam politik dapat dipecahkan kepada dua haluan, iaitu haluan kanan dan haluan kiri. Wanita dalam politik haluan kanan lebih menjurus kepada parti politik yang bersifat sederhana dan mengambil langkah bekerjasama serta mengadakan perundingan dengan British bagi mendapatkan kemerdekaan negara. Manakala parti politik berhaluan kiri mengambil langkah radikal dengan bertindak meneruskan perjuangan mengangkat senjata bagi menuntut kemerdekaan daripada British. Perjuangan wanita dalam politik haluan kiri bermula sebelum pencerobohan Jepun di Tanah Melayu dan mencapai kemuncak apabila mereka mengambil keputusan untuk berjuang secara militan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan Jepun dan seterusnya British.

6.3.1 Perjuangan Wanita dalam Politik Haluan Kiri

Apabila Jepun menyerah kalah dan pihak British kembali berkuasa semula di Tanah Melayu, kesedaran dan pergerakan nasionalisme diperkuuhkan semula oleh aktivis-aktivis politik sebelum perang. Tindakan pihak British memperkuatkan semula order imperialis telah menambahkan kemarahan penduduk yang terpaksa menghadapi penderitaan berlipat ganda kerana kekurangan makanan, inflasi, penindasan pekerja dan terpaksa berdepan dengan kekerasan anggota Bintang Tiga yang menyeleweng daripada perjuangan parti (Furedi, 1994; Stenson, 1970; Suriani Abdullah, 2006).

Kebanyakan pejuang nasionalis telah membentuk parti politik yang berbentuk radikal dan cenderung bekerjasama dengan parti haluan kiri. Parti Komunis Malaya (PKM) merupakan parti awal yang meneruskan perjuangan nasionalisme menuntut kemerdekaan daripada British. Malah sebelum Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dibentuk, organisasi PKM turut membantu aktivis nasionalis Melayu menyusun perjuangan menuntut kemerdekaan. PKMM telah mengadakan kongres pertamanya pada 16-17 Oktober, 1945 di Ipoh dengan melantik Ahmad Boestamam sebagai Ketua Pemuda dan Khadijah Ali⁶ sebagai Ketua Wanita. Polisi utama PKMM mengembangkan gerakan patriotik kepada masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu (Abdullah C.D., 2005: 93; Mohamed Salleh Lamry, 2009: 61).

6.3.2 Perjuangan Wanita Melayu dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

Pada tahun 1946, bagi memantapkan dan memperkuatkan sokongan terhadap PKMM, Jawatankuasa Pusat telah berpindah ke Kuala Lumpur dan memilih Dr. Burhanuddin Helmi sebagai pemimpin PKMM. Ketua sayap wanita PKMM pertama,

⁶ Khatijah Ali merupakan seorang anggota PKM yang aktif dalam pergerakan anti-Jepun. Beliau berkhidmat dalam akhbar Melayu milik PKM. Ayahnya telah dibunuh oleh kumpulan ‘parang panjang’ di Perak ketika beliau di Ipoh. Anggota PKMM Perak telah menyelamatkan bebau dan ahli keluarganya daripada dibunuh. Sejak itu, beliau telah bekerja di pejabat PKMM Perak dan dipilih memegang jawatan Hal Ehwal Wanita PKMM yang pertama.

iaitu Khatijah Ali tidak dapat berpindah dan meneruskan perjuangan PKMM di Ipoh, justeru itu pihak kepimpinan pusat PKMM telah melantik Aishah Ghani⁷ seorang wartawan *Pelita Malaya* menggantikan Khatijah Ali. Objektif penubuhan sayap wanita PKMM ialah untuk membangkitkan hak yang sama antara lelaki dan wanita serta membebaskan mereka daripada ikatan tradisi bagi memasyarakatkan wanita (Asiah Abu Samah, 1960; Manderson, 1981).

Aishah sering memberikan syarahan dengan menekankan pembaharuan ke atas wanita Melayu. Beliau juga menuntut penghapusan diskriminasi terhadap wanita Melayu yang menjadi punca kelemahan masyarakat Melayu. Beliau menyokong tuntutan kemerdekaan daripada British tetapi tuntutan ini hanya akan berjaya sekiranya hak sama rata antara wanita dan lelaki dicapai. Ketika Aishah Ghani memimpin sayap wanita PKMM, parti ini telah mempunyai anggota seramai 200 orang ahli (Manderson, 1981: 83). Namun penyertaan Aishah Ghani hanya sempat memegang jawatan tersebut beberapa bulan sahaja apabila beliau berhenti dengan alasan ingin memberi tumpuan kepada keluarga (temu bual Dato' Fatimah Majid, 22 Disember 2010; Abdullah C.D., 2005). Selain itu, Aishah Ghani (Tan Sri) berpendapat PKMM hanya berminat dengan pimpinan wanita atas sebab politik, untuk memperkuatkan parti dan menuntut kemerdekaan. Isu-isu wanita tidak pernah dibangkitkan pada tahun 1946, malah ketika itu kedudukan sayap wanita PKMM lemah dan tidak ramai wanita Melayu yang menyertai PKMM (Dancz, 1987: 86). Beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak selesa dengan pemikiran radikal serta kerjasama di antara PKMM dengan PKM ketika itu (Aishah Ghani, 1992:32).

Setelah perletakan jawatan Aishah Ghani sebagai ketua sayap wanita PKMM jawatan tersebut telah ditawarkan kepada Shamsiah Fakeh seorang nasionalis yang bergiat dalam aktiviti-aktiviti UMNO ketika itu (Shamsiah Fakeh, 2007:30). Nama

⁷ Merupakan ahli politik terkenal dan pernah memegang jawatan dalam kabinet Malaysia. Pernah menerima pendidikan di Sekolah Agama Perempuan Dinniyah Puteri di Padang Panjang.

sayap wanita PKMM ini telah ditukar kepada Angkatan Wanita Sedar atau AWAS untuk menarik minat anggota wanita. Ketika Shamsiah mengambil alih daripada Aishah keahlian AWAS masih sedikit, namun begitu jumlah ini telah meningkat kepada 610 orang apabila Shamsiah telah melancarkan kempen untuk menarik wanita melayu menyertai AWAS. Kebanyakannya anggota AWAS ini berasal daripada Ulu Langat, Melaka dan Pelabuhan Klang (*CO 537/3752: Malayan Security Political Intelligence Journal, 1947*). Menurut Shamsiah beliau menyertai AWAS kerana tertarik dengan perjuangan menuntut kemerdekaan:

...sewaktu aku berada di Kampung Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, aku sering ikut di dalam pertemuan yang dianjurkan oleh UMNO iaitu kependekan dari bahasa Inggeris, United Malaya National Organization. Sebenarnya dalam bahasa Melayunya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau singkatannya PEKEMBAR. Ketika itu UMNO dianggap sebagai parti sayap kanan yang dipimpin golongan bangsawan dan pegawai tinggi kerajaan. UMNO mengambil pendirian bekerjasama dengan penjajah Inggeris dan menentang parti sayap kiri. UMNO memakai semboyan ‘Hidup Melayu’ dan menentang semboyan ‘Merdeka’...Sejak dari itu aku tertarik dengan gerakan nasionalis. Semangat aku untuk ikut memperjuangkan kemerdekaan tanah air semakin meluap-luap. Aku tidak tahu mengapa aku begitu tertarik dengan gerakan kebangsaan ketika itu. Mungkin juga ada unsur-unsur didikan nasionalisme yang pernah aku terima sewaktu aku belajar di Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah di Padang Panjang, Sumatera. Selain itu, daripada mendengar ceramah daripada kalangan orang UMNO, aku juga didatangi oleh wakil atau aktivis Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Aku juga ikut dalam pertemuan-pertemuan yang dianjurkan oleh PKMM...(Shamsiah Fakeh, 2007:30)

Peralihan Shamsiah Fakeh ke politik berhaluan kiri dalam PKMM adalah disebabkan pendirian PKMM yang progresif dan jelas antipenjajahan British. Apa yang menarik dari segi politik nasionalis pada era tersebut ialah kesangsian dan keraguan mengenai keberkesanan usaha-usaha nasionalis. Oleh kerana itu terdapat kontradiksi di mana impetus dan tarikan untuk melibatkan diri dalam politik untuk seorang wanita yang pernah terlibat dalam politik berhaluan kiri berasal daripada penglibatan beliau dalam politik berhaluan kanan. Manakala seorang pemimpin wanita daripada politik

berhaluan kiri seperti Aishah Ghani pula meninggalkan politik berhaluan kiri untuk berkecimpung dalam politik berhaluan kanan:

...Sekitar tahun 1945 dan awal tahun 1946 itulah aku mulai aktif menceburkan diri dalam gerakan nasionalis. Aku masuk PKMM kerana menurut tanggapanku, PKMM adalah sebuah parti yang progresif dan berpendirian melawan penjajah. Kerana itu sebagaimana anggota pertubuhan kiri yang lain, aku sering diejek, dicerca dan difitnah oleh orang UMNO. Pada pertengahan tahun 1946 aku menerima sepucuk surat daripada Musa Ahmad yang meminta aku datang ke ibu pejabat PKMM di Kuala Lumpur untuk memegang jawatan ketua bahagian wanita PKMM. Musa Ahmad telah meminta pertimbangan dan persetujuan aku supaya pergi ke ibu pejabat PKMM untuk mengetuai jabatan wanita. Jawatan itu telah dikosongkan oleh Aishah Ghani... (Shamsiah Fakeh, 2007:32).

Setelah beliau menerima tawaran sebagai ketua wanita PKMM, Shamsiah telah berpindah ke Kuala Lumpur dan tinggal menyewa bersama anggota parti lain di sebuah rumah yang dinamakan ‘Rumah Merdeka’. Ketika itu beliau telah fasih berpidato di khalayak ramai dan ucapan-ucapannya sentiasa mendapat sokongan daripada orang ramai. Pada 17 Februari, 1946 Ahmad Boestaman telah mencadangkan agar bahagian pemuda yang dipimpinnya dinamakan Angkatan Pemuda Insaf (API) dan nama sayap wanita PKMM dinamakan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Ketika dibawah pimpinan beliau AWAS semakin diterima oleh penduduk akar umbi, di mana sekitar tahun 1946-1947 jumlah ahli PKMM dianggarkan meningkat kepada 70,000 orang (Shamsiah Fakeh, 2007: 38).

Usaha-usaha awal wanita dalam politik berhaluan kiri adalah hampir sama dengan usaha-usaha wanita dalam politik berhaluan kanan di mana mereka berusaha menarik orang Melayu daripada akar umbi untuk menyokong dan melibatkan diri dalam perjuangan menentang British serta menyatukan orang Melayu di bawah sebuah parti politik.

...Sebagai langkah pertama aku mulai mengikuti beberapa orang pemimpin pergi ke merata tempat untuk memberi penerangan kepada mereka tentang perjuangan untuk mencapai Kemerdekaan, tentang perlunya kaum lelaki dan wanita serta seluruh lapisan masyarakat orang Melayu bersatu di dalam sebuah organisasi atau parti politik. Dalam erti kata yang luas bahawa seluruh bangsa Melayu mesti bangkit berjuang menentang penjajah British demi mencapai Kemerdekaan tanah air..." (Shamsiah Fakeh, 2007:36) "...Penerangan yang dibuat masa itu memang mudah iaitu menjelaskan yang negeri kita dijajah oleh penjajah Inggeris dan hal ini membuatkan kita miskin dan rendah di dalam ilmu pengetahuan. Hanya apabila kita telah Merdeka barulah kita boleh membangunkan negara dan mencipta kemakmuran kepada masyarakat....(Shamsiah Fakeh, 2007:38).

Bagi meningkatkan sokongan di peringkat akar umbi, anggota AWAS turut berjemaah di masjid dan mengadakan kenduri untuk menyebarkan kesedaran antipenjajah British. Mereka turut mengadakan kelas malam bagi mengajar wanita Melayu yang buta huruf. Selain itu, wanita AWAS digalakkan terlibat dalam aktiviti kraftangan serta memasarkan hasil tangan mereka. Manakala di Pahang pasukan wanita terlibat dalam pertanian, mengerjakan sawah, menjahit dan menubuhkan koperasi (Mohamed Salleh Lamry, 2011: 46). AWAS juga terlibat dalam aktiviti bangsawan dan drama yang bertemakan antipenjajah (Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013: 165; Abdullah C.D., 2005:140).

Sokongan terhadap PKMM semakin meningkat, ini bermakna sokongan terhadap aktiviti AWAS juga bertambah kuat. Cawangan AWAS telah bertambah di negeri Perak dan Pahang, ramai wanita Melayu menyertai AWAS dan terlibat perjuangan menuntut kemerdekaan. Semasa kongres PKMM kali kedua di Melaka pada Disember 1946. AWAS dan anggota wanita turut menyertai perarakan besar-besaran dengan membawa slogan yang melambangkan perjuangan parti. Angkatan AWAS juga telah diperkuatkan dengan beberapa cawangan yang mempunyai pemimpin yang berkaliber seperti, Sakinah Junid (AWAS Perak), Aishah Hussain (AWAS Selangor), Rahmah Hussein, Fatimah Abu Kassim (AWAS Jenderam), Rabitah (AWAS Tanjong Malim), Sawiyah Jalil (AWAS Perak), Mariah Ahmad (AWAS Singapura), Che

Zaharah Noor Mohammed (AWAS Singapura), Siti Norkiah Mahmud (AWAS Benta), Maimunah Salleh (AWAS Temerloh), Zaharah Said (AWAS Temerloh), Khatijah Ali (AWAS Ipoh), Zainah Mahmud (AWAS Pusat) dan Siti Aishah Mat Nor, Saliha Mat Rani (AWAS Lubok Kawah). Kesemua ketua-ketua wanita AWAS bertanggungjawab meniupkan semangat kaum wanita di bandar dan kampung agar mempunyai kesedaran politik serta terlibat dalam perjuangan kemerdekaan (Mohamed Salleh Lamry, 2011; Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013).

...Seperti organisasi induk, maka AWAS juga berkembang di merata tempat. Di bawah pimpinan AWAS, maka ramai kaum wanita Melayu sudah sedar dan bangkit berjuang, sebagaimana PKMM dan API. AWAS juga telah memberi sumbangan kepada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan... (Shamsiah Fakeh, 2007:37).

Kejayaan PKMM tidak akan sempurna tanpa merujuk kepada sokongan wanita terhadap pergerakan AWAS. Ketika mengadakan kongres PKMM pada 24-25 Disember 1946, Kongres ini turut disertai oleh beratus-ratus orang lelaki dan wanita daripada pelbagai bangsa. Mereka turut terlibat semasa kongres ini berjalan selama dua hari. Pergerakan AWAS dan API telah menggunakan slogan antaranya berbunyi ‘Umat Melayu Bersatu’, ‘API, AWAS, GERAM’, ‘Jatuhkan Imperialis’ dan ‘Merdeka’. Ketika Shamsiah mengadakan ucapannya antara kandungan ceramah beliau yang menarik perhatian iailah apabila menyeru belia-belia wanita untuk berani berjuang ke arah kemerdekaan. “*...we as a young women should not die in our beds but must die in the battle for Malaya's freedom*”. Penyatuan pergerakan AWAS dan API ketika ini juga merupakan simbol kepada perkahwinan antara Shamsiah Fakeh dan Ahmad Boestaman yang bertujuan untuk memperkuatkan gerakan politik PKMM ketika itu. Tujuan pembentukan AWAS dijelaskan bagi mencapai objektif berikut (CO 537/3752: *Malayan Security Political Intelligence Journal, 1947*; Shamsiah Fakeh, 2007: 41):

- i) Menyatukan wanita Melayu untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu
- ii) Menghapuskan adat yang konservatif dan meningkatkan kedudukan wanita Melayu.
- iii) Menghapuskan perkahwinan paksa
- iv) Menyokong pergerakan API
- v) Menubuhkan unit bantuan kecemasan palang merah

Peningkatan sokongan wanita Melayu terhadap AWAS semakin meningkat di bawah pimpinan Shamsiah. Akhirnya pada 10-12 Oktober, 1947, AWAS telah berjaya mengadakan kongres pertamanya di Kajang. Acara ini dihadiri oleh pelbagai gerakan termasuk pemimpin API dan PKMM dan kesatuan buruh. Dalam kongres ini anggota AWAS telah berikrar untuk memantapkan pertubuhan AWAS dan mengatur strategi untuk membangkitkan kesedaran wanita serta memainkan peranan dalam mencapai kemerdekaan. Pemimpin AWAS juga merancang untuk meningkat status wanita Melayu melalui pembentukan Sekolah Rakyat yang akan diuruskan oleh aktivis-aktivis antipenjajah ini. Sekolah ini akan mendidik anak-anak petani dan buruh tentang demokrasi dan semangat berdikari. Mereka akan didedahkan dengan semangat nasionalisme dan menamatkan eksplorasi buruh (Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2013: 167). Dalam kongres ini AWAS telah berjaya meningkatkan jumlah anggotanya kepada 3,000 orang sehingga Mac, 1947 (Abdullah C.D., 2005: 229). Setelah kongres ini tamat, mereka kemudiannya ke Jenderam dan Ulu Langat Selangor untuk menyambut Hari Wanita. Selain daripada perarakan AWAS telah mengadakan pameran kraf tangan wanita dan mereka mengadakan pertunjukan pentas yang bertemakan semangat nasionalisme (Abdullah C.D., 2005: 230). Pada tahun 1947 juga, AWAS dan API telah merancang untuk menyambut ulang tahun pertama PKMM, namun pihak British telah melarang penggunaan kenderaan bermotor dalam perarakan yang diadakan. Akhirnya sebagai memprotes arahan tersebut ahli AWAS yang dipimpin oleh Sakinah Junid dan Sawiyah Jalil telah mencabar 300 orang yang hadir untuk berjalan sejauh 18 km dari Padang Rengas ke Kuala Kangsar setelah pihak British cuba menggagalkan

sambutan tersebut (Ishak Saat, 2011: 154). Selepas perarakan ini, AWAS telah menghadiri kongres terbesar PKMM yang turut disertai oleh 2,000 orang anggota untuk membantah keputusan British menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan *Malayan Union* (Dancz, 1987: 87).

Bagaimanapun kebangkitan wanita dalam pergerakan AWAS terhenti apabila Darurat diisytiharkan pada tahun 1948. Pengisytiharan ini turut mengharamkan kesemua pergerakan politik berhaluan kiri PKMM, AWAS dan Parti Komunis Malaya. Apabila semua pergerakan yang dikaitkan dengan PKM diharamkan oleh British, ia tidak menghalang perjuangan wanita ini diteruskan. Bagi meneruskan tentangan kepada pihak British, pergerakan AWAS telah berpindah ke Pahang ketika itu telah menyertai pasukan gerila. Seramai 30 orang wanita telah menyertai pasukan ini, kebanyakan wanita diarahkan bekerja untuk mendapatkan bekalan makanan bagi pasukan gerila ini. Pengisytiharan Darurat tidak menghalang bekas ahli AWAS bergiat membantu pasukan gerila, di mana kaum wanita telah menubuhkan gerakan ‘beras tempayan’⁸ untuk mengutip derma bagi membantu perjuangan gerila ini (Abdullah C.D., 2005). Manakala Ketua AWAS Kedah dan Perlis dikenali sebagai Chah Bobhair telah diburu pihak British kerana dianggap mempunyai hubungan dengan PKM dan dianggap berbahaya kerana memiliki senjata api (CO 537/3752: *Malay Communists and Underground Movement*).

Bagi Shamsiah Fakeh (2007), walaupun perjuangan AWAS berlangsung dalam tempoh yang singkat namun pengalaman ini telah meninggalkan kesan yang bermakna kepada kehidupan peribadi beliau. Memerdekakan tanah air merupakan langkah pertama ke arah pembebasan wanita daripada penindasan.

⁸ Dalam gerakan ini, penduduk akan menyimpan segenggam beras bagi didermakan kepada pasukan gerila. Mereka turut membantu memasang poster dan menjadi informan untuk menunjukkan sokongan mereka kepada pasukan ini.

...kesedaranku tentang perjuangan nasionalisme demi menuntut kemerdekaan tanah air turut menyedarkan aku tentang penindasan terhadap wanita. Tidak ada perjuangan untuk kebebasan laki-laki, melainkan hanya ada perjuangan untuk kebebasan wanita. Sebenarnya kaum wanita menderita penindasan yang bermacam-macam iaitu penindasan dari sistem feudalisme, kapitalisme dan imperialisme. Wanita juga ditindas oleh kaum lelaki, oleh adat resam kuno dan terikat oleh peraturan agama dan sebagainya. Aku sendiri menjadi mangsa kuasa lelaki apabila aku pernah diceraikan tanpa sebab atau kesalahan. Suamiku yang pertama telah menceraikan aku ketika aku sarat mengandung lapan bulan...banyak kejadian wanita diceraikan berlaku setelah mempunyai anak yang ramai. Akibatnya wanita terpaksa menderita dalam kehidupan untuk memelihara anak-anaknya...pendeknya tugas untuk meningkatkan taraf hidup kaum wanita, untuk mencapai hak persamaan antara lelaki dan wanita dan untuk membebaskan wanita daripada belenggu penindasan adalah tugas yang besar dan berat. Ia adalah tugas jangka panjang dan suatu perjuangan yang berat. Kemerdekaan tanah air adalah langkah pertama pembebasan kaum wanita. Tidak ada yang dapat menyangkal bahawa peranan wanita adalah penting di dalam perjuangan Kemerdekaan. Kaum wanita adalah setengah daripada umat manusia. Tangan yang menghayun buaian boleh menggongcang dunia. Sejarah dunia banyak mencatat tentang tokoh wanita dan serikandi yang memimpin perjuangan Kemerdekaan atau melawan penindasan. Demikian pentingnya peranan kaum wanita. Sebagai pemimpin pergerakan wanita, aku perlu menunjukkan contoh yang baik dan harus berani memperjuangkan nasib kaum wanita dan emansipasi sejati kaum wanita...(Shamsiah Fakeh, 2007:44-45).

Setelah beliau mengambil keputusan meneruskan berjuang secara gerila bersama PKM, beliau telah melalui beberapa pengalaman getir termasuk peristiwa pembunuhan anaknya semasa di hutan. Beliau menegaskan keputusan menyertai PKM hanya sebagai kaedah meneruskan perjuangan memerdekakan Tanah Melayu serta membebaskan wanita daripada penindasan. Selain itu, ia juga salah satu cara untuk tidak ditangkap dan dipenjarakan oleh British. Beliau menegaskan telah mengetahui bahawa beliau akan ditangkap dan dipenjarakan di bawah Undang-undang Darurat 1948. Shamsiah menegaskan bahawa beliau merupakan pejuang wanita AWAS yang hanya menentang penjajahan British (Shamsiah Fakeh, 2007; Ting, 2013). Shamsiah (2007:80), menegaskan:

...aku adalah bekas Ketua Wanita Sedar (AWAS), iaitu satu-satunya pertubuhan wanita yang progresif pada zamanku yangberganding bahu dengan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan lainnya yang berjuang untuk kemerdekaan. Kisah ini kutulis untuk pengetahuan umum agar masyarakat dapat memahami penderitaan yang kualami dan memahami watakku yang teguh dalam perjuangan untuk kemerdekaan Malaya..."

Selepas pembubaran AWAS, kebanyakan anggota AWAS telah meneruskan perjuangan masing-masing sama ada dalam perjuangan bersama UMNO, PAS ataupun PKM. Antara pemimpin AWAS yang memilih meneruskan perjuangan dengan pasukan gerila ialah Shamsiah Fakeh, Zainab Mahmud, Siti Nurkiah Mahmud bersama beberapa pemimpin wanita lain. Mereka telah berundur ke hutan setelah pihak British memulakan gerakan memburu dan menangkap pemimpin dan aktivis gerakan kiri. Setelah setahun setengah berjuang dalam pasukan Tentera Pembebasan Nasional Malaya semakin ramai maka pada 21 Mei 1949, gerakan ini telah menu buhkan Regimen ke-10, pasukan Parti Komunis Malaya untuk meneruskan perjuangan bersenjata melawan British sehingga mencapai kemerdekaan (Mohamed Salleh Lamry, 2009). Walaupun kewujudan AWAS dalam pergerakan ini berlangsung dalam jangka waktu yang singkat, iaitu dalam tempoh dua tahun setengah tahun sahaja namun sumbangan pergerakan wanita ini signifikan dan amat bermakna dalam sejarah pergerakan kemerdekaan tanah air.

6.3.3 AWAS dan Persekutuan Wanita dalam Perikatan PUTERA-AMCJA

Penentangan terhadap penubuhan *Malayan Union* menyebabkan berlaku perundingan dan perbincangan dilakukan oleh pergerakan politik, kesatuan buruh, pergerakan wanita dan pergerakan pelajar. Golongan parti progresif menentang rancangan ini kerana menganggap *Malayan Union* tidak demokratik dan telah berlaku pemaksaan untuk menerima perlembagaan yang memisahkan Singapura dan Tanah Melayu. Justeru itu, pergerakan haluan kiri di Tanah Melayu termasuk badan politik

telah bersetuju untuk membentuk perikatan untuk menekan pihak British. Perikatan ini antara pertubuhan pelbagai kaum yang dikenali sebagai *All-Malayan Council for Joint Action* (AMCJA) yang diketuai oleh *Malayan Democratic Union* (MDU), *Malayan Indian Congres* (MIC cawangan Singapura), *Women's Federation* atau Persekutuan Wanita dan PMFTU yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) terdiri daripada gabungan parti-parti politik Melayu seperti PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Barisan Tani Se-Malaya (BATAS) Gerakan Angkatan Muda (GERAM) dan Hizbul Muslimin. Jumlah anggota AMCJA dianggarkan seramai 400,000 orang ahli, manakala PUTERA berjaya menggerakkan seramai 150,000 ahlinya diseluruh negara menentang perlembagaan yang tidak demokratik (CO 537/3752: *Malayan Security Political Intelligence Journal*, 1947).

Perikatan PUTERA-AMCJA yang ditubuhkan pada 22 Julai, 1947 telah menunjukkan kematangan berpolitik antara pergerakan nasional di Tanah Melayu untuk bertolak ansur dalam politik sehingga dapat melahirkan Perlembagaan Rakyat (CO 537/3752: *Malayan Security Political Intelligence Journal*, 1947; Ishak Saat, 2011: 145). Salah-satu bahagian yang dikemukakan oleh Perlembagaan Rakyat ini ialah memberi hak dan peluang sama bagi semua rakyat di Tanah Melayu tanpa menghiraukan bangsa, keturunan dan gender (Perlembagaan Rakyat, 1947).

Perikatan ini secara jelas mempunyai sayap wanita yang aktif dan mendapat sokongan rakyat. Kumpulan sayap wanita AMCJA dikenali sebagai Persekutuan Wanita yang terdiri daripada 12 persatuan yang mengetengahkan isu wanita, termasuk isu buruh wanita. Perwakilan Persekutuan Wanita yang terdiri daripada wanita Cina menyeru agar wanita dididik untuk mengambil bahagian dalam kehidupan awam (Manderson, 1981:82). Organisasi merupakan gabungan kesatuan-kesatuan wanita dari Johor, Perak, Kedah, Singapura, Selangor, Negeri Sembilan, Trengganu termasuk beberapa cawangan

dari pada beberapa daerah (Fujio, 2003: 31). Selain itu, Liga Wanita Singapura telah menyatakan mereka telah berjaya mengumpul seramai 20,000 ahli yang bersedia berjuang. Manakala perwakilan wanita Ipoh, di bawah pimpinan Eng Ming Ching telah mendominasi kesatuan wanita di Perak dan Pulau Pinang. Organisasi beliau telah melancarkan kempen memujuk suri rumah kaum Cina tidak membeli barang di pasaran gelap dan membantu kebajikan wanita terutamanya pekerja seks (Harper, 1999: 70).

Sayap wanita PUTERA ialah AWAS yang merupakan sayap pergerakan politik wanita Melayu yang paling aktif. Kedua-dua organisasi ini turut-serta dalam acara bagi menyokong aktiviti PUTERA-AMCJA, termasuk menyokong organisasi hartal bagi melumpuhkan ekonomi kerajaan British (CO 537/3752: *Malayan Security Political Intelligence Journal*, 1947). Organisasi wanita ini turut menyokong gerakan Tanah Melayu membentuk kerajaan sendiri dengan badan perundangan yang dipilih dan memastikan hak-hak warganegara kepada semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai negara mereka (Manderson, 1981: 82).

Badan kerjasama PUTERA-AMCJA ini menentang gagasan Persekutuan Tanah Melayu dan mengemukakan sebuah Gagasan Perlembagaan Rakyat yang pernah diterbitkan. Cadangan tuntutan serta gagasan PUTERA-AMCJA terus ditolak oleh penjajah British. Suatu perjuangan baru pula dilancarkan oleh PUTERA-AMCJA iaitu ‘Hartal’ di seluruh Malaya pada 20 Oktober 1947. Hartal ialah suatu tindakan enggan bekerja yang dilakukan seluruh rakyat sebagai suatu bantahan. Buruh estet-estet dan lombong mogok dan kedai-kedai ditutup. Hartal berjalan dengan lancar menurut undang-undang dan berjaya melumpuhkan ekonomi dan pentadbiran British...perjuangan front persatuan PUTERA-AMCJA tetap tidak dihiraukan oleh British. Akan tetapi di dalam sejarah perjuangan Kemerdekaan Malaya, front ini telah memainkan peranan yang penting dan positif. PUTERA-AMCJA dipandang sebagai satu ‘Barisan Hadapan’ yang pertama sebagai wadah kerjasama dan perpaduan semua bangsa di Malaya. AWAS yang mewakili wanita Melayu yang sedar dan maju merasa bangga kerana ikut di dalam Gabungan PUTERA-AMCJA yang bersejarah itu...(Shamsiah Fakeh, 2007: 48-49).

Perikatan juga telah bekerjasama dengan pergerakan buruh untuk mengadakan hartal⁹ secara besar-besaran. Walaupun hartal ini berjaya memberhentikan aktiviti ekonomi secara menyeluruh namun, ia gagal mengubah dasar British tentang perlombagaan yang dicadangkan, malah British menerima Cadangan Perlembagaan Persekutuan untuk menggantikan *Malayan Union* (Mohamed Salleh Lamry, 2009:72). Kemaraan dan tindakan berani perikatan pelbagai kaum ini akhirnya terhenti dengan siri penangkapan pemimpin utama dan beberapa pemimpinnya telah melarikan ke luar negara untuk mengelakkan daripada ditangkap setelah Darurat diisytiharkan pada Jun 1948. Tindakan ini telah menyebabkan pembubaran perikatan organisasi haluan kiri dan berkuburnya perikatan PUTERA-AMCJA. Mereka tidak dapat meneruskan perjuangan mengikut perlombagaan dan undang-undang. Setengah daripada pejuang nasionalis ini telah memilih untuk meneruskan perjuangan mereka dengan mengangkat senjata bersama PKM untuk menentang penjajahan British.

Pengharaman pergerakan politik dan aktivisme berhaluan kiri melalui pengenalan Ordinan Kesatuan 1947, yang diperkenalkan oleh British dianggap sebagai strategi British untuk menghalang kemajuan rakyat Tanah Melayu dalam pergerakan politik. Ia juga menunjukkan kebimbangan British dengan gerakan yang menyatukan rakyat Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan tanah air (CO 537/251: *Letter from MDU to The Colonial Secretary, Singapore, 1947*).

6.3.4 Penglibatan Wanita dalam Parti Komunis Malaya (PKM)

Penglibatan awal wanita PKM dalam pergerakan menentang penjajahan Jepun dan British telah bermula seawal tahun 1930-an. Kebanyakan wanita yang terlibat dalam pergerakan PKM ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman

⁹ Hartal bermaksud pemberhentian semua aktiviti ekonomi di seluruh negara.

yang menjadi impetus kepada penglibatan mereka dalam menjatuhkan penjajah Jepun dan kuasa imperialis British.

Salah seorang aktivis wanita PKM yang aktif sejak awal ialah Suriani Abdullah (2006). Beliau merupakan antara pemimpin wanita PKM yang telah meyusun strategi untuk menarik sokongan akar umbi bergerak dalam parti politik. Penglibatan awal sebagai pemimpin pelajar yang kemudiannya menyusup masuk ke dalam kesatuan buruh menunjukkan keputusan nekad yang diambil oleh beliau untuk menentang Jepun dan British di Tanah Melayu. Strategi atau pendekatan yang digunakan oleh PKM ialah menghantar wanita yang berpendidikan menyertai masyarakat akar umbi bagi menarik sokongan mereka. Eng Ming Ching (Suriani), Wu Su Ai (Zainun) dan Chiang Sie Yung telah memimpin pergerakan buruh wanita di kawasan perlombongan bijih timah. Mereka juga telah mengadakan kelas malam untuk membantu buruh wanita yang buta huruf di Perak. Kepimpinan wanita dalam pergerakan menyusun buruh untuk mengadakan mogok dan protes menuntut kenaikan upah (Suriani Abdullah, 2006: 12; Mahani Musa, 2013).

Kebanyakan daripada anggota wanita PKM sejak awal terlibat dalam pergerakan politik apabila mereka menyertai aktiviti nasionalisme bagi membantah pendudukan Jepun di China. Semasa terlibat dalam pergerakan anti-Jepun di Tanah Melayu aktivis-aktivis wanita ini memainkan peranan penting dalam mencari dana dengan memungut derma dan mengadakan persembahan kesenian. Aktiviti-aktiviti ini penting untuk menyebarkan propaganda dan mendapat sokongan daripada masyarakat Cina di Tanah Melayu. Penglibatan mereka dalam gerakan anti-Jepun telah meningkatkan kesedaran tentang perjuangan nasionalisme malah bangga dengan penglibatan mereka dalam perjuangan ini.

Bermula dengan penglibatan dalam pergerakan anti-Jepun, wanita-wanita ini telah belajar tentang pengurusan organisasi secara besar-besaran. Menurut Nee Pha¹⁰, pergerakan anti-Jepun merupakan perasaan tanggungjawab untuk menyokong saudara-saudara mereka yang menderita di China akibat pencerobohan Jepun (temu bual Nee Pha, 6 Mac 2011):

“...selepas beberapa tahun Jepun serang China, persatuan anti-Jepun banyak ada di Malaya, masa tu orang parti cakap bagi penerangan kepada kita, kita nak tolong negara dan saudara di China. Masa ni banyak orang suka PKM, semua orang bersemangat, tambah-tambah mereka yang banyak baca. Masa tu nak tolong..buat baik pada saudara sendiri... kalau ada duit kita bagi duit, tenaga kita tak mampu bagi”.

Semangat anti-Jepun semakin meningkat kerana laporan akhbar bahasa Cina seperti *Nan-yang Siang Pau*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Kwong Wat Yit-Poh* sentiasa melaporkan situasi dan kekejaman tentera Jepun. Peranan akhbar¹¹ digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan kaum Cina di Tanah Melayu. Beberapa puisi yang bertajuk ‘*I’m Coming Home, Motherland*’, *China will Never Perish!*, ‘*War of Resistance to the End*’ sentiasa disiarkan bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik dalam kalangan orang Cina (Leong, 1976: 253).

Pergerakan pelajar juga memainkan peranan penting dalam aktiviti menentang pencerobohan Jepun di China, Eng Ming Ching pernah terlibat dalam pasukan propaganda dan pernah menganggotai kumpulan sandiwara serta kesenian. Malah aktivis pelajar wanita turut menganjurkan aktiviti menjual bunga dan menjual bendera negara China kepada orang ramai (Suriani Abdullah, 2006: 7) :

¹⁰ Nama gelaran yang digunakan dalam kem, nama sebenar beliau ialah Lee Hung.

¹¹ Akhbar ketika itu dimiliki oleh pemimpin yang patriotik dan laporan akhbar membuat liputan penuh tentang pengeboman di Nanking, Wusung dan Hangchow.

...para pelajar telah mendirikan pasukan propaganda seperti gerup nyanyi, gerup tari, gerup sandiwara dan sebagainya. Saya menjadi salah-satu anggota utama gerup seni budaya tersebut. Kami menyampaikan syarahan-syarahan yang mendedahkan kekejaman kaum fasis Jepun, Jerman dan Itali...Orang ramai yang menghadiri rapat-rapat umum memberikan derma dan sokongan mereka. Hasil kutipan diserahkan kepada Persatuan Membantu Tiongkok Melawan Musuh.

Pengalaman dalam menyusun organisasi anti-Jepun, telah meningkatkan semangat nasionalisme dan keyakinan untuk berbakti kepada masyarakat. Suriani¹² telah menerima ideologi PKM serta pandangan proletariat, rela mengabdikan diri untuk rakyat dan sanggup menyumbangkan segala-galanya termasuk nyawa sendiri. Tugas pertama beliau dalam PKM ialah menyusun organisasi buruh wanita kilang getah dan lombong bijih timah di Perak (Suriani Abdullah, 2006: 9).

Manakala Nee Pha, menjelaskan penglibatan awal dalam PKM bermula ketika berumur 14 tahun apabila beliau mula menolong membeli dan membekalkan barang-barang makanan kepada anggota PKM. Selepas Darurat, beliau mengikuti ibu saudaranya tinggal di kampung baru¹³ (temu bual Nee Pha, 6 Mac 2011):

“...saya asal Kulim, umur 16 tahun dah kerja tanam sayur dan menoreh getah. Saya tinggal dengan mak saudara sebab mak dah mati. Sejak kecil saya dah kerja kuat sebab kalu tak kerja, tak dapat makan. Walaupun miskin, saya dan mak saudara tolong beli makanan atau hantar surat kepada orang parti. Bila lama-lama dah tolong, saya setuju kerja dengan PKM. Masa tu ada mata-mata jaga, dia akan black-listed orang yang beli barang lebih. Ada mata-mata nak tangkap.. jadi bimbang kena tangkap, maka saya setuju masuk PKM..masa tu umur dah 18 tahun. Komrad bagitahu PKM berjuang nak bebaskan kita dari imperialism, feudalisme yang tindas buruh...”.

Semasa dalam perjuangan dengan pasukan gerila Nee Pha pernah menyerahkan anak lelaki yang berumur enam bulan kepada penduduk kampung untuk menjaga anaknya demi keselamatan pasukan gerila dan memberikan identiti untuk anak beliau.

¹² Beliau merupakan salah-seorang pemimpin wanita yang dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Malaya.

¹³ Kampung baru (*pin yin*) diperkenalkan melalui *Briggs Plan* pada tahun 1950 untuk menyekat pengaruh komunis dalam kalangan penduduk Cina di Tanah Melayu.

Pengorbanan ini juga dilakukan supaya anaknya dapat menjalani kehidupan normal dan dalam pada masa yang sama beliau meneruskan perjuangan membebaskan Tanah Melayu daripada imperialism dan penjajahan British. Semasa dalam pasukan gerila beliau ditugaskan untuk menjaga bekalan makanan dan menarik ahli baru menyertai PKM. Bagi beliau tanggungjawab yang diserahkan kepada beliau amat besar dan merupakan nadi penggerak dalam kem.

“...Saya ditugaskan untuk menjaga bekalan makanan..juga tambah ahli PKM. Maknanya hati kem...saya pegang. Jadi orang kuat kem untuk jaga keperluan utama. Orang parti perlu makanan yang banyak kerana British sentiasa pantau kedai-kedai yang jual barang makanan. Semua kedai masa tu kena sediakan buku yang ada senarai stok barang yang dijual..pada tahun 1950-an memang kami ada alami masalah kekurangan makanan, ada kalanya masa bergerak dalam hutan kami makan apa saja untuk alas perut...” (temu bual Nee Pha, 6 Mac 2011).

Mengenang semula penglibatan beliau dalam PKM, Nee Pha menjelaskan walaupun ia bermula dengan rasa simpati namun tindakan keras daripada pihak polis British menjadi sebab utama beliau menyertai PKM. Beliau menyifatkan pihak British sama seperti Jepun, melakukan kekejaman dan ketidakadilan terhadap masyarakat. Pengalaman ketika di kampung baru menyebabkan kemarahan beliau terhadap British:

“...masa kat kampung saya tengok polis telanjangkan wanita tua masa nak buat check tubuh badan kerana disyaki tolong komrad, saya rasa tak adil kerana rasa PKM dah banyak bantu masa pendudukan Jepun. Saya rasa kalau parti Komunis tak ada, dunia akan berada di tangan Barat semata-mata. Ketidakadilan tidak akan ada. Sebab tidak akan ada kesimbangan..ideologi komunis ni pun tak lama kerana ia sesuai pakai ikut masa jah...kalau tak sesuai ia akan habis...” (temu bual Nee Pha, 6 Mac 2011).

Menceritakan perjalanan hidupnya dalam perjuangan gerila, Nee Pha menegaskan selepas darurat anggota PKM semakin berkembang, mereka bergerak secara sulit dan tidak mendedahkan identiti mereka. Kebanyakan anggota mempunyai

pelbagai nama atau gelaran, malah berselindung di sebalik organisasi lain. Pelbagai cara digunakan untuk mendekati masyarakat untuk menambahkan anggota PKM. Walaupun kawalan ketat di kawasan kampung baru dan berita penangkapan anggota PKM Lee Tian Tai atau Lee Meng¹⁴ yang dihukum bunuh selepas melalui dua perbicaraan yang panjang, ahli PKM masih berjaya menarik kemasukan ahli baru. Malah bagi menyekat aktiviti PKM di kawasan kampung baru pihak British sekitar tahun 1950-1952 terpaksa melancarkan serangan hebat dan membelanjakan \$6,890,000 serta menempatkan seramai 6,250 orang anggota polis untuk menjaga keselamatan (CO 1022/28: *Resettlement and the Development of New Villages in the Federation of Malaya, 1952*).

Manakala bagi anggota gerila PKM terus-terusan berdepan dengan serangan hebat tentera British terutama selepas Peristiwa Padang Piul¹⁵ pada tahun 1950, pihak Jawatankuasa Pusat PKM mengarahkan kesemua regimen termasuk Regimen Ke-10 bergerak ke sempadan Malaysia-Thailand. Bagi membantu Regimen Ke-10 yang kehilangan ramai anggota termasuk pemimpinnya yang ditangkap, Eng Ming Ching Ketua Politik Regimen Ke-6 telah diarahkan untuk mengikut Regimen Ke-10 untuk menguruskan perjalanan mereka. Beliau bertanggungjawab membuat perhubungan dan menterjemahkan pemikiran pemimpin Regimen Ke-10 serta merancang perpindahan secara strategik ke sempadan pada tahun 1953 (Suriani Abdullah, 2006:109). Ketika serangan gempur British semakin hebat mereka telah mendapat bantuan orang asli

¹⁴ Lee Meng merupakan anggota PKM yang berasal daripada Perak, ditangkap di bawah undang-undang Darurat kerana dikatakan memiliki grenade. Beliau ditangkap berdasarkan tuduhan 8 orang tahanan PKM termasuk dua orang tahanan wanita yang membuat pengecaman bahawa beliau sering dilihat berada beberapa hari dalam kem bersama pemimpin PKM sebelum pihak British melancarkan serangan. Namun Lee Meng menegaskan serta menafikan gambar yang dijadikan bukti itu adalah beliau kerana di antara tahun 1948-1950 beliau berada di Singapura. Dalam perbicaraan pertama beliau dibebaskan kerana terdapat keraguan bukti tetapi pada perbicaraan kedua beliau didapati bersalah secara automatik oleh dua orang penilai British walaupun wakil penilai daripada Tanah Melayu menzahirkan keraguan kes ini. Kes ini juga menerima bantahan daripada *Women's International Democratic Federation, The National Assembly of Women* dan *National Council Civil Liberties*, terhadap hukuman bunuh terhadap beliau. Oleh kerana sokongan yang diterima oleh beliau daripada organisasi luar negara dan kerajaan Hungary yang sanggup menukar beliau dengan seorang agen British iaitu Edgar Sander yang menjadi tahanan politik di Hungary, ia telah menambahkan keyakinan pihak British dan Amerika bahawa Lee Meng merupakan antara pemimpin PKM yang dikehendaki (CO 1022/5: Lee Meng).

¹⁵ Serangan British yang hampir melumpuhkan Regimen Ke-10 di bawah pimpinan Wahi Anuar yang kemudiannya diambil-alih oleh Abdullah C.D., kira-kira 150-200 orang tentera gerila PKM ditangkap dan menyerah diri (Chin, 1994:36).

untuk meneruskan perjalanan ke sempadan Malaysia. Setelah berjaya merentasi sempadan dan sampai ke kem yang dibina di Dusun Nyior dan Weng yang mendapat bantuan dan simpati penduduk tempatan. Suriani turut menganggotai perbincangan di Betong dengan Chin Peng menganalisis hasil perjuangan PKM di Tanah Melayu sebelum mereka mengadakan perundingan damai di Baling dengan Tunku Abdul Rahman. Berdasarkan analisis bahawa perjuangan gerila telah menarik sokongan rakyat dan melemahkan British sehingga mereka memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu, maka PKM menolak pernyataan PKM menyerah diri sebagai syarat perundingan damai tersebut. Walaupun kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan perundingan damai namun PKM menolak kebergantungan Tanah Melayu kepada British selepas kemerdekaan (temu bual Yaacob Ibrahim, 22 Mac 2013; Suriani Abdullah, 2006).

Bagi Zamiah Latif¹⁶ bekas anggota AWAS yang turut terlibat dalam perjuangan gerila bersama Regimen Ke-10. Zamiah bersama dengan bekas anggota AWAS seperti Zaleha Mat Roni (ketua AWAS Lubuk Kawah), Siti Norkiah Mahmud Baginda (Ketua AWAS Pahang), Siti Mariam (Aktivis AWAS), Selamah Abdullah dan Aminah Hassan pernah menjadi pemimpin di peringkat cawangan sehingga menjawat jawatan ketua cawangan dalam Regimen Ke-10. Menceritakan perjuangannya, Zamiah (Mohamed Salleh Lamry, 2011; Suriani Abdullah, 2006), pernah terlibat dalam perjuangan Tentera Pembebasan Nasional Malaya menentang British. Zamiah banyak melakukan aktiviti harian seperti menyusun organisasi, melakukan kerja produksi dan teknikal selain berjuang ketika mereka digempur. Beliau juga turut bekerja untuk menarik ahli baru menyertai parti dan melatih anggota regimen yang baru.

¹⁶ Zamiah Latif berasal dari Lubuk Kawah dilahirkan pada 1932. Ibunya merupakan Naib Ketua AWAS Lubuk Kawah manakala bapanya, Ahmad Hussein merupakan anggota API. Beliau pernah berkahwin dengan Hamid Kadi Ahmad, Ketua API Lubuk Kawah pada tahun 1947. Ibunya Aminah Teh Bakar dan suaminya telah diburu oleh British semasa Darurat menyebabkan beliau turut berpindah dan menyertai tentera gerila. Setelah lama bercerai dengan suami beliau, pada tahun 1962 beliau berkahwin dengan Ibrahim Chik. Beliau dan Ibrahim Chik memilih untuk berpindah ke Malaysia selepas Perjanjian Damai pada tahun 1992. Kini beliau tinggal bersama dengan anaknya Mazni di Segambut, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun menurut Nee Pha dan Hua San di akhir-akhir perjuangan gerila bersama PKM, mereka telah melalui pasang surut dalam perjuangan berlaku PKM telah berpecah kepada beberapa kumpulan dalam tahun 1960-an. Situasi ini juga menyebabkan ada anggota PKM yang memilih mengikut batalion satu yang diketuai oleh Chin Peng, manakala Nee Pha dan suaminya Hua San memilih menyertai batalion ke-2, yang diketuai oleh Chang Chu Meng (penyokong revisioner). Hua San menegaskan terdapat ketua cawangan yang tewas dengan unsur-unsur kuasa dan material telah menyebabkan parti menjadi lemah dan mereka berpecah:

“...Masa muda dulu tu orang (PKM) kerja dengan adil dan saksama. Tapi bila lama-lama tu ketua ni mula pentingkan diri. Bila ada orang tak suka tu lemahlah parti. Ni kerana bila ada kekayaan masuk campur dalam parti. Mula-mula tu oklah. Bila dah lama-lama, makan-makan pun lebih kurang jah. Hak kita yang buatnya lebih kurang mula rasa tak adil dah. Ketua hak ada kuasa pun mula pentingkan diri. Bila pentingkan diri barang (perasaan)hok ada tu mulalah nakkan kuasa. Sebab tu parti mula jatuh. Sebabnya masa mula-mula masuk parti, parti berikan harapan pada rakyat. Parti janji bila kami memerintah akan tolong rakyat. Sebabnya macam ni, pada ketika itu rakyat susah..sebab tu pada 28 April 1978, akhirnya parti Komunis di Thailand semua tutup (temu bual bersama Hua San dan Nee Pha, 6 Mac 2011).

Pengakuan dan penjelasan daripada wanita-wanita yang terlibat dalam perjuangan politik haluan kiri ini menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap politik dan perjuangan nasionalisme yang menuntut pengorbanan mereka. Pengorbanan wanita-wanita dalam pergerakan kemerdekaan ini sangat besar malah perjuangan dalam politik nasional ketika itu bukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi sebagai suatu tanggungjawab kepada nusa dan bangsa. Bagi Shamsiah Fakeh, penglibatan beliau dalam politik dianggap sebagai pengorbanan untuk melibat sebuah bangsa yang bebas dan merdeka:

...kami tidak pernah mempersoalkan keikhlasan rakan-rakan seperjuangan lain dalam parti kerana mereka berjuang bukan kerana wang ringgit mahupun pangkat. Saya berazam untuk berkorban dan

menganggap ini sebagai satu tanggungjawab anak jati bangsa yang mesti dilaksanakan... (Shamsiah Fakeh, 2007:22).

Perjuangan wanita dalam politik haluan kiri diteruskan apabila bekas tahanan politik yang dibebaskan telah menubuhkan parti politik pelbagai kaum yang tidak berdasarkan kepentingan kaum tertentu. Parti Sosialis Rakyat Malaya yang ditubuhkan pada 1956, mempunyai sayap kanan yang dikenali sebagai Wanita Rakyat, yang menerima banyak sokongan daripada wanita di Kelantan. Ketua Wanita Rakyat yang pertama ialah Zainab Ahmad yang menyeru kaum wanita berjuang bersama Parti Sosialis untuk melawan penjajah British (Makmor Tumin, 2006: 33). Semasa Kongres Parti Rakyat yang pertama, Dr. Burhananuddin Hilmi dalam ucapannya telah menjelaskan bahawa Parti Rakyat merupakan kesinambungan daripada perjuangan bekas anggota PKMM dan API. Justeru itu, beliau menegaskan Parti Rakyat merupakan landasan untuk mereka meneruskan perjuangan membela tanah air dan bangsa dan besedia untuk berjuang berdasarkan ideologi yang telah disepakati dalam perjuangan PKMM dan API yang telah diharamkan oleh pemerintah British. Justeru itu, pada peringkat Parti Rakyat telah mendapat sambutan dalam kalangan kaum Melayu ketika itu (Kamaruddin Jaafar, 2000: 129).

Parti Kemerdekaan Malaya yang ditubuhkan oleh Dato' Onn pada tahun 1951 juga menerima sambutan baik daripada pelbagai kaum di Tanah Melayu. Puteh Mariah memegang jawatan Setiausaha Agung dan merupakan wanita pertama memegang jawatan tertinggi yang tidak dikhaskan kepada wanita (Dancz, 1987: 107). Terdapat beberapa aktivis politik wanita yang terkenal menjadi anggota parti ini seperti Saleha Mohamed Ali, Rahmah Salleh, Devaki Krishnan dan Loke Soh Lip (Dancz, 1987: 107). Devaki Krishnan merupakan aktivis wanita India yang pertama terlibat dalam politik formal. Sebelum ini beliau amat aktif dalam kerja-kerja sukarela untuk penduduk tempatan. Pada Disember, 1951, beliau dicalonkan dalam pilihanraya tempatan iaitu,

Kuala Lumpur. Beliau memenangi pilihanraya tersebut pada tahun 1952 dan pada ketika itu, beliau merupakan wanita pertama yang dicalonkan dalam pilihanraya tempatan. Beliau dicalonkan sekali lagi untuk bertanding di Bangsar pada tahun 1955 dan memenangi pilihanraya tempatan buat penggal kedua (Kamala Pillay, 2012).

Jasa aktivis wanita haluan kiri dalam menuntut kemerdekaan perlu diiktiraf kerana sumbangan dalam perjuangan antipenjajahan Jepun dan British di Tanah Melayu. Sumbangan terbesar ialah mereka berjaya membangkitkan semangat nasionalisme rakyat daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat termasuk masyarakat akar umbi untuk menyokong perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air (Ramlah Adam, 2010). Justeru itu, adalah penting untuk rakyat Malaysia mengiktiraf sumbangan aktivis wanita dalam perjuangan politik berhaluan kiri untuk mencapai kemerdekaan negara. Perjuangan mereka adalah selari dengan usaha-usaha golongan nasionalis haluan kanan, yang sentiasa diiktiraf perjuangan dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Hal ini pernah ditegaskan oleh Tun Dr. Ismail, antara sebab British berkompromi dengan UMNO ialah disebabkan pemberontakan yang dicetuskan oleh pergerakan politik berhaluan kiri. Menurut beliau, sebelum merdeka semua pejuang nasionalis sama ada berfahaman kiri atau kanan telah memberi sumbangan dan memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kemerdekaan negara (Samad Idris, 1982: 252).

6.4 Perjuangan Wanita Dalam Politik Haluan Kanan

6. 4.1 Kaum Ibu UMNO

Penglibatan wanita dalam politik dan aktiviti nasionalisme semakin berkembang selepas Perang Dunia Kedua. Penglibatan wanita daripada gerakan politik haluan kanan telah membuktikan bahawa wanita-wanita di Tanah Melayu mempunyai kesedaran politik yang tinggi dalam menuntut kemerdekaan tanah air. Kesedaran dan keazaman

untuk mendapat kemerdekaan tanah air telah berkobar-kobar di dalam jiwa mereka setelah mengalami sendiri kesengsaraan dan keperitan hidup pada era penjajahan Jepun. Kesukaran hidup telah menimbulkan kesedaran secara langsung untuk berpolitik dan membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu. Menurut Dato' Fatimah Abdul Majid:

“...pendudukan Jepun telah memberi impak besar kerana timbul kesedaran tiada pembelaan ke atas nasib orang Melayu sama ada semasa pentadbiran British mahupun Jepun. Saya telah bergiat semula untuk membantu masyarakat Melayu, meningkatkan kesedaran politik dan ekonomi mereka, terutama sekali kaum wanita...” (temu bual Dato' Fatimah Abdul Majid, 22 Disember 2010).

Kaum wanita juga sedar tentang pentingnya negara yang merdeka dan berkecimpung dalam politik bersama suami mereka seperti yang dinyatakan oleh Dato' Fatimah Abdul Majid:

“...Saya bergerak aktif dalam pergerakan politik di Johor, keadaan ini lebih mudah apabila suami beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan kepada Menteri Besar Johor ketika itu, Dato' Onn Jaafar. Saya berpeluang menganggotai Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ). Anggota PMSJ sering mengadakan mesyuarat dan beberapa aktivis Kaum Ibu telah mengadakan pertemuan dengan Dato' Onn. Kami telah disuntik dengan semangat baru untuk bersatu demi bangsa Melayu dan kesedaran untuk mempunyai negara yang merdeka...” (temu bual Dato' Fatimah Abdul Majid, 23 Disember 2010).

Semangat nasionalisme semakin menyemarak apabila British mengisytiharkan pembentukan *Malayan Union*. Penduduk Tanah Melayu terutama orang Melayu membantah kerana pihak British dilihat memaksa Raja-Raja Melayu menerima cadangan tersebut. Penglibatan wanita Melayu termasuk pergerakan wanita haluan kiri¹⁷ dalam perarakan besar-besaran dan tunjuk perasaan menentang *Malayan Union* sesuatu yang memeranjatkan British. Menurut L.D. Gammons dan Sir Theodore Adams, dua wakil British menyatakan, wanita-wanita termasuk daripada kampung dan desa telah menyertai demonstrasi sanggup meninggalkan sawah padi, dapur, anak-anak malah

¹⁷ Ketika cadangan *Malayan Union* diwar-warkan oleh British pergerakan parti UMNO dan PKMM pernah bekerjasama untuk menggagalkan cadangan ini daripada diteruskan.

meninggalkan sifat lemah lembut dan sifat patuh mereka untuk turut-serta dalam perarakan tersebut (Manderson, 1981: 75).

In towns there were demonstrations with 5,000 to 10,000 people standing in front of us. But the most remarkable thing of all was the part the women were playing in this great national movement. In the 14 years I lived in Malaya I scarcely ever spoke to a Malay woman. But today they go up on political platforms and make speeches; unmarried girls make speeches through microphones that would not have disgraced anybody in this committee (Dancz, 1987: 85).

Dalam satu perhimpunan di Batu Pahat, Johor seorang guru wanita daripada Pergerakan Melayu Semenanjung, Zahrah Abdullah yang berumur 25 tahun telah maju ke depan untuk berucap dan menegaskan di hadapan perwakilan British, iaitu L.D. Gammons dan Theodore Adams bahawa:

...We women were greatly surprised when we were completely ignored by Sir Harold Macmichael. We will not agree to a MU whatever happens. We make our protest strongly. We will work with our men to regain our rights. In short, we don't like the Union... (*CO 537/16, Malayan Security Political Intelligence Journal, 1947*).

Dato' Fatimah Majid juga menceritakan semasa gerakan menentang Malayan Union, beliau terlibat dalam usaha menerangkan kepada wanita-wanita tentang kelemahan *Malayan Union* dan berjaya menyatupadukan wanita Melayu untuk keluar menentang pembentukan *Malayan Union*. Bermula daripada gerakan inilah muncul cita-cita untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada British:

“...Ketika pengisytiharan *Malayan Union* pada tahun 1946, telah membangkitkan semangat nasionalisme kaum Melayu apabila pihak British bertindak menghapuskan kuasa dan hak keistimewaan orang Melayu. Tindakan British memperkenalkan jus soli yang memberikan hak kewarganegaraan dan layanan setara kepada penduduk Melayu dan kaum Melayu telah ditentang oleh PMSJ. Dato' Onn telah digantung kerja dan ditahan di rumah. Tugas ini diambil-alih oleh suami saya, dan ketika ini saya telah mengikuti pertemuan untuk menyatupadukan orang Melayu dan juga perbincangan untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada British...” (temubual Dato' Fatimah Abdul Majid, 23 Disember 2010)

Gerakan wanita Melayu mulai melibatkan diri dalam politik secara langsung, malah anggota keluarga terutama suami aktivis-aktivis wanita ini turut menyokong dan bersama untuk meneguhkan semangat antara satu sama lain bagi memperkuatkan dan mencapai agenda parti. Bagi meningkatkan sokongan wanita desa beliau telah membantu wanita desa untuk meningkatkan pendapatan mereka. Dato' Fatimah Majid yang pernah menjadi Ketua Kaum Ibu Muar menegaskan:

“...Ketika saya berpindah ke Muar, saya telah menjadi aktif dalam politik setelah menjadi ketua Kaum Ibu di Muar. Saya telah menujuhkan Wanita Desa untuk membantu rakyat miskin di Muar. Saya telah diberikan kereta dan sebuah balairaya untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah mengambil orang-orang dewasa lelaki dan wanita yang tidak bekerja, janda yang tidak mempunyai pendapatan untuk bermula...” (temubual Dato' Fatimah Abdul Majid, 23 Disember 2010).

Pada peringkat ini perjuangan Kaum Ibu Melayu menfokuskan untuk meningkatkan kesedaran politik melalui ceramah dan penerangan serta aktiviti berbentuk kebijakan serta membantu meningkatkan ekonomi rakyat setempat. Aktiviti ini penting bagi menyedarkan rakyat tentang kedudukan orang Melayu apabila pentadbiran *Malayan Union* diperkenalkan. Beliau berjaya menyemarakkan semangat nasionalisme di peringkat akar umbi dengan memperjelaskan kepada penduduk kampung tentang makna perjuangan kemerdekaan kepada Tanah Melayu:

“...sebagai ketua Kaum Ibu saya telah menerangkan kepentingan UMNO dan mengadakan kebijakan untuk menarik wanita tempatan berjuang dengan parti. Pada September 1947, Kaum Ibu telah membincangkan pembentukan organisasi wanita yang berkesan di peringkat negeri dan kebangsaan...saya ke kampung-kampung menerangkan kepada orang bahawa kita ni nak merdeka, pergi terang dekat orang, orang kampung buta huruf tak tahu membaca...tak tahu menulis...Jadi kita kena terang bagi orang sokong kita untuk dapatkan kemerdekaan...Sayalah ketua rombongan ke kampung-kampung bercakap dengan ketua kampung,lupakan lapar dahaga, penat berjalan, jalan kaki masuk lorong..untuk jumpa orang dan terang kat orang kampung...” (temubual Dato' Fatimah Abdul Majid, 23 Disember 2010).

Bagi Fatimah, ramai kalangan wanita dalam UMNO mengagumi serta menghormati perjuangan wanita-wanita yang radikal seperti Khatijah Sidek yang pernah menjadi Ketua Kaum Ibu. Khatijah Sidek menurut beliau berani menyuarakan pendapat dan melatih wanita-wanita desa untuk menyertai UMNO. Menurut Fatimah Abdul Majid:

“...ketika berlaku konflik dalam sayap wanita UMNO, bermula dengan tindakan Puteh Mariah meninggalkan UMNO untuk menyertai Parti Negara dan diikuti pemecatan Khadijah Sidek sebagai pemimpin Kaum Ibu oleh pihak tertinggi. Ketika itu saya mengaggumi Khadijah Sidek kerana sifat beliau yang lantang, berani dan sangat dedikasi dalam melaksanakan tugas. Pemecatan beliau disebabkan oleh kelantangan beliau untuk memulaukan Pilihanraya Persekutuan sekiranya tidak ada wakil wanita yang bertanding...” (temubual Dato' Fatimah Abdul Majid, 23 Disember 2010).

Manakala bagi Nurul Kamar beliau yang didedahkan dengan perjuangan politik oleh ibu dan ayahnya yang merupakan aktivis PKMM dari Pahang. Beliau menjelaskan selepas Perang Dunia Kedua, pergerakan wanita daripada AWAS dan UMNO telah bersama-sama terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Nurul Kamar Yassin seperti Fatimah Abdul Majid menghormati serta mengagumi pengorbanan dan perjuangan aktivis-aktivis wanita yang ini.

“...Selepas Jepun menyerah kalah, aktivis-aktivis politik telah datang ke kampung dan mengadakan mesyuarat untuk menerangkan pergerakan dan parti politik mereka. Ketika itu pertubuhan AWAS, API dan PETA mula dikenali. Kebanyakan orang Kampung Kerdau menerima baik pergerakan ini. Ketika ini beliau mendengar bahawa AWAS sedang melatih wanita muda dan menyatukan orang muda untuk terlibat di dalam perjuangan nasional menentang penjajah British...Saya dan ibu bersemangat juga tetapi selepas ayah ditangkap kerana penglibatan dalam PKMM, saya memandamkan semangat tersebut...kami perlu menjaga keluarga selepas ketiadaan ayah. Kami mempunyai adik-beradik yang ramai dan ayah tidak ingin kami terlibat..hanya menggalakkan kami meneruskan persekolahan. Itulah kehendak beliau...” (temubual Nurul Kamar Yassin, 21 Oktober 2009).

Pengalaman wanita-wanita ini mendedahkan bahawa kesedaran untuk berpolitik secara formal telah berakar umbi dalam jiwa aktivis-aktivis ini. Mereka telah memainkan peranan penting bersama nasionalis lelaki berjuang untuk membebaskan negara daripada cengkaman penjajah sama ada dari penjajah Jepun mahu pun penjajahan British. Pengalaman ini telah memberi semangat kepada Nurul Kamar meneruskan perjuangan ayah beliau yang terhenti setelah penangkapan ayah beliau sebagai anggota PKMM semasa British mengisytiharkan Darurat pada 1948. Semasa ayah beliau ditangkap, nasihat pertama ayahnya ialah beliau tidak mahu anaknya terlibat dengan parti politik dan hanya menumpukan usaha pada pelajaran dan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan. Pesanan ini telah terpahat kukuh dalam sanubari Nurul Kamar di mana beliau menumpukan usaha dengan melibatkan diri dalam pendidikan kelas dewasa serta berkecimpung dalam kumpulan pandu puteri bagi meneruskan kerja-kerja kemasyarakatan. Namun ketika beliau di universiti di Singapura, Nurul Kamar melibatkan diri dalam aktivisme sosial yang menyokong pendidikan untuk wanita dan pemodenan masyarakat sebagai penting ke arah membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat di akar umbi. Beliau juga terlibat kampen politik ke kampung-kampung semasa suami beliau bertanding dalam pilihan raya di Tanah Melayu.

“...ketika di Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1956, saya banyak lebih menjurus kepada kerja-kerja sukarela dan terlibat dalam pandu puteri. Saya banyak keluar ke kampung-kampung untuk menerangkan kepentingan pendidikan dan membantu mereka yang memerlukan. Saya juga mengatur strategi untuk mendekati penduduk kampung dan memperkenalkan calon pilihanraya kepada mereka. Saya lebih suka berada di belakang tabir kerana ayah telah berpesan agar anak-anak tidak terlibat dalam politik secara langsung...” (temubual Nurul Kamar Yassin, 21 Oktober 2009).

Selain itu, aktivis nasionalis yang dianggap radikal, berasal dari Indonesia dan menetap di Johor Bharu, Khatijah Sidek telah memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kesedaran politik dan semangat nasionalisme dalam kalangan

wanita Melayu. Beliau pernah menggantikan Ibu Zain sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO antara tahun 1953-1956 sebelum dipecat daripada UMNO pada tahun 1956. Khatijah merupakan antara pemimpin wanita UMNO yang lantang bersuara dan berani menyuarakan tuntutan politik wanita. Beliau turut menerima sokongan kuat daripada golongan akar-umbi dan beliau merupakan pemimpin wanita yang pernah menerima undi pencalonan tertinggi untuk dipilih sebagai Ketua Wanita UMNO. Beliau berperanan membangunkan Kaum Ibu UMNO dan mengetengahkan peranan wanita sebagai pemimpin. Khatijah dianggap Ketua Kaum Ibu UMNO yang sanggup menjelajah dan turun ke desa-desa untuk menerangkan kepentingan wanita berkecimpung dalam politik formal. Selain itu beliau telah melatih ramai wanita-wanita desa untuk celik politik dan membina perhubungan yang baik antara pemimpin wanita dan cawangan kaum ibu di seluruh Tanah Melayu (Dancz, 1987: 170).

Khatijah pada asalnya aktif dalam aktivisme dan nasionalisme menentang Belanda di Sumatera dan Riau. Namun begitu pada tahun 1946 ketika beliau sedang memimpin Puteri Kesateria Bangsa¹⁸ telah diminta oleh tiga orang pemuda dari Tanah Melayu iaitu Abdullah Sanggora, Dahir Ali dan Abdul Rahman yang meninjau tentang Puteri Kesateria membantu menyusun pergerakan wanita di Tanah Melayu.

“...mintalah ibu datang ke tempat kami, Persekutuan Tanah Melayu...mintalah ibu meninjau saja ke sana sekejap, tak ada wanita-wanita kami seperti pergerakan ibu, sambil itu ibu bolehlah ibu memberi syarahan-syarahan mudah-mudahan syarahan ibu akan memberi kesan nanti dan akan mengubah semangat wanita-wanita di Tanah Melayu...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

¹⁸ Beliau dan beberapa rakan telah menubuhkan Puteri Kesateria dalam tahun 1944. Pergerakan ini ditubuhkan untuk melatih wanita-wanita berjuang sebagai tentera untuk melawan musuh. Ia merupakan persediaan setelah barisan pemuda berdepan dengan musuh, Puteri Kesateria perlu berada di belakang menjaga negeri, kampung dan menjaga diri-sendiri (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Akhirnya beliau berbincang dan dipersetujui oleh ketua tentera lelaki yang bernama Hassan Basri maka beliau membuat keputusan ke Singapura bersama Rashidah untuk menolong pergerakan di Tanah Melayu. Beliau telah ditempatkan di Pejabat PERKABIM, iaitu Persatuan Kaum Buruh Indonesia-Malaya. Tugas pertama yang diatur untuk beliau adalah menyampaikan syaran umum bagi ahli PKMM, Persatuan Kaum Guru dan lain-lain. Khatijah telah dibawa mengunjungi ke Persekutuan Wanita Malaya, Persatuan Wanita India, Persatuan Wanita Cina dan diperkenalkan dengan pemimpin UMNO iaitu Dato' Onn Jaafar.

“...ibu di bawa ke Tanah Melayu iaitu mula-mula ibu memberi syaran di Melaka, kerana di Melaka ada Persatuan Indonesia Merdeka di sana, dari sana ibu ke Batu Pahat dan seterusnya Johor Bharu. Ibu juga telah dibawa berjumpa dengan pemimpin PKMM iaitu Dr. Burhanuddin Helmi, Ishak Muhammad, Ahmad Boestaman dan bahagian wanitanya iaitu AWAS. Ibu berjumpa dengan Shamsiah Fakeh, Aishah Ghani..dan di Singapura ibu berjumpa dengan Cik Yah isteri Osman Kalam, dan tenaga muda wanita Singapura iaitu Cik Marliah dan Cik Rohani. Jadi dengan mereka ibu mengadakan ceramah-ceramah tentang hal perjuangan dan mereka bertanyakan cara-cara perjuangan dijalankan di Indonesia ...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Ketika lawatan tersebut, Khatijah menyimpulkan bahawa bahagian politik Melayu masih lemah dan perlu diperkuatkan. Bagi beliau kelemahan yang paling ketara disebabkan pelbagai kaum tidak bersatu, di mana kaum Melayu, Cina dan India tidak berjuang bersama dan cogan kata merdeka tidak pernah digunakan oleh pemimpin politik daripada pelbagai kaum (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Khatijah Sidek, 2010:81). Selepas pulang ke Sumatera, beliau telah berbincang dengan organisasi Puteri Kesateria untuk menujuhkan cawangannya di Singapura namun rancangan ini terhenti disebabkan situasi di Indonesia bergolak dengan penangkapan Sukarno. Justeru itu, beliau bergiat aktif dalam pergerakan Pemuda Republik Indonesia sebagai Penolong Setiausaha. Pada

masa yang sama, persatuan kebajikan kaum ibu Indonesia telah melantik Khatijah sebagai Yang Dipertua Himpunan Wanita Indonesia Malaya (HIMWIM). Matlamat persatuan ini ialah menjalinkan hubungan kerjasama dengan wanita-wanita di Tanah Melayu dan Singapura.

“...Himpunan Wanita Indonesia Malaya berasaskan kebajikan dan memperkenalkan perjuangan wanita Indonesia keluar negara. Jadi ibu bekerjasama dengan YWCA, Women’s Federation, Badan Kebajikan Wanita Melayu dan AWAS...tujuan ibu bekerjasama ialah memajukan persatuan HIMWIM...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Bagaimanapun nasib tidak menyebelahi Khatijah apabila beliau ditangkap oleh British semasa Darurat 1948. Beliau ditahan kerana disyaki terlibat dengan aktiviti politik berhaluan kiri berdasarkan maklumat yang terkumpul dan soal-siasat yang dijalankan ke atas beliau:

“...Ibu dipanggil untuk mendapatkan maklumat tentang PK.. Ibu menjelaskan PK merupakan kependekan daripada Puteri Kesateria, namun penyiasat tersebut mentafsirkannya sebagai Parti Komunis.Malah ibu juga ditanya tentang Sutan Jenain, dan pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu ibu menjawab...dia adalah orang satu kampung dengan saya, saya menganggapnya sebagai bapa...saya juga kenal Dr. Burhanuddin, Ishak Muhammad, Ahmad Boestaman kerana saya bila saya memberi syaran beratus-ratus orang berkumpul mendengar ucapan saya...namun saya tidak ada mengikut mereka. Saya tidak ada menyertai parti politik...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Semasa dalam tahanan selama tiga bulan beliau cuba menghilangkan kebosanan dengan menyanyi dan mengingat tekad perjuangan beliau dalam memerdekakan tanah air. Bagaimanapun beliau turut melahirkan rasa sedih kerana keadaan beliau ketika itu yang dikawal oleh anak bangsa yang terpaksa bekerja untuk penjajah. Ketika berada di penjara di Singapura Khatijah Sidek telah diletakkan bersama 40 orang orang tahanan termasuk empat orang mahasiswa Sekolah Tinggi Cina di Singapura, seorang guru

wanita bernama Dewani dan selebihnya adalah aktivis buruh ladang getah. Beliau akhirnya dibebaskan pada 30 Januari, 1950, bagaimanapun beliau dilarang daripada memasuki Singapura selama 10 tahun. Khatijah meneruskan kehidupan beliau dengan membuka sebuah restoran yang dinamakan Merdeka Restoran di Johor Bharu (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Pada pertengahan tahun 1950, setelah tiga bulan beliau keluar daripada Persatuan Melayu Semenanjung (PERMAS) Ibu Zain telah datang bertemu dan meminta beliau menjadi ahli Kaum Ibu UMNO namun, hasrat tersebut terhalang apabila Dato' Onn tidak bersetuju menerima keanggotaan beliau sebagai ahli UMNO. Pada tahun 1953, beliau sekali lagi diminta menjadi ahli UMNO oleh Ibu Zain, walaupun terdapat bantahan namun keadaan UMNO yang getir disebabkan Dato' Onn keluar parti dan ramai anggota parti yang keluar UMNO. Ketika itu keputusan menerima Khatijah sentiasa berubah-ubah menyebabkan beliau membuat keputusan hanya menjadi wakil UMNO. Semasa di kongres UMNO tersebut, Khatijah Sidek telah mengemukakan satu usul iaitu meminta kongres memberikan hak yang sama kepada kaum ibu seperti kaum bapa, kerana dalam UMNO sayap kaum ibu dan pemuda berada di bawah pengawasan kaum bapa. Justeru itu, kedua-dua sayap ini hanya berhak mengundi untuk perkara tertentu sahaja. Ketika ini beliau telah berjuang untuk kesaksamaan gender dan meletakkan kedudukan wanita dalam UMNO setaraf dengan kedudukan lelaki (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur):

“...dalam mesyuarat itu, ibu telah bekerjasama dengan Ibu Zain sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO membuat cadangan supaya UMNO berlaku adil terhadap kaum wanita. Ibu minta supaya kaum bapa sama dengan kaum ibu. Pemuda hendaklah ada pemudinya. Jadi kaum bapa ini tersendiri di atas, besar. Kaum ibu ini diletakkan sama taraf dengan pemuda, jadi ibu rasa ini tidak adil. Kerana pemuda ini anak, kenapa ibu disamakan dengan anak? Jadi dengan cara ini terjadi satu kepincangan yang besar dalam UMNO. Ketika ini kaum ibu hanya dibenarkan memilih perwakilan seramai empat orang sedangkan kaum bapanya tiap-tiap

cawangan mengirim satu wakil...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Khatijah Sidek secara terang-terangan mengkritik cara pemilihan cawangan UMNO dilaksanakan. Walaupun saranan beliau disokong oleh perwakilan wanita namun ia telah ditentang oleh beberapa pemuda UMNO iaitu Saadon Zubir dan Sulaiman Palestin. Bagaimanapun Khatijah menegaskan saranan ini adalah yang terbaik untuk UMNO:

“...kalau UMNO ada 100 atau 500 cawangan UMNO, maka 100 atau 500 merupakan wakil kaum bapa, sedangkan kaum ibu hanya empat dan pemuda empat, sedangkan pemuda bersama kaum bapa. Tetapi kaum ibu tidak ada. Jadi ini tidak adil. Kalau macam inilah aturan UMNO, sampai bilapun kaum ibu hanya akan jadi perkakas sahaja kerana ada dalamnya hanya ada empat. Walaupun wanita menjerit ke langit ke tujuh atau mengalir airmata darah, segala tuntutannya tidak berhasil...kita tetap dalam UMNO. Kaum Ibu tetap dalam UMNO. Jadi sekiranya kaum ibu bekerjasama dengan kaum bapa, jadi lebih kuat. Sebanyak suara kaum ibu, sebanyak suara kaum bapa, tetapi nampaknya kaum bapa sangat takut dalam soal ini. Jadi cadangan kaum ibu ini kalahlah...”

Semasa dalam UMNO beliau terus lantang mengkritik dan memberi saranan untuk memajukan Kaum Ibu UMNO. Pada masa yang sama beliau telah dilantik sebagai Pegawai Penerangan Kaum Ibu UMNO telah bergerak untuk memberikan penerangan ke kampung dan desa kepada kaum ibu. Kebanyakan wanita desa ini masih terikat dengan idea feudal kerana mereka berpendapat pemimpin mestilah seseorang yang bergelar dan berstatus dalam masyarakat. Namun ketika isu ini dibangkitkan oleh wanita desa, bahawa mereka takut menjadi anggota UMNO kerana semua anggota UMNO terdiri daripada golongan elit dan setiap kali mesyuarat, mereka terpaksa berada di belakang. Khatijah menjelaskan kepada mereka:

“...jangan bimbang soal ini. Saya tidak kaya, tetapi mereka pilih saya jadi pemimpin. Dalam parti tidak harus ada Datin atau Tengku, tidak ada kaya miskin, tapi semuanya sama. Dalam kebudayaan kita, dalam

agama kita, kita mesti hormat Datin atau Tengku tetapi mereka juga mesti hormat kita. Kita semua bayar yuran 20 sen, tidak ada kelas dalam parti...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Penerangan beliau akhirnya telah membawa hasil apabila antara tahun 1953-1954, beliau dan pembantunya Che Ramlah telah berjaya menambahkan jumlah ahli UMNO dan membuka cawangan Kaum Ibu UMNO Johor yang muncul sebagai cawangan terbesar di Tanah Melayu ketika itu. Walaupun ketika itu beliau masih berada dalam pengawasan polis namun, Khatijah Sidek telah berjaya menarik sejumlah besar wanita Melayu menjadi anggota Kaum Ibu UMNO. Malah Tunku Abdul Rahman telah memanggil beliau untuk mendapatkan pandangan bagi membangunkan Kaum Ibu UMNO. Bagi memperkuatkan Kaum Ibu UMNO, Khatijah telah dilantik sebagai Setiausaha Agung Kaum Ibu UMNO merangkap Pegawai Penerangan dan Pemangku Ketua Kaum Ibu setelah Ibu Zain bercuti kerana sakit. Semasa dalam Mesyuarat Pemilihan Agung UMNO beliau sekali lagi dengan lantang membincangkan isu ini kepada pewakilan.

“...Selesai pemilihan dan dibacakan nama pewakilan yang terpilih, namun semuanya nama lelaki sahaja. Jadi ibu daripada pihak kaum ibu meminta berucap. Dalam ucapan tersebut Ibu mempersoalkan isu tersebut...kenapa kaum bapa langsung tidak memberikan perhatian sedikit pun kepada Kaum Ibu? Sedangkan tenaga Kaum Ibu dalam UMNO sangat diperlukan. Jadi rupanya Kaum Ibu ini hanya dipandang oleh kaum bapa hanya sebagai orang suruh-suruhan sahaja? Iaitu tukang kutip yuran, tukang cari ahli, membanyakkan ahli.. kalau Pilihanraya tukang cari undi, mendatangi rumah-rumah untuk suruh undi kepada calon-calon. Kenapa kaum bapa memandang kaum ibu rendah sekali? Misalnya dalam jawatankuasa tertinggi tadi, tak satu pun kaum ibu terpilih sedangkan kaum bapa berpuluhan-puluhan jawatankuasa? Tak satu pun kaum ibu terpilih, apalah salahnya kalau disuarakan terpilih, artinya satu orang daripada kalau tidak banyak satu orang cukuplah kaum ibu boleh menyuarakan hal-hal kaum ibu dalam majlis tertinggi UMNO...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Petikan di atas memperlihatkan kesungguhan Khatijah dalam mengetengahkan suara perwakilan Kaum Ibu dalam memantapkan perjuangan UMNO ketika itu. Beliau telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu kecuali Perlis untuk menerangkan tentang UMNO dan menu buhkan cawangannya di setiap negeri. Ketika beliau menyampaikan ceramah di kampung dan desa di Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Kedah dan Selangor beliau telah menyelitkan kesedaran dan perasaan cintakan kemerdekaan kepada ibu-ibu dan kanak-kanak. Beliau akan mengajarkan dengan nyanyian kemerdekaan yang pendek supaya mudah diingat.

“...ketika itu orang segan untuk menyambut. Jadi ibu tak beri ceramah, ibu bersyarahlah. Kalau hendak dengar ceramah ibu, ibu mahu mereka menjawab Merdeka! Secara beramai-ramai. Dengan cara itu ibu memasukkan perasaan cintakan kemerdekaan. Lagu Merdeka, Merdeka, Malaya Merdeka!. Ibu mengembleng atau memajukan gerakan Kaum Ibu dengan sendirinya, Pemuda pun bertambah maju. Pada tahun 1953, ibu bersama Dr. Ismail ke Perak untuk menu buhkan cawangan-cawangan Kaum Ibu. Ibu juga turut memberi penerangan kepada cawangan Pemuda UMNO (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Penerangan yang diberikan oleh Khatijah telah berjaya menarik kaum ibu di kampung dan desa untuk menjadi ahli UMNO. Jika sebelumnya cawangan Kaum Ibu UMNO hanya hanya sedikit tetapi dalam tempoh 10 bulan sahaja beratus-ratus cawangan kaum ibu telah ditubuhkan. Sebanyak 130 buah cawangan Kaum Ibu UMNO ditubuhkan dan dianggotai oleh 10,000 orang. Sekitar tahun 1954, semangat kemerdekaan telah membuka-buka dalam kalangan rakyat, malah terdapat sesetengah pihak dalam UMNO mula menentang British dan meninggalkan jawatan dalam parti. Beliau akhirnya memberikan cadangan kepada Tunku untuk mengadakan perarakan ke rumah Sultan. Dalam perarakan tersebut Khatijah tidak dapat menyertainya kerana masih dalam jaminan polis (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Sebelum Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Pulau Pinang pada Oktober 1954, beliau selaku Setiausaha merangkap Pemangku Ketua Kaum Ibu UMNO telah menulis surat kepada cawangannya agar mengadakan mesyuarat bagi memilih calon Ketua Kaum Ibu UMNO. Namun telah timbul konflik dalam pemilihan Ketua Kaum Ibu UMNO kerana terdapat bantahan apabila Khatijah Sidek dicalonkan bertanding sebagai Ketua Kaum Ibu dengan menerima undi pencalonan tertinggi. Selain beliau, Che Halimaton dan Ibu Zain juga turut dicalonkan untuk jawatan Ketua Kaum Ibu UMNO. Bagaimanapun ketika tiba hari pencalonan nama beliau telah digugurkan daripada senarai pencalonan. Beliau merasa amat kecewa dan beliau telah menyuarakan kekecewaan tersebut kepada Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO.

“...Jikalau sekiranya UMNO menjalankan kerja-kerja sebegini, artinya yang diagung-agungkan menjalankan secara suara rakyat, secara demokrasi tetapi sekarang yang dijalankan bukan secara demokrasi tetapi demokerasi. Artinya, mereka yang mengerasi, yang membuat sekehendak hati sendiri secara diktator. Jikalau begitu tidak ada guna surat pekeliling dikirimkan ke tiap-tiap cawangan Kaum Ibu, disuruh mereka mesyuarat...iaitu mengadakan pencalonan masing-masing dari pada tiap-tiap cawangan itu...dan juga mengirim cadangan-cadangan mereka. Mereka datang mesyuarat dengan meninggalkan rumah tangga...menghabiskan masa dan mengeluarkan duit untuk tambang bas pergi-balik, walaupun 20 atau 30 sen tetapi hilang untuk bermesyuarat dan kadang-kadang dalam mesyuarat bertengkar antara satu sama lain. Jika beginilah tindakan dan perjalanan yang dilakukan oleh pihak Setiausaha Agung dan rakan-rakan. Maka pada hari ini saya meletakkan jawatan dan segala jawatan yang saya pegang...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Walaupun begitu, nama beliau diangkat semula dalam pemilihan dan beliau telah dipilih sebagai sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO pada tahun 1954. Khatijah meneruskan usaha perjuangan beliau untuk mengemukakan resolusi Kaum Ibu UMNO untuk meminta lima buah kerusi untuk kaum ibu pada pilihan raya umum akan datang. Resolusi ini dibentangkan oleh Aishah Ghani wakil Kaum Ibu Kampung Baru untuk dibahaskan oleh perwakilan. Kebanyakan perwakilan lelaki menentang cadangan ini dan

menyatakan wanita terlalu lemah dan belum masanya berada di Parlimen. Perbahasan ini telah menimbulkan ketegangan sehingga Khatijah selaku Ketua Kaum Ibu UMNO bangun untuk mempertahankan Resolusi ini:

“...Siapa mengatakan wanita tidak layak lagi sebagai ahli parlimen? Wanita sudah layak memimpin, wanita-wanita seluruh Tanah Melayu yang berkumpul pada hari ini telah menguatkan perjalanan UMNO, kenapa maka kami tidak boleh menjadi ahli parlimen? Kedudukan saya sebagai wakil penerangan telah diangkat oleh Presiden UMNO, saya telah memberi penerangan ke kampung-kampung. Dalam masa tiga bulan telah bertambah beribu ahli kaum wanita...” (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Perhubungan Khatijah dengan perwakilan menjadi agak tegang setelah resolusi ini, bagaimanapun beliau meneruskan usaha dan bersiap untuk menghadapi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1955. Pilihan raya ini penting kerana ia merupakan proses mengambil alih kuasa daripada British (Khatijah Sidek, 2010: 154). Dalam Pilihara 1955, Parti Perikatan telah menerima kemenangan besar dan mendapat pengiktirafan daripada kerajaan British untuk mengadakan rundingan kemerdekaan Tanah Melayu. Bagi Khatijah, kemenangan pilihan raya ini disebabkan oleh kerjasama dan sokongan wanita Tanah Melayu. Pada tahun 1956, perundingan berjalan untuk kemerdekaan Tanah Melayu, namun Khatijah bertekad untuk memperjuangkan hak kaum wanita. Bagaimanapun disebabkan beberapa krisis yang melibatkan Khatijah dengan beberapa pemimpin UMNO, beliau akhirnya dipecat daripada jawatan Ketua Kaum Ibu dan ahli UMNO. Selepas berehat selama dua tahun daripada politik beliau meneruskan perjuangan dalam politik setelah menerima pelawaan Parti Islam Se-Malaya (PAS) untuk menjadi anggota parti tersebut pada Oktober 1958. Beliau sekali lagi terlibat dalam memperkuatkan kedudukan PAS sebagai salah satu parti politik yang penting di Tanah Melayu.

6.4.2 Wanita dalam *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC)

Wanita-wanita Cina dan India juga terlibat politik parti berhaluan kanan dan mempunyai peranan penting dalam mengetengahkan pendekatan politik sederhana. Cawangan pertama wanita *Malayan Chinese Association* (MCA) ditubuhkan pada peringkat awal sebagai organisasi kebajikan yang memberikan bantuan kepada keluarga dan kaum Cina yang setelah pengisytiharan Darurat 1948 (Dancz, 1987). Peristiwa Darurat telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk Cina di Tanah Melayu, justeru pihak British telah berbincang dengan pemimpin Melayu, Cina dan India untuk menujuhkan kerjasama antara parti politik antara kaum di Tanah Melayu dan Singapura (Oong, 2000: 150). Ia juga bertujuan mendapat sokongan golongan konservatif Cina daripada politik radikal kepada kuasa yang dipegang oleh komuniti pedagang Cina (Kam & Tan, 2000). Pada tahun 1951, MCA telah menujuhkan lapan komiti yang turut disertai oleh kaum wanita. Secara beransur-ansur, sayap wanita MCA Johor Bharu yang diketuai oleh Lim Swee Sim pada tahun 1958, telah mengadakan kerjasama dengan Kaum Ibu UMNO dan banyak menjalankan kerja-kerja kebajikan bagi melatih wanita-wanita muda dalam organisasi. Tujuan utama sayap wanita MCA ditubuhkan ialah untuk melancarkan program dan polisi MCA dan memberikan peluang kepada ahli bermesyuarat dan melanjutkan pelajaran (Dancz, 1987; Heng, 1988). Ten Yoon-Fong ketua sayap wanita MCA Johor, telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Eksekutif Negeri Johor untuk menarik wanita Cina untuk menganggotai MCA. Dalam masa yang sama pada Pilihanraya 1955, pihak wanita MCA turut ikut-serta dan membantu menjayakan pilihanraya tersebut. Gunn Chit Hwa merupakan wanita pertama bangsa Cina yang dipilih sebagai Ali Majlis Kerajaan Negeri Selangor (Dancz, 1987). Peranan dan keanggotaan wanita dalam MCA juga semakin meningkat setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Penglibatan wanita India dalam politik dijejaki bermula ketika Perang Dunia Kedua melalui penglibatan dengan Briged Rani Jhansi. Kebanyakan ahli MIC menyokong parti pelbagai kaum, iaitu Parti Kemerdekaan Malaya dan pernah bergabung dalam pakatan AMCJA. Janaki Thevar Nahappan dan Mrs Lobo daripada Singapura merupakan wanita yang terlibat dalam membentuk perlumbangaan MIC. Percubaan awal untuk membentuk seksyen wanita MIC pada tahun 1955, apabila 70 orang wanita daripada Brickfields menerima idea Devaki Krishnan yang merupakan ahli Parti Kemerdekaan Malaya dan Ahli Majlis Bandaran Bangsar ketika itu. Idea ini telah dianjurkan semasa mesyuarat pertama MIC Selangor oleh ahli-ahli wanita MIC. Dalam tahun tersebut, 11 cawangan seksyen wanita MIC telah dibentuk namun ia hanya terhad di Kuala Lumpur sahaja. Devaki meneruskan usaha beliau untuk meningkatkan kesedaran wanita dalam politik apabila beliau menyertai MIC pada tahun 1959 dan menjadi Ketua Wanita MIC pertama pada tahun 1975 (Dancz, 1987; Ng, Maznah Mohamad & Tan, 2006).

6.5 Kesimpulan

Penglibatan wanita dalam aktiviti politik dan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu semakin meningkat selepas Perang Dunia Kedua. Dalam menggerakkan dan menjana tenaga untuk menekan British pelbagai bentuk pergerakan antipenjajahan muncul sehingga British terpaksa mengisytiharkan darurat agar kepentingan mereka di Tanah Melayu tidak musnah seperti yang berlaku di India. Kaum wanita yang selama ini dianggap lemah turut sama berganding bahu bagi melancarkan penentangan terhadap British. Bagaimanapun wanita-wanita ini telah memberi kejutan kepada penjajah British apabila mereka keluar berdemonstrasi, menganjurkan perarakan raksasa malah turut terlibat dalam perjuangan gerila selepas British melancarkan gerakan besar-besaran memburu aktivis politik daripada haluan kiri. Mereka telah mengumumkan penentang

mereka sebagai pengganas dan melanggar undang-undang kerana bimbang meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Wujudnya perjuangan gerila ini membuktikan lahirnya perjuangan menentang penjajahan dan secara langsung mengakui kesahihan perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu (Furedi, 1999).

Pembentukan pergerakan wanita, kesatuan buruh dan penglibatan dalam perjuangan anti-penjajah telah melahirkan wanita yang lantang bersuara dan bertanggungjawab dalam memberikan kesedaran politik dan semangat nasionalisme dalam kalangan wanita. Sumbangan penting aktivis-aktivis wanita dalam perjuangan nasionalisme ialah menuntut hak samarata, menuntut keadilan buruh, mendedahkan penindasan berdasarkan kelas dan kesedaran politik. Terdapat aktivis nasionalisme wanita ini dipenjara dan diseksa dan dianggap sebagai pengkhianat kerana menentang kerajaan British di Tanah Melayu (Fail Khatijah Sidek, temubual 23 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur). Sumbangan-sumbangan ini membuktikan kesedaran feminis nasionalisme dan penglibatan secara langsung dalam gerakan antipenjajah telah wujud di Tanah Melayu.

Perjuangan aktivis wanita sama ada daripada pergerakan parti berhaluan kanan atau berhaluan kiri tetap menyumbangkan peranan penting dalam sejarah perjuangan nasionalisme tanah air. Mereka telah menggunakan pelbagai pendekatan agar suara wanita didengari dan wanita baru ini layak menerima pengiktirafan dalam perjuangan politik tanah air. Aktivis politik ini telah berjaya meletakkan identiti nasional sebagai asas perpaduan rakyat untuk menentang penjajahan. Aktivis daripada haluan kiri telah mengambil pendekatan radikal dalam menggerakkan identiti budaya untuk menanamkan semangat patriotik. Mereka telah mempromosikan pembaharuan pemikiran, pendidikan dan hak sama rata antara lelaki dan wanita. Manakala aktivis wanita haluan kanan menggunakan pendekatan maternal atau keibuan dalam identiti

mereka untuk berpolitik. Perjuangan politik diteruskan untuk menyediakan pendidikan lengkap, menjamin keselamatan dan memajukan generasi akan datang. Kaum ibu masih terikat dengan peranan mereka sebagai ibu untuk menjaga kebijakan tanpa menimbulkan konflik dengan pemerintah atau pelindung mereka. Kaum ibu menggunakan identiti dan kedudukan mereka bagi mengetengahkan serta mencapai agenda politik mereka.

Bab ini menunjukkan bahawa wanita sama ada daripada pergerakan politik berhaluan kanan dan parti berhaluan kiri berjuang untuk membebaskan negara daripada penjajahan. Mereka telah memilih untuk menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi dalam usaha mencapai kemerdekaan negara. Adalah jelas bahawa aktivis politik daripada pergerakan haluan kanan menggunakan pemikiran maternal sebagai strategi mereka, manakala aktivis daripada haluan kiri tidak menggunakan pendekatan ini tetapi mempunyai matlamat yang sama, iaitu membebaskan tanah air daripada penjajahan British.

BAB TUJUH

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa wanita-wanita di Tanah Melayu telah bergerak aktif dalam aktivisme sosial dan pergerakan nasionalisme sejak dari awal tahun 1920-an. Pada peringkat awal mereka terlibat dalam gerakan pembaharuan dan emansipasi wanita yang kemudiannya berubah kepada perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah British. Kegiatan gerakan reformasi dan menggelarkan mereka sebagai wanita baru, golongan ini menolak terhadap adat budaya yang memundurkan dan menyekat kemajuan wanita walaupun mereka menerima tantangan hebat daripada golongan konservatif.

Pendedahan dan pengaruh pergerakan nasionalisme dari negara luar seperti Indonesia, Mesir, Turki, China dan India telah memberi kesan kepada perjuangan golongan reformis dan nasionalis untuk mengubah budaya pemikiran masyarakat di Tanah Melayu. Penglibatan wanita dalam gerakan sama ada sebagai aktivis sosial, buruh dan politik tanpa mengira ideologi ini telah menyedarkan mereka tentang wanita dalam pendidikan dan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Golongan reformis juga menggalakkan penglibatan wanita dalam gerakan pembaharuan dan pemodenan masyarakat. Justeru itu, atas kesedaran ini mereka menyeru kepada perubahan masyarakat dengan menggalakkan penglibatan wanita dalam pendidikan, ekonomi dan politik. Maka adalah wajar untuk mengatakan bahawa telah wujud pertindihan antara gerakan reformis, pergerakan buruh dan pergerakan nasionalisme dengan pergerakan wanita.

Dalam proses menuntut perubahan ini pergerakan wanita di Tanah Melayu telah mengintegrasikan diri dalam dunia aktivisme dan pergerakan nasionalisme. Pada ketika ini mereka telah mempunyai sentimen feminis dan semangat nasionalisme. Aktivis-aktivis wanita ini telah mencabar tafsiran-tafsiran kolot serta kuno mengenai kedudukan wanita dalam Islam. Isu perubahan yang berkaitan dengan pendidikan, poligami, perkahwinan paksa, perkahwinan kanak-kanak dan isu perceraian yang mengetepikan keadilan terhadap wanita telah menjadi isu panas dalam majalah dan akhbar Melayu. Penglibatan wanita dalam aktivisme sosial ini telah menunjukkan bahawa isu-isu personal telah menjadi inspirasi penglibatan mereka dalam politik seperti yang ditekankan oleh sarjana feminis bahawa isu personal adalah politikal kepada wanita.

Pergerakan wanita pada masa itu juga dikenali sebagai Kaum Ibu, iaitu mereka menggunakan identiti sebagai ibu dan peranan wanita sebagai pelindung dan pendidik generasi akan datang sebagai cara mereka memasuki dunia politik. Pergerakan wanita dalam membicarakan tentang wanita, masyarakat akan mengaitkan tugasnya sebagai ibu yang melahirkan zuriat (*Bintang Malaya*, September 1941). Ibu dianggap sebagai acuan kaum yang bertanggungjawab mendidik, melahirkan pemimpin dan membangunkan masyarakat. Pemikiran maternal ini telah digunakan oleh wanita sebagai strategi dan pendekatan dalam aktivisme politik mereka. Wanita ditekankan sebagai guru pertama yang mendidik manusia, wanita yang menzahirkan lelaki berjaya sehingga dunia dianggap berhutang kepada wanita. Taraf dan nasib wanita selama ini telah direndahkan oleh kaum lelaki kerana cetek pemikiran mereka. Seorang penulis *Bulan Melayu* (1931) menegaskan bahawa kunci kehidupan berada di tangan seorang wanita. Justeru itu penting untuk wanita dihormati dan ditingkatkan status serta martabat mereka dalam masyarakat.

Pendekatan yang sama telah digunakan oleh pemimpin politik berhaluan kanan terutamanya Kaum Ibu UMNO yang mengambil pendekatan maternal dalam

meneruskan kesinambungan politik wanita. Ibu Zain, perintis Kaum Ibu UMNO menggunakan peranannya sebagai pendidik untuk menyemarakkan semangat nasionalisme di peringkat akar umbi. Pergerakan kaum ibu ini membuktikan semangat nasionalis bersifat feminis terutama dalam perjuangan meletakkan pendidikan sebagai alat terpenting untuk bebas daripada adat dan budaya yang memundurkan wanita. Pendidikan merupakan peluang awal yang digunakan oleh aktivis-aktivis wanita untuk menggerakkan kesedaran berorganisasi, mencetuskan semangat patriotik dan akhirnya berjuang dalam politik nasional bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Manakala bagi kaum Cina di Tanah Melayu, kesedaran pembebasan wanita dan nasionalisme berkaitrapat dengan revolusi politik yang berlaku di negara China. Pemimpin nasionalis dari China, Sun Yat Sen telah menggalakkan kaum Cina di seberang laut menyokong pergerakan emansipasi wanita dan menekankan hak-hak asasi wanita (Jayawardena, 1986). Di sini dapat ditegaskan bahawa semangat feminism telah melangkaui sempadan negara dan saling mempengaruhi masyarakat di negara mereka bermastautin. Aktivis-aktivis politik Cina yang berada di Tanah Melayu telah membentuk gerakan pelajar, termasuk pelajar perempuan untuk mempromosikan idea pembebasan wanita ini. Aktivis politik KMT dan PKM telah menerapkan gagasan emansipasi wanita melalui pendidikan formal dan pendidikan tidak formal iaitu sekolah malam yang dikhaskan untuk buruh-buruh yang buta huruf.

Selain pendidikan aktivis-aktivis wanita menggunakan akhbar, majalah dan penulisan kreatif sebagai saluran menyampaikan maklumat dan tujuan pendidikan. Strategi ini digunakan oleh semua kaum sebagai alat membangkitkan kesedaran dan membawa perubahan dalam masyarakat masing-masing. Ia juga menjadi alat untuk menyemarakkan semangat feminism dan nasionalisme dalam kalangan wanita di Tanah Melayu. Melalui penulisan ini wanita-wanita bersuara dan mengkritik adat budaya yang meminggirkan wanita serta merendahkan status wanita. Isu perendahan

wanita pernah menjadi perbahasan dalam akhbar dan majalah seperti *Bulan Melayu*, *Ibu Melayu*, *Kenchana*, *Yik Khuan Poh*, *Nanyang Critique* dan *Tamil Murasu*. Penulisan mereka memperkatakan pembebasan wanita, mengkritik sikap wanita yang enggan berubah, adat budaya yang mundur, sistem kelas dan feudalisme yang masih mencengkam pemikiran masyarakat. Mereka mengkritik masyarakat yang mengikut membuta tuli dan pemikiran konservatif yang menindas dan melarang wanita mendapat pendidikan. Bagi berhadapan dengan penentang pembaharuan aktivis-aktivis wanita ini muncul dengan slogan-slogan yang menggambarkan perjuangan mereka. Sebagai contoh, Pergerakan Persekutuan Perempuan Melayu Johor dan Pergerakan Kaum Ibu Pulau Pinang menggunakan slogan ‘Agama Dididik Moden Dibela’ (*Bulan Melayu*, 1932) bagi mempertahankan matlamat perjuangan mereka. Slogan ini menggambarkan bahawa mereka tetap mementingkan pendidikan agama walaupun mengambil pendekatan moden untuk membebaskan wanita daripada kejahanan yang membelenggu kehidupan mereka. Analisis ini menjelaskan bahawa walaupun pemodenan diterima tetapi identiti serta kepercayaan mereka masih kukuh sebagaimana yang ditegaskan oleh sarjana-sarjana Dunia Ketiga yang mengangkat perbezaan dan kelainan dalam perjuangan wanita (Mohanty, 1991; Jayawardena, 1986; Ng, Maznah Mohamed, tan beng hui, 2006).

Masyarakat tradisional di Tanah Melayu telah berubah disebabkan perkembangan kapitalisme yang disokong oleh British. Kemunculan gerakan wanita dan nasionalisme adalah hasil daripada undang-undang dan fleksibiliti yang diperkenalkan oleh British. Menurut Jayawardena (1986), kemunculan pergerakan feminism di Dunia Ketiga berlaku selari dengan kebangkitan kesedaran nasionalisme akibat daripada ketidakadilan dan eksloitasi buruh yang dilakukan oleh golongan pemodal. Namun begitu, emansipasi ini tidak mampu mencabar struktur sosial patriarki yang kukuh. Pembebasan wanita hanya berlaku dan penyertaan wanita dalam aspek

sosial, ekonomi dan politik tetapi secara budayanya mereka gagal menghapuskan sistem patriarki. Malah matlamat untuk wanita mencapai hak samarata dengan lelaki dalam politik masih melalui jalan yang sukar dan tidak mendapat sokongan. Pengalaman ini pernah dikongsi oleh Khatijah Sidek, bekas Ketua Ibu UMNO yang menerima tantangan hebat daripada perwakilan lelaki apabila membangkitkan usul agar kaum ibu diberikan beberapa kerusi dalam Pilihanraya Umum Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. Beliau telah dipecat daripada jawatannya kerana dianggap radikal dalam memperjuangkan hak wanita dalam politik.

Wanita turut memainkan peranan penting dalam gerakan buruh di Tanah Melayu. Aktivis wanita daripada gerakan haluan kiri menolak perkembangan imperialism dan meletakkan identiti nasional sebagai asas perpaduan rakyat untuk menentang penjajahan dan merombak struktur kapitalis. Dalam fasa pertama pergerakan wanita, mereka berjuang menerapkan pendidikan kepada masyarakat, isu kemiskinan, ketidakadilan sosial, eksloitasi pekerja untuk meningkatkan kesedaran politik dan nasionalisme. Gerakan ini telah menjadikan buruh sebagai agen penting dalam menentang penjajahan British di Tanah Melayu. Peningkatan jumlah buruh wanita dalam sektor ladang, perlombongan dan sektor industri telah mendedahkan wanita sebagai buruh murah yang mudah dieksplotasi. Perhubungan gender yang tidak seimbang semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia di antara tahun 1930-1933 telah dieksplotasi oleh pihak pemodal dan kerajaan British untuk memberikan kadar upah yang rendah kepada buruh wanita (Rohana Ariffin, 1997).

Ideologi patriarki telah digunakan oleh pihak majikan di mana buruh wanita dieksplotasi untuk melakukan kerja-kerja domestik yang tidak memerlukan latihan kemahiran. Malah bagi mengekalkan buruh-buruh wanita bekerja dalam industri pemprosesan dan perlombongan pihak majikan menetapkan kadar upah berasaskan turun-naik harga komoditi di pasaran. Pihak kerajaan British betindak mengawal harga

barang dan kadar kos hidup untuk mengekalkan buruh dalam kemiskinan dan mengambil wanita dan kanak-kanak bekerja ketika bekalan buruh dari China dan India dihentikan.

Perkembangan ini menunjukkan bagaimana adat budaya yang selama ini tidak membenarkan kaum wanita keluar dari rumah telah diubah mengikut keperluan dan kesesuaian ekonomi (Lee, 1989). Semasa zaman kemelesetan ekonomi dunia kaum wanita memainkan peranan dalam sektor ekonomi bagi menambah pendapatan keluarga. Buruh-buruh wanita India diletakkan dalam sektor perladangan seperti getah dan kopi, manakala buruh-buruh wanita Cina terlibat dalam sektor perladangan, perlombongan dan industri. Selain itu, buruh wanita juga telah dijadikan pekerja seks yang kebanyakannya dikawal oleh kumpulan kongsi gelap tempatan.

Bagaimanapun aktivis-aktivis wanita telah berjaya menyusup masuk sebagai pekerja untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik buruh. Mereka sedar melalui pengalaman peribadi bahawa hanya pendidikan dapat mengubah nasib bangsa dan mencabar kapitalis yang menindas kehidupan buruh. Aktivis wanita ini bertanggungjawab menanamkan kesedaran buruh tentang eksplotasi pekerja dan membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan buruh wanita. Buruh wanita telah bekerjasama dengan buruh lelaki untuk memprotes dan mengadakan bantahan yang turut disertai oleh pekerja lelaki dan kanak-kanak. Pihak buruh telah mengadakan rundingan dengan pihak majikan bagi membenarkan mereka membentuk organisasi yang mewakili suara buruh dan tidak melalui mandur atau kepala pekerja yang sering menindas serta mengeksplorasi mereka.

Pergerakan menuntut keadilan buruh akhirnya telah menyumbangkan kepada perjuangan nasionalisme dan memberi impak besar kepada penjajahan British di Tanah Melayu (Gamba, 1962; Stenson, 1970; Amaro, 1988). Pembentukan gabungan buruh

PMFTU pada tahun 1946, telah bergabung dengan PUTERA-AMCJA untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu merupakan kemuncak kepada pergerakan buruh. Kesatuan Buruh Malaya atau GLU telah menujuhkan sayap wanita, iaitu *Women's Associations* bagi membantu menyelesaikan masalah buruh wanita yang semakin memburuk selepas Perang Dunia Kedua. Semasa persidangan yang pertama di Singapura, GLU telah menekankan agar semua buruh tanpa mengenal nasionaliti, etnik dan gender perlu bersatu memperkuatkan gerakan buruh. Pihak British merasakan tindakan berani kesatuan buruh ini merupakan ancaman kepada pentadbiran mereka. Justeru itu, pihak British telah memperkenalkan Ordinan Kesatuan Buruh 1940 bagi memantau aktiviti-aktiviti buruh yang dipercayai menerima pengaruh PKM. Perhubungan baik antara buruh daripada pelbagai kaum membimbangkan British kerana solidariti yang ditunjukkan melalui aktiviti demonstrasi dan mogok mungkin boleh menular kepada sentimen anti-British (CO 273/662/10: *Despatch to Shenton Thomas to MacDonald*).

Kesan daripada kebangkitan kuasa buruh dan bentuk penentangan antipenjajah semakin meningkat pihak British telah mengisytiharkan Darurat pada tahun 1948 dan menahan pemimpin buruh, pemimpin nasionalis termasuk pemimpin wanita untuk menghalang kemaraan mereka dalam mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Pengisytiharan Darurat ini membenarkan pihak British melabelkan penentang mereka sebagai penganas dan pihak yang melanggar undang-undang. Tindakan ini merupakan tamparan hebat kepada aktivis antipenjajah berhaluan kiri yang tiba-tiba bertukar menjadi penjenayah atau penganas yang dikehendaki oleh pihak berkuasa (Furedi, 1994). Darurat merupakan satu undang-undang untuk mempertahankan kekuasaan British daripada penyokong nasionalis yang sering mengadakan demonstrasi dan bantahan terhadap British.

Walaupun menerima tekanan hebat dan pernah dipenjarakan semasa Darurat, aktivis-aktivis nasionalis wanita masih berjuang untuk meneruskan cita-cita untuk

memerdekaan tanah air daripada penjajahan British. Terdapat aktivis wanita ini memilih untuk berjuang secara radikal dan cenderung ke arah perjuangan secara gerila atau meneruskan perjuangan menuntut kemerdekaan dengan berunding secara aman dengan British. Shamsiah Fakeh, merupakan seorang ahli UMNO sebelum mengubah haluan ke politik berhaluan kiri. Beliau memimpin sayap wanita PKMM, iaitu AWAS yang telah diharamkan semasa pengisytiharan Darurat dan meneruskan perjuangannya dengan menyertai pasukan gerila yang digerakkan oleh PKM. Manakala Tan Sri Aishah Ghani pernah menyertai pergerakan politik berhaluan kiri, namun beliau memilih untuk berpolitik menggunakan pendekatan maternal yang bersifat sederhana dan menggunakan perundingan sebagai jalan penyelesaian. Hal yang sama turut berlaku kepada Khatijah Sidek yang memilih bersama UMNO untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dan menekankan hak-hak wanita dalam perjuangan politik. Walaupun parti UMNO yang dianggap menggunakan pendekatan sederhana, namun Khatijah tetap lantang lantang bersuara dalam menuntut hak-hak wanita. Beliau dianggap terlalu radikal dan memberi pengaruh buruk kepada wanita dalam pergerakan Kaum Ibu UMNO. Akhirnya dengan sokongan beberapa pemimpin UMNO dan pemimpin Kaum Ibu ketika itu, Khatijah telah dipecat daripada jawatannya sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO pada tahun 1956.

Manakala terdapat juga bekas pemimpin AWAS yang berjiwa radikal memilih untuk tidak menyertai pasukan gerila tetapi berjuang bersama-sama parti nasionalis moderat seperti PAS, Parti Sosialis Rakyat dan Parti Buruh. Selepas bekas pemimpin PKMM keluar daripada penjara mereka tetap aktif berpolitik, walaupun aktiviti parti-parti tersebut tidak mendapat sambutan hangat daripada masyarakat tempatan. Penglibatan wanita dalam politik nasionalis semakin meningkat apabila pihak British merancang pembentukan *Malayan Union*. Gagasan ini dilihat satu helah British untuk menjaga kepentingan British dan sekutunya di Tanah Melayu. Cadangan *Malayan*

Union dan taktik yang digunakan oleh British telah membangkitkan kemarahan majoriti orang Melayu. Ketika ini semua pemimpin elit dan pemimpin akar umbi, pemimpin wanita dari bandar dan desa-desa telah keluar membantah dan ikut serta dalam perhimpunan raksasa yang dianjurkan oleh pemimpin mereka. Bagi Sir Theodore Adams dan Gammons melahirkan rasa terkejut kerana wanita-wanita daripada desa telah meninggalkan rumah mereka, malah turut meninggalkan sifat lemah mereka untuk memprotes dan menyatakan bantahan mereka terhadap penubuhan *Malayan Union* (Dancz, 1987; Abdul Samad Idris, 1982).

